# LAPORAN TAHUNAN 2014

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



**PERPADUAN MENJAMIN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN**

INTEGRITI | KUALITI | INOVASI | PROFESIONALISME | ESPRIT de CORPS

LAPORAN TAHUNAN

# 2014

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



**PERPADUAN MENJAMIN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN**

INTEGRITI | KUALITI | INOVASI | PROFESIONALISME | ESPRIT de CORPS

# KANDUNGAN


**Perutusan**

YB. Menteri Dalam Negeri 4

Ketua Setiausaha 6

**Peneraju Organisasi**

Teraju Utama 8

Pengurusan Tertinggi 9

**Maklumat Korporat**

Carta Organisasi 18

Visi, Misi, Teras dan Objektif 20

Fungsi Kementerian 21

Piagam Pelanggan 22

## LAPORAN PENCAPAIAN

**Sektor Ketua Setiausaha**

Bahagian Penasihat Undang-Undang 23

Bahagian Perancangan Strategik 29

Bahagian Audit Dalam 41

Bahagian Komunikasi Korporat 45

Unit Intergriti 53

Institut Keselamatan Awam 57

**Sektor Keselamatan**

Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran 67

Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam 71

Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan 77

Bahagian Urusetia Lembaga Parol 81

Bahagian Kepenjaraan, Antidadah dan Pertahanan Awam 85

Bahagian Antarabangsa dan Sekretariat MAPO 91

Bahagian Bidang Keberhasilan Utama Negara 99

Bahagian Kepolisan dan Keselamatan Sempadan 105




**Sektor Pengurusan**

Bahagian Kewangan 115
Bahagian Akaun 121
Bahagian Pembangunan 129
Bahagian Perolehan 135
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia 139
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat 143
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset 149
Bahagian Parlimen dan Kabinet 159

**Sektor Operasi**

Bahagian Hal Ehwal Imigresen 163
Bahagian Pengurusan Pekerja Asing 167
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan 171

**Jabatan/Agensi**

Polis Diraja Malaysia 177
Jabatan Penjara Malaysia 187
Agensi Antidadah Kebangsaan 193
Jabatan Imigresen Malaysia 209
Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia 213
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia 223
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia 231
Jabatan Sukarelawan Malaysia 237




# PERUTUSAN Menteri Dalam Negeri

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1KDN.

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas kurniaan untuk terus melangkah ke tahun 2015. Tahun 2014 merupakan tahun yang mencabar buat Kementerian Dalam Negeri, namun begitu semua cabaran seperti gerakan himpunan jalanan serta tekanan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab terhadap pihak berkuasa melalui provokasi terlampau di alam maya berupaya ditangani sebaiknya.

Malahan berkat kesepaduan dan penghayatan nilai-nilai teras 1KDN seperti intergriti, inovasi dan profesionalisme dalam mengurus cabaran dan tekanan telah membawa kepada pembentukan beberapa polisi dan keputusan di luar kotak yang berjaya dilaksanakan sebagai langkah-langkah pencegahan yang berkesan.

Sebagai Menteri yang menerajui keselamatan dalam negeri, saya amat yakin bahawa setiap keputusan dan polisi yang diambil walaupun terdapat suara-suara yang melabelkannya anti-demokrasi sebenarnya adalah demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Nawaitu KDN tidak lain hanyalah untuk memastikan setiap lapisan masyarakat negara ini sentiasa berada dalam keadaan selamat, harmoni dan sejahtera. Saya percaya gejala tidak sihat terhadap perpaduan dan keharmonian sekiranya tidak ditangani dengan tegas boleh mengundang ancaman kepada keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam.

Tahniah atas komitmen, kerjasama dan sokongan setiap Bahagian/Jabatan/Agensi telah membolehkan cabaran-cabaran pada tahun 2014 diurus dengan bijaksana dan dihargai oleh masyarakat.

Oleh yang demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada *team* Pengurusan Tertinggi dan Ketua Jabatan/Agensi yang bekerja keras mengenalpasti KPI MDN dalam menurunkan kadar jenayah bagi tahun 2014. Daripada lima yang ditetapkan bagi GTP 2 (Program Transformasi Kerajaan) di bawah NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara) Mengurangkan Jenayah, sebanyak empat KPI didapati telah merekodkan pencapaian melebihi sasaran dengan prestasi keseluruhan melepasi aras kecemerlangan iaitu sebanyak 139 peratus.

Selain itu, pencapaian Jabatan Penjara Malaysia (JPM) mengawal kadar residivis (kemasukan berulang) di bawah paras sembilan peratus turut dibanggakan. Bagi aspek kewangan pula, keberkesanan inisiatif Projek Sara Diri JPM telah menyumbang kepada penjimatan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM909,787.00 melalui program penternakan ikan air tawar, pembuatan roti dan penanaman sayur-sayuran.

Di samping itu, ancaman Kumpulan Militan *Islamic State* (IS) tidak dinafikan turut memberi tempias cabaran dan tekanan kepada KDN. Susulan kepada pembentangan Kertas Putih 'Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan IS' di Dewan Rakyat oleh YAB PM, saya diberi mandat oleh Jemaah Menteri untuk mempengerusikan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi dan KDN menerajui kajian penggubalan satu Rang Undang-Undang (RUU) baru yang khusus dan berbentuk pencegahan,



Alhamdulillah walaupun sulit dan rumit namun dengan usahasama Kementerian/Jabatan/Agensi yang relevan seperti Kementerian Pertahanan, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara maka deraf RUU berkaitan Anti Keganasan dan Ektremisme telah dapat disediakan; dan telah dibentangkan di Parlimen pada sesi bulan Mac tahun 2015.

Di persada antarabangsa, KDN pada tahun 2014 turut menuai hasil dan mendapat pengiktirafan daripada pelaksanaan program/aktiviti di bawah konsep NBOS (Strategi Lautan Biru Kebangsaan) seperti mana galakkan kerajaan. Antara inisiatif kolaborasi yang membanggakan ialah pewujudan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) antara KDN (Bahagian NKRA), PDRM dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Inisiatif ini merupakan inovasi kaedah cerapan 14 jenis jenayah yang sistematik dan masa-nyata bagi penggunaan 1,300 anggota polis dari 413 Balai Polis dan 218 kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan. Ianya diiktiraf sebagai pertama di dunia dan dianugerahkan *Geospatical Excellence Awards* di Geospatical World Forum 2014 yang berlangsung di Geneva, Switzerland.

Akhir kata sesungguhnya saya amat berbangga dengan prestasi KDN tahun 2014 dan sukacitanyalah saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak di atas pencapaian ini. Ucapan terima kasih juga kepada Sidang Redaksi di atas usaha menjayakan penerbitan Laporan Tahunan KDN Tahun 2014. Semoga KDN meneruskan langkah dan tindakan kecemerlangan di tahun 2015 dan tahun-tahun yang mendatang. Wassallam.

**Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi**

# Perutusan Ketua Setiausaha

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia
dan Salam 1KDN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurniaNya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menempuhi tahun 2014 dengan penuh kegemilangan dalam melaksanakan semua peranan yang dipertanggungjawabkan. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan atas hidayahNya yang melorongkan komitmen tinggi bagi merealisasikan misi ke arah memastikan keselamatan dan keamanan dalaman negara Malaysia terjamin dan kesejahteraan rakyatnya terus terpelihara. Perasaan syukur turut dizahirkan bagi KDN atas untuk meneruskan khidmat bakti kepada negara di samping kejayaan mendokumenkan pelbagai pencapaian organisasi sepanjang tahun lalu menerusi penerbitan Laporan Tahunan 2014.

Alhmadulillah sepanjang tahun 2014, KDN bersama Jabatan/Agensi di bawah seliaanya melalui pelbagai cabaran dengan terus bersatu dan bertenaga melaksanakan peranan yang diamanahkan. Nilai-nilai teras yang dihayati 1KDN seperti profesionalisme dan semangat kerja berpasukan telah menjadi pemangkin kepada usaha KDN memperkasakan lagi aspek keselamatan dalaman negara di samping menyumbang bakti kepada kelangsungan kesejahteraan sosio-ekonomi-politik rakyat dan negara.

Kementerian juga telah berjaya menyempurnakan sasaran kerja tahunannya seperti yang dirancang dan turut memenuhi KPI tahun 2014 dengan pencapaian yang memberangsangkan. Tahun 2014 juga telah menyaksikan beberapa inisiatif yang telah meletakkan negara di mata dunia di dalam menangani jenayah rentas sempadan dengan terlaksananya program-program seperti Putrajaya Security Dialogue, ASEAN Workshop On Criminal Justice Responses To Trafficking dan pemeteraian Memorandum Persefahaman (Mou) Di Antara Kerajaan Malaysia Dengan Kerajaan Australia Dalam Bidang Jenayah Rentas Sempadan. Turut menjadi tumpuan pada tahun tersebut Lembaga Penapisan Filem telah menyambut ulangtahunnya yang ke 60 dan terus kekal relevan dalam era teknologi maklumat yang semakin mencabar ini.

Langkah Menteri Dalam Negeri (MDN) supaya diwujudkan manual komunikasi strategik sebagai halatuju 1KDN dalam mengurus isu-isu semasa ternyata meningkatkan lagi keupayaan organisasi amnya dalam membendung tendensi masyarakat membentuk persepsi negatif terhadap sesuatu peraturan atau undang-undang. Pelaksanaan inisiatif tersebut melalui urusan semakan penambahbaikkan prosedur operasi standard (SOP) telah menghasilkan SOP baru 'Manual Strategik Standard Bagi Komunikasi Krisis KDN'. Pemakaiannya telah mengurangkan kesan negatif seperti penyebaran berita palsu atau tidak benar menerusi media serta aplikasi sosial kerana isu-isu yang memberi kesan negatif kepada kesejahteraan negara yang tersebar melalui alam siber mampu ditangani dengan pantas dan berkesan. Ini sekaligus menyumbang kepada lonjakkan tahap apresiasi orang awam akan inisiatif ketenteraman awam yang diterajui KDN.

Selari dengan langkah kerajaan meletakkan aspek keselamatan sebagai agenda utama negara, saya amat bersyukur dengan langkah ke hadapan KDN untuk mengkaji semula pelan strategiknya dan seterusnya menghasilkan Pelan Strategik 2015 –

2020. Proses penggubalan pelan baru memberi penekanan pada lanskap keselamatan dalam negeri dan antarabangsa dengan mengambilkira senario serta cabaran semasa dan ekspekstasi perubahan tahun-tahun akan datang secara jangka pendek dan jangka panjang adalah satu lagi pencapaian memberangsangkan tahun 2014. *Blueprint* tersebut tidak syak lagi merupakan terjemahan komitmen dan ketersediaan KDN dalam memastikan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara adalah yang relevan dengan perubahan persekitaran dan keperluan masa kini serta kepentingan masa hadapan.

Pencapaian-pencapaian di atas merupakan antara deretan inisiatif kecemerlangan yang berjaya direalisasikan sepanjang tahun 2014, sekaligus mengukuhkan lagi asas organisasi KDN dalam menerajui ehwal keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam. Selain itu pelbagai lagi pencapaian khususnya dalam penyampaian perkhidmatan teras seperti kajian/ gubalan Rang Undang-Undang Anti Keganasan dan Ektremisme (POTA) turut diterokai KDN. Saya turut berbangga dengan setiap prestasi cemerlang berkat kepimpinan bertransformasi YB MDN serta keupayaan mantan Ketua Setiausaha YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid Hj. Shariff dalam menggarap dan menggemudi sumber secara bijaksana. Semoga prestasi dan semangat profesionalisme warga KDN bakal menjadi penanda-aras yang terbaik kepada Kementerian untuk terus berbakti dan berkhidmat bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia yang kita cintai.

Terima kasih dan semoga prestasi tinggi KDN dapat diulangi pada tahun 2015. Salam Hormat.




**Dato' Alwi bin Haji Ibrahim**

# TERAJU Utama



YB DATO' SERI DR.
AHMAD ZAHID HAMIDI
Menteri Dalam Negeri

YB DATO SRI DR. HAJI WAN
JUNAIDI TUANKU JAAFAR
Timbalan Menteri Dalam Negeri

# PENGURUSAN Tertinggi

DATUK HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pengurusan)

DATO' SRI MOHAMAD KHALID BIN HJ. SHARIFF
Ketua Setiausaha

DATO' WAHAB BIN MOHD YASIN
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)




DATO' ALWI BIN HAJI IBRAHIM
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan)

DATO' SRI ADENAN BIN AB. RAHMAN
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pembangunan & Perolehan)

DATO' WAN ALI BIN BESAR
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

# PENGURUSAN Tertinggi

**Sektor Ketua Setiausaha**

DATO' OTHMAN BIN YUSOF
Setiausaha Bahagian
Bahagian Penasihat Undang-Undang

JOHARI BIN ISMAIL
Ketua Audit Dalam
Bahagian Audit Dalam

MOHAMAD SOIB BIN HJ. ABDULLAH
Setiausaha Bahagian
Bahagian Unit Integriti




TANASENGRAN SINNATHAMBI
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik

NIK AHMAD KHUSAIRI BIN NIK IBRAHIM
Setiausaha Bahagian
Bahagian Komunikasi Korporat

DATO' DR. LEE BEE PHANG
Ketua Eksekutif
Institut Keselamatan Awam

# PENGURUSAN Tertinggi

Sektor Keselamatan

HASHIMAH BINTI NIK JAAFAR
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawalan Penerbitan Dan Teks Al-Quran

DATO' AWANG DIN BIN HUSAIN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam

MOHD ZAMBERI BIN ABDUL AZIZ
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan









# PENGURUSAN Tertinggi

Sektor Keselamatan

HAJI ALIAS BIN MAMAT
Setiausaha Bahagian Urusetia Lembaga Parol

SASIDHARAN A/L M.K NARAYANAN
Setiausaha Bahagian Bahagian Kepenjaraan, Anti Dadah Dan Pertahanan Awam

CHE MURAD SAYANG BIN RAMJAN
Setiausaha Bahagian Bahagian NKRA

NOOR AZHAR BIN MISTAR
Setiausaha Bahagian Lembaga Pencegahan Jenayah



# PENGURUSAN Tertinggi

Sektor Pengurusan

DATO' NOR ASHIKIN BINTI HAJI MD. SALIM
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

FARIDAH BINTI MAT ZIN
Ketua Akauntan
Bahagian Akaun

KAMARIAH BINTI MOHD NOAH
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan

ABD AZIZ BIN MD. NOR
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan



# Pengurusan Tertinggi

Sektor Pengurusan

ZULKIFLI
BIN RAHMAT
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia

HAJI SAADON BIN
HAJI OTHMAN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat
Pengurusan Dan Aset

AHMAD FUAD
BIN APANDI
Setiausaha Bahagian
Bahagian Suruhanjaya
Pasukan Polis
Urusetia Suruhanjaya



DATO' HAJI MOHMED
ROSLI BIN SAAD
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan
Maklumat

MUHAMAD SADE BIN
MOHAMAD AMIN
Setiausaha Bahagian
Bahagian Parlimen Dan
Kabinet

# PENGURUSAN Tertinggi

## Sektor Operasi

**SHAHRIL BIN ISMAIL**
Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen

**MOHD ZAMRI BIN MAT ZAIN**
Setiausaha Bahagian Pengurusan Pekerja Asing

**NOREHAN BINTI HAJI ABDULLAH**
Setiausaha Bahagian Pendaftaran Negara Dan Pertubuhan







# PENGURUSAN Tertinggi

Jabatan / Agensi

DATO' MUSTAFA BIN IBRAHIM
Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia

TAN SRI KHALID BIN ABU BAKAR
Ketua Polis Negara
Polis Diraja Malaysia



DATO' SRI HJ. ZULKIFLI BIN OMAR
Ketua Pengarah
Jabatan Penjara Malaysia

DATO' SUHAIMI BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan

DATO' ZAITUN
BINTI AB. SAMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Pertahanan
Awam Malaysia

MAAMOR
BIN CHE ALIAS
Pengurus Besar
Percetakan Nasional
Malaysia Berhad

MOHAMAD RAZIN
BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran
Pertubuhan Malaysia



LUKEMAN
BIN SAAID
Ketua Pengarah
Jabatan Sukarelawan
Malaysia

DATO' SULAIMAN
BIN KELING
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran
Negara Malaysia


MENTERI
YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
TIMBALAN MENTERI
YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar
KETUA SETIAUSAHA
Dato' Sri Mohamad Khalid Bin Hj. Shariff
PTD TURUS III / TURUS II
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI)
Dato' Wahab Bin Mohd Yasin
PTD UTAMA B
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (KESELAMATAN)
Dato' Alwi Bin Haji Ibrahim
PTD UTAMA A
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Dato' Othman Bin Yusof
PTD UTAMA B
PERANCANGAN STRATEGIK
Tanasengran Sinnathambi
PTD UTAMA C
AUDIT DALAM
Johari Bin Ismail
UTAMA C (W)
KOMUNIKASI KORPORAT
Nik Ahmad Khusairi Bin Nik Ibrahim
54 (T)
UNIT INTEGRITI
Mohamad Soib Bin Hj. Abdullah
P54
INSTITUT KESELAMATAN AWAM
Dato' Dr. Lee Bee Phang
YA24
HAL EHWAL IMIGRESEN
Shahril Bin Ismail
PTD UTAMA C
PENDAFTARAN NEGARA DAN PERTUBUHAN
Norehan Binti Haji Abdullah
PTD UTAMA C
PENGURUSAN PEKERJA ASING
Mohd Zamri Bin Mat Zain
M54
KAWALAN PENERBITAN DAN TEKS AL-QURAN
Hashimah Binti Nik Jaafar
PTD UTAMA C
KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
Dato' Awang Din Bin Husain
PTD UTAMA C
KAWALAN PENAPISAN FILEM DAN PENGUATKUASAAN
Mohd Zamberi Bin Abdul Aziz
PTD UTAMA C
URUSETIA LEMBAGA PAROL
Haji Alias Bin Mamat
M54
KEPENJARAAN, ANTI DADAH DAN PERTAHANAN AWAM
Sasidharan a/l M.k Narayanan
M54
ANTARABANGSA DAN SEKRETARIAT MAPO
Mohd Khair Razman Bin Mohammed Annuar
M54
NKRA
Che Murad Sayang Bin Ramjan
M54
KEPOLISAN DAN KESELAMATAN SEMPADAN MERANGKAP KETUA PENGARAH UNIT PENCEGAHAN PENYELUDUPAN
Dato' Ab. Rahim Bin Ismail
*Sehingga Oktober 2014
LEMBAGA PENCEGAHAN JENAYAH
Noor Azhar Bin Mistar
M48

# CARTA ORGANISASI
## Kementerian Dalam Negeri 2014

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (PENGURUSAN)**
Datuk Haji Hasim Bin Haji Ismail
PTD UTAMA A

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)**
Dato' Wan Ali Bin Besar
PTD UTAMA B

- **PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**
  Zulkifli Bin Rahmat
  PTD UTAMA C
- **PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
  Dato' Haji Mohmed Rosli Bin Saad
  KHAS C (F)
- **KHIDMAT PENGURUSAN DAN ASET**
  Haji Saadon Bin Haji Othman
  PTD UTAMA C
- **PARLIMEN DAN KABINET**
  Muhamad Sade Bin Mohamad Amin
  M54
- **SURUHANJAYA PASUKAN POLIS**
  Ahmad Fuad Bin Apandi
  M52

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (PEMBANGUNAN & PEROLEHAN)**
Dato' Sri Adenan Bin Ab. Rahman
PTD UTAMA A

- **KEWANGAN**
  Dato' Nor Ashikin Binti Haji Md. Salim
  PTD UTAMA C
- **AKAUN**
  Faridah Binti Mat Zin
  UTAMA C (W)
- **PEROLEHAN**
  Abd Aziz Bin Md. Nor
  PTD UTAMA C
- **PEMBANGUNAN**
  Kamariah Binti Mohd Noah
  PTD UTAMA C

- **POLIS DIRAJA MALAYSIA**
  Tan Sri Khalid Bin Abu Bakar
  UTAMA TURUS II
- **JABATAN PENJARA MALAYSIA**
  Dato' Sri Hj. Zulkifli Bin Omar
  UTAMA A ( T )
- **AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**
  Dato' Suhaimi Bin Abdullah
  UTAMA B ( T )
- **JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**
  Dato' Mustafa Bin Ibrahim
  PTD UTAMA B
- **JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**
  Dato' Sulaiman Bin Keling
  PTD UTAMA B
- **JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**
  Dato' Zaitun Binti Ab. Samad
  PTD UTAMA B
- **JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**
  Mohamad Razin Bin Abdullah
  PTD UTAMA C
- **JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA**
  Lukeman Bin Saaid
  M54
- **PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
  Maamor Bin Che Alias

## VISI
Peneraju Keselamatan Dalam Negeri

## MISI
Mentadbir Urus Keselamatan Dalam Negeri Untuk Menjamin Keamanan Dan Kesejahteraan Rakyat

## TERAS
INTEGRITI | KUALITI | INOVASI
PROFESIONALISME | ESPRIT de CORPS

# OBJEKTIF KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. Memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin dan terpelihara melalui kemantapan tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kecekapan pelaksanaan dasar-dasar bagi program-program yang berorientasikan perkhidmatan teras KDN. Pengukuran atau penilaian ini perlu berdasarkan indeks jenayah, penyalahgunaan dadah, penerbitan, filem, pertubuhan, kewarganegaraan, pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI).

2. Memastikan rakyat melibatkan diri dalam program-program kesedaran dan pencegahan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kesedaran dan penglibatan orang awam tentang kepentingan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

3. Meningkatkan keberkesanan program-program rawatan dan pemulihan bagi penagihan dadah dan pesalah undang-undang. Tindakan-tindakan pencegahan juga dilaksanakan untuk mempastikan apa jua niat jahat, ancaman musuh dan kacau bilau dapat dibendung.

4. Menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti secara cekap dan berkesan kepada pelanggan yang melibatkan urusan-urusan penting seperti pendaftaran pengenalan diri, pasport, pendaftaran pertubuhan, penerbitan, mesin cetak, agensi persendirian, senjata api, filem dan teks Al-Quran.

5. Menjalin kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) serta Badan-badan Antarabangsa yang terlibat untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

6. Memantapkan hubungan kerjasama dan kolaborasi dalaman antara Bahagian-Bahagian dan Jabatan / Agensi di bawah KDN.

7. Memantapkan mekanisme pentadbiran, sistem pengurusan kewangan, pembangunan sumber manusia, penggunaan ICT, perolehan dan pembangunan infrastruktur dalam menyumbang kepada usaha KDN seiring dengan kemajuan teknologi, pertumbuhan sosioekonomi dan keperluan negara semasa serta pencapaian matlamat Pelan Strategik Tujuh (7) Tahun KDN (2009 – 2015).

# FUNGSI KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Fungsi KDN boleh dirumuskan kepada 10 bidang utama, iaitu seperti yang berikut:

1. Keselamatan dan Ketenteraman Awam
   Memelihara, mengekal dan meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam daripada sebarang ancaman; dan menjalankan penguatkuasaan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri.

2. Hal Ehwal Pendaftaran
   Memastikan pengurusan daftar penduduk di negara ini teratur mengikut Perlembagaan negara.

3. Hal Ehwal Imigresen dan Pekerja Asing
   Memastikan pengurusan pengeluaran dokumen perjalanan, urusan keluar/masuk warganegara dan warga asing teratur serta pemberian pas yang bersesuaian kepada warga asing yang tinggal di negara ini selaras dengan akta dan peraturan imigresen.

4. Pengurusan Pertubuhan
   Memastikan pengurusan pendaftaran pertubuhan serta persatuan-persatuan teratur mengikut undang-undang berkuat kuasa sedia ada.

5. Pertahanan Awam
   Memantapkan pengurusan krisis dan bencana serta operasi menyelamat; dan meningkatkan penglibatan rakyat sebagai sukarelawan pertahanan awam dalam mencari dan menyelamat mangsa bencana.

6. Anti Dadah
   Meningkatkan usaha membanteras bekalan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah; dan meningkatkan keberkesanan pencegahan, rawatan dan pemulihan penagihan dadah.

7. Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran
   Mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti penerbitan, percetakan dan pengedaran bahan-bahan penerbitan; dan memastikan kesahihan dan mencegah penyelewengan teks dan bahan Al-Quran.

8. Kawalan filem
   Mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti penerbitan dan pengedaran filem.

9. Pengurusan Sukarelawan
   Memastikan pengurusan sukarelawan yang cekap bagi memelihara keselamatan dan kesejahteraan negara, di samping bertindak sebagai 'Mata dan Telinga' Kerajaan serta menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sosioekonomi setempat.

10. Pemulihan dan Pelaksanaan Hukuman
    Memastikan pelaksanaan hukuman dan penahanan yang selamat terhadap pesalah; dan meningkatkan keberkesanan program pemulihan terhadap pesalah.

# PIAGAM PELANGGAN KEMENTERIAN

Kementerian Dalam Negeri berjanji dan beriltizam memberikan perkhidmatan secara profesional dan berkualiti seperti berikut:

1. Mengurus dan mengeluarkan keputusan Permit Penerbitan, Penapisan Filem dan Agensi Persendirian.

    a. Mengeluarkan keputusan permohonan baru permit penerbitan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan lengkap.

    b. Mengeluarkan keputusan tapisan filem sinematografi dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan lengkap.

    c. Memproses permohonan pembaharuan Lesen Agensi Persendirian dalam tempoh 1 bulan bekerja dari tarikh penerimaaan permohonan lengkap.

2. Memaklumkan keputusan permohonan Pekerja Asing, Permit Masuk, Pegawai Dagang dan Kewarganegaraan.

    a. Mengeluarkan keputusan permohonan pengambilan pekerja asing di Pusat Kelulusan Setempat yang lengkap diterima pada hari yang sama.

    b. Mengeluarkan akuan penerimaan kepada pemohon mengenai permohonan rayuan permit masuk dalam tempoh 14 hari bekerja dan tarikh penerimaan permohonan lengkap.

    c. Mengeluarkan keputusan permohonan Pegawai Dagang untuk syarikat media asing dalam tempoh 21 hari bekerja dan tarikh penerimaan permohonan lengkap.

    d. Mengeluarkan keputusan terhadap permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang telah diputuskan oleh YB. Menteri Dalam Negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan dalam tempoh 40 hari bekerja

3. Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Pelanggan

    a. Memberikan jawapan maklum balas aduan awam dalam tempoh 14 hari bekerja.

# PENASIHAT UNDANG-UNDANG

# PENGENALAN

Bahagian Penasihat Undang-undang (BPU) dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia dan menangani semua isu melibatkan undang-undang di bawah bidang tanggungjawab KDN. BPU juga berperanan memberi khidmat nasihat perundangan kepada 26 Bahagian dan 9 Agensi di bawah KDN bagi semua isu perundangan yang berbangkit.

BPU terdiri daripada Peguam Kanan Persekutuan dan Peguam Persekutuan yang antara lain bertanggungjawab mengendalikan kes-kes Mahkamah yang mana melibatkan KDN termasuklah kes-kes Sivil dan juga kes-kes permohonan *Habeas Corpus* (sebanyak 222 kes, lihat Jadual 2 m.s 27).

BPU juga terlibat dengan penyediaan dan semakan semua draf perjanjian serta sebarang instrumen perundangan yang berkaitan.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## • Perundangan Utama

KDN telah berjaya membentangkan beberapa undang-undang di bawah bidang kuasa di Parlimen pada tahun 2014 dan undang-undang tersebut telah pun dikuatkuasakan. Undang-undang tersebut adalah:

A Akta Bahan-Bahan Kakisan Dan Letupan Dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2014 [A1463];

B Akta Penjara (Pindaan) 2014 [A1460];

C Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan Dan Pemerluasan) 2014 [A1459];

Selain itu KDN melalui BPU juga sedang menyemak dan meneliti beberapa undang-undang lain di bawah bidang kuasa KDN yang dicadangkan digubal dan dipinda.

## • Perundangan Subsidiari

Selain perundangan utama, BPU juga bersama-sama dengan Bahagian/Jabatan/Agensi yang terlibat di bawah KDN telah berjaya mewartakan pelbagai perundangan subsdiari antaranya adalah:

D Draf pelantikan Anggota Lembaga Hakim Pelawat Penjara dan Pusat Pemulihan Akhlak bagi tahun 2015 hingga 2016 meliputi:

- a Penjara Negeri Kelantan
- b Penjara Negeri Sarawak
- c PPA Negeri Kelantan
- d Penjara Negeri Johor
- e Penjara Negeri Sembilan

E Perintah Larangan di bawah seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (dalam semakan Jabatan Peguam Negara/yang telah diwartakan). Antara tajuk-tajuknya adalah:

- a Nasi Goreng: *Young, Malay, Fanatic, Skinheads*
- b Psiko
- c Sekitar Masalah Thariqat (naqsyabandiyah)
- d Meniti Jalan Hidayah Menuju Toriqah Khotmul-Auliya
- e Sakit Apakah Ubatnya? Penelitian Daripada Al-Quran dan Hadis
- f 55 Dongeng Teladan Untuk Anak Muslim
- g Misteri Aneh dan Ganjil Bukti Keagungan Allah
- h *Kissing Cousins? Christians And Muslims Face To Face*
- i *A Treasury Of Asian Literature*
- j *What When Wrong? The Clash Between Islam and Modernity In The Middle East*
- k Mencontohi Para Wali

- l Syi'ar (Manifestasi Tuhan Dalam Wanita)
- m Meraka Adalah Teroris!
- n *Lesbian Sex Positions 100 Passionate Positions From Intimate and Sensual To Wild and Naughty*
- o *Sexual Intimacy For Women A Guide For Same-Sex Couples*
- p *The Whole Lesbian Sex Book A Passionate Guide For All Of Us*
- q Ibnu Taimiyah: Rekam Jejak Sang Pembaharu
- r Kitab Berlian Syahadat
- s Sejarah Sheikh Abdul Wahab Tuan Guru Babussalam

F Pewartaan Perintah Fi (Pasport Dan Visa) (Peremitan Fi) 2015 Dan Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Diplomat Dan Konsul (Sumpah dan Fi) (Perimitan Fi) 2015.

G Pewartaan Pengecualian daripada perenggan 5(1)(A) dan (B) dan subseksyen 3(2) di bawah Akta Senjata 1960 bagi tujuan Pameran Lima Di Mahsuri International Exhibition Centre, Langkawi oleh Syarikat Jim Project & Expo Logistic (M) Sdn. Bhd.

H Pewartaan Perintah di bawah seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 [Persatuan Aspirasi Rakyat Sarawak (SAPA)].

I Pewartaan Perintah di bawah seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 (Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang) (PPS)

J Pewartaan Lokap meliputi:

- a Balai Polis Pagoh, Muar Johor
- b Balai Polis Kampung Baru Subang
- c Balai Polis Sungai Buloh, Selangor
- d SPRM Kuching Sarawak
- e SPRM Crystal Bay, Alai Melaka
- f Balai Polis Cherating, Kuantan Pahang
- g Berpusat PDRM, Bandar Indera Mahkota, Pahang
- h Balai Polis Kelapa Sawit, Kulai Jaya Johor

K Pewartaan Persempadanan Semua Daerah Polis Ipoh, Perak kepada dua (2) Daerah.

L Draf Pewartaan Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (Pengisytiharan Entiti Ditentukan Dan Kehendak Untuk Melapor) (Pindaan) 2014.

M Draf Pelantikan Pengerusi dan Anggota Lembaga Pelawat Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN).

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

KDN melalui BPU juga membuat semakan ke atas draf dokumen kontrak (Jadual 3 m.s 28) seperti Draf Kontrak Sewaan Bangunan, Draf Kontrak Pembekalan, Draf Kontrak Perkhidmatan, Draf Kontrak Perjanjian Penyewaan (Jadual 1 m.s 27), untuk memastikan dokumen kontrak tersebut teratur dan lengkap sebelum ditandatangani oleh pihak Kerajaan dengan pihak ketiga.

Selain itu, BPU telah melaksanakan dua (2) Kursus iaitu kursus Penambahbaikan Terhadap Penyediaan Kes Habeas Corpus pada 21 hingga 23 Februari 2014 dan Kursus Pemantapan Pasukan Undang-Undang pada 5 hingga 7 September 2014 melibatkan semua Pegawai Undang-Undang di Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KDN.

Antara program yang dilaksanakan semasa kursus adalah Program Kemasyarakatan, Aktiviti Ramah Mesra bersama Penghuni Sekolah Henry Gurney di Telok Mas Melaka.

Program ini bertujuan untuk membuat aktiviti kumpulan bersama antara Pegawai dan Kakitangan KDN serta penghuni Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka dan ianya sedikit sebanyak membantu mengurangkan rasa rendah diri mereka di samping berazam untuk memperbaiki diri agar boleh diterima masyarakat luar kelak.

Antara aktiviti yang dijalankan semasa di Sekolah berkenaan adalah aktiviti *in door* antara pelajar Sekolah Henry Gurney dengan Pegawai/ Kakitangan. Sepanjang tempoh aktiviti, semua pelajar dan Pegawai Penyelia Sekolah memberi kerjasama serta dilaksanakan dengan jayanya.



*Program aktiviti beramah mesra bersama penghuni Sekolah Henry Gurney di Telok Mas Melaka*



*Program aktiviti beramah mesra bersama penghuni Sekolah Henry Gurney di Telok Mas Melaka*



*Barisan Pegawai dan Kakitangan Perundangan Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KDN bersama Pegawai Penjara di Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka*

## Statistik Semakan Draf Perjanjian

Antara kes-kes bicara yang melibatkan KDN adalah:

a Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316);

b Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297);

c Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 (Akta 283); dan

d Kes Sivil (Pemotongan Kaveat Atas Tanah Kerajaan).




*Jadual 1 : Stastistik Semakan Draf Perjanjian Tahun 2014*

## Statistik Kes Habeas Corpus Yang Dikendalikan




*Stastistik Kes Habeas Corpus Tahun 2014*

## Statistik Pandangan Undang-Undang




*Jadual 3: Stastistik Semakan Draf Kontrak Tahun 2014*

# PENUTUP

Impak keseluruhan daripada pelaksanaan program/ aktiviti/ dasar dalam organisasi adalah mengukuhkan perundangan sedia ada di KDN agar undang-undang yang diwujudkan dilaksana dengan baik serta dipatuhi bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat dan kemakmuran negara Malaysia.

# PERANCANGAN STRATEGIK

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Perancangan Strategik (PG) secara berpusat merangka ehwal strategik organisasi di samping memantau prestasi dan membuat penilaian samada secara berjadual. Antara lainnya aktiviti ini melibatkan penyediaan hala tuju strategik KDN untuk jangka masa pendek, sederhana dan jangka panjang serta menggubal keputusan-keputusan strategik yang sesuai dilaksanakan oleh KDN.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- **Sesi Cabinet Away Day Dan PM-Minister Year End Review**

PM-Minister *Year End Review* Pencapaian KPI Menteri Dalam Negeri tahun 2013 telah diadakan pada 6 Februari 2014 bertempat di Pejabat YAB PM. Manakala, pada 18 Februari 2014 pula telah







berlangsung Majlis *Cabinet Away Day* (CAD) di Seri Perdana. Majlis ini merupakan platform khusus untuk semua ahli Kabinet memaklumkan kemajuan GTP dan ETP serta memberi pandangan dan ulasan ke atas pencapaian KPI tahun 2013 serta penetapan KPI tahun 2014 dari rakan sebaya (*Peer Review*).

CAD KDN dihadiri oleh Datuk Dr. Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Ja'afar, YB.Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ketua Setiausaha KDN, YBhg. Dato' Mohamad Khalid bin Hj. Shariff serta Encik Tanasengran Sinnathambi, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik (SUB PG) selaku urusetia KPI Menteri Dalam Negeri.

## ● Mesyuarat Perancangan Strategik 2014

Mesyuarat Perancangan Strategik KDN 2014 ini telah diadakan pada 13 hingga 15 Februari 2014 bertempat di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

Menteri Dalam Negeri turut hadir ke sesi pembukaan mesyuarat tersebut bagi menyampaikan amanat dan kata-kata aluan.

Mesyuarat diadakan bertujuan untuk membincangkan hala tuju serta fokus utama setiap Bahagian dan Jabatan bagi tahun 2014 sekaligus mendapatkan input bagi penyediaan Pelan Strategik KDN 2014 – 2020.

Pada 11 hingga 13 Disember 2014, Mesyuarat Perancangan Strategik Kementerian Dalam Negeri 2014/2015 telah diadakan di Hotel The Royale Bintang Spa & Resort, Seremban dan dihadiri Seramai 48 pegawai Pengurusan Tertinggi bagi meneliti pencapaian

Mesyuarat Pelan Strategik dan Pelan Transformasi Kementerian Dalam Negeri 2015 – 2020 telah di adakan di The Royale Bintang, Seremban pada 28 Mei hingga 31 Mei 2014. Mesyuarat ini dihadiri oleh ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi, dan pegawai-pegawai kanan Bahagian/Jabatan/Agensi. Jumlah kehadiran adalah seramai 80 orang.

Objektif mesyuarat adalah untuk memantapkan dan mengukuhkan hala tuju dan Pelan Strategik KDN bagi jangka masa pendek dan panjang. Mesyuarat ini juga diadakan bertujuan untuk menerangkan pelaksanaan penstrukturan semula Kementerian secara keseluruhan dan juga menjelaskan pelaksanaan *Outcome Based Budgeting* (OBB) kepada setiap Ketua Jabatan/ Setiausaha Bahagian bagi memastikan permohonan peruntukan adalah berdasarkan *output* dan *outcome* Kementerian.



## ● Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan

Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) atau *Business Continuity Management* telah diwujudkan di KDN pada Julai 2013 selaras dengan arahan Ketua Pengarah MAMPU. PKP amat penting bagi memastikan perkhidmatan dapat diteruskan walaupun dalam keadaan bencana atau gangguan seperti kebakaran, wabak dan rusuhan. Dalam hal ini, KDN merupakan sektor yang mudah terdedah kepada risiko ini dan kelangsungan perkhidmatan penting dalam terus menjamin keselamatan dan kesejahteraan dalam negara.



Jawatankuasa Pemandu PKP KDN dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Pengurusan [TKSUK (P)], YBhg. Dato' Daud bin Tahir telah bersidang kali pertama bagi tahun 2014 iaitu pada 7 Februari 2014. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memastikan kelancaran pelaksanaan PKP, memantau dan menilai keberkesanan PKP di KDN serta di Jabatan dan Agensi.

Bagi memantapkan perancangan dan pelaksanaan PKP KDN, Bengkel Retreat PKP KDN telah diadakan pada 23 Januari 2014 di INTAN Bukit

Kiara. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh semua pasukan PKP KDN iaitu Koordinator dan Penyelaras, Pasukan Tindak Balas Bencana [*Emergency Response Team (ERT)*], Pasukan Pemulihan Bencana [*Disaster Recovery Team (DRT)*] dan Pasukan Komunikasi Krisis [*Crisis Communication Team (CCT)*]. Bahagian Audit Dalam juga menghadiri bengkel tersebut sebagai penasihat pasukan PKP KDN.

Seterusnya, pasukan PKP KDN serta wakil ahli PKP daripada setiap Jabatan diperkukuhkan lagi dengan program Kursus Dalaman ISO 22301: *Business Continuity Management System* (BCMS) pada 25-27 Ogos 2014. Kursus ini merupakan salah satu daripada sesi latihan berterusan kepada ahli-ahli pasukan PKP agar sentiasa bersedia memastikan perkhidmatan yang berterusan meskipun berada dalam keadaan bencana.

Kursus ini berjaya memberi pemahaman mengenai BCMS atau PKP berdasarkan piawaian antarabangsa yang baru diperkenalkan iaitu ISO 22301 bagi menggantikan BS22999 yang sedia ada. Kursus ini juga sebagai salah satu persediaan KDN menuju pensijilan ISO 22301 yang akan memberi keyakinan kepada orang awam bahawa perkhidmatan kritikal KDN masih dapat diteruskan walau pun dalam keadaan bencana.

Para peserta diberi pendedahan terperinci mengenai 10 klausa yang terkandung dalam ISO 22301 oleh Puan Kavitha Muthy dari Asia iKnowledge Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan perunding di HeiTech Padu Berhad dan berkelayakkan *Certified Business Continuity Professional (CBCP).*

Bengkel Semakan Pelan PKP KDN juga telah dijalankan pada 24 hingga 25 Jun 2014 dan dihadiri oleh Pasukan ERT, Pasukan DRT dan Pasukan CCT. Pelan-pelan PKP KDN telah dibuat pindaan berdasarkan penemuan audit *Information Security Management System (ISMS)* dan keperluan semasa. Hasil daripada bengkel ini, pindaan pelan telah dibentangkan dan disahkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PKP KDN Bil. 3/2014 yang dipengerusikan oleh TKSUK(P) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemandu PKP KDN.



- ## Jawatankuasa Kerja Teknikal Keselamatan Awam dalam Penyediaan RMKe-11

Unit Perancang Ekonomi (UPE) JPM telah memulakan kerja-kerja penyediaan Rancangan Malaysia Ke-11(RMKe-11) 2016 - 2020 di mana *Inter-Agency Planning Group (IAPG)* bagi setiap teras dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Teknikal [(*Technical Working Group (TWG*)] telah ditubuhkan. Seterusnya, KDN telah dilantik bagi mengetuai Jawatankuasa Kerja Teknikal Keselamatan Awam di bawah Teras Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat.

Mesyuarat TWG Keselamatan Awam kali pertama telah diadakan pada 3 hingga 5 April 2014 bertempat di Hotel Flamingo, Ampang. Mesyuarat ini diadakan bagi menyediakan strategi keselamatan awam bagi RMK-11. Seramai 110 orang peserta melibatkan 46 Kementerian, Jabatan dan Agensi telah hadir.

Pelbagai isu keselamatan telah dibincangkan yang merangkumi beberapa topik utama tentang keselamatan awam seperti *Public Security, Defence, Public Readiness, Volunteerism & Service Delivery* dan *Public Safety*.

Hasil Mesyuarat TWG Keselamatan Awam tersebut telah dibentangkan kepada Mesyuarat IAPG Bil. 2/ 2014 pada 16 – 17 April 2014 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral), UPE JPM. Susulan itu, Mesyuarat TWG Keselamatan




*3 – 5 April 2015 : Mesyuarat Technical Working Group Public Safety Penyediaan RMKe-11 Siri ke-1*

Awam Siri Ke-2 telah diadakan di Guest Hotel & Spa, Negeri Sembilan pada 15 – 17 Mei 2014 bagi memperincikan intipati dan penulisan kertas strategi keselamatan awam. Seramai 60 peserta melibatkan 28 Kementerian, Jabatan dan Agensi telah hadir.

Mesyuarat bersama pihak EPU JPM telah diadakan pada 9 September 2014 bagi membincangkan draf Kertas-kertas Strategi yang telah dibentangkan oleh pihak EPU JPM kepada YAB PM. Melalui mesyuarat tersebut, YAB PM menggagaskan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan [*National Blue Ocean Strategy (NBOS)*] iaitu *low cost, high impact* dan *rapid execution* untuk diterapkan dalam setiap strategi RMKe-11.






*Mesyuarat Technical Working Group Public Safety dalam Penyediaan RMKe-11 Siri ke-2*

Rentetan itu, sebuah bengkel Jawatankuasa Kerja Teknikal Keselamatan Awam [*Technical Working Group (TWG) Public Safety*] dalam penyediaan RMKe-11 2016-2020 siri ke-3 telah diadakan pada 26 September 2014 bertempat di Dewan Gemilang, Kementerian Dalam Negeri. Bengkel ini telah dihadiri oleh 70 orang pegawai daripada pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi yang menjadi ahli TWG *Public Safety*.

Tujuan utama bengkel adalah untuk mengukuhkan Kertas Strategi TWG *Public Safety* menggunakan pendekatan NBOS di mana salah satu kaedah NBOS iaitu *Strategy Canvas* digunapakai bagi menterjemahkan hala tuju lapan (8) strategi keselamatan awam yang telah dipersetujui oleh YAB PM.

Bengkel diakhiri dengan sesi pembentangan hasil daripada perbincangan kumpulan *Public Safety* dan *Public Security* yang dihadiri oleh TKSU Kanan (Pembangunan & Perolehan), YBhg. Dato' Adenan Ab. Rahman dan TKSU (Pengurusan), YBhg. Dato' Wan Ali Besar serta wakil EPU JPM.




*26 Sept 2014 : Bengkel Technical Working Group Public Safety dalam Penyediaan RMKe-11 Siri ke-3*

## Lab Transformasi Perkhidmatan Awam

Lab Transformasi Perkhidmatan Awam bagi KDN diadakan di INTAN Kampus Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada 22 hingga 25 April 2014. Seramai 45 peserta telah hadir mewakili Bahagian/Jabatan/ Agensi masing masing.

Sesi lab dimulakan dengan amanat dan penerangan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal mengenai tranformasi yang telah dirangka oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau menyeru para penjawat awam supaya tidak lagi melaksanakan tugas secara *business as usual*, tetapi perlu memikirkan cara penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

Peserta-peserta telah dibahagikan kepada 5 kumpulan selaras dengan 5 teras strategik JPA yang terdiri daripada Mendaya Upaya Bakat, Merekayasa Organisasi, Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan, Merangkum & Sepunya, dan Membudaya Nilai bagi menyediakan langkah strategik masing-masing berlandaskan 5 teras strategik Perkhidmatan Awam. Hasil perbincangan kumpulan telah dibentangkan pada sesi terakhir dan dihadiri oleh KSU KDN.






*25 April 2014 : Sesi pembentangan Lab Transformasi Perkhidmatan Awam*

## Lab Transformasi

Lab Transformasi Kementerian Dalam Negeri Siri 2 telah diadakan di Puteri Resort, Ayer Keroh Melaka pada 22 Mei hingga 24 Mei 2014. Lab ini adalah susulan daripada Lab Transformasi Perkhidmatan Awam yang telah di adakan di INTAN Kampus Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada 22 April hingga 25 April 2014. Sesi ini melibatkan seramai 45 orang peserta dari setiap Bahagian/Jabatan/Agensi dan turut dihadiri oleh En. Ridzuan Kushairi Bin Mohd Ramli, Perunding Latihan Kanan Sub Kluster Ekonomi Regulatori INTAN yang bertindak sebagai fasilitator untuk membantu para peserta program.

Lab ini dimulakan dengan sesi taklimat mengenai perjalanan program dan juga pembentangan Pelan Transformasi KDN oleh SUB PG. Aturcara lab






*24 Mei 2014 : Bengkel Transformasi KDN*

melibatkan perbincangan kumpulan berteraskan lima (5) teras strategik Perkhidmatan Awam.

Pada sesi terakhir lab, setiap kumpulan membentangkan langkah-langkah strategik dan inisiatif-inisiatif strategik bagi setiap teras. Majlis ditamatkan dengan sesi penyampaian sijil kepada para peserta oleh SUB PG.

## • Perancangan Pelan Transformasi Dan Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri

Pada Bulan Julai hingga September 2014, Bahagian PG telah mengkordinasi pelaksanaan bengkel Pelan Transformasi dan Pelan Strategik yang telah diadakan oleh Jabatan/ Agensi di bawah KDN:

- PENJARA: pada 21 hingga 23 Julai 2014 bertempat di Akademi Koreksional Langkawi, Pulau Langkawi, Kedah;
- JPN: pada 22 hingga 24 Ogos 2014 bertempat di Hotel Granada, Johor Bahru, Johor;
- RELA: pada 3 hingga 4 September 2014 bertempat di IPRM, Putrajaya;
- JIM: pada 4 hingga 7 September 2014 bertempat di Grand Paragon Hotel, Johor Bahru, Johor;
- PDRM: pada 8 hingga 10 September bertempat di Pusat Latihan Polis Semenyih, Kajang, Selangor dan pada 17 hingga 19 September 2014 bertempat di Mes Pegawai PDRM, Kangar, Perlis;
- AADK: pada 21 – 23 September 2014 bertempat di Kelana Resort, Seremban, Negeri Sembilan; dan
- JPPM: pada 28 hingga 30 September 2014 bertempat di Awana Genting Hotel, Pahang.

Bengkel-bengkel Pelan Transformasi dan Pelan Strategik ini bertujuan menyediakan Pelan Transformasi dan Pelan Stategik Jabatan/ Agensi masing-masing selari dengan Pelan Transformasi dan Pelan Strategik KDN 2015-2020 mengikut arahan KSU KDN.

Bengkel Pelan Transformasi dan Pelan Strategik Jabatan/Agensi ini melibatkan tiga (3) siri dalam tempoh dua (2) bulan di mana:

- Siri Pertama diperuntukkan untuk penyediaan pelan induk Transformasi dan Pelan Strategik Jabatan;
- Siri Kedua dikhaskan untuk sesi pemurnian dan perincian Pelan Transformasi dan pelan Strategik; dan
- Siri Ketiga bagi pengesahan dan persetujuan pengurusan tertinggi Jabatan.

Siri pertama pelan Transformasi dan pelan Strategik Jabatan selesai pada bulan pertengahan bulan Oktober dengan berakhirnya bengkel JPAM yang diadakan pada 14 hingga 16 Oktober 2014 dan JPN telah mengadakan Bengkel Pelan Transformasi dan Pelan Strategik bagi siri kedua pada 10 – 11 September 2014.

### Bengkel Pelan Transformasi Dan Pelan Strategik



*PENJARA: 21 - 23 Julai 2014 bertempat di Akademi Koreksional Langkawi, Pulau Langkawi, Kedah*



*JPN : 10 - 11 September 2014 bertempat di Dewan Balora Perdana, Putrajaya*



*RELA: 3 - 4 September 2014 bertempat di IPRM, Putrajaya*




*JIM: 4 - 7 September 2014 bertempat di Grand Paragon Hotel, Johor Bahru, Johor*



*PDRM: 8 - 10 September bertempat di Pusat Latihan Polis Semenyih, Kajang, Selangor dan pada 17 hingga 19 September*



*AADK: 21 – 23 September 2014 bertempat di kelana Resort, Seremban, Negeri Sembilan*



*JPPM: 28 - 30 September 2014 bertempat di Awana Genting Hotel, Pahang*

## Bengkel Pemantapan Minda Strategik 2014

Bengkel Pemantapan Minda Strategik 2014 diadakan pada 3 hingga 6 November 2014 bertempat di Hotel Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan dan dihadiri oleh seramai 62 orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dasar, perancangan strategik, penyediaan KPI atau pelaksanaan operasi di Bahagian/ Jabatan/ Agensi masing-masing. Objektif Bengkel adalah:

- Menerapkan dalam set minda setiap pegawai mengenai kepentingan berfikiran secara strategik;
- Memberi panduan bagaimana seseorang pegawai yang berkaliber dan mempunyai strategi dapat memenuhi keperluan semasa di dalam sesebuah organisasi;





- Mendedahkan peserta supaya lebih peka kepada perubahan-perubahan persekitaran semasa;
- Mendedahkan latihan dan amalan yang praktikal kepada peserta bagi kursus menghasilkan pelan strategik kepada Kerajaan dengan memberi fokus kepada elemen pemikiran strategik dalam pelbagai bidang tugas;
- Menjana pemikiran ke arah minda keselamatan, keamanan dan kesejahteraan dalam setiap diri pegawai KDN; dan
- Menyediakan pegawai dengan menerapkan budaya kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah Wawasan 2020.



## • Mesyuarat Pencapaian KPI KDN Suku Tahun Ketiga 2014

Mesyuarat Pencapaian KPI KDN Suku Tahun Ketiga 2014 diadakan pada 20 November 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Kementerian Dalam Negeri.

Mesyuarat ini adalah bertujuan bagi memantau dan menyelaras pencapaian KPI Bahagian/ Jabatan/ Agensi bagi suku tahun ketiga Julai hingga September 2014 serta meneliti cadangan KPI KDN tahun 2015 bagi setiap Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KDN.



## • Komunikasi Cukai Barang Dan Perkhidmatan

Selari dengan dasar dan hasrat kerajaan untuk menguatkuasakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) mulai 1 April 2015, KDN telah menggerakkan penyampaian maklumat GST kepada semua lapisan warga kerja. Sehubungan itu, beberapa program komunikasi dalaman bermatlamat untuk memberikan kefahaman dan penerangan GST kepada warga KDN telah dilaksanakan dari bulan Ogos hingga Disember 2014.

Seramai 16 pegawai KDN telah mengikuti Kursus *GST Advocators* yang diadakan secara bersiri oleh INTAN. *GST Advocators* berperanan besar bagi menyampaikan maklumat-maklumat berkenaan GST di setiap program KDN. Mesyuarat penyelarasan Pelan Komunikasi GST telah diadakan pada 11 Ogos, 25 September dan 4 Disember 2014 bersama-sama SUB (PG) selaku pengerusi urusetia GST KDN dan *GST Advocators.* Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk merangka dan menyelaras pelaksanaan program-program komunikasi GST yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian / Jabatan / Agensi.

Antara program/aktiviti komunikasi dalaman untuk peningkatan pemahaman ialah hebahan info GST melalui siaraya yang bermula pada 29 September 2014, edaran *brochure,* tayangan video di perhimpunan bulanan dan *eBoard*, edaran soal selidik (sebanyak dua siri).



*Mesyuarat Penyelarasan Pelan Komunikasi GST KDN*

KDN turut mengadakan sesi *Training of Trainers* (TOT) GST di 6 zon negara bermula 15 hingga 20 Oktober 2014 bagi mendedahkan dan melatih pegawai-pegawai yang terlibat sebagai penceramah GST di Jabatan/ Agensi masing-masing. Hasilnya seramai 202 pegawai telah berjaya mengikuti sesi ini dan dilantik secara rasmi oleh KSU KDN sebagai *GST Advocators* yang bertanggungjawab memberi penerangan kepada warga kerja di Jabatan/ Agensi masing-masing. KDN juga telah mengadakan mengadakan sesi penerangan kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan/Agensi serta kakitangan di setiap negeri/ institusi menerusi sesi taklimat yang disampaikan oleh *GST Advocators*.



*Tayangan Video GST*



*Edaran Risalah GST di perhimpunan bulanan KDN*




*Sesi Taklimat GST KDN pada 21 November, 28 November, 12 Disember dan 19 Disember 2014*

# AUDIT DALAM

# PENGENALAN

Auditan Dalaman merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Peranan dan tanggungjawab Bahagian Audit Dalam (BAD) dinyatakan melalui 1PP, PS 3.1/2013 Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian Atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri. Objektif BAD adalah untuk membantu organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Tanggungjawab BAD adalah:

- Menjalankan audit pengurusan kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

- Menjalankan audit prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Pada tahun 2014, Jawatankuasa Audit (JKA) peringkat KDN telah berjaya mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali seperti yang telah ditetapkan mengikut 1PP, PS 3.2/2013 Penubuhan Jawatankuasa Audit Di Peringkat Kementerian Persekutuan Dan Kerajaan Negeri. Tarikh pelaksanaan dan butiran pembentangan adalah seperti Jadual 4.

| BIL. | BILANGAN MESYUARAT | TARIKH MESYUARAT | PERKARA DIBINCANGKAN/PEMBENTANGAN |
|---|---|---|---|
| 1. | JKA Bil. 1/2014 | 8 April 2014 | Pembentangan Laporan Audit Prestasi dan Laporan Ketua Audit Negara<br>• Pengurusan Kemudahan Dan Keselamatan Depot Tahanan<br>• Pengurusan Sistem Pelaksanaan Dasar Pengurusan Pekerja Asing<br>• Pengurusan Penyelenggaraan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur<br>• Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2013 |
| 2. | JKA Bil. 2/2014 | 11 Julai 2014 | Laporan Pengauditan<br>• Pengurusan Gaji PDRM<br>• Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti |
| 3. | JKA Bil. 3/2014 | 29 September 2014 | Laporan Pengauditan Prestasi:<br>• Pengurusan Pembinaan Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor |

*Jadual 4: Agenda Mesyuarat JKA 2014*

# PENGAUDITAN

Pelaksanaan pengauditan tahun 2014 adalah berdasarkan Rancangan Audit 2013 dan pencapaian sasaran adalah 100% seperti butiran di Jadual 5.

## Pengauditan Pengurusan Kewangan

Sebanyak 34 pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi membantu pihak pengurusan mengenalpasti kawalan dalaman yang perlu ada dan berfungsi seperti dengan baik bagi mengelakkan kehilangan dan pembaziran wang awam. Pencapaian tersebut telah memenuhi objektif kualiti MS ISO 9001:2008 yang menghendaki sekurang-kurangnya pengauditan Pengurusan Kewangan mencapai 80% daripada rancangan yang diluluskan. PTJ yang diaudit juga telah diberi penarafan prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah yang diperoleh terhadap pematuhan kepada peraturan kewangan. Kedudukan tahap dan penarafan prestasi pengurusan kewangan bagi PTJ yang telah diaudit adalah seperti di Jadual 6.

## Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada projek/program yang dijalankan adalah cekap, berhemat dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Tajuk pengauditan prestasi 2014 adalah:

- Pengauditan Pengurusan Penyenggaraan Kenderaan Jabatan Penjara Malaysia
- Pengauditan Pengurusan Peralatan Operasi FRU
- Pengurusan Pos Kawalan Sempadan PGA
- Pengauditan Terhadap Pengurusan Bilik Triaj Di Polis Diraja Malaysia
- Projek Pembinaan Bangunan Pejabat Dan Rumah Kediaman Jabatan Pendaftaran Negara
- Pengurusan Penyenggaraan Balai Polis Dan Pondok Polis Di Sabah
- Kajian Terhadap Pengurusan Keselamatan di Cure & Care Rehabilitation Centre
- Kajian Terhadap Pengurusan Bekalan Bermasak di Cure & Care Rehabilitation Centre
- Pengurusan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor

| JENIS PENGAUDITAN | BILANGAN PENGAUDITAN | | |
|---|---|---|---|
| | PERANCANGAN | PELAKSANAAN | |
| Pengurusan Kewangan | 34 | 34 | |
| Prestasi | 9 | 9 | |
| Susulan | 18 | 18 | |
| Siasatan/Khas | Mengikut arahan | 14 | |
| Penampilan Audit | 30 | 30 | |
| Mesyuarat Jawatankuasa Audit | 4 | 4 | 100% |

*Jadual 5: Pencapaian Pengauditan Tahun 2014*

| MARKAH KESELURUHAN | TAHAP | PENARAFAN | JUMLAH PTJ |
|---|---|---|---|
| 90 – 100 | Cemerlang | ★★★★ | 5 |
| 70 – 89 | Baik | ★★★ | 25 |
| 50 – 69 | Memuaskan | ★★ | 4 |
| 49 ke bawah | Tidak Memuaskan | ★ | 0 |
| JUMLAH | | | 34 |

*Jadual 6. Kedudukan Tahap Dan Penarafan Prestasi Pengurusan Kewangan*

# INISIATIF PEMANTAPAN PENGURUSAN KEWANGAN

Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan ialah melalui penganjuran Bengkel Kecemerlangan Pengurusan Kewangan serta menambahbaik Sistem Penilaian prestasi dan Pengurusan Kewangan (S3PK).

## Seminar Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

Bengkel Pengurusan Kewangan secara berperingkat mengikut zon telah berlangsung selama 3 hari dan melibatkan wakil daripada PTJ di zon yang berkenaan. Objektif bengkel ialah untuk memberi penerangan kepada pegawai/kakitangan yang terlibat dengan pengurusan kewangan tentang peraturan, arahan dan pekeliling yang berkuatkuasa bagi mencapai penarafan 4 bintang.




*Zon Timur: 18 - 20 Mac 2014 di JPAM Kuala Terengganu*




*Zon Sabah : 27 - 29 Mei 2014 di Ibu Pejabat Polis Negeri Sabah*




*Zon Utara : 23-25 September 2014 Kompleks Mini KDN Perlis*

## SISTEM FIRM

Pada tahun 2014, S3PK telah ditambahbaik dan diberi nama baru iaitu *Financial Indeks Reporting Management* (FIRM). Pelaksanaannya adalah sekali setahun dan soalan-soalan telah dikemaskini menggunakan pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada PTJ mengenai senarai semak yang perlu dipatuhi berkaitan pengurusan kewangan dan secara tidak langsung menjadi sumber rujukan ketika melaksanakan tugasan harian.

# KOMUNIKASI KORPORAT

# PENGENALAN

Perkhidmatan Teras Utama Bahagian Komunikasi Korporat (UK) ialah menyebarkan maklumat mengenai dasar/program/aktiviti/inisiatif KDN selaku peneraju aspek keselamatan dan ketenteraman awam kepada orang ramai melalui pelbagai program komunikasi dan promosi secara berterusan. Bahagian UK juga adalah penyelaras utama dalam Pengurusan Pelanggan, Program Pemantapan Imej dan Pengurusan Media serta Pemantauan Isu dan Persepsi umum rakyat terhadap organsasi dan juga *stakeholder*.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## Pengubalan Manual Strategik Standard Bagi Komunikasi Krisis

Permulaan tahun 2014 menyaksikan kemunculan mendadak penggunaan media dan aplikasi sosial di kalangan rakyat Malaysia. Penyebaran maklumat yang tidak tepat, palsu dan yang belum disahkan oleh pihak berwajib secara cepat dan pantas menerusi media dan aplikasi sosial menjadikan ianya satu cabaran baru kepada KDN. Dalam usaha menangani perang persepsi menerusi alam maya dan dalam misi mentadbir urus keselamatan dalam negeri ke arah jaminan keselamatan dan kesejahteraan rakyat, KDN telah membuat semakan semula kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada berhubung proses dan prosedur komunikasi KDN dengan publik.

Bahagian UK dengan kerjasama IPSOM dan Bahagian PQ telah mengurusetiakan gerak kerja penggubalan melibatkan dua sesi utama:

- Pra Bengkel pada 14 Mei 2014 dihadiri para pengamal Perhubungan Awam KDN/Jabatan/Agensi bagi tujuan menyediakan draf manual; dan

- Bengkel Penyediaan Manual Strategik Standard bagi Krisis Komunikasi KDN pada 24 Mei 2014. Bengkel ini dihadiri oleh semua Ketua Bahagian/Jabatan bagi maksud pemurnian kepada draf dengan mengambil kira input akademik dan praktikal oleh para penceramah jemputan.

Sehubungan itu, Manual Strategik Standard bagi Komunikasi Krisis KDN telah digubal sebagai SOP dan digunapakai oleh semua Bahagian/Jabatan/Agensi KDN. Pemakaian adalah menerusi surat pekeliling 'Arahan Ketua Setiausaha Bil.5 Tahun 2014 (4)' dan berkuat kuasa mulai 30 Jun 2014.

Antara lain intipati manual yang baru dalam menghadapi krisis komunikasi adalah penetapan:
- Pewujudan dan Keanggotaan Strategik Comm Taskforce; dan
- Peranan Ahli dan Carta Alir; serta
- Pengenalpastian Kategori Isu dan Penetapan Tempoh Masa Maklumbalas

## Pelan Komunikasi Dan Promosi 2014 – 2015

Ke arah pemantapan pelaksanaan program komunikasi dan promosi KDN, Bahagian UK pada bulan Julai 2014 telah diluluskan peruntukkan tambahan sebanyak RM1 juta bagi meningkatkan lagi intensiti program komunikasi dan promosi perkhidmatan/produk KDN. Sebanyak 23 Rencana Iklan khas mengenai pelbagai dasar/program/aktiviti/pencapaian 1KDN telah disiarkan menerusi akhbar-akhbar utama negara dan akhbar tempatan Sabah dari November 2014 hingga Februari 2015. Kepenggunaan akhbar tempatan Sabah adalah merupakan usaha proaktif ke arah membentuk persepsi positif rakyat terhadap *stakeholder* sebelum penemuan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Pendatang Asing di Sabah diumumkan kepada orang ramai. Untuk itu KDN melalui Bahagian UK telah menerbit bahan-bahan komunikasi dan promosi digital dan menyiarkannya menerusi media elektronik:
- Media Prima Berhad: Tiga (3) rancangan laporan khas TV3 menerusi Buletin Utama, satu rancangan khas 999; dan satu terbitan khas Majalah3.

- Radio Televisyen Malaysia: Lima (5) rancangan khas di TV1 dan TV2 serta pengumuman rancangan/siaran radio.

Secara keseluruhannya, program komunikasi dan promosi khas ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM800,000.00. Pelaburan tersebut didapati berkesan dan berjaya menjana persepsi positif kumpulan sasar di mana isu ini kemudiannya didapati tidak membesar dan tidak berpanjangan.

# LAIN-LAIN PENCAPAIAN

## Pengurusan Hal Ehwal Korporat

- **Penerbitan Tetap**

Antara output penerbitan tetap 2014 adalah:

- Laporan Tahunan Kementerian Dalam Negeri 2013; dan
- Empat (4) edisi Buletin Kementerian Dalam Negeri 2014.

- **Komunikasi Dalaman**

eBoard ialah satu sistem siaraya atau hebahan secara dalaman bagi maksud perkongsian maklumat secara bersama di kalangan pelanggan dalaman dan juga pengunjung ke premis KDN. Program komunikasi dalaman ini juga merupakan inisiatif pemantapan imej korporat melalui laporan/hebahan aktiviti terkini pelaksanaan pelbagai program/aktiviti KDN. Kemaskini maklumat adalah secara mingguan.

## Pengurusan Maklumbalas Awam / Aduan

- **Penyelaras Maklumbalas Awam**

Bahagian UK sebagai penyelaras utama kepada Maklumbalas Awam yang meliputi Aduan, Pertanyaan, Cadangan dan juga Penghargaan memastikan maklumbalas awam ditangani dengan cepat dan memenuhi tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan KDN.

Sebanyak 1,301 Maklumbalas Awam diterima menerusi Sistem Pemantauan Aduan Awam Agensi (SiSPAAA) KDN dan Biro Pengaduan Awam (BPA), portal rasmi, emel, surat dan faksimili; dan butiran seperti di Jadual 7. Akuan penerimaan dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja, di samping memberi jawapan kepada maklumbalas awam dalam tempoh 14 hari bekerja, sekaligus mencapai objektif SPK MS ISO Pengurusan Aduan Pelanggan.

| BIL | SALURAN | TERIMA | % |
|---|---|---|---|
| 1 | BORANG LAMAN WEB | 635 | 48.81 |
| 2 | SURAT | 289 | 22.21 |
| 3 | STAKE HOLDER | 238 | 18.29 |
| 4 | E-MEL | 77 | 5.92 |
| 5 | SMS | 17 | 1.31 |
| 6 | AKHBAR | 16 | 1.23 |
| 7 | TELEFON | 12 | 0.92 |
| 8 | HADIR SENDIRI | 6 | 0.46 |
| 9 | FACEBOOK | 3 | 0.23 |
| 10 | HARI BERTEMU PELANGGAN | 3 | 0.23 |
| 11 | BIRO PENGADUAN AWAM | 2 | 0.15 |
| 12 | LAIN-LAIN | 1 | 0.08 |
| 13 | FAKSIMILI | 1 | 0.08 |
| 14 | CALL CENTER | 1 | 0.08 |
| **JUMLAH** | | **1,301** | **100** |

*Jadual 7: Statistik Maklumbalas Awam Mengikut Sumber*

Pecahan mengikut kategori dan Bahagian/ Jabatan/Agensi adalah seperti di Jadual 8, 9 dan 10 (m.s 48).

| BIL | JENIS MAKLUMBALAS AWAM | JUMLAH MAKLUMBALAS AWAM (JANUARI – DISEMBER 2014) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TERIMA | % | DALAM TINDAKAN | % | SELESAI | % |
| 1 | CADANGAN | 42 | 3.23 | 0 | 0 | 42 | 100 |
| 2 | PENGHARGAAN | 312 | 23.98 | 0 | 0 | 312 | 100 |
| 3 | PERTANYAAN | 363 | 27.90 | 0 | 0 | 363 | 100 |
| 4 | ADUAN | 584 | 44.89 | 0 | 0 | 584 | 100 |
| JUMLAH | | 1,301 | 100 | 0 | 0 | 1,301 | 100 |

*Jadual 8 : Maklumbalas Awam Mengikut Kategori Tahun 2014*

| BIL | BAHAGIAN/ JABATAN / AGENSI | JUMLAH MAKLUMBALAS AWAM YANG DITERIMA |
|---|---|---|
| 1 | AADK | 347 |
| 2 | JIM | 345 |
| 3 | KDN | 245 |
| 4 | PDRM | 110 |
| 5 | JPN | 103 |
| 6 | JPPM | 53 |
| 7 | JPAM | 42 |
| 8 | RELA | 29 |
| 9 | PENJARA | 27 |
| JUMLAH | | 1,301 |

*Jadual 9: Statistik Penerimaan Aduan Melalui Sistem SiSPAAA KDN 2014*

- ## Penerimaan Aduan Melalui SiSPAAA Biro Pengaduan Awam

Secara keseluruhan, aduan yang diterima oleh KDN melalui BPA pula adalah sebanyak 780 kes. Prestasi penyelesaian adalah 100% manakala penyelesaian dalam tempoh 15 hari adalah 58.3%.

| BIL | BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI | BILANGAN ADUAN |
|---|---|---|
| 1 | PDRM | 388 |
| 2 | JIM | 177 |
| 3 | JPN | 95 |
| 4 | KDN | 50 |
| 5 | JPPM | 22 |
| 6 | AADK | 22 |
| 7 | PENJARA | 9 |
| 8 | Bhg. Hal Ehwal Pesara Polis, PDRM | 7 |
| 9 | JPAM | 4 |
| 10 | RELA | 6 |
| JUMLAH | | **780** |

*Jadual 10: Statistik Penerimaan Aduan Melalui SiSPAAA BPA 2014*

- ## Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam

Sepanjang 2014, Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam Bulanan (MPAA) telah diadakan sebanyak 4 kali. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ TKSUK (P) KDN dan hasilnya kesemua (100%) aduan telah berjaya ditutup dalam tempoh yang ditetapkan.

Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam Mingguan (MPAAM) pula telah diadakan sebanyak 15 kali. Mesyuarat ini diadakan bagi memantau dan memastikan maklumbalas diberikan dengan kadar segera iaitu dalam minggu yang sama apabila aduan didaftarkan. Mesyuarat ini dipengerusikan secara bergilir oleh Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat, KDN dan Pengarah/Aduan/Wakil BPA JPM.

## Pengurusan Promosi Dan Publisiti

Sepanjang tahun 2013, UK menyelaraskan pelbagai acara media bagi mendapat liputan media masa yang melibatkan Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Pengurusan Tertinggi KDN, dan juga Bahagian/Jabatan/Agensi yang menganjurkan program.

Keseluruhannya, aktiviti yang berkaitan media dan promosi yang dijalankan oleh Bahagian UK adalah seperti Jadual 11.

| BIL | AKTIVITI | PENCAPAIAN (Kali) |
|---|---|---|
| 1 | Kenyataan Media | 39 |
| 2 | Liputan Fotografi / Aktiviti | 250 |
| 3 | Hebahan Program - Facebook KDN | 60 |
| 4 | Penyiaran crawlers di TV | 12 |
| 5 | Hebahan di Radio | 12 |
| 6 | Membuat Keratan Akhbar Berita-Berita Semasa | Berterusan (Harian) |
| 7 | KSU di SPM TV1 | 1 |
| 8 | Pelan Media Bagi Program KDN 2014-2015 | 1 |
| 9 | Nota Kepada Pengarang untuk liputan Media | 81 |
| 10 | Memantau Blog-Blog yang berkaitan dengan KDN | Berterusan (Harian) |
| 11 | Mengemaskini Laman Portal KDN | Berterusan (Harian) |

*Jadual 11: Aktiviti media dan promosi Bahagian UK 2014*

- ### Pengurusan Sidang Media

Dari Januari hingga Disember 2014, Bahagian UK turut mengurus dan menyelaraskan 81 kali pelaksanaan pelbagai sidang media yang melibatkan MDN, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Pengurusan Tertinggi KDN.

- ### Pengurusan Kandungan Laman Web MOHA

Bahagian UK bertanggungjawab mengurus pengemaskinian kandungan laman web MOHA dan bagi maksud kelancaran kerja satu pasukan *Content Manager* telah ditubuhkan sebagai pihak yang bertanggungjawab pada gerbang maklumat rasmi. Fokus kandungan adalah maklumat korporat dan kemaskini info pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi secara berkala.

- ### Pengurusan Media Sosial KDN

Bahagian UK turut ditugaskan sebagai pentabir akaun (*admin*) Facebook, Twitter, Instagram KDN. Sepanjang tahun 2014, purata *updates* ialah dua (2) kali sebulan di samping pemantauan dan penyelaras maklumbalas yang berterusan setiap hari. Jumlah *likes fanpage* KDN sehingga akhir 2014 ialah 160,000, manakala follower twitter ialah 310,000.

- ### Penyelarasan Dokumentasi Foto dan Video KDN

Bagi maksud dokumentasi dan keperluan akan datang, Bahagian UK turut membuat liputan foto dan video program/aktiviti rasmi dan sosial serta rekreasi. Keseluruhan koleksi tahun 2014 bagi foto ialah 250 dan video 125.

- ### Program-Program Perhubungan Masyarakat

Bahagian UK berperanan menyelaraskan penganjuran program/aktiviti perhubungan dengan masyarakat/pelanggan KDN. Selain menyelaras penyampaian perkhidmatan barisan hadapan program ini turut mempromosi perkhidmatan/ produk KDN kepada masyarakat. Program

perhubungan masyarakat KDN dikategorikan kepada tiga aspek:

- **Promosi Secara Bersemuka Melalui Aktiviti Pameran**

Sepanjang Januari hingga Disember 2014, KDN telah melaksana/menyertai 10 aktiviti pameran. Butiran pelaksanaan seperti di Jadual 12.

- **Penyampaian Perkhidmatan Pelanggan**

Aktiviti perkhidmatan ini adalah melalui pembukaan kaunter khas Hari Bertemu Pelanggan (HBP) KDN pada setiap hari Khamis bertempat di Dewan Gemilang, Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya. Secara keseluruhannya, kaunter Hari Bertemu Pelanggan KDN ini telah diadakan sebanyak 45 kali bermula Mac hingga Disember 2014. Penyediaan kaunter-kaunter perkhidmatan secara berpusat HBP didapati telah mendapat pujian/penghargaan para pelanggan.

## Program Pemantapan Imej

Program antaranya melibatkan ehwal pengurusan lawatan delegasi rasmi ke KDN dan penilaian tahap kepuasan pelanggan.

- **Lawatan Delegasi**

Sepanjang Januari hingga Disember 2014, KDN telah menerima empat (4) kunjungan pelajar sekolah seperti di Jadual 13. Fokus pembelajaran pelajar adalah pada aspek keselamatan dan peranan KDN selaku peneraju keselamatan awam. Program ini

| BIL. | PROGRAM | TEMPAT | TARIKH | PENGUNJUNG |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pameran KDN sempena Program *United Against Crime (UAC)* | Penjara Tapah, Perak | 8 - 10 Mei 2014 | 5,000 orang |
| 2. | Pameran KDN sempena Minggu Merdeka 2014 | Stadium Merdeka, Kuala Lumpur | 29 - 31 Ogos 2014 | 10,000 orang |
| 3. | Pameran KDN sempena Sambutan Hari UPP ke 38 | Kompleks UPP Padang Besar, Perlis | 26 - 27 Sept 2014 | 5,000 orang |
| 4. | Pameran KDN sempena Karnival 1KDN, Kuching, Sarawak | Perkarangan Stadium Negeri, Kuching, Sarawak | 10 - 12 Okt 2014 | 7,000 orang |
| 5. | Pameran KDN sempena Karnival Hari Pertubuhan 2014 | Bulatan Bazarena Stadium Shah Alam, Selangor | 1 Nov 2014 | 20,000 orang |
| 6. | Pameran KDN sempena Karnival Genexter 2014 | Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya | 8 - 9 Nov 2014 | 5,000 orang |
| 7. | Pameran KDN sempena Persidangan ILKAP | PICC, Putrajaya | 11 - 12 Nov 2014 | 2,000 orang |
| 8. | Pameran KDN sempena Karnival 60 Tahun LPF | Alamanda Shopping Mall, Putrajaya | 22 - 23 Nov 2014 | 10,000 orang |
| 9. | Pameran KDN sempena Perhimpunan Agung UMNO 2014 | Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur | 25 - 29 Nov 2014 | 10,000 orang |
| 10. | Pameran KDN sempena Hari Inovasi KDN 2014 | Kompleks Perbadanan Putrajaya | 5 Dis 2014 | 2,000 orang |

*Jadual 12: Butiran Pelaksanaan/Penyertaan Aktiviti Pameran Tahun 2014*

| BIL. | SEKOLAH | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | SMK Geliga, Kemaman, Terengganu | 16 April 2014 | 86 orang |
| 2. | MRSM Kuala Terengganu, Terengganu | 13 Jun 2014 | 50 orang |
| 3. | SK Jerong, Marang, Wakaf Tapai, Terengganu | 1 Oktober 2014 | 45 orang |
| 4. | SMK Petaling Jaya, Selangor | 14 Oktober 2014 | 83 orang |

*Jadual 13: Jumlah Kunjungan/Lawatan ke KDN 2014*

didapati berjaya menerapkan nilai-nilai murni seperti kesedaran bahawa keselamatan adalah tanggungjawab bersama kerajaan dan rakyat.

- **Kepuasan Pelanggan**

Bagi menyokong aspirasi pihak pengurusan agar KDN berada di barisan hadapan, dan memberi perkhidmatan bertaraf 5 bintang, Bahagian UK turut membuat tinjauan dan kajian berhubung tahap kepuasan hati pelanggan. Tinjauan bulanan melalui Borang Maklumbalas di Kaunter OSC mendapati tahap kepuasan hati pelanggan terhadap Kualiti Penyampaian Perkhidmatan KDN ialah di aras CEMERLANG dengan skor purata bulanan dari 92 – 99%.

Bahagian UK pada tahun 2014 turut melaksanakan Kajian Kepuasan Hati Pelanggan menggunakan Borang Soal Selidik mulai Julai hingga Oktober. Kesimpulannya, perkhidmatan yang disampaikan oleh KDN dinilai sebagai Amat Baik dan pada tahap 90% kepuasan hati pelanggan.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, Bahagian UK telah mencapai sasaran kerja yang ditetapkan. Pelaksanaan program/aktiviti perkhidmatan teras utama meliputi Program Komunikasi dan Promosi, Pengurusan Media serta Pengurusan Isu didapati secara tidak langsung telah memberi impak baik kepada pembentukan persepsi positif rakyat terhadap organisasi dan juga aspek keselamatan dalam negeri yang diterajui KDN. Manakala kecemerlangan dalam perkhidmatan sokongan khususnya pemantauan prestasi Piagam Pelanggan secara tidak langsung memantapkan lagi paparan imej korporat organisasi KDN.

# UNIT INTEGRITI

# PENGENALAN

Unit Integriti (UI) KDN telah diwujudkan secara rasmi pada 1 Oktober 2013 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Berdasarkan kepada penarafan risiko agensi oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) KDN dikategorikan sebagai Agensi Risiko Tinggi dan Unit ini diketuai oleh Pegawai Kader SPRM.

UI bertanggungjawab dan berperanan memastikan wargakerja KDN mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh dan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam. Laporan pencapaian tindakan setiap fungsi utama dilaporkan kepada pihak SPRM pada setiap empat (4) bulan sekali untuk tujuan pemantauan dan juga sebagai rujukan bagi penarafan semula risiko agensi yang akan dilaksanakan setiap tiga (3) tahun atau mengikut keperluan oleh pihak SPRM.

Fokus inisiatif penambahbaikan pembudayaan nilai-nilai intergriti di KDN terbahagi kepada enam (6) fungsi utama:

- Pengukuhan Intergriti
- Pengurusan Aduan
- Tadbit Urus
- Pengesanan dan Pengesahan
- Pematuhan; dan
- Tatatertib.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Sepanjang tahun 2014, KDN telah menerima 99 aduan berkaitan integriti. Daripada jumlah tersebut sebanyak 80 aduan telah dirujuk kepada Agensi Penguatkuasa manakala sebanyak 3 aduan telah dibawa untuk tindakan pengesanan dan pengesahan di bawah Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Butiran seperti di Jadual 14.

Sejumlah 57 kes tatatertib telah diterima sepanjang tahun 2014. Di samping itu, terdapat sejumlah 125 kes tatatertib dalam siasatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 13 kes telah selesai diputuskan oleh Mesyuarat Lembaga Tatatertib. Perincian adalah seperti di Jadual 15.

| PERKARA | JAN - APRIL | MEI - OGOS | SEPT - DISEMBER | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| Aduan dirujuk ke Unit Tatatertib | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Aduan dirujuk ke Agensi Penguatkuasa | 25 | 16 | 39 | 80 |
| Aduan di bawa ke Pengesanan Dan Pengesahan | 0 | 5 | 0 | 5 |
| Jumlah Aduan | 35 | 21 | 43 | 99 |

*Jadual 14: Jumlah Penerimaan Aduan 2014*

| PERKARA | JUMLAH |
|---|---|
| Kes Baru 2014 | 57 |
| Kes Tatatertib Dalam Siasatan | 125 |
| Kes Tertunggak yang telah selesai | 13 |
| Jumlah | 112 |

*Jadual 15: Jumlah Kes Tatatertib*

KDN melalui UI juga bertanggungjawab menguruskan teguran dalaman Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang dibuat empat (4) kali setahun; dan bertindak sebagai Urus Setia Jawatankuasa Siasatan Khas yang dilantik oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); serta Jawatankuasa Siasatan Dalaman di peringkat KDN. Sejak penghujung tahun 2013 sehingga tahun 2014 sebanyak lima (5) Jawatankuasa Siasatan berhubung LKAN telah ditubuhkan.

Pada tahun 2014, KDN telah berjaya melaksanakan 28 Program Penerapan Nilai-Nilai Murni dan Penghayatan Integriti; dan dilaksanakan di KDN Putrajaya dan Pejabat Cawangan KDN dan Jabatan/Agensi di bawah KDN di seluruh negeri. Program diadakan bertujuan membentuk individu yang berintegriti dan berperibadi mulia serta bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. Ini merupakan satu usaha KDN dalam memupuk budaya mematuhi peraturan dan arahan yang berkuat kuasa pada setiap pegawai di KDN.

Sehingga akhir 2014 KDN telah menyiapkan deraf awal Pelan Integriti KDN (PIKDN) bagi tempoh 2014 hingga 2018 dan bakal dilancarkan pada tahun 2015. PIKDN ini bertujuan untuk mencapai objektif agenda integriti bagi institusi pentadbiran di bawah Pelan Integriti Nasional (PIN) iaitu pemantapan prinsip ketulusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus serta peningkatan integriti jentera pentadbiran awam. Lapan (8) strategi yang telah digariskan dalam PIKDN dan sejumlah 64 pelan tindakan telah siap dirangka.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya KDN melalui Unit Intergriti telah berjaya memainkan peranan dalam membentuk individu dan warga kerja yang berintegriti dan berperibadi mulia dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. Selain itu, KDN telah meningkatkan dan memantapkan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus terbaik serta integriti jentera pengurusan dan pentadbiran. Usaha yang berterusan akan dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat kerajaan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi budi pekerti yang luhur seperti yang digariskan dalam Cabaran Ke-empat Wawasan Negara 2020.





INSTITUT
KESELAMATAN
AWAM MALAYSIA

# PENGENALAN

YB Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah bersetuju supaya ditubuhkan Institut Keselamatan Awam Malaysia atau *Institute of Public Security of Malaysia* (IPSOM). Penubuhan IPSOM pada 30 Julai 2013 adalah bertepatan pada masanya dengan mengambil kira kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam berdasarkan situasi semasa serta kemungkinan ancaman atau risiko.

Pasukan Penggerak IPSOM seramai 14 orang pegawai yang terdiri daripada Kementerian Dalam Negeri, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Sukarelawan Malaysia. Peranan utama IPSOM adalah sebagai pemikir berkaitan isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam untuk KDN melalui penyelidikan empirikal dan perkongsian ilmu dengan *stakeholder*.

## Visi

Pusat kecemerlangan utama dalam bidang keselamatan dan ketenteraman awam.

## Misi

Menjana pengetahuan serta memanfaatkan perkongsian ilmu keselamatan dan ketenteraman awam.

## Objektif

- Mempelopori hal ehwal keselamatan dan ketenteraman awam berdasarkan kepada penyelidikan dan kajian ilmiah;
- Menyebarluaskan maklumat dan berkongsi ilmu mengenai keselamatan dan ketenteraman awam melalui penerbitan jurnal, penganjuran forum, seminar, dialog dan lain-lain; dan
- Menjalin kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan institusi pengajian tinggi untuk meneliti pelbagai isu secara akademik berkaitan keselamatan.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Pada tahun 2014, IPSOM telah berjaya menerbitkan sebanyak dua (2) edisi *Journal of Public Security and Safety*, melaksanakan enam (6) Seminar/ *Dialogue*, tiga (3) Kursus, dua (2) *Luncheon Talk*, dua (2) Kajian Empirikal (kolaborasi dengan IPTA) dan dua (2) Kajian Impak Inisiatif NBOS.

- **Majlis Pelancaran *Journal of Public Security and Safety***

Majlis Pelancaran *Journal of Public Security and Safety* telah diadakan pada 28 Januari 2014 semasa Putrajaya Security Dialogue (PSD) 2014 dan disempurnakan oleh YB Menteri Dalam Negeri. *Journal of Public Security and Safety* adalah merupakan jurnal yang julung kali diterbitkan oleh Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), KDN. Jurnal ini mengandungi artikel-artikel yang berkaitan dengan aspek keselamatan. Penerbitan jurnal ini boleh dijadikan sebagai satu platform untuk perkongsian ilmu dalam bidang keselamatan dan ketenteraman awam. Di samping itu, ia boleh digunakan sebagai bahan rujukan kepada jabatan/ agensi keselamatan, ahli akademik, penyelidik



*Majlis Pelancaran Jurnal IPSOM*



*Journal of Public Security and Safety*

dan masyarakat awam. IPSOM telah berjaya menerbitkan *Journal of Public Security and Safety* sebanyak dua (2) edisi pada tahun 2014.

## Seminar Sehari Keselamatan Dalam Negeri

Program Seminar Sehari Keselamatan Dalam Negeri telah diadakan pada 16 Jun 2014 bertempat di The Royale Chulan Damansara. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan dengan tajuk-tajuk seperti berikut:

- Dasar Kepolisan dan Cabaran Penguatkuasaan Oleh YDH Tan Sri Datuk Seri Mohd Bakri Bin Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara;
- Fungsi dan Tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara (MKN) Oleh Encik Hamzah bin Ishak, Setiausaha Bahagian Perisikan & Pengurusan Krisis Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri;
- HANRUH: Pertahanan Menyeluruh Keselamatan Negara dari Perspektif Angkatan Tentera Malaysia oleh YBhg. Mejar Jeneral Dato' Kamalruzaman Bin Mohd Othman, Asisten Ketua Staff, Bahagian Perancangan Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia;
- Konsep dan Dasar Keselamatan oleh YBhg. Prof. Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Bin Ishak dan Prof. Dr. Mohd. Kamarulnizam Bin Abdullah daripada Majlis Profesor Negara, Jabatan Perdana Menteri; dan
- Wawasan dan Cabaran Kementerian Dalam Negeri oleh YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid bin Hj. Shariff, Ketua Setiausaha Kementerian.

## Program *Round Table Discussion*

Program *Round Table Discussion* (RTD) Keselamatan Dalam Negeri diadakan pada 15 hingga 18 Jun 2014 dengan tema "Hala tuju Keselamatan Negara" bertujuan untuk membincangkan kandungan seminar yang telah diadakan pada sebelah siang dan meneliti pelbagai isu-isu yang mendatangkan risiko dan boleh bertukar menjadi ancaman ke atas keselamatan negara, terutamanya keselamatan dalam negeri. Program RTD dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dari KDN dan agensi sektor keselamatan lain serta dibantu oleh ahli-ahli daripada Majlis Profesor Negara (MPN).



*Peserta RTD*

## Bengkel Khas Penulisan Kerangka Dasar Keselamatan Dalam Negeri

Bengkel Khas Penulisan Kerangka Dasar Keselamatan Dalam Negeri telah diadakan mulai 3 hingga 5 Julai 2014 bertempat di Hotel Sama-Sama KLIA, Sepang. Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada sesi RTD yang bertujuan




*Seminar Sehari Keselamatan Dalam Negeri*




*Sesi bergambar bersama YB Dato' Seri Menteri Dalam Negeri*

untuk memperhalusi dan menulis secara lengkap kerangka Dasar Keselamatan Dalam Negeri (DKDN) untuk dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi KDN. Bengkel ini diadakan dengan kerjasama MPN secara *smart partnership.* Sesi *Town Hall Meeting* (THM) telah diadakan di seluruh negara melibatkan lapan (8) lokasi iaitu Selangor, Sabah, Sarawak, Johor, Melaka, Pulau Pinang, Kelantan dan Perak bagi membentang kerangka DKDN kepada ketua-ketua jabatan/agensi penguatkuasaan Persekutuan dan Negeri, Universiti, Ketua-ketua masyarakat, NGO dan parti-parti politik untuk mendapatkan maklum balas daripada masyarakat *(civil society)*.



*Ahli-ahli Panel Penulisan DKDN*



*Panel Penulisan DKDN bersidang*

- ## *International Conference on Law, Order & Criminal Justice* 2014

*International Conference on Law, Order & Criminal Justice 2014* telah diadakan pada 19 – 20 November 2014 di *International Institute of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC), Jalan Duta, Kuala Lumpur bertemakan *"Criminal Justice System in*



*Majlis Perasmian International Conference on Law, Order & Criminal Justice 2014*

*the 21st Century: Spirit, Form and Challenges"*. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian. Program ini adalah anjuran bersama IPSOM, Polis Diraja Malaysia, MPN dan Badan Kehakiman Malaysia serta Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mengenal pasti teori dan pratikal berkaitan *law, order and criminal justice* di era globalisasi serta perkongsian ilmu berkaitan bidang undang-



*Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara IPSOM dan UIAM*



*Sesi bergambar bersama KPN dengan Rektor UIAM*

undang. *Memorandum of Understanding* (MOU) di antara IPSOM, Kementerian Dalam Negeri dengan Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM telah ditandatangani semasa program tersebut.

- ## *Putrajaya Security Dialogue* 2014

*Putrajaya Security Dialogue* (PSD) 2014 telah diadakan pada 28 Januari 2014 di Dewan Gemilang, Kementerian Dalam Negeri dengan tema "Perundangan dan Keselamatan Awam". PSD 2014 telah dirasmikan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Pengerusi Yayasan Pengaman, YBhg. Tan Sri Norian Mai bertindak sebagai Moderator. Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan seperti berikut:

- Kertas Kerja 1 - "Undang-Undang *Security Offences (Special Measure) Act (SOSMA)*": Pelaksanaan Dan Cabaran" oleh Timbalan Peguam Cara Negara II, YBhg. Datuk Tun Abd. Majid Bin Tun Hamzah

- Kertas Kerja 2 - bertajuk "Keselamatan Awam Dalam Perlembagaan Persekutuan" oleh Penasihat Undang-Undang UiTM, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi

- Kertas Kerja 3 - "Akta Pencegahan Jenayah 2013: Pelaksanaan Dan Cabaran" oleh Ketua Penolong Pengarah Perundangan (D5), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, YDH. SAC Mazupi Bin Abdul Rahman

- Kertas Kerja 4 - "Peranan Peguam Dalam Keselamatan Awam" oleh Principal Shafee & Co., YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Muhammad Shafee Bin Abdullah

- ## IPSOM *Luncheon Talk* Siri 1/2014

IPSOM *Luncheon Talk* Siri 1/2014 bertemakan "Cabaran Keselamatan Awam Masa Kini", telah diadakan pada 22 April 2014 di Dewan Gemilang, KDN dan telah dirasmikan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Penceramah jemputan ialah YABhg. Tun Mohammed Haniff Omar, Mantan



*YB Dato' Seri Menteri Dalam Negeri menyampaikan ucapan perasmian PSD 2014*




*Penceramah dan peserta PSD 2014*



*Luncheon Talk oleh YABhg. Tun Mohammed Haniff Omar*



*YB Dato' Seri Menteri Dalam Negeri bersama penceramah jemputan*

Ketua Polis Negara yang juga merupakan Felo IPSOM. Program ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan memberi kesedaran kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam bidang keselamatan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi dan bakal dihadapi serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi menanganinya. Dengan penganjuran program ini juga, perkara-perkara utama yang perlu diberi perhatian telah diberikan keutamaan khususnya dalam menyediakan peraturan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) demi keselamatan negara ini.



*Peserta-peserta IPSOM Luncheon Talk Siri 1/2014*

- ## IPSOM *Luncheon Talk* Siri 2/2014

IPSOM Luncheon Talk Siri 2/2014 diadakan pada 9 September 2014 di Dewan Gemilang, KDN bertemakan "Dasar Keselamatan Negara" dalam usaha IPSOM memperoleh pandangan dan cadangan bagi memantapkan kandungan dokumen DKDN. Program ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Tokoh jemputan ialah YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan, Pengerusi *The Institute of Strategic and International Studies* (ISIS) *Malaysia,* merangkap Felo IPSOM. YBhg. Tan Sri telah menceritakan pengalaman semasa berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam dan penglibatan beliau di dalam forum antarabangsa serta berkongsi ilmu mengenai evolusi perbentukan dasar kerajaan. Beliau turut memberi penerangan mengenai cabaran dahulu dan semasa dalam melaksanakan dasar berkaitan keselamatan dan ketenteraman negara.



*YB Dato' Seri Menteri Dalam Negeri menyampaikan cenderamata kepada penceramah jemputan*



*YB Menteri Dalam Negeri menyampaikan ucapan perasmian Luncheon Talk Siri 2/2014*

- ## Seminar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2014

Seminar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (SEKAM) 2014 diadakan pada 11 Oktober 2014 di Hotel Pullman, Kuching, Sarawak. Seminar ini dirasmikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Majlis Penutup SEKAM 2014 telah disempurnakan oleh YB Menteri Dalam Negeri.



*Luncheon Talk oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan*



*Majlis Perasmian SEKAM 2014*



*Moderator dan pembentang kertas kerja SEKAM 2014*

SEKAM merupakan program tahunan IPSOM dalam memberikan penerangan, penjelasan dan kefahaman berkaitan *Prevention of Crime Act* (POCA) supaya pihak yang berkepentingan dapat memahami dengan jelas tentang pelaksanaan POCA ini.

Penganjuran SEKAM 2014 bertemakan "Cabaran Pelaksanaan Akta Pencegahan Jenayah" atau lebih dikenali sebagai *Prevention of Crime Act* (POCA) bagi mendapatkan input atau maklum balas daripada pegawai-pegawai yang telah melaksanakan akta ini dan pihak berkepentingan yang lain. POCA telah diwartakan pada 1 April 2014. Di samping itu, ia juga menjadi platform kepada pegawai penguatkuasa antara jabatan/ agensi yang melaksanakannya bertukar-tukar pendapat dan berkongsi pengalaman dalam pelaksanaan POCA itu sendiri.

YBhg. Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam, Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis yang juga merupakan Editor Bersekutu IPSOM bertindak selaku Moderator seminar.



*KSU KDN menyampaikan ucapan perasmian SEKAM 2014*

Antara kertas kerja yang telah dibentangkan adalah:

- Keselamatan Melalui POCA oleh YBhg. Datuk Tan Kok Liang, Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah
- POCA Daripada Perspektif Sosiologi dan Kriminologi oleh YBrs. Profesor Madya Dr. P.Sundramoorthy, Pengarah Jabatan Keselamatan Universiti Sains Malaysia
- Persediaan Jabatan Penjara Dalam Melaksanakan POCA oleh YBrs. KPj Tuan Jamaluddin bin Saad, Pengarah Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

- ### Kursus Metodologi Penyelidikan Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Kursus Metodologi Penyelidikan Keselamatan Dan Ketenteraman Awam telah diadakan pada 10 - 15 Mac 2014 di Maktab Penjara Malaysia. Penceramah yang terlibat adalah Profesor Madya Dr. Rohani binti Mohd Yusof (Universiti Malaya), YBhg. SAC Dato' Dr. Hashim bin Haron (IPSOM), SUPT Dr. Lim Joon Soon (PDRM) dan DSP Dr. Tan Keat Siang (PDRM).

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai KDN dan Jabatan/ Agensi dalam membentuk sebuah kumpulan

pegawai penyelidik yang dapat membantu IPSOM dalam melaksanakan kajian, penyelidikan, pengumpulan dan penganalisisan data. Para peserta didedahkan dengan teknik-teknik dan halacara menjalankan penyelidikan secara empirikal dan meningkatkan kemahiran dalam menggunakan kaedah-kaedah kuantitatif dalam penyelidikan penganalisaan. Majlis Penutup kursus telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Wan Ali bin Besar, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KDN.



*Sesi bergambar peserta Kursus Metodologi Penyelidikan Keselamatan dan Ketenteraman Awam*

- **Kursus Statistik dan Analisis Data Menggunakan *Statistical Package of the Science Social***

Kursus Statistik dan Analisis Data Menggunakan *Statistical Package of the Science Social* (SPSS) telah diadakan pada 23-27 Jun 2014 di Maktab PDRM Kuala Lumpur, Cheras. Penceramah jemputan ialah SUPT Dr. Tan Poh Paw (Maktab PDRM). Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai penyelidik dalam aspek penganalisisan data secara kuantitatif dengan menggunakan program SPSS supaya mereka dapat melaksanakan kajian, penyelidikan, pengumpulan data dan penganalisaan maklumat/data dengan lebih berkesan. Melalui kursus para peserta boleh menjalankan kerja-kerja konsultasi penyelidikan dan penganalisaan maklumat / data dengan lebih sistematik, di samping memberi peluang kepada peserta Kursus Metodologi melengkapkan diri mereka dengan ilmu statisik untuk menyokong kajian-kajian yang akan dijalankan kelak.



*Sesi bergambar peserta Kursus Statistik dan Analisis Data (SPSS)*

Peserta kursus telah didedahkan dengan modul SPSS yang disusun secara sistematik, dimulai dari pengenalan tentang statistik dalam SPSS, mengenal SPSS, mengolah data dengan SPSS, mengenal beberapa teknik analisis statistik parametrik dan nonparametric menggunakan SPSS untuk analisis dan interpretasi hasil analisis.

- **Kursus Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan Keselamatan dan Ketenteraman Awam**

Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan Keselamatan dan Ketenteraman Awam diadakan pada 23-27 September 2014 di Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi. Tenaga pengajar yang terlibat ialah Prof. Madya Dr. Rohani binti Mohd Yusof (Universiti Malaya) SUP Dr. Lim Joon Soon (PDRM) dan DSP Tan Keat Siang (PDRM).

Kursus ini merupakan kesinambungan daripada Kursus Metodologi Penyelidikan yang bertujuan memberikan pendedahan pengetahuan dan kemahiran kepada peserta dalam menyediakan kertas cadangan penyelidikan sebagai persiapan untuk menjalankan kerja lapangan penyelidikan. Melalui bengkel kali ini, dua kertas cadangan penyelidikan telah dihasilkan berkaitan isu-isu keselamatan dan keselamatan awam seperti *Social Disorder* Mempengaruhi Persepsi Keselamatan Awam dan Kajian Impak Pelaksanaan Program Pemulihan Pemasyarakatan (PPP) di antara Jabatan Penjara dengan Angkatan Tentera Malaysia (Inisiatif NBOS).

## • Majlis Menghadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan

YB Menteri Dalam Negeri telah hadir ke Majlis Menghadap Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah bagi mengangkat sembah Jemputan Perkenan sebagai **Felo DiRaja**, IPSOM yang telah diadakan pada 5 Mei 2014 di Istana Perak, Changkat Persekutuan, Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur. Turut hadir dalam majlis menghadap tersebut ialah YBhg. Ketua Setiausaha KDN dan Ketua Eksekutif IPSOM, SAC Dr. Lee Bee Phang. Semasa Majlis Menghadap tersebut, DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan telah memberikan perkenan selaku *Royal Fellow Institute of Public Security of Malaysia* (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri.



*YB Dato' Seri Menteri Dalam Negeri menandatangani Buku Pelawat.*



*Majlis Menghadap DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan*

## • *National Blue Ocean Strategies* (NBOS)

Mesyuarat Penyelarasan NBOS Bahagian Perancangan Strategik (PG) dan IPSOM pada 8 Ogos 2014 bersetuju fungsi NBOS dipindahkan sepenuhnya daripada Bahagian PG kepada IPSOM mulai 1 September 2014. Sehingga Disember 2014, KDN mempunyai 25 inisiatif NBOS. Pada tahun 2014 juga, KDN telah bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain dalam beberapa inisiatif yang baru diperkenalkan seperti berikut:

- NBOS 10 : *Certified Security Services* (CSG)
  Inisiatif ini bermula pada April 2014 dan diketuai oleh PDRM dengan melibatkan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM). Sehingga 17 Disember 2014, sejumlah 10,608 Pengawal Keselamatan telah dilatih di tujuh (7) buah Pusat Latihan di bawah PDRM

- NBOS 10 : *My Beautiful Malaysia* (MyBM)
  Inisiatif ini bermula pada September 2014 dan diterajui oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sebanyak 69 perumahan kerajaan di bawah KDN telah disenarai untuk ditambah baik dan diselenggara pada tahun 2015




## • Mesyuarat NBOS

- Mesyuarat Penyelarasan NBOS dengan KSU - 13 Ogos 2014
- Mesyuarat Penyelarasan NBOS dengan YB MDN - 19 Ogos 2014

- Mesyuarat Penyelarasan NBOS dengan Bahagian PG – 8 Ogos 2014
- Mesyuarat Penyelarasan NBOS dengan Bahagian NKRA – 24 November 2014
- Mesyuarat Pre-NBOS Summit dipengerusikan oleh YBhg. KSN - 18 September, 16 Oktober dan 13 November 2014
- Mesyuarat NBOS *Summit* yang dipengerusikan oleh YBhg. KSN - 22 September, 24 Oktober dan 20 November 2014
- Mesyuarat NBOS *Summit* dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri - 19 Ogos dan 18 Disember 2014

### • Lawatan Kerja Pemantauan Inisiatif *My Beautiful Malaysia* (MyBM)

Lawatan diadakan pada 12 Oktober 2014 ke Kuarters IPK Sarawak. Terdapat tujuh (7) buah bangunan kuarters Kelas G di IPK Sarawak yang mempunyai kapasiti sebanyak 500 unit rumah. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan bersama dengan Pegawai Perhubungan IPK Sarawak, kerosakan utama pada kuarters yang mencecah usia 46 tahun ini adalah pada sistem pendawaian elektrik, struktur utama bangunan, lif dan sistem perpaipan.

### • Majlis Penutup Kursus *Certified Security Guards* Siri 7/2014

Majlis Penutup Kursus *Certified Security Guards* (CSG) dilaksanakan pada 18 Oktober 2014 di Dataran Kawad, PULAPOL Kuala Lumpur dan telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Setiausaha KDN. Latihan CSG bermula pada 12 - 18 Oktober 2014. Pada tahun 2014, seramai 1,068 orang Pengawal Keselamatan telah menamatkan Kursus CSG.

### • Bengkel Inisiatif *My Beautiful Malaysia* (MyBM)

Bengkel ini dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan KDN dan telah diadakan pada 4 - 5 November 2014 bagi tujuan penyediaan skop projek inisiatif ini. Seramai 50 orang peserta telah hadir dan terdiri daripada pegawai yang terlibat dengan inisiatif MyBM di semua Jabatan di bawah KDN. Perasmian bengkel ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab. Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pembangunan dan Perolehan), KDN.

### • Karnival 1Pesara

Karnival 1Pesara telah dianjurkan pada 23 - 24 September 2014 di MAEPS, Serdang. NBOS: 1Pesara ini diketuai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Jabatan Pendaftaran Negara, KDN turut terlibat dalam menyediakan perkhidmatan di bawah inisiatif *Mobile Community Transformation Centre* (MCTC) semasa karnival tersebut.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, IPSOM berjaya melaksanakan program dan aktiviti mengikut sasaran yang telah ditetapkan sepanjang tahun 2014. IPSOM beriltizam untuk memberikan komitmen yang sepenuhnya bagi memastikan perancangan program dan aktiviti tahun 2015 dapat dilaksanakan dengan jaya dan cemerlang.

# KAWALAN PENERBITAN & TEKS AL-QURAN

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran (PQ) bertanggungjawab untuk menguatkuasakan dua akta iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 (Pindaan) 2012 dan Akta Percetakan Teks Al-Quran (APTQ) 1986.

Visi tanggungjawab tersebut adalah bagi memelihara kesejahteraan rakyat daripada ancaman penerbitan negatif dan penyelewengan Al-Quran. Misi utama adalah untuk memelihara kesejahteraan rakyat melalui Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan Bahan Penerbitan dan Teks Al-Quran.

Objektif utama adalah bagi mengawalselia dan menguatkuasa aktiviti percetakan, pengedaran bahan penerbitan dan memastikan kesahihan serta mencegah penyelewengan Teks dan bahan Al-Quran.

Melalui 11 pejabat cawangan di negeri-negeri dan empat (4) pejabat kecil di pintu masuk utama negara, KDN melalui Bahagian PQ mengawal dan memastikan bahan penerbitan dan teks Al-Quran tidak mengandungi bahan-bahan negatif dan tidak mengandungi kesilapan Al-Quran sehingga memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 81 permohonan Lesen Mesin Cetak dan 528 permohonan Permit Penerbitan dari 11 negeri telah diluluskan dan butiran masing-masingnya adalah seperti di Jadual 16.

KDN secara berterusan melaksanakan pemeriksaan dan sepanjang tahun 2014 merekodkan pemeriksaan terhadap 112,368,821 naskah penerbitan di mana sebanyak 46,171 naskah telah ditahan di pintu masuk. Statistik

| BIL | NEGERI | BILANGAN PERMOHONAN LESEN MESIN CETAK | JENIS PENERBITAN | BILANGAN PERMOHONAN PERMIT PENERBITAN |
|---|---|---|---|---|
| **1** | JOHOR | 7 | MAJALAH | 299 |
| **2** | KEDAH | 2 | BUKU PANDUAN | 21 |
| **3** | KELANTAN | 2 | JURNAL | 24 |
| **4** | MELAKA | 5 | LAPORAN / KAJIAN / ANALISIS | 6 |
| **5** | NEGERI SEMBILAN | 3 | PROMOSI / IKLAN | 61 |
| **6** | PAHANG | 1 | SURAT BERITA | 50 |
| **7** | PULAU PINANG | 5 | SURATKHABAR UMUM | 18 |
| **8** | SABAH | 11 | KOMIK | 1 |
| **9** | SARAWAK | 4 | TABLOID | 36 |
| **10** | TERENGGANU | 2 | BUKU | 7 |
| **11** | SELANGOR | 39 | ENSIKLOPEDIA | 5 |
| **JUMLAH** | | **81** | **JUMLAH** | **528** |

*Jadual 16: Statistik Permohonan Tahun 2014*

| BIL. | CAWANGAN | DIPERIKSA | | DIBENARKAN | | DITAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Tajuk | Naskhah | Tajuk | Naskhah | Tajuk | Naskhah |
| 1 | JOHOR | 760,115 | 50,258,522 | 759,852 | 50,257,652 | 263 | 870 |
| 2 | KEDAH / PERLIS | 22,104 | 50,325 | 22,092 | 50,309 | 12 | 16 |
| 3 | KELANTAN | 12,932 | 3,850,537 | 12,929 | 3,848,260 | 3 | 2,277 |
| 4 | KLIA | 935,422 | 14,385,258 | 935,063 | 14,380,912 | 359 | 4,346 |
| 5 | MELAKA/N.SEMBILAN | 5,395 | 367,996 | 5,391 | 367,959 | 4 | 37 |
| 6 | PAHANG | 43,101 | 89,394 | 43,091 | 89,383 | 10 | 11 |
| 7 | PERAK | 90,866 | 228,941 | 90,680 | 228,239 | 186 | 702 |
| 8 | PORT KLANG | 579,109 | 34,849,812 | 578,015 | 34,816,701 | 1,094 | 33,111 |
| 9 | PULAU PINANG | 75,917 | 888,341 | 75,755 | 887,962 | 162 | 379 |
| 10 | SABAH | 94,748 | 5,489,564 | 94,724 | 5,489,540 | 24 | 24 |
| 11 | SARAWAK | 30,637 | 224,590 | 30,633 | 224,586 | 4 | 4 |
| 12 | SHAH ALAM | 62,233 | 1,315,759 | 62,133 | 1,311,365 | 100 | 4,394 |
| 13 | TERENGGANU | 1,272 | 369,782 | 1,272 | 369,782 | - | - |
| JUMLAH | | 2,713,851 | 112,368,821 | 2,711,630 | 112,322,650 | 2,221 | 46,171 |

*Jadual 17: Statistik Pemeriksaan/Penahanan di Pintu Masuk Tahun 2014*

pemeriksaan dan penahanan di pintu masuk adalah seperti di Jadual 17.

Sepanjang tahun 2014, KDN telah melaksanakan sebanyak 2,152 operasi penguatkuasaan terhadap AMCP 1984 (Pindaan) 2012 ke atas 11,383 premis dengan anggaran nilaian rampasan berjumlah RM 49,323.60. Butiran operasi terhadap premis mengikut negeri serta nilaian rampasan mengikut Seksyen di bawah AMCP adalah seperti di Jadual 18.

KDN juga telah melaksanakan sebanyak 1,808 operasi penguatkuasaan terhadap APTQ 1986 ke atas 6,275 premis melibatkan anggaran nilaian rampasan berjumlah RM 124,998.30. Butiran aktiviti operasi mengikut negeri dan nilaian rampasan seperti di Jadual 19.

## PENUTUP

Secara keseluruhan, KDN melalui Bahagian PQ sentiasa memastikan pencapaian terhadap visi Kementerian sebagai peneraju keselamatan dalam negeri terutama dari aspek mengawalselia dan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti percetakan, penerbitan serta penyelewengan terhadap Teks dan bahan Al-Quran. Aktiviti penguatkuasaan akan sentiasa dipergiatkan bagi memastikan kesejahteraan rakyat melalui ancaman penerbitan negatif serta penyelewengan terhadap Teks dan bahan Al-Quran dalam keadaan terkawal.

| NEGERI | KEKERAPAN OPERASI | JUMLAH PREMIS | JUMLAH RAMPASAN SEKSYEN 5(1) | 7(1) | 8(1) | 11(1) | ANGGARAN NILAI RAMPASAN (RM) | PROSES SIASATAN (JUMLAH IP DIBUKA) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KEDAH/PERLIS | 193 | 1,013 | 614 | 332 | 7 | 3 | 9,235.2 | 48 |
| PULAU PINANG | 200 | 1,014 | 220 | 230 | 2 | 62 | 5,009.4 | 21 |
| PERAK | 197 | 677 | 602 | 258 | 15 | - | 3,017.60 | 27 |
| SELANGOR/ W.P | 194 | 1,968 | 935 | 636 | - | - | 11,433.60 | 47 |
| MELAKA/ N.S | 179 | 1,053 | - | 30 | - | - | 2,067.00 | - |
| JOHOR | 264 | 1,143 | 377 | 284 | 9 | - | 3,204.60 | 43 |
| PAHANG | 190 | 770 | 2,205 | 505 | 68 | - | 13,253.60 | 41 |
| KELANTAN | 202 | 946 | 49 | - | - | - | 98.0 | 5 |
| TERENGGANU | 118 | 887 | 38 | 39 | 4 | - | 843.40 | 6 |
| SARAWAK | 221 | 684 | - | 197 | - | - | 1,161.20 | 3 |
| SABAH | 194 | 1,228 | - | - | - | - | - | - |
| **JUMLAH** | **2,152** | **11,383** | **5,040** | **2,511** | **105** | **65** | **49,323.60** | **241** |

*Jadual 18: Statistik Operasi Penguatkuasaan AMCP Tahun 2014*

| NEGERI | KEKERAPAN OPERASI | JUMLAH PREMIS | JUMLAH RAMPASAN SEKSYEN 6(1) | 8(1) | 13(1) | 14(1) | ANGGARAN NILAI RAMPASAN (RM) | PROSES SIASATAN (JUMLAH IP DIBUKA) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KEDAH/PERLIS | 193 | 475 | - | - | 48 | 189 | 1,318.00 | 3 |
| PULAU PINANG | 200 | 353 | 16 | 5 | - | 428 | 13,160.70 | 14 |
| PERAK | 197 | 350 | 230 | - | 2 | 2,118 | 16,981.80 | 27 |
| SELANGOR/ W.P | 118 | 1075 | - | - | - | 99 | 9,932.50 | 3 |
| MELAKA/ N.S | 132 | 427 | - | - | - | 382 | 2,891.30 | - |
| JOHOR | 237 | 509 | - | 125 | - | 1516 | 31,061.80 | 31 |
| PAHANG | 43 | 110 | - | 90 | - | 166 | 61,94.20 | 13 |
| KELANTAN | 202 | 934 | - | 512 | 185 | 531 | 38,264.50 | 27 |
| TERENGGANU | 116 | 747 | - | - | 38 | 185 | 1,443.50 | 6 |
| SARAWAK | 187 | 413 | - | - | - | - | - | - |
| SABAH | 183 | 882 | - | - | - | 745 | 3,750.00 | 3 |
| **JUMLAH** | **1,808** | **6,275** | **246** | **732** | **273** | **6,359** | **124,998.30** | **127** |

*Jadual 19: Statistik Penguatkuasaan Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 Tahun 2014*

# KESELAMATAN & KETENTERAMAN AWAM

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam (KK) bertanggungjawab dan mentadbir urus dasar keselamatan dan ketenteraman awam ke arah memastikan kesejahteraan rakyat, keselamatan negara dan kedaulatan negara terpelihara. Dasar-dasar yang berkaitan digubal dan disemak secara berjadual dalam usaha membanteras anasir-anasir yang tidak sihat demi keselamatan dan keharmonian rakyat dan negara Malaysia sentiasa di tahap terbaik.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## • Pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959

Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan 2014) telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 2 November 2014 dan oleh Dewan Negara pada 10 November 2014. Akta ini juga telah mendapat perkenan SPB Yang DiPertuan Agong (YDA) pada 25 Oktober 2014.

Susulan itu pada 1 April 2014, Rang Undang-undang ini telah diwartakan dan berkuatkuasa sehari selepas tarikh perwartaan disiarkan. Bagi tujuan penguatkuasaan, SPB YDA telah perkenan untuk melantik seorang Pengerusi dan empat (4) orang Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah yang mempunyai kuasa eksekutif untuk mengeluarkan Perintah Tahanan atau Perintah Pengawasan Polis ke atas mana-mana sabjek yang ditahan di bawah Akta ini. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 29 orang telah dikenakan Perintah Sekatan manakala seramai 180 orang telah dikenakan Perintah Pengawasan Polis.

## • Penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Bagi Kajian Penggubalan Rang Undang-Undang Anti Keganasan Dan Ekstremisme

Lanjutan daripada perkembangan ancaman Kumpulan Militan *Islamic State* (IS) yang dinilai berada di tahap yang membimbangkan, Kerajaan telah memutuskan agar satu Kertas Putih dibentang di Dewan Rakyat. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Peringkat Tertinggi telah dibentuk yang terdiri daripada wakil daripada KDN, PDRM dan Kementerian Pertahanan (KEMTAH) dengan diselaraskan oleh Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM).




*Wakil-wakil Agensi yang terlibat di dalam penyediaan Kertas Putih "Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State (IS)*

Pada 26 November 2014, YAB Perdana Menteri (PM) telah membentangkan Kertas Putih "Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan *Islamic State*" di Dewan Rakyat. Hasil daripada pembentangan tersebut, majoriti ahli Dewan Rakyat telah bersetuju dengan dua (2) keputusan utama iaitu:

- supaya satu undang-undang baru yang khusus untuk menangani ancaman keganasan digubal; dan

- memperkasakan undang-undang sedia ada iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan 2014).

Jemaah Menteri juga pada 10 Disember 2014 telah memutuskan agar KDN menerajui penyediaan Rang Undang-undang (RUU) berkaitan untuk dibentang di Parlimen pada sidang Mac 2015 serta menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi [*High Level Committee* (*HLC*)] sebagai platfom rujukan untuk menentukan halatuju penggubalan RUU ini selaras dengan aspirasi kerajaan dan keperluan semasa.


Kertas Perintah 76 Tahun 2014

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT / DEWAN NEGARA
MENURUT PERINTAH

KERTAS PUTIH

KE ARAH
MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN
ISLAMIC STATE

*Muka depan Kertas Putih "Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*

HLC sepertimana yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri dan diurusetiakan bersama oleh Bahagian KK dan Pejabat Penasihat Undang-undang.

HLC dipengerusikan oleh YB Menteri Dalam Negeri (MDN) dengan keanggotaan terdiri daripada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Ketua-ketua Jabatan yang terlibat secara langsung dalam penyediaan dan perbentangan Kertas Putih tersebut. Mesyuarat pertama HLC telah diadakan pada 15 Januari 2015 dan mesyuarat seterusnya antara lain memutuskan supaya RUU Anti Keganasan ini dibentangkan di Parlimen semasa Sidang bulan Mac 2015.

**Penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee – HLC*) Bagi Kajian Penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Pindaan Akta Hasutan 1948**

Pada 27 November 2014, YAB PM telah mengumumkan untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 semasa menyampaikan ucapan dasar di acara perasmian Persidangan Agong UMNO 2014 di Putra World Trade Centre (PWTC). Pengekalan Akta tersebut turut melibatkan beberapa pindaan bagi tujuan penambahbaikan agar ia selari dengan kehendak dan keperluan perkembangan situasi semasa negara.

Sehubungan itu, Jemaah Menteri pada 10 Disember 2014 telah memutuskan agar KDN turut menerajui penyediaan RUU Pindaan Akta Hasutan 1948 untuk dibentang di Parlimen pada Sidang bulan Mac 2015 serta menubuhkan HLC sebagai platfom rujukan untuk menentukan halatuju penggubalan RUU Pindaan ini.

HLC dipengerusikan oleh YB MDN dan dianggotai oleh Menteri di JPM serta Ketua Ketua-ketua Jabatan yang terlibat secara langsung dengan perbincangan isu berkaitan Akta Hasutan 1948 anjuran Jabatan Peguam Negara. KDN melalui Bahagian KK dan Pejabat Penasihat Undang-undang KDN bertindak selaku Urusetia bersama bagi HLC ini.




*YAB Perdana Menteri semasa mengumumkan bahawa Akta Hasutan 1948 akan terus dikekalkan*

Dua (2) usul utama pindaan oleh YAB PM ialah:

- memasukkan peruntukan bagi kesalahan menimbulkan kebencian dan menghina agama Islam dan agama-agama yang lain; dan

- memasukkan peruntukan kesalahan bagi menghasut mana-mana negeri di Persekutuan Malaysia untuk keluar daripada Persekutuan Malaysia.

Manakala YB MDN turut mencadangkan penambahan supaya elemen-elemen hasutan yang disebarkan melalui media sosial atau sebarang platform turut dimasukkan ke dalam pindaan Akta Hasutan 1948 tersebut. RUU Pindaan Akta Hasutan 1948 ini dijadual dibentangkan di Parlimen semasa Sidang bulan Mac 2015.

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

### • Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram

Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (Pengisytiharan Entiti Ditentukan Dan Kehendak Untuk Melapor) 2014 telah diwarta dan dikuatkasakan pada 7 April 2014. Perintah ini bertujuan untuk membekukan aset milik individu atau kumpulan yang terlibat dengan kegiatan keganasan. Perintah ini merupakan salah satu inisiatif baru Kerajaan dalam memerangi keganasan dengan menyekat pembiayaan operasi keganasan. Sehingga Disember 2014, sebanyak 39 individu dan 18 kumpulan telah disenaraikan di dalam Perintah ini.

Perintah ini juga merupakan sebahagian daripada langkah-langkah untuk meningkatkan tahap keberkesanan dan kepatuhan rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT) negara terhadap syor-syor *Financial Action Task Force (FATF)*.

Keberkesanan dan kepatuhan rejim AML/CFT negara dinilai melalui *Mutual Evaluation Exercise* yang dijalankan oleh *Asia-Pacific Group On Money Laundering (APGML)*. Penilaian ini yang bermula dari 13 hingga 25 November 2014 lalu merupakan satu forum yang penting di mana rejim AML/CFT yang berkesan dapat mengurangkan kesan-kesan negatif akibat jenayah ekonomi dan pada masa yang sama ia dapat meningkatkan integriti dan kestabilan pasaran dan sistem kewangan negara.

### • Bengkel Kajian Semula ADB (LLPK) 1985

Bengkel diadakan pada 24-26 April 2014 bertempat di Hotel Bayview, Melaka dan dihadiri seramai 56 orang pegawai-pegawai KDN, PDRM, Lembaga Penasihat, Pusat Pemulihan Akhlak, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Objektif bengkel adalah untuk membincangkan kajian semula terhadap ADB (LLPK) 1985 yang akan tamat tempoh pada 15 Jun 2015. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan penglibatan semua pihak bagi memastikan kelancaran pelaksanaan akta apabila dilanjutkan kelak.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya menyenaraikan beberapa cadangan dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memastikan Akta ini akan terus relevan dalam menangani masalah dadah di Malaysia. Ia dijangka akan dibentangkan dalam Sidang Parlimen pada bulan Mac 2015.



*Sesi Perasmian*



*Sesi perbincangan dalam kumpulan.*



*Sesi pembentangan.*



*24-26 April 2014: Para peserta Bengkel Kajian semula ADB (LLPK) 1985*



# KAWALAN PENAPISAN FILEM & PENGUATKUASAAN

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan (KF) dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua filem dan bahan publisiti filem yang dibuat, dikeluarkan, dimiliki, dijaga, dikawal, ditayang, dipamer, diedar, disewa atau dijual di Malaysia telah ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF). Amnya filem mampu membawa pengaruh dan kesan terhadap masyarakat penonton melalui mesej tersurat dan tersirat. Prinsip penapisan filem adalah berlandaskan empat (4) aspek utama penapisan filem iaitu keselamatan dan ketenteraman awam, keagamaan, sosiobudaya serta ketertiban dan ketatasusilaan agar keselamatan dan kesejahteraan negara tidak terganggu oleh kesannya.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Pada tahun 2014, usaha ke arah penambahbaikan garis panduan penapisan filem telah dilakukan bersama LPF, Jawatankuasa Rayuan Filem (JKRF), stesen-stesen TV, pengamal industri dan Jabatan/Agensi Kerajaan dan organisasi bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan. Antaranya:

- Bengkel I di Allson Klana Seremban pada 24-26 November 2013
- Bengkel II di ESSET KWSP Bangi pada 4 Mac 2014
- Bengkel III di Kementerian Dalam Negeri pada 7 dan 15 April 2014
- *Engagement* bersama ASTRO secara formal dan tidak formal pada 19 Mac 2014, 26 Jun 2014, 6, 11, 13, 19 Mac 2014 dan 13, 26, 17 Jun 2014
- *Engagement* bersama Media Prima Berhad pada 12 Februari 2014, 2 Julai 2014, 7 Julai 2014, 10 Ogos 2014, 8 Oktober 2014 dan 3 November 2014
- *Engagement* bersama RTM pada 13 Mac 2014.
- *Engagement* bersama TMNet pada 28 Februari 2014, 3 Mac 2014, 5 Mac 2014, 3 April 2014,



*23 Nov 2014: Menteri Dalam Negeri merasmikan Karnival 60 Tahun LPF*

3 Jun 2014, 16 Jun 2014, 7 Julai 2014, 16 Julai 2014, 21 Julai 2014, 5 September 2014, 15 September 2014, 19 September 2014, 17 Oktober 2014, 11 November 2014 dan 14 November 2014

- *Engagement* bersama Hypp Tv pada 5 November 2014

KDN mengambil inisiatif menambahbaik kawalan penapisan filem di negara ini dengan penganjuran beberapa majlis berskala besar seperti Hari Sambutan Ulang Tahun 60 Tahun LPF pada 27 Mei 2014 dan Karnival 60 Tahun LPF pada 22 dan 23 November 2014 di Esplanade, Alamanda Putrajaya dan dirasmikan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Karnival ini merupakan sebuah acara yang melibatkan kerjasama dan penajaan industri penyiaran dan perfileman awam dan swasta serta berjaya menarik seramai kira-kira 40,000 orang pengunjung sepanjang dua (2) hari karnival berlangsung.

Beberapa bengkel kerja dan seminar yang substantif telah berjaya dilaksanakan di sepanjang tahun 2014. Antaranya:

i. Bengkel Pelaksanaan Sistem e-filem (modul pengesahan rampasan) pada 5-6 dan 10 Februari 2014 di Bilik ICT KDN

ii. Sesi Latihan *Hands On* e-filem pada 17 April 2014

iii. Bengkel Pemurnian Kertas Cadangan Penubuhan Bahagian Penguatkuasa pada 26-28 Mei 2014

iv. Bengkel Draft *Agreement e-payment* pada 03 Julai 2014

v. Bengkel Perancangan Strategik Setengah Tahun yang pertama pada 21 Julai 2014.

vi. Bengkel Penambahbaikan Skim Penguatkuasa pada 9-12 September 2014

vii. Bengkel Perancangan Strategik Akhir Tahun pada Disember 2014

Beberapa program *outreach* dan *engagement* dengan institusi-institusi akademik, sekolah-sekolah dan Jabatan/Agensi Kerajaan serta NGO turut dilaksanakan sebagai perkongsian pengetahuan/maklumat, kepakaran, membentuk kerjasama dan menyemai kesedaran bersama mengenai impak negatif filem-filem yang tidak bertapis dan lucah. Butiran program *outreach* dan *engagement* 2014 ialah:

- Program Pendidikan dan Pencegahan di Bintulu, Sarawak pada 13-15 April 2014 dan di SMK Bandar Bintulu pada 14 April 2014
- Engagement bersama UNIMAS pada 25 Jun 2014 dan UMS pada 26 Jun 2014




*Dis 2014: Bengkel Perancangan Strategik Akhir Tahun Bahagian KF*

- Pameran Hari UPP pada 27 September 2014 di UPP Perlis
- Lawatan Kerja ke KLIA/Jabatan Kastam pada 09 Oktober 2014
- Lawatan Kerja Pos Malaysia pada 09 Oktober 2014
- Pameran Hari Pertubuhan pada 01 November 2014
- Seminar Penapisan Filem di Universiti Malaysia Terengganu – 4 November 2014.
- Pameran sempena Seminar ILKAP pada Disember 2014
- Program Ceramah di Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi, Kuala Lumpur
- Pelaksanaan Kajian Impak Penapisan Filem Di Kalangan Remaja dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM



*22 Sept 2014: Pameran sempena Hari UPP, Perlis.*



*22 Sept 2014: Lawatan Kerja ke KLIA/Jabatan Kastam.*



*4 Nov 2014: Seminar Penapisan Filem di Universiti Malaysia Terengganu*

Bagi maksud pemantapan penyampaian perkhidmatan melalui pengurusan sumber manusia yang kompetan, KDN melalui Bahagian KF turut menjalankan kajian dan menyediakan kertas cadangan penambahbaikan skim untuk pertimbangan agensi pusat :

- Penambahbaikan Skim Penguat kuasa; dan
- Penambahbaikan Elaun Ahli LPF.

## PENUTUP

KDN melalui Bahagian KF dalam tahun 2014 secara agresif telah memperhebatkan usaha melaksanakan fungsi dan peranan penapisan filem dan penguatkuasaan Akta Penapisan Filem 2002. Bermula dengan usaha penambahbaikan Akta Penapisan Filem 2002 dan garis panduan penapisan filem, KDN turut mengambil inisiatif untuk membuat *engagement* dengan ahli akademik, pengamal industri, Jabatan/Agensi dan NGO yang berkaitan demi memastikan kelangsungan dan keberhasilan mencapai matlamat yang diharapkan. Dalam masa yang sama, jalinan kerjasama ini diharapkan dapat meraih sokongan dari semua pihak khususnya masyarakat umum agar hasrat untuk mengurang dan menghapuskan permintaan dan penawaran terhadap filem tidak bertapis serta lucah berjaya dicapai.

# URUS SETIA
# LEMBAGA PAROL

# PENGENALAN

Seiring dengan visi dan misi ke arah kejayaan sistem parol di Malaysia, Lembaga Parol (LP) memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap permohonan parol diberi pertimbangan secara adil dan saksama.

KDN melalui Bahagian Urus Setia Lembaga Parol (ULP) yang ditubuhkan berdasarkan Seksyen 46C (2) Akta Penjara 1995 (Pindaan) 2008 berperanan sebagai nadi penggerak dalam memastikan pertimbangan dan keputusan ULP dikemukakan secara bertulis dan dilaksanakan secara efektif ke arah merealisasikan matlamat utama Sistem Parol iaitu pengurangan kos penyelenggaraan yang tinggi akibat kesesakan di Penjara.

Selari dengan Seksyen 46B(2) Akta Penjara 1995 (Pindaan) 2008 yang menetapkan supaya suatu LP hendaklah terdiri daripada anggota yang dilantik oleh SPB Yang di-Pertuan Agong mengandungi seorang Pengerusi daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, seorang pegawai kanan penjara, seorang pegawai kanan polis, seorang pegawai kanan kebajikan dan tiga orang awam. Secara keseluruhannya LP mempunyai tujuh (7) orang keanggotaan bagi setiap lembaga.

Manakala ULP, mempunyai kekuatan seramai 16 orang diketuai oleh Setiausaha Bahagian dengan pecahan kepada dua unit kecil iaitu pentadbiran dan keurusetiaan.

LP dan ULP di KDN sentiasa bergerak seiring dan berusaha ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan, memenuhi Piagam Pelanggan yang sedia ada serta menjayakan segala perancangan yang telah dirangka bagi penambaikan sistem parol terkini kepada satu tahap yang lebih tinggi.

Sejak Sistem Parol diperkenalkan pada Jun 2008, pihak LP bersama ULP telah merangka pelbagai aktiviti terutamanya dalam memberi hebahan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai parol dan fungsi parol. Kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang kewujudan parol juga boleh digunapakai sebagai parameter selain daripada statistik terkini mengenai Orang Yang DiParol (ODP) dalam mengukur kejayaan sistem Parol di Malaysia.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Program/aktiviti dirangka yang pada tahun 2014 adalah bertujuan untuk menerapkan kefahaman dan kewujudan parol di Malaysia di samping untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan Sistem Parol di peringkat Jabatan Penjara Malaysia (PRIDE) serta di ULP sendiri.

## • Persidangan Parol Kebangsaan

Persidangan Parol Kebangsaan diadakan di Dewan Kelab Penjara Kajang, Selangor pada 30 hingga 31 Oktober 2014. Perasmian persidangan disempurnakan oleh TKSU Kanan (Perolehan dan Pembangunan) mewakili KSU KDN sementara perasmian penutup oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri. Peserta persidangan adalah seramai 250 orang pegawai di Bahagian Parol peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat Penjara, Polis Diraja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, serta Bahagian-Bahagian di bawah Sektor Keselamatan KDN. Matlamat utama persidangan adalah mendapatkan maklumbalas dan pandangan para peserta melibatkan aspek-aspek perundangan, hak-hak asasi manusia, kebajikan dan pengawalseliaan Sistem Parol.

## • Program Outreach Bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan)

Lokasi program adalah di Penjara Sungai Udang, Melaka dan berlangsung pada 9 Disember 2014; dan telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan), Dato' Alwi Bin Hj Ibrahim. Penglibatan seramai lebih kurang 300 orang iaitu di kalangan para pegawai kanan PRIDE diketuai YBhg. Dato' Haji Hassan bin Sakimon,

Timbalan Pengarah Penjara, Pegawai-pegawai Kanan Penjara Melaka, Bahagian Parol dan Komuniti, LP serta ULP. Pelaksanaan Program Outreach ini telah mengeratkan hubungan di antara PRIDE dan komuniti serta memberi pendedahan akan kejayaan ODP kepada komuniti; serta didapati memberi kesan positif terutamanya dalam penerimaan semula banduan atau ODP kepada masyarakat.

- **Program Outreach Bersama YB Menteri Dalam Negeri**

Program Outreach Bersama YB Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Mydin Meru Raya, Ipoh, Perak telah berlangsung pada 19, 20 dan 22 Disember 2014. Program ini dihadiri oleh lebih daripada 3,000 orang sepanjang tiga (3) hari program berlangsung. Pelaksanaan program ini telah mencapai matlamat utama dalam mempromosi dan memberi hebahan kepada masyarakat mengenai sistem parol di Malaysia serta menjalinkan kerjasama yang baik di antara NGO dan komuniti dalam membantu program yang dilaksanakan (PRIDE).

## Persidangan Parol Kebangsaan 30 Hingga 31 Oktober 2014




*Acara Perasmian Persidangan Parol*



*Para peserta Persidangan Parol Kebangsaan 2014*



*Slot Perbincangan Panel*

## Program Outreach Bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) Dato' Alwi Bin Hj Ibrahim : 9 Disember 2014



*Acara Perasmian disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan)*



*Para ODP, keluarga dan majikan Program Outreach Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan)*

### Program Outreach Bersama YB Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi Di Mydin Meru Raya Ipoh, Perak.



*Perasmian Program Gotong-Royong Bersama Persatuan Penduduk Taman Meru, Ipoh*




*Majlis perasmian program gotong-royong bersama Persatuan Penduduk Taman Meru, Ipoh*



*Ketibaan YB Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi*

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, para jemputan yang hadir berpuas hati dengan penganjuran program-program yang dirancang dan berjaya dilaksanakan dan program-program ini akan diadakan sebagai program tahunan.

Jemputan yang menghadiri Program Outreach YB Menteri Dalam Negeri ini melebihi 3,000 orang dan ini menunjukkan komitmen tinggi dan kerjasama yang sangat baik telah diberikan oleh semua pihak. KPN mengharapkan kerjasama yang berterusan oleh semua pihak untuk penganjuran program-program seterusnya supaya segala perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya.



*Ucapan perasmian program outreach oleh YB Menteri Dalam Negeri*



*Penyampaian sijil penghargaan kepada ODP yang berjaya, majikan dan keluarga*



*Lawatan YB Menteri Dalam Negeri ke tapak pameran*



*Sidang akhbar YB Menteri Dalam Negeri*

# KEPENJARAAN, ANTIDADAH & PERTAHANAN AWAM

# PENGENALAN

Bahagian Kepenjaraan, Antidadah dan Pertahanan Awam (PDP) ditubuhkan pada 16 Ogos 2008 selaras dengan usaha memperkemaskan peranan Kementerian Dalam Negeri (KDN) apabila penyusunan semula kementerian dilaksanakan dengan pencantuman Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), menjadi KDN.

Bahagian PDP merupakan salah satu bahagian di bawah sektor keselamatan yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan). Bahagian PDP, secara amnya memantau pelaksanaan dasar di tiga agensi di bawah KDN, iaitu Jabatan Penjara Malaysia (JPM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

## FUNGSI BAHAGIAN

- Mengkaji, mencadang, memperaku dan memantau pelaksanaan dasar-dasar di JPM, AADK dan JPAM agar memenuhi kehendak *stakeholders* dan memberi kepuasan kepada pelanggan selaras dengan visi dan misi KDN.

- Menggubal dan meminda undang-undang dan peraturan agar memenuhi keperluan semasa agensi dan dasar negara.

- Menyediakan maklumbalas dan mengenalpasti tindakan penambahbaikan yang sewajarnya terhadap cadangan, teguran dan aduan berkaitan kepenjaraan, antidadah dan pertahanan awam.

- Menjalankan tugas-tugas keurusetiaan berkaitan kepenjaraan, antidadah dan pertahanan awam.

- Menguruskan permohonan bantuan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) daripada JPM, AADK, JPAM, Unit Pencegahan Penyeludupan, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- **Akta Kehadiran Wajib**

Akta Kehadiran Wajib Pesalah 1954 *[Akta 461]* (AKWP) wujud sejak 60 tahun lalu. Sejak tahun 2010 ianya telah diangkat sebagai salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan kesan pemenjaraan ke atas pesalah-pesalah ringan dan dipertanggungjawabkan kepada JPM untuk melaksanakannya. Kini terdapat sebanyak 64 buah Pusat Kehadiran Wajib di seluruh negara yang menguruskan pesalah AKWP tersebut.




*Lawatan Ke Pusat Kehadiran Wajib, Melaka.*

Bengkel bagi memuktamadkan Draf Pindaan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 telah diadakan pada 20-22 November 2014 di Melaka. Ianya melibatkan pelbagai jabatan dan agensi seperti Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Pengarah-pengarah Mahkamah Negeri dan wakil, wakil Ketua Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara, Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pengarah Parol dan Perkhidmatan Komuniti Jabatan Penjara dan juga pegawai dari KDN.

- **Bengkel Peraturan *International Transfer Of Prisoners***

Bengkel Peraturan *International Transfer Of Prisoners* (ITOP) merupakan satu initiatif KDN

melalui Bahagian PDP dalam usaha untuk menyediakan serta memurnikan Peraturan-peraturan *International Transfer of Prisoners (ITOP)* selaras dengan keperluan *International Transfer of Prisoners Act [Akta 754].*



*Peserta Bengkel Peraturan International Transfer of Prisoner*

Bengkel ITOP diadakan pada 29-31 Oktober 2014 dan melibatkan pelbagai Jabatan/Agensi seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, PDRM, JPM dan pegawai dari Kementerian Dalam Negeri.

- **Pewartaan Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Pusat Pemulihan Narkotik**

Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 18 Pusat Latihan Narkotik (PUSPEN) dan seramai 301 Ahli Lembaga Pelawat telah pun diwartakan seperti di Jadual 20.

| NO. | PUSAT LATIHAN NARKOTIK | BILANGAN AHLI |
|---|---|---|
| 1 | PUSPEN Sungai Besi, Kuala Lumpur | 6 |
| 2 | PUSPEN Dengkil, Selangor | 11 |
| 3 | PUSPEN Sepang, Selangor | 12 |
| 4 | PUSPEN Serendah, Selangor | 8 |
| 5 | PUSPEN Jelebu, Negeri Sembilan | 12 |
| 6 | PUSPEN Pulau Sebang, Melaka | 10 |
| 7 | PUSPEN Tiang Dua, Melaka | 10 |
| 8 | PUSPEN Muar, Johor | 9 |
| 9 | PUSPEN Tampoi, Johor | 11 |
| 10 | PUSPEN Perlop, Perak | 11 |
| 11 | PUSPEN Batu Kurau, Perak | 11 |
| 12 | PUSPEN Bukit Mertajam, Pulau Pinang | 11 |
| 13 | PUSPEN Butterworth, Pulau Pinang | 10 |
| 14 | PUSPEN Karangan, Kedah | 11 |
| 15 | PUSPEN Serdang, Kedah | 12 |
| 16 | PUSPEN Bukit Chabang, Perlis | 11 |
| 17 | PUSPEN Karak, Pahang | 10 |
| 18 | PUSPEN Gambang, Pahang | 10 |
| 19 | PUSPEN Raub, Pahang | 10 |
| 20 | PUSPEN Jerantut, Pahang | 12 |
| 21 | PUSPEN Sungai Ruan, Pahang | 11 |
| 22 | PUSPEN Benta, Pahang | 11 |
| 23 | PUSPEN Bachok, Kelantan | 10 |
| 24 | PUSPEN Jeli, Kelantan | 13 |
| 25 | PUSPEN Papar, Sabah | 10 |
| 26 | PUSPEN Kuching, Sarawak | 10 |
| 27 | PUSPEN Kota Bharu, Kelantan | 9 |
| 28 | PUSPEN Kota Tinggi, Johor | 19 |
| JUMLAH | | 301 |

*Jadual 20: Pewartaan PUSPEN dan Ahli Pelawat 2014*

| Bil | Status Permohonan TAPPN 2014 | Bil. Kes | Bil. Kes Tidak Lulus | Bil. Kes Lulus | Jumlah Bantuan | Jabatan Yang Terlibat |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kategori Cedera Ringan | 5 | 2 | 3 | RM2,250.00 | JPAM<br>Jab. Penjara Malaysia |
| 2 | Kategori Cedera Parah | 1 | 0 | 1 | RM8,000.00 | JPAM |
| 3 | Kategori Meninggal Dunia | 2 | 1 | 1 | RM22,000.00 | JPAM<br>Jab. Penjara Malaysia |
| | Jumlah keseluruhan | 8 | 3 | 5 | RM 32,250.00 | |

*Jadual 21: Butiran Permohonan TAPPN tahun 2014*

- **Pindaan Akta Pertahanan Awam 1951**

Rang Undang-Undang (RUU) bagi Pindaan Akta Pertahanan Awam 1951 dijadualkan untuk pembentangan ke Mesyuarat Kabinet pada 14 November 2014. Memandangkan terdapat cadangan pindaan baru yang substantif daripada pihak Penasihat Undang-Undang (PUU) maka pembentangan telah ditangguhkan ke tahun 2015.

- **Kaedah-Kaedah Dan Peraturan Pertahanan Awam**

Pindaan terhadap Kaedah-Kaedah Pertahanan Awam 1951 telah sedang diteliti. Sehingga November 2014, dua (2) siri bengkel telah diadakan untuk mengemaskini Kaedah tersebut agar selari dengan RUU bagi Pindaan Akta Pertahanan Awam 1951.

Satu draf awal telah dikemukakan oleh pihak PUU dan terdapat beberapa perkara dalam kaedah tersebut yang perlu diperhalusi sebelum ianya dimuktamadkan.

- **Permohonan Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara**

Sehingga November 2014, terdapat lapan (8) permohonan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) telah diproses. KDN juga di beri tanggungjawab untuk mengenalpasti risiko tugas Jabatan di bawah seliaan KDN iaitu JPM, AADK dan JPAM selaku benefisiari di bawah TAPPN selaras dengan usaha Jawatankuasa Induk TAPPN iaitu Kementerian Pertahanan menambahbaik kriteria permohonan. Sepanjang tahun 2014, permohonan TAPPN adalah bernilai RM32,250.00 dan butiran adalah seperti di Jadual 21.

- **Majlis Mengadap Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong**

Memorandum dan kesemua sijil watikah pelantikan pegawai JPAM di bawah Seksyen 4 Akta Pertahanan Awam telah ditandatangani oleh SPB YDP Agong. KDN masih dalam tindakan mendapatkan tarikh daripada pihak Istana Negara supaya satu Majlis Menghadap SPB YDP Agong sempena Pelantikan Ketua Pengarah JPAM, TKP (Operasi) JPAM dapat diadakan. Menteri Dalam Negeri telah bersetuju untuk mengetuai delegasi bagi Majlis Menghadap SPB YDP Agong.

- **Pindaan terhadap Kaedah-Kaedah dan Peraturan Pertahanan Awam**

  - Bengkel Pindaan Kaedah-kaedah Pertahanan Awam (Pasukan Pertahanan Awam) 1970, pada 28 hingga 30 Ogos 2014 di Ramada Plaza Melaka; dan



- Retreat Pemurnian Draf Kaedah-Kaedah Pertahanan Awam (Pasukan Pertahanan Awam)1970 pada 3 hingga 5 November 2014 di Century Pines Resort, Cameron Highlands.








*Penyerahan Cek Bantuan TAPPN kepada Pegawai JPAM di Kucing, Sarawak*




*Penyerahan Cek Bantuan Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara (TAPPN) kepada Pegawai Jabatan Penjara Malaysia*

# ANTARABANGSA
# &
# SEKRETARIAT MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN ORANG & ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (MAPO)

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Antarabangsa dan Sekretariat MAPO (AB) berperanan menyelaras hal ehwal antarabangsa yang melibatkan isu-isu keselamatan dan isu-isu hak asasi manusia; serta memastikan setiap keputusan yang dibuat di peringkat antarabangsa selaras dengan dasar negara dan tidak bertentangan dengan undang-undang.

Bahagian AB juga bertanggungjawab memuktamadkan Perjanjian/Memorandum Persefahaman (MoU) dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan serta bertindak sebagai Sekretariat kepada MAPO. MAPO merupakan peneraju di peringkat nasional dalam merancang, menyelaras dan memantau segala aspek berkaitan usaha kerajaan dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Isu-isu antarabangsa di bawah tanggungjawab KDN antara lainnya meliputi jenayah rentas sempadan termasuk pemerdagangan orang dan penyeludupan migran serta isu-isu hak asasi manusia. Ini adalah kerana jenayah ini amat kompleks dan tidak dapat ditangani secara unilateral di samping melibatkan aktiviti jenayah merentasi sempadan negara serta pergerakan manusia di dalam era globalisasi pada masa kini.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- **Sesi Dialog bersama Para Majikan Sektor Elektronik**

Sekretariat MAPO dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mengadakan tiga (3) Sesi Dialog MAPO Bersama Majikan-Majikan Sektor Elektronik berkenaan Isu Buruh Paksa:

- Siri 1/2014 pada 9 Oktober 2014 di Shah Alam, Selangor;
- Siri 2/2014 pada 14 Oktober 2014 di Pulau Pinang; dan
- Siri 3/2014 pada 30 Oktober 2014 di Johor Bharu, Johor.

Siri dialog tersebut adalah susulan daripada pengeluaran Laporan oleh *U.S. Department of Labor's Office of Child Labor, Forced Labor and Human Trafficking* (OCFT) Mengenai Isu Buruh Paksa dalam Industri Elektronik di Malaysia pada 16 September 2014. Intipati laporan adalah penemuan kajian oleh sebuah NGO antarabangsa iaitu Veritea Inc. dan ditaja oleh Jabatan Buruh Amerika Syarikat di mana metodologi kajian adalah wawancara dengan 501 responden/pekerja melibatkan 63 pekerja warga tempatan dan 437 pekerja asing.

Objektif sesi dialog ini adalah untuk memberi pemahaman yang jelas kepada para majikan dalam sektor elektronik di Malaysia berkaitan isu buruh paksa serta implikasi negatif kepada negara. Selain itu, ia juga dijadikan platform untuk MAPO mengadakan *engagement* dengan pihak industri elektronik bagi mendapatkan pandangan dan saranan secara terus terutamanya berkaitan isu yang dibangkitkan di dalam laporan oleh Veritea Inc.




*9 Oktober 2014 : Sesi dialog siri 1/2014 di Shah Alam, Selangor*




*14 Oktober 2014 : Sesi Dialog bersama majikan Sektor Elektronik di Pulau Pinang*

- ***Workshop On Combating Human Trafficking, People Smuggling, And Transnational Crime Specialized Capacity Building On Investigative Techniques***

KDN telah menghantar dua (2) orang pegawai ke *Workshop On Combating Human Trafficking, People Smuggling, And Transnational Crime: Specialized Capacity Building On Investigative Techniques* yang telah berlangsung di Hat Yai, Thailand pada 18 hingga 20 November 2014. Bengkel tersebut turut dihadiri oleh seorang wakil setiap satu dari PDRM dan JIM.

Bengkel tersebut merupakan inisiatif bersama dengan pihak Kanada melalui International Organization for Migration (IOM) Mission in Thailand dan The Immigration Bureau of the Royal Thai Police. Impak bengkel ialah dalam penyediaan platform kepada perwakilan KDN khususnya PDRM dan JIM serta The Immigration Bureau of the Royal Thai Police berkongsi pengetahuan serta pengalaman; di samping meningkatkan koordinasi dan kerjasama antara Malaysia dengan Thailand berhubung siasatan kes pemerdagangan orang, penyeludupan migran serta jenayah rentas sempadan.




*18 – 20 November 2014 : Workshop On Combating Human Trafficking, People Smuggling, And Transnational Crime*




*18 – 20 November 2014 : Workshop On Combating Human Trafficking, People Smuggling, And Transnational Crime*

## • Bengkel Bersama Pihak NGO bagi Proses Pengendalian Mangsa Pemerdagangan Orang dan Penyediaan Laporan

Bengkel diadakan di Kuala Lumpur pada 16-18 Disember 2014 dan dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Sekretariat MAPO. Bengkel ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada pihak NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) mengenai proses pengendalian mangsa bagi jenayah pemerdagangan orang di samping penyediaan laporan-laporan berkaitan seperti Laporan Sosial yang akan digunakan semasa proses rakaman keterangan di Mahkamah.

Penganjuran bengkel ini adalah bagi memberi:

- Kefahaman kepada pihak NGO mengenai keperluan asas bagi sesebuah rumah perlindungan yang akan menempatkan mangsa bagi jenayah pemerdagangan orang;
- Penerangan kepada pihak NGO mengenai bentuk laporan-laporan yang perlu disediakan dan garis panduan beserta format *standard* seperti yang telah menjadi amalan bagi rumah-rumah perlindungan di bawah kelolaan Kerajaan; dan
- Penerangan mengenai hubungan penting yang bakal wujud di antara pihak NGO, Pegawai Penyiasat, Pihak Mahkamah, Sekretariat MAPO dan KPWKM.

Secara tidak langsung bengkel tersebut mempamerkan komitmen Kerajaan dalam menjalinkan hubungan kerjasama bersama pihak NGO dalam mengendalikan program perlindungan dan pemulihan mangsa bagi mangsa pemerdagangan orang; di samping mempertingkatkan imej Malaysia dalam usaha mengekang kegiatan pemerdagangan orang terutama di di peringkat antarabangsa; sekali gus berupaya melonjakkan kedudukan Malaysia di dalam Laporan JNAS 2015.



*Salah satu sesi perbincangan oleh NGO*




*Ucapan akhir oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Selangor*




*Sesi penyampaian sijil kepada peserta bengkel*

- ## Majlis Menandatangani MoU di Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia

KDN melalui Bahagian AB berperanan sebagai penghubung dengan negara luar dalam menjalinkan kerjasama strategik dalam bidang berkaitan. Salah satu produk paling gemilang tahun 2014 di bawah bidang *business services* adalah Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan keselamatan.

Majlis menandatangani MoU berkaitan jenayah rentas sempadan antara Malaysia yang diketuai MDN dengan Kerajaan Australia yang diketuai T.Y.T Scott Marrison, Menteri Imigresen dan Kawalan Sempadan berlangsung pada 19 Disember 2014 bertempat di Pulau Langkawi, Kedah. Melalui MoU ini telah meningkatkan kerjasama di peringkat polisi, perundangan dan penguatkuasaan dalam membanteras jenayah rentas sempadan.

Di samping itu, MoU yang ditandatangani membuktikan komitmen Kerajaan bagi mewujudkan suasana kondusif dari aspek keselamatan kepada komuniti perniagaan seterusnya mewujudkan ekonomi yang berdaya saing dan menarik pelaburan baharu ke negara ini.




*19 Disember 2014 : Majlis Menandatangani MoU di Antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Australia*

## • Bengkel Keselamatan Sempadan Dengan Kerjasama *Australian Customs And Border Protection Service*

Malaysia dan Australia bersetuju meningkatkan kerjasama dari segi tahap keselamatan sempadan negara bagi menangani ancaman jenayah rentas sempadan terutamanya melibatkan elemen penyeludupan manusia dan pemerdagangan orang. Sehubungan itu, Malaysia telah dijemput bagi menyertai satu bengkel Keselamatan Sempadan anjuran *Australian Customs and Border Protection Service* (ACBPS) yang telah berlangsung pada 10 hingga 11 Jun 2014 di Phuket, Thailand.

Perwakilan Malaysia ke bengkel ini melibatkan KDN, PDRM, JIM Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM); Manakala perwakilan agensi Thailand adalah dari *Customs Department of Thailand, Royal Thai Police (Marine Unit), Thai Immigration Bureau* dan *Royal Thai Navy*.

Penganjuran bengkel ini berjaya meningkatkan kerjasama dan kepakaran di antara agensi penguatkuasa dari Malaysia dan Thailand dalam memelihara keselamatan sempadan Malaysia-Thailand. Selain itu, wujud pemantapan komitmen dan usaha melalui kerjasama serantau terutama dari segi aspek pertukaran maklumat/risikan dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan.



*Bengkel Keselamatan Sempadan Dengan Kerjasama Australian Customs And Border Protection Service (Acbps)*




*10-11 Jun 2014 : Bengkel Keselamatan Sempadan di Phuket, Thailand*

## • Mesyuarat Pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM 2007)

Susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Jun 2014, satu Mesyuarat Peringkat Menteri (MPM) yang dipengerusikan oleh YB MDN telah diadakan pada 3 Julai 2014 bagi membincangkan langkah-langkah penambahbaikan susulan daripada Laporan JNAS 2014 mengenai pemerdagangan orang.

Antara isu-isu utama yang telah dikenal pasti ialah keperluan pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM 2007) sebelum tahun 2014 mengenai aspek perlindungan merangkumi kebenaran mangsa bekerja, bebas bergerak dan tinggal di luar rumah perlindungan. MPM berpandangan beberapa aspek perundangan di dalam ATIPSOM 2007 memerlukan semakan. Antaranya:

- Pewartaan Rumah Perlindungan NGO;
- Petugas NGO sebagai Pegawai Pelindung;
- Keberadaan mangsa di luar Rumah Perlindungan;
- Kebenaran bekerja kepada mangsa dan elemen pampasan melibatkan kes-kes tuntutan gaji bagi kes-kes eksploitasi buruh kerana kebergantungan kepada Akta Pekerjaan 1955; dan
- Kesesuaian tempoh Perintah Perlindungan Sementara (IPO) dan Perintah Perlindungan (PO) yang diperuntukkan di bawah Akta sedia ada perlu turut dikaji.

- **Bengkel ASEAN Ke-Empat Mengenai Tindak Balas Berkesan Dalam Sistem Keadilan Jenayah Sebagai Sokongan Kepada Mangsa Pemerdagangan Orang**

Bengkel ini dianjurkan secara bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Australia – Asia Program to Combat Trafficking in Persons (AAPTIP) pada 28 – 30 April 2014 di Kuala Lumpur. Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan dua (2) program sebelum ini yang dikelolakan oleh Kerajaan Australia iaitu *Asia Regional Cooperation to Prevent People Trafficking* (ARCPPT: 2003-2006) dan *Asia Regional Trafficking in Persons Project* (ARTIP:2006 - 2012). Objektif bengkel adalah untuk membanteras dan mengekang jenayah pemerdagangan orang di rantau Asia Tenggara. Program lima (5) tahun (2013 - 2018) yang beribu pejabat di Thailand ini memberikan fokus secara mendalam bagi aspek pendakwaan kepada jenayah ini.

Bengkel disertai oleh 120 orang peserta mewakili agensi-agensi penguatkuasa, perundangan, perlindungan (Hakim, Pendakwaraya dan Pembuat Dasar) serta wakil masyarakat madani (*civil society*) daripada negara-negara anggota ASEAN.

Penganjuran bengkel ini mempamerkan komitmen dan ketegasan Malaysia dalam menangani isu pemerdagangan orang. Pada masa yang sama, menunjukkan inisiatif Malaysia untuk menambahbaik sistem keadilan jenayah berkaitan pemerdagangan orang termasuk mempertingkatkan peratus sabitan kes-kes di mahkamah.

- **Sesi Dialog Bersama NGO Berkenaan Isu Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang**

Sesi Dialog ini telah diadakan di Hotel Hilton Petaling Jaya pada 3 September 2014. Objektif sesi ini untuk memberi pemahaman yang lebih jelas berkaitan




*28 – 30 April 2014 : Bengkel ASEAN Ke-Empat Mengenai Tindak Balas Berkesan Dalam Sistem Keadilan Jenayah Sebagai Sokongan Kepada Mangsa Pemerdagangan Orang*










*Bengkel ASEAN Ke-Empat Mengenai Tindak Balas Berkesan Dalam Sistem Keadilan Jenayah Sebagai Sokongan Kepada Mangsa Pemerdagangan Orang*

penglibatan NGO dalam aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang. Ini adalah meliputi hal-hal berkaitan Rumah Perlindungan, Pegawai Pelindung dan tangunggjawab NGO yang akan dimasukkan dalam cadangan pindaan Akta ATIPSOM 2007.

*Outcome* bengkel adalah dalam menyediakan rangka kerja strategik bagi rakan-rakan NGO dalam menjalin kerjasama NGO dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang selaras dengan aspirasi NGO untuk lebih proaktif dalam menangani jenayah ini. Bengkel ini turut merupakan platform bagi kerajaan untuk bertukar-tukar pengalaman dan amalan terbaik NGO.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya inisiatif KDN dalam menangani isu-isu berkaitan jenayah rentas sempadan meliputi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran walaupun kelihatan kompleks tetapi berjaya ditangani dengan bijak dan berkesan. Kejayaan untuk Kerajaan Malaysia menandatangani MoU dengan Kerajaan Australia dengan sendirinya memastikan inisiatif dan kejayaan tersebut diakui di peringkat antarabangsa.

# BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA

# PENGENALAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2009 dengan satu pelan hala tuju yang mengambil masa sembilan (9) tahun dalam tiga (3) peringkat iaitu, Fasa 1 (2010 – 2012), Fasa 2 (2013 – 2015) dan Fasa 3 (2016 – 2020). Sebanyak 55 inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah telah dilaksanakan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) Fasa 1 (2010 – 2012). Manakala di bawah GTP Fasa 2, 35 inisiatif perlu dilaksanakan sepanjang tahun 2013 – 2015.

KDN dipertanggungjawabkan untuk menerajui NKRA Mengurangkan Jenayah. Tumpuan ialah kepada setiap aspek memerangi jenayah bermula dari peringkat pencegahan, pengesanan awal, tangkapan, perbicaraan mahkamah, sistem penjara dan proses pemulihan. NKRA Mengurangkan Jenayah turut memfokuskan kepada inisiatif untuk menambah baik persepsi masyarakat dan meningkatkan mutu perkhidmatan pasukan PDRM. Bahagian NKRA, KDN ditubuhkan pada akhir tahun 2009, bertujuan merancang, menyedia, menyelaras dan memantau kemajuan inisiatif-inisiatif yang dihasilkan oleh Makmal NKRA Mengurangkan Jenayah.

Dalam tempoh pelaksanaan NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan GTP Fasa 1 dan GTP Fasa 2, Kerajaan telah menggerakkan pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan untuk bersama-sama dalam pencegahan jenayah dan ia bukannya hanya dipertanggungjawab kepada sesebuah agensi khususnya seperti PDRM. Namun, Kerajaan mahu penyertaan semua pihak dalam memastikan keamanan dan kestabilan terjamin sekaligus mendorong keyakinan pelabur asing terhadap negara.

# PENCAPAIAN NKRA MENGURANGKAN JENAYAH

NKRA Mengurangkan Jenayah telah mengenal pasti lima (5) KPI bagi GTP 2. Empat (4) KPI telah merekodkan pencapaian melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan iaitu:

- Pengurangan Jenayah Indeks sebanyak 12.6% daripada 5% yang disasarkan;
- Pengurangan Kejadian Pecah Masuk Rumah sebanyak 11.7% daripada 5% yang disasarkan;
- Peningkatan kadar pendakwaan bagi kes jenayah kekerasan telah mencapai 41.5% daripada 35% yang disasarkan.
- Peningkatan Kepuasan Rakyat Terhadap Perkhidmatan PDRM adalah sebanyak 92.5% daripada 80% yang disasarkan.

Indeks Persepsi Keselamatan yang direkodkan adalah pada kadar 39% daripada 52% yang disasarkan.

# PROGRAM/PRESTASI UTAMA

## • Program United Against Crime

KDN telah berjaya mengadakan Program United Against Crime (UAC) Tapah, Perak pada 8 Mei hingga 10 Mei 2014 bertempat di Kompleks Penjara Tapah, Perak. Program telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan dihadiri seramai 5,000 orang.






*Program UAC Tapah, Perak*

- **Program Penjara Industri**

Program Penjara Industri yang diperkenalkan melalui GTP 2.0 (2013 - 2015) merupakan serampang dua mata kepada program pemulihan Jabatan Penjara Malaysia dengan tujuan membantu penghuni penjara meningkatkan kemahiran melalui latihan kemahiran bersijil agar mereka lebih berkelayakan di samping dapat menjana pendapatan dengan bekerja di industri ini sepanjang tempoh pemenjaraan. Selepas dibebaskan, mereka boleh menggunakan sijil dan kemahiran yang ada untuk memasuki pasaran kerja arus perdana. Program Penjara Industri telah dirasmikan pada 8 Disember 2014 oleh YBhg. Komisioner Jenaral Penjara, Dato' Sri Hj. Zulkifli bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia bersama YBhg. Dato' Amin Khan, Pengarah NKRA Mengurangkan Jenayah, PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri bertempat di Penjara Kajang, Selangor. Program Penjara Industri Fasa Kedua di Penjara Tapah, Perak akan mula beroperasi pada 1 Januari 2015 bagi membekalkan roti ke lima (5) buah institusi penjara iaitu Penjara Tapah, Penjara Batu Gajah, Pusat Koreksional Kamunting, Penjara Taiping dan Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang.



*Perasmian Penjara Industri Kajang*

- **Rumah Perantaraan**

Melalui GTP 1.0, sejumlah 14 buah Rumah Perantaraan (RP) di setiap negeri telah diwujudkan. Bekas banduan yang tiada tempat tinggal, tiada keluarga atau keluarga enggan menerima mereka boleh memilih menjadi residen di rumah perantaraan ini. Sehingga 31 Disember 2014, 1,233 orang residen menerima kemudahan ini dan 90% daripadanya telah mempunyai pekerjaan dan didapati tiada di antara mereka kembali mengulangi perbuatan jenayah atau masuk ke penjara semula. KDN bercadang akan menambah lagi 5 Rumah Perantaran (RP) untuk Orang DiParol (ODP) melalui GTP 2.0 (2013 - 2015).

- **Perintah Kehadiran Wajib**

Pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) adalah sebagai alternatif kepada hukuman pemenjaraan ke atas pesalah yang dijatuhi hukuman oleh Mahkamah tanpa menjejaskan kehidupan pesalah dalam masyarakat di mana mereka akan menjalankan kerja-kerja wajib selama tidak melebihi tiga (3) bulan dan tidak melebihi dari 4 jam waktu bekerja sehari dalam komuniti. Ini adalah salah satu inisiatif NKRA bagi mengurangkan kesesakan dalam penjara di samping dapat mengurangkan kos kerajaan dalam menanggung pesalah-pesalah kesalahan kecil sekiranya ditempatkan dalam penjara. Sehingga 31 Disember 2014, seramai 2,061 orang pesalah telah menjalani perintah di 50 buah pusat kehadiran wajib di seluruh negara.

- **Program Bandar Selamat**

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) telah dibangunkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan




*Anugerah Kecemerlangan Geospatial World Forum*

Tempatan (KPKT) dengan kerjasama PDRM untuk membantu dalam memantau pelaksanaan Program Bandar Selamat (PBS) dalam usaha mengurangkan jenayah. SPBS telah berjaya dipilih oleh Panel Penilai *Geospatial World Forum* 2014 untuk menerima Anugerah Kecemerlangan *Geospatial World Forum* dalam Aplikasi Teknologi Geospatial bagi Keselamatan Awam daripada 150 projek geospatial yang dikemukakan di *Centre International De Condeference* (CIGC) Geneva, Switzerland pada 8 Mei 2014.

- **Pemutihan Kawasan Hitam**

Kejayaan Program Bandar Selamat diteruskan dengan perluasan kepada pelaksanaan inisiatif pemutihan kawasan hitam dengan melibatkan bantuan dan kerjasama pelbagai pihak termasuklah PBT, PDRM, AADK dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan bermasalah, iaitu kawasan *blackspot*, dalam kawasan kejiranan mereka. Sehingga 31 Disember 2014, 44 pemutihan kawasan hitam telah dilaksanakan di seluruh negara.

- **Penerbitan *"informercial"***

KDN dengan kerjasama pihak Astro telah menerbitkan 13 siri video '*informercial*' yang memaparkan kes-kes jenayah tegar di kalangan masyarakat dengan memberi mesej ringkas selain tips dan nasihat untuk mengelak jenayah daripada berlaku. Produksi ini dipromosikan di beberapa medium media massa Astro meliputi saluran TV dan Radio serta aplikasi dalam talian.

- **Akses Rawatan Penagihan Dadah dan Pemulihan**

KDN menerusi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) memperluaskan akses perkhidmatan rawatan dan pemulihan penagih dadah melalui Cure & Care Service Centre (CCSC) di kawasan *blackspot* bagi membantu memulihkan penagih dadah yang berisiko menyumbang kepada peningkatan indeks kadar jenayah. AADK telah menjalankan pelbagai program yang meliputi aspek pencegahan, rawatan, perubatan & pemulihan dadah serta aktiviti-aktiviti penguatkuasaan terhadap penagih-penagih baru dan berulang bagi menyelesaikan masalah penagih dadah di kawasan *blackspot*. Program tersebut dijalankan bersama pelbagai Jabatan/Agensi seperti PDRM, JIM, PBT, Persatuan Penduduk dan Pemimpin Masyarakat setempat. Sehingga Disember 2014, sebanyak 663 program (pencegahan, rawatan & pemulihan dan penguatkuasaan) telah dilaksanakan di 44 kawasan *blackspot*.



*Home Visit di Sg. Nibong, Pulau Pinang*



*Program Komuniti Bebas Dadah di Taman Kajang Raya*

- ## Unit Rondaan Bermotosikal PDRM

**Pencapaian 2013 - 2014:**

| | |
|---|---|
| **Jumlah Penahanan** | 2,408 |
| **Jumlah Perampasan** | 1,620 |
| **Jumlah Rumah Dilawati** | 303,406 |
| **Jumlah Kereta Diperiksa** | 351,227 |
| **Jumlah Motosikal Diperiksa** | 520,917 |

- ## Program Membuka Peluang Pekerjaan

AADK juga meneruskan Program Membuka Peluang Pekerjaan untuk penagih dadah yang sedang pulih melalui Program Latihan Kemahiran Vokasional. Pelbagai kursus jangka pendek dan jangka panjang yang setara dengan Sijil Kemahiran Tahap 1 dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan AADK. Sehingga Disember 2014, 4,790 orang klien telah mengikuti Latihan Kemahiran Vokasional Jangka Pendek di Pusat-Pusat Pemulihan AADK (semua CCRC, Semua Klinik C&C dan CCSC di Sabah dan Sarawak). Sehingga Disember 2014,



*Kursus Fertigasi Cili*




*Kursus Pemprosesan Kerepek Pisang dengan kerjasama Usahawan IKS Kota Bharu*

seramai 111 orang klien telah tamat latihan Kursus Jangka Panjang di *Cure & Care Vocational Center* (CCVC).

Program Penempatan Pekerjaan melalui Karnival Kerjaya yang dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun dengan penglibatan lebih banyak majikan/ syarikat swasta di seluruh negara. Sehingga Disember 2014, seramai 276 majikan terlibat, 2,093 klien hadir ke Karnival Kerjaya dan seramai 176 klien ditawarkan pekerjaan.

- ## Anugerah Balai League Table 2014

Majlis Anugerah *Balai League Table* (BLT) 2014 telah diadakan pada 18 Disember 2014 dan disempurnakan oleh YDH Tan Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara bertempat di Hotel Holiday Villa, Subang Jaya, Selangor. BLT diwujudkan untuk memberi pengiktirafan dan ganjaran kepada Balai Polis terpilih yang mempunyai rekod pengurangan jenayah tertinggi dalam kawasan pentadbirannya dan usaha yang diambil dalam meningkatkan hubungan antara polis dengan orang ramai. Senarai pemenang BLT 2014 berdasarkan kategori balai adalah seperti dalam Jadual 22.

| KATEGORI BALAI | TEMPAT PERTAMA | TEMPAT KEDUA | TEMPAT KETIGA | TEMPAT KEEMPAT | TEMPAT KELIMA |
|---|---|---|---|---|---|
| A | Sg Besi, Cheras, Kuala Lumpur | Subang Jaya, Subang Jaya, Selangor | Batu Pahat, Batu Pahat, Johor | Damansara, Petaling Jaya, Selangor | Klang, Klang Selatan, Selangor |
| B | Serdang, Serdang, Selangor | Sandakan, Sandakan, Sabah | Kg Baru Subang, Sg Buloh, Selangor | Pasir Gudang, Seri Alam, Selangor | Kluang, Kluang, Johor |
| C | Sri Iskandar, Perak Tengah, Perak | Pusat Miri, Miri, Sarawak | Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor | Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor | Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang |
| D | Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor | Pontian, Pontian, Johor | Bagan Serai, Kerian, Perak | Masai, Seri Alam, Johor | Bukit Sentosa, Hulu Selangor, Selangor |
| E | Labis, Segamat, Johor | Sekama, Kuching, Sarawak | Ulu Choh, Nusajaya, Johor | Kg Baru, Timur Laut, Pulau Pinang | Labuan, Labuan, Sabah |
| F | Tubau, Bintulu, Sarawak | Lingga, Sri Aman, Sarawak | Kayu Ara Pasong, Pontian, Johor | Pusa, Betong, Sarawak | Cenderawasih, Lahad Datu, Sabah |

*Jadual 22: Senarai Pemenang Balai League Table Tahun 2014*

- **Mesyuarat DTF GTP 2**

Mesyuarat DTF GTP 2 Bagi NKRA Mengurangkan Jenayah telah berjaya diadakan dua (2) kali pada tahun 2014 bagi membincangkan kemajuan NKRA Mengurangkan Jenayah. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri berkaitan, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing dan Ketua Jabatan yang terlibat secara langsung dengan kemajuan bagi NKRA Mengurangkan Jenayah.



*Majlis Anugerah Balai League Table (BLT) 2014*

# PENUTUP

Pada masa kini tugas utama kerajaan adalah untuk menangani persepsi mengenai rasa selamat dalam kalangan rakyat di negara ini. KDN amnya dan PDRM khususnya komited untuk meneruskan momentum ini tetapi yang lebih penting ialah memastikan masyarakat terus merasai dan menghargai aura selamat dan sejahtera.

# KEPOLISAN & KESELAMATAN SEMPADAN

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Kepolisan dan Keselamatan Sempadan (PS) bertanggungjawab mengurus dasar kepolisan dan keselamatan sempadan. Sehubungan itu, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) diletakkan di bawah penyeliaan dengan fungsi dan peranan berikut:

- Merangka, menggubal dan menyelia perkara dasar berkaitan Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- Merangka dan menyelaras secara bersama dengan Pejabat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan dari segi aspek pemantauan dan perlindungan pepasangan sasaran penting negara melalui Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) dan Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN);
- Bertanggungjawab terhadap isu-isu keselamatan sempadan dan sentiasa bekerjasama erat dengan agensi berkaitan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan sebagainya; dan
- Merangka dan menyelaras secara bersama dengan MKN perkara berkaitan dasar UPP dan memantau serta menyelaras secara keseluruhan operasi dan pentadbiran UPP.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Sepanjang tahun 2014, pelbagai strategi telah dirangka dan pelbagai program/aktiviti telah dilaksanakan dalam usaha memastikan tahap keselamatan sempadan terjamin di samping aspek kawalan keselamatan sempadan dan pencegahan penyeludupan ditangani dengan berkesan. Antaranya:

- Mengadakan hubungan dua hala yang lebih efektif dengan agensi berkaitan dalam berkongsi maklumat dan bertukar pandangan.
- Mewujudkan satu sumber rujukan maklumat di Bahagian PS bagi memudahkan urusan pengendalian isu dan masalah berkaitan sempadan negara dan kepolisan.
- Menghadiri pelbagai kursus yang ditawarkan dalam bidang berkaitan.
- Memberi peluang kepada semua pegawai dan kakitangan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dalam persempadanan negara, sektor kepolisan dan pencegahan penyeludupan.
- Memberi penghargaan di atas sumbangan dan pencapaian dalam menyampaikan perkhidmatan teras dan sokongan.

Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Politik (PTP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan sebagai satu pendekatan bagi menambah baik perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dalam bidang sosial dan ekonomi malah melakukan perubahan dalam kaedah pengurusan jentera Kerajaan agar keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan hidup rakyat dapat terjamin. Justeru, pelbagai program dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan oleh KDN sepanjang tahun 2014 supaya ianya selaras dengan agenda transformasi nasional. Antara program dan aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

## • Penyediaan Jawapan Kepada Soalan-Soalan Parlimen

KDN melalui Bahagian PS telah diberi tanggungjawab menyelaras jawapan soalan-soalan Parlimen berkaitan dasar kepolisan, keselamatan sempadan dan pencegahan penyeludupan. Sepanjang tiga (3) sesi mesyuarat Penggal Kedua, Parlimen ke-13 tahun 2014 sebanyak 221 soalan Dewan Rakyat dan 102 soalan Dewan Negara telah direkod dan disediakan jawapan.

*Trend* soalan-soalan yang dikemukakan bagi tahun 2014 adalah mengenai hal ehwal kepolisan, inisiatif-inisiatif NKRA mengurangkan kadar jenayah, isu-isu membabitkan perhimpunan aman dan isu-isu jenayah di Malaysia.

- **Operasi Membanteras Penyeludupan Di Sempadan Malaysia-Thailand**

KDN sentiasa komited dalam memerangi segala jenis aktiviti penyeludupan melalui peranan UPP yang bertugas di sempadan Malaysia – Thailand. Sebanyak **15,931 operasi** meliputi aktiviti penguatkuasaan seperti sekatan jalanraya, rondaan, risikan, operasi khas dan pemeriksaan mengejut dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Hasilnya, UPP telah berjaya memperolehi sebanyak **1,565 kes** dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah **RM19,305,458.40** dan tangkapan **PATI** seramai **1,811** orang. Bilangan operasi mengikut negeri berserta kes dan nilai rampasan serta jenis rampasan masing-masing seperti di Jadual 23 dan Jadual 24.

| UPP NEGERI | BILANGAN OPERASI | BILANGAN KES | NILAI RAMPASAN (RM) | BILANGAN PATI (orang) |
|---|---|---|---|---|
| PERLIS | 6,654 | 1,008 | 6,971,016.13 | 623 |
| KEDAH | 5,420 | 141 | 3,921,541.20 | 309 |
| KELANTAN | 2,682 | 367 | 5,695,187.40 | 820 |
| PERAK | 1,178 | 49 | 1,670,495.00 | 57 |
| **JUMLAH** | 15,931 | 1,565 | 19,305,458.40 | 1,811 |

*Jadual 23 : Statistik Rampasan UPP Mengikut Negeri Tahun 2014*

| BIL | JENIS BARANG | NILAI RAMPASAN (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Beras | 137,710.00 |
| 2 | Diesel / Petrol | 1,276,782.61 |
| 3 | Dadah | 242,261.00 |
| 4 | Senjata Api | - |
| 5 | Mercun / Bunga Api | 501,296.12 |
| 6 | Minuman Keras / Rokok | 7,562,975.06 |
| 7 | Barangan Pengguna | 132,119.80 |
| 8 | Baja / Racun Rumpai | 1,500.00 |
| 9 | Kenderaan | 10,174,490.00 |
| 10 | Haiwan | 511,835.00 |
| 11 | Kayu | 7,857,100.00 |
| 12 | Perikanan | 64,200.00 |
| 13 | Pertanian | 155,427.40 |
| 14 | Pakaian | 78,696.50 |
| 15 | Penerbitan / Filem | 23,500.00 |
| 16 | Mata Wang | 327,311.00 |
| 17 | Lain-lain Kes / Kosmetik | 86,063.00 |
| **JUMLAH** | | 19,305,458.40 |

*Jadual 24: Statistik Rampasan UPP Mengikut Jenis Barang Tahun 2014*

Bagi mencapai sasaran mengurangkan kadar penyeludupan di sempadan Malaysia - Thailand, UPP telah merangka dan melaksanakan pelbagai strategi dan pelan tindakan, antaranya dengan meningkatkan operasi, memperluaskan operasi ke lokasi strategik yang dipercayai menjadi laluan penyeludup dan mengadakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasa lain sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi memantapkan penguatkuasaan di sempadan.

Antara *outcome* kepada operasi di atas ialah pengurangan kadar penyeludupan di sempadan Malaysia - Thailand dapat dikurangkan dan seterusnya mengurangkan ketirisan hasil pendapatan negara bagi memastikan agenda pembangunan ekonomi di bawah ETP tidak terjejas. Di samping itu, khazanah negara (hasil hutan dan sebagainya) dan hak rakyat (subsidi petrol, diesel barangan keperluan harian) terus terpelihara. Impak kepada pencapaian sasaran pencegahan penyeludupan ialah peningkatan keyakinan rakyat terhadap kemampuan UPP sebagai peneraju aktiviti membanteras penyeludupan di Malaysia.

## • Cadangan Pembinaan Pagar Keselamatan

Pada 30 Mac 2014, Ketua Setiausaha KDN mengadakan lawatan kerja ke sempadan Malaysia-Thailand di Pengkalan Kubor, Tumpat Kelantan. Tujuan lawatan adalah untuk meninjau tapak cadangan membangunkan pagar keselamatan sempadan Malaysia - Thailand antara Kelantan-Narathiwat yang melibatkan jarak sejauh 126 kilometer. Cadangan pembinaan projek ini adalah selaras dengan komitmen Menteri Dalam Negeri bagi mengurangkan aktiviti jenayah rentas sempadan negara. Pelaksanaan pembinaan ini bergantung kepada peruntukan kewangan semasa dan sehingga akhir 2014 masih dalam peringkat kajian oleh Jawatankuasa Pasukan Teknikal Pagar Keselamatan.

## • Sambutan Hari UPP Ke-38

Sambutan Hari UPP ke-38 dan Majlis Perasmian Kompleks UPP Padang Besar, Perlis telah diadakan pada 27 September 2014 di Kompleks UPP Padang Besar, Perlis sempena ulang tahun penubuhan UPP pada 28 Jun 1976. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Antara aktiviti utama sambutan ialah gimik pelancaran Majlis Perasmian Hari UPP ke-38, penyampaian surat penghargaan kepada anggota UPP oleh DYMM Raja Perlis, bacaan ikrar UPP serta lawatan ke *booth* pameran oleh pasukan keselamatan yang terdiri daripada PolisDiraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan lain-lain.

Program dihadiri lebih kurang 1,500 orang meliputi warga UPP, pegawai dan kakitangan dari Jabatan / Agensi KDN di negeri Perlis, Jabatan / Agensi yang bertugas di sempadan, jemputan khas dari pihak berkuasa Thailand serta masyarakat setempat




*30 Mac 2014: Lawatan tinjauan perairan sempadan Pengkalan Kubor-Sungai Golok.*

di sekitar Padang Besar, Perlis. Selaras dengan GTP, antara *outcome* program:

- Mendekatkan UPP dengan masyarakat setempat dan mengeratkan lagi interaksi bagi membentuk hubungan kukuh di antara masyarakat dan UPP. Hubungan kukuh ini menjadi asas bagi membentuk kerjasama dalam membanteras jenayah penyeludupan secara *pre-emptive*;

- Mendedahkan masyarakat mengenai peranan dan fungsi UPP dalam membanteras penyeludupan serta aspek penguatkuasaan dan isu-isu semasa mengenai penyeludupan;

- Membudayakan perkhidmatan yang berorientasikan mesra pelanggan, namun tegas dalam menguatkuasakan undang-undang;

- Memantapkan semangat berpasukan dan jalinan kerjasama yang sekian lama wujud dalam UPP yang dianggotai oleh tiga (3) agensi;

- Memperkasakan peranan UPP sebagai peneraju dalam aktiviti membanteras penyeludupan.



*27 September 2014: DYMM Raja Perlis mencemar duli merasmikan sambutan Hari UPP 2014 dan Kompleks UPP Padang Besar*



*DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail menerima Tabik Hormat daripada kawalan kehormatan*



*Penyampaian surat penghargaan kepada anggota-anggota UPP oleh DYMM Raja Perlis*



*DYMM Raja Perlis berkenan menandatangani plak Kompleks UPP Padang Besar*



*Persembahan sempena Hari UPP dan Perasmian Kompleks UPP Padang Besar*



*Anggota UPP kelihatan begitu segak dan bersemangat ketika berkawad*



*Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berjabat tangan dengan Menteri Besar Perlis, YAB Dato' Seri Azlan Bin Man*



*DYMM Raja Perlis berkenan meninjau booth-booth agensi-agensi kerajaan*



*DYMM Raja Perlis bersama Dif dan Tetamu Kehormat sempena Perasmian Kompleks UPP Padang Besar dan Sambutan Hari UPP Ke-38*

- **Program UPP Bersama Masyarakat Sempena Hari Raya Korban**

Program UPP Bersama Masyarakat sempena sambutan Hari Raya Korban diadakan pada 7 Oktober 2014 di Kampung Meranti, Pasir Mas, Kelantan. Program tersebut disertai oleh kira-kira 100 orang pegawai dan anggota dari UPP Kelantan, UPP Perlis, UPP Kedah dan UPP Perak dan seramai 200 orang penduduk setempat dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Abdul Rahim bin Ismail, Ketua Pengarah UPP merangkap SUB PS. Program bertujuan mendekatkan lagi UPP dengan masyarakat supaya dapat membentuk hubungan kukuh yang menjadi asas dalam membentuk kerjasama bagi membanteras aktiviti penyeludupan secara *pre-emptive.* Pendekatan ini selaras dengan agenda trasformasi di bawah GTP.



Dalam Negeri

UPP tingkatkan pemantauan di sempadan kekang penyeludupan

PASIR MAS 7 Okt. - Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) akan terus meningkatkan pemantauan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan khususnya melibatkan petrol dan diesel, meskipun subsidi bahan api berkenaan di negara ini dikurangkan sebanyak 20 sen.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Rahim Ismail berkata, pihaknya percaya jenayah itu akan terus berlaku kerana harga kedua-dua bahan api berkenaan masih murah berbanding negara jiran tersebut.

"Sebagai contoh, harga petrol di Malaysia adalah lebih murah RM1.30 berbanding Thailand," katanya ketika ditemui pada Majlis Korban Perdana Sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha di Pondok Haji Ismail Baginda, Kampung Jenerih, di sini hari ini.

Abdul Rahim memberitahu, pihaknya telah mengenal pasti lokasi yang sering menjadi tumpuan kegiatan penyeludupan bahan itu di sempadan Malaysia-Thailand dan pemantauan akan dilakukan dengan kerjasama daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan.

"Antara usaha yang dilakukan adalah dengan menjalankan rondaan menggunakan kenderaan di kawasan sempadan dan sekatan jalan raya serta pemeriksaan mengejut," katanya.

Mengulas mengenai program tersebut, Abdul Rahim berkata, ia menjadi platfrom untuk merapatkan hubungan antara anggota UPP dengan masyarakat setempat.

ABDUL Rahim Ismail (empat dari kiri) menuang santan ke dalam gulai kawah sewaktu majlis korban perdana di Pondok Haji Ismail Baginda, Kampung Jenerih di Pasir Mas, Kelantan, semalam. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

*Keratan Akhbar Utusan Malaysia 8 Oktober 2014: Program UPP Bersama Masyarakat di Kota Bahru, Kelantan pada 7 Oktober 2014*












*Program Gotong Royong Anggota UPP bersama penduduk setempat*

## UPP DI MEDIA MASSA 2014





# KEWANGAN

# PENGENALAN

KDN melalui pelbagai inisiatif Bahagian Kewangan (BK) sepanjang tahun 2014 berjaya mengekalkan prestasi perbelanjaan mengurus yang cemerlang di samping mengambil langkah penjimatan sejajar dengan aspirasi kerajaan mengikut konsep *value for money.* Usaha penambahbaikan secara berterusan telah berjaya meningkatkan mutu kerja dan mengekalkan prestasi 100% KDN khususnya menyelesaikan 27,533 bil – bil dalam masa 14 hari yang ditetapkan.

Tanggungjawab utama BK:

- Merancang, melaksanakan dasar-dasar pengurusan belanjawan, mengkaji, menyediakan anggaran perbelanjaan mengurus, memantau serta mengawal peruntukan dan prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan;

- Melaksanakan urusan pentadbiran dan kewangan seperti pengurusan pinjaman komputer, khidmat nasihat kewangan, pengurusan pembayaran gaji/elaun, memproses tuntutan dan pembayaran-pembayaran lain untuk Ibu Pejabat KDN;

- Menganjurkan kursus-kursus berkaitan pengurusan kewangan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di peringkat Kementerian dan Jabatan dalam usaha untuk menambahbaik pengurusan kewangan KDN secara berterusan.

Ini adalah selaras dengan matlamat bagi memastikan pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan sentiasa berada di tahap yang cemerlang.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- ## Prestasi Perbelanjaan Mengurus

KDN telah membelanjakan 100% peruntukan yang diluluskan sebanyak RM11,771,891,000.00 seperti di Jadual 25. Perbelanjaan telah melebihi peruntukan bagi emolumen disebabkan pembayaran bonus yang diluluskan oleh Kerajaan

| AKTIVITI | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN 31.12.2014 | | PERBELANJAAN SELEPAS PELARASAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | % | RM | % |
| Pentadbiran & pengurusan Keselamatan Dalam Negeri | 372,337,388 | 360,943,704.91 | 96.94 | 360,943,704.91 | 100 |
| PDRM | 6,875,459,600 | 7,155,052,206.22 | 104.07 | 7,155,015,972.04 | 100 |
| Penjara | 704,349,800 | 769,284,891.60 | 109.22 | 769,284,747.98 | 100 |
| Jabatan Imigresen Malaysia | 777,359,975 | 831,232,501.11 | 106.93 | 831,232,504.11 | 100 |
| AADK | 267,416,937 | 296,241,654.92 | 110.78 | 296,241,654.92 | 100 |
| Pendaftaran Negara | 416,487,015 | 420,097,027.22 | 100.87 | 420,097,027.22 | 100 |
| Pertahanan Awam | 121,574,200 | 121,513,274.55 | 99.95 | 121,513,274.55 | 100 |
| Pendaftaran Pertubuhan | 21,818,700 | 20,894,751.07 | 95.77 | 20,894,751.07 | 100 |
| Program Khusus | 854,320,000 | 863,019,250.75 | 101.20 | 863,019,250.75 | 100 |
| Dasar Baru | 925,912.100 | 862,381,530.19 | 93.12 | 862,381,530.19 | 100 |
| One-Off | 177,778,401 | 154,339,791.81 | 86.81 | 154,339,791.81 | 100 |
| NKRA | 257,076,884 | 245,329,546.40 | 95.43 | 245,329,546.40 | 100 |
| **JUMLAH (B.62)** | **11,771,891,000** | **12,100,330,130.75** | **102.79** | **12,100,293,755.95** | **100** |

*Jadual 25 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus KDN*

| MAKSUD PEMBANGUNAN | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | BAKI PERUNTUKAN (RM) |
|---|---|---|---|
| SEKTOR BANGUNAN (Projek Fizikal) | 165,842,091.00 | 157,089,974.46 (94.47%) | 8,752,116.54 (5.53%) |
| SEKTOR KELENGKAPAN (Projek Bukan Fizikal) | 441,157,939.00 | 427,053,217.34 (96.80%) | 14,104,721.66 (3.20%) |
| **JUMLAH** | **607,000,030.00** | **584,143,191.80 (96.23%)** | **22,856,838.20 (3.77%)** |

*Jadual 26: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan KDN 2014*

di luar bajet. Walau bagaimanapun pelarasan pembayaran bonus telah dibuat menggunakan peruntukan tambahan.

- **Prestasi Perbelanjaan Pembangunan**

KDN telah diluluskan siling peruntukan sebanyak RM607 juta. Sehingga 31 Disember 2014, KDN telah membelanjakan sebanyak RM584,143,191.80 seperti di Jadual 26.

- **Prestasi Pembayaran Bil**

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, KDN telah membuat bayaran bil berjumlah 27,533 dalam tempoh 1 - 14 hari dengan pencapaian 100% penyelesaian bil dalam tempoh 1 - 14 hari. Statistik adalah seperti di Jadual 27.

| BULAN | BIL |
|---|---|
| JANUARI | 512 |
| FEBRUARI | 2,126 |
| MAC | 2,364 |
| APRIL | 2,531 |
| MEI | 2,175 |
| JUN | 2,518 |
| JULAI | 2,221 |
| OGOS | 1,678 |
| SEPTEMBER | 2,084 |
| OKTOBER | 2,581 |
| NOVEMBER | 2,446 |
| DISEMBER | 4,297 |
| **JUMLAH** | **27,533** |

*Jadual 27: Prestasi Pembayaran Bil dalam Tempoh 1 - 14 Hari*

- **Laporan Kutipan Hasil Di Kaunter *One Stop Centre***

Dalam usaha untuk menambahbaik kutipan hasil kerajaan dan memudahkan pelanggan, Kaunter *One Stop Centre* telah diperkenalkan mulai tahun 2011. Semua pembayaran bagi aktiviti di Kementerian telah dibuat di kaunter tersebut dan jumlah hasil yang telah dikutip bagi tempoh Januari - Disember 2014 adalah sebanyak RM18,531,117.96 seperti Jadual 28.

| BULAN | JUMLAH HASIL (RM) |
|---|---|
| JANUARI | 1,562,564.62 |
| FEBRUARI | 1,428,117.35 |
| MAC | 1,085,912.72 |
| APRIL | 1,665,476.57 |
| MEI | 1,320,145.30 |
| JUN | 1,246,109.34 |
| JULAI | 1,001,632.08 |
| OGOS | 2,046,480.45 |
| SEPTEMBER | 1,380,395.96 |
| OKTOBER | 1,762,842.89 |
| NOVEMBER | 1,878,721.83 |
| DISEMBER | 2,152,718.85 |
| **JUMLAH** | **18,531,117.96** |

*Jadual 28: Kutipan Hasil di Kaunter One Stop Centre bagi Tahun 2014*

- **Pemeriksaan Bajet 2014 KDN**

Urusan Penyediaan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus KDN dan pemeriksaannya bersama-sama dengan pihak Perbendaharaan telah berlangsung pada bulan April hingga Mei 2014. Butiran jadual pemeriksaan seperti di Jadual 29.

- **Bengkel/Kursus**

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 10 siri Bengkel/ Kursus Pengurusan Kewangan telah diadakan. Tujuannya adalah bagi memastikan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi sentiasa berada di tahap yang cekap dan berkesan. Jadual 30 menunjukkan jadual Bengkel/Kursus Pengurusan Kewangan 2014.

| TARIKH | AGENSI/JABATAN | TEMPAT |
|---|---|---|
| 21 April 2014 | Jabatan Pendaftaran dan Pertubuhan Malaysia | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 22 April 2014 | Jabatan Pendaftaran Negara | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 28 April 2014 | Jabatan Penjara Malaysia | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 29 April 2014 | Kementerian Dalam Negeri | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 02 Mei 2014 | Jabatan Imigresen Malaysia | Hotel Bayview, Pulau Pinang |
| 05 Mei 2014 | Agensi Antidadah Kebangsaaan | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 07 Mei 2014 | Polis Diraja Malaysia (Pengurusan Polis) | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 09 Mei 2014 | Jabatan Pertahanan Awam Malaysia | Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Kuantan |
| 12 Mei 2014 | Polis Diraja Malaysia (Logistik) | Bukit Aman |
| 14 Mei 2014 | Polis Diraja Malaysia (KDNKA) | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 15 Mei 2014 (9.00 pagi) | Polis Diraja Malaysia (Risikan Keselamatan) | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 15 Mei 2014 (12.00 tgh) | Polis Diraja Malaysia (Jabatan Siasatan Jenayah Komersil) | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 19 Mei 2014 (9.00 pagi) | Polis Diraja Malaysia (Pencegahan Dadah) | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 19 Mei 2014 (12.00 tgh) | Polis Diraja Malaysia (Penyiasatan Jenayah) | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |
| 21 Mei 2014 | RELA | Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya |

*Jadual 29: Pemeriksaan Bajet KDN*

| BIL. | BENGKEL/KURSUS | TARIKH | TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel Penyediaan Bajet 2015 Berasaskan OBB peringkat Ibu Pejabat KDN | 27 Feb - 1 Mac 2014 | Bayau Lagoon Park Resort, Melaka | 62 |
| 2. | Bengkel Penyediaan Bajet 2015 Berasaskan OBB peringkat (Zon Timur) KDN | 24 - 26 Apr 2014 | Hotel UiTM, Dungun, Terengganu | 50 |
| 3. | Bengkel Penyediaan Bajet Berasaskan OBB peringkat (Zon Utara) KDN | 25 - 27 Sept 2014 | Hotel Copthorne Orhid, Penang | 50 |
| 4. | Kursus Pengurusan Bajet Berasaskan OBB (Zon Selatan) | 21 - 23 Nov 2014 | Pulai Beach Resort, Desaru, Johor Baharu | 42 |
| 5. | Bengkel Pemantapan & Pengukuhan Bayaran Siri I | 27 - 29 Mac 2014 | Grand Puteri Hotel, Kuala Terengganu | 40 |
| 6. | Bengkel Pemantapan & Pengukuhan Bayaran Siri II | 17 - 19 Apr 2014 | 11@Century Hotel (TCY), Johor Bahru | 40 |
| 7. | Bengkel Pemantapan Bayaran (Zon Tengah) | 30 Okt - 1 Nov 2014 | Starpoints Hotel Kuala Lumpur | 60 |
| 8. | Bengkel Pemantapan Bayaran (Zon Utara) | 06 - 08 Nov 2014 | Hotel Royal Penang, Pulau Pinang | 50 |
| 9. | Bengkel Pengukuhan Integriti Pengurusan Kewangan | 04 - 05 Nov 2014 | Bilik Mesyuarat Ringgit 1, Bhg Kewangan, KDN | 40 |
| 10. | Bengkel Pengurusan AP59 | 18 - 20 Dis 2014 | Hotel Suria City, Johor Bharu | 40 |

*Jadual 30: Bengkel/Kursus Pengurusan Kewangan 2014*

## PENUTUP

Secara keseluruhan, KDN melalui BK telah berjaya mengekalkan mutu perbelanjaan menerusi pengurusan bajet berhemah serta pemantauan berterusan melalui program, kursus dan penyeliaan berterusan secara *direct* ke PTJ dan Pusat Kos. Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dikawal melalui mesyuarat *Task Force* dan *Timeline* Bajet. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2014 berjaya mengenalpasti isu dan pemasalahan yang dihadapi dalam mengurus perbelanjaan dan seterusnya diselesaikan secara holistik. Inisiatif tahun 2014 bakal diteruskan pada tahun 2015 dan ianya dijangka dapat memacu KDN ke arah Pengurusan Kewangan yang lebih efisyen, bermutu dan berhemah dalam mendepani persekitaran masa hadapan yang lebih mencabar.

# AKAUN

# PENGENALAN

Bahagian Akaun (BA), KDN adalah salah satu Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan bertanggungjawab menyelia pengurusan perakaunan bagi 48 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian di sekitar Lembah Klang bagi tahun 2014.

## FUNGSI

### • Pembayaran

Memproses bayaran emolumen, elaun, tuntutan, bil-bil, pendahuluan diri, pinjaman dan Akaun Amanah termasuk Kumpulan Wang Polis (KWPS).

### • Perakaunan

- Memperakaunkan semua urusniaga perbelanjaan, terimaan dan amanah.
- Menyediakan penyata lengkap bagi penyediaan Akaun Awam peringkat KDN.
- Menyelenggara akaun subsidiari bagi pinjaman kenderaan, komputer dan pendahuluan diri.

### • Kewangan

- Memberikan khidmat nasihat kewangan dan perakaunan.
- Mengadakan kursus kewangan dan perakaunan.
- Menjalankan naziran bagi pemantauan pembayaran melalui Sistem eSPKB.
- Menjalankan pemeriksaan Akaun Tunai bagi semua Pusat Pemungut KDN.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Sepanjang tahun 2014, aktiviti pengumpulan data aset dan liabiliti bagi KDN seluruh Malaysia aktif dilaksanakan untuk tujuan pelaksanaan perakaunan akruan. Pengumpulan data dilaksanakan mengikut jabatan berdasarkan PTJ dan Pusat Kos (PK). Status sehingga akhir Disember 2014 adalah seperti di Jadual 31.




| | Status Pengumpulan Data Aset dan Liabiliti sehingga 31 Disember 2014 |
|---|---|
| Aset Tak Alih (ATA) | 43% *(*57% masih menunggu penilaian JPPH)* |
| Aset Alih (AA) | 100% |
| Aset Dalam Pembinaan (AUC) | 100% |
| Akaun Belum Bayar (ABB) | 100% |
| Akaun Belum Terima (ABT) | 100% |

*Jadual 31 : Status Pengumpulan Data Aset dan Liabiliti*

Secara keseluruhan KDN mencapai 99.99% bil dibayar dalam tempoh 14 hari bagi tahun 2014. Prestasi pengurusan bayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan lengkap diterima adalah seperti di Jadual 32.




*Jadual 32: Prestasi Pembayaran Bil /Tuntutan Dalam Tempoh 14 Hari mengikut Jabatan/Agensi 2014.*

Semua Baucar Bayaran yang lengkap diterima dari PTJ diproses sehingga pengeluaran Cek/ EFT oleh Pejabat Perakaunan KDN dalam tempoh 4 hari bagi tempoh Januari hingga Disember 2014. Prestasi proses baucar bayaran bagi tahun 2014 adalah seperti di Jadual 33(a) dan (b).

| Bulan | Tempoh Pembayaran | | | | Jumlah Baucar | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 0 | % | 1-3 | % | | |
| Januari | 1,309 | 9.37 | 12,659 | 90.63 | 13,968 | 406,083,516.19 |
| Februari | 3,878 | 42.70 | 5,205 | 57.30 | 9,083 | 1,257,824,212.68 |
| Mac | 3,467 | 29.36 | 8,343 | 70.64 | 11,810 | 600,570,571.96 |
| April | 3,675 | 25.25 | 10,881 | 74.75 | 14,556 | 181,847,871.73 |
| Mei | 4,590 | 35.95 | 8,179 | 64.05 | 12,769 | 614,467,437,03 |
| Jun | 2,790 | 18.17 | 12,568 | 81.83 | 15,358 | 627,011,345.97 |
| Julai | 4,384 | 25.53 | 12,787 | 74.47 | 17,171 | 189,782,662.19 |
| Ogos | 7,103 | 61.97 | 4,359 | 38.03 | 11,462 | 115,847,081.88 |
| September | 10,082 | 57.90 | 7,330 | 42.10 | 17,412 | 166,714,267.36 |
| Oktober | 9,175 | 63.40 | 5,296 | 36.60 | 14,471 | 158,674,540.20 |
| November | 9,291 | 62.82 | 5,498 | 37.18 | 14,789 | 152,288,168.98 |
| Disember | 14,690 | 46.70 | 16,765 | 53.30 | 31,455 | 793,476,164.45 |
| **Jumlah** | **74,434** | **40.39** | **109,870** | **59.61** | **184,304** | **5,264,587,840.62** |

*Jadual 33(a): Bilangan Baucar Bayaran Yang Diproses Januari sehingga Disember 2014*




*Jadual 33(b): Bilangan Baucar Bayaran Yang Diproses bagi tempoh Januari sehingga Disember 2014*

Sehingga 31 Disember 2014, jumlah kutipan hasil adalah RM2.05 juta. Butiran mengikut Jabatan adalah seperti di Jadual 34.

| BIL | JABATAN/AGENSI | BILANGAN PENYATA PEMUNGUT | AMAUN (JUTA) |
|---|---|---|---|
| 1 | POLIS DIRAJA MALAYSIA | 5,191 | 182.1 |
| 2 | JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA | 7,854 | 1,093.9 |
| 3 | JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA | 738 | 0.5 |
| 4 | JABATAN PENDAFTARAN NEGARA | 3,778 | 15.2 |
| 5 | JABATAN PENJARA MALAYSIA | 772 | 3.8 |
| 6 | KEMENTERIAN DALAM NEGERI | 2,056 | 755.2 |
| 7 | JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA | 67 | 0.2 |
| 8 | AGENSI ANTIDADAH MALAYSIA | 143 | 0.3 |
| 9 | JABATAN PERTAHANAN AWAM | 75 | 0.5 |
| | **JUMLAH** | **20,674** | **2,051.7** |

*Jadual 34: Kutipan Hasil Mengikut Jabatan sehingga Disember 2014*

KDN melalui BA telah melaksanakan Program Naziran e-SPKB melibatkan 41 PTJ di seluruh Lembah Klang dan beberapa PTJ lain di bawah seliaan. Program Naziran yang dilaksanakan dapat merumuskan tahap pematuhan terhadap Panduan Pengguna PTJ eSPKB dan peraturan-peraturan kewangan.

Hasil daripada program yang dilaksanakan, sejumlah **17 PTJ** telah mencapai tahap Cemerlang (skor 90 – 100%) dan telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan bertempat di Nouvelle Hotel, Seri Kembangan pada 18 Disember 2014. Senarai PTJ yang telah mendapat pengiktirafan tersebut adalah seperti di Jadual 35.

Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 696 Pejabat Pemungut seluruh Malaysia dibuat pengauditan ke atas Penyata Kira-kira Wang Tunai. Sembilan (9) lawatan mengejut turut dibuat ke atas Pejabat Pemungut yang memerlukan pemerhatian atau bimbingan. Butiran lawatan mengejut seperti di Jadual 36.

| BIL | NAMA PTJ |
|---|---|
| 1 | Bhgn Kewangan KDN |
| 2 | Maktab Penjara Malaysia Kajang |
| 3 | Pejabat Pertahanan Awam Kuala Lumpur |
| 4 | Bhg Kew KDN -  Unit Pembangunan |
| 5 | Batalion 4 PGA Semenyih |
| 6 | Briged Tengah PGA Cheras |
| 7 | PAROL Kuala Lumpur |
| 8 | Maktab Polis K.L, Cheras |
| 9 | Pengarah AADK WP Kuala Lumpur |
| 10 | Batalion 19 PGA PDRM |
| 11 | Ibu Pejabat, Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya |
| 12 | Pej RELA Negeri WP Kuala Lumpur |
| 13 | Kewangan Caw. Kebajikan PDRM |
| 14 | PUSPEN Karak |
| 15 | Ibu Pejabat RELA |
| 16 | IKHLAS Sepang |
| 17 | Ibu Pejabat JPPM |

*Jadual 35: Senarai PTJ Melepasi Skor Cemerlang*

| Bil | Pejabat Pemungut | Tarikh Lawatan |
|---|---|---|
| 1 | Balai Polis Trafik Jalan Tun H.S Lee | 08-10/01/2014 |
| 2 | JIM Selangor | 10-14/02/2014 |
| 3 | JIM Sibu | 24-28/03/2014 |
| 4 | JIM Pelabuhan Klang | 21-25/04/2014 |
| 5 | IPD Shah Alam | 19-26/05/2014 |
| 6 | IPD Kuantan | 26-28/05/2014 |
| 7 | JPP Kuala Lumpur | 26-29/05/2014 |
| 8 | Bahagian Kewangan KDN | 16-18/07/2014 |
| 9 | JPP Johor | 10-12/08/2014 |

*Jadual 36: Senarai Pejabat Pemungut Yang Dilawati Secara Mengejut Pada Tahun 2014*

Sejumlah 1,283 permohonan bagi Pinjaman bagi Kenderaan, Komputer dan Pendahuluan Diri telah diproses dalam tempoh 5 hari dari tarikh dokumen lengkap. Butiran jenis dan bilangan permohonan baru yang diproses sepanjang 2014 adalah seperti di Jadual 37.

| Bulan | Jenis & Bilangan Permohonan | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Pinjaman Kenderaan | Pinjaman Komputer | Pendahaluan Diri | Jumlah |
| Januari | 8 | 49 | 30 | 87 |
| Februari | 6 | 40 | 32 | 78 |
| Mac | 13 | 58 | 31 | 102 |
| April | 10 | 95 | 31 | 136 |
| Mei | 5 | 48 | 30 | 83 |
| Jun | 6 | 113 | 13 | 132 |
| Julai | 11 | 82 | 2 | 95 |
| Ogos | 4 | 71 | 47 | 122 |
| September | 7 | 54 | 59 | 120 |
| Oktober | 5 | 82 | 35 | 122 |
| November | 4 | 97 | 29 | 130 |
| Disember | 7 | 59 | 10 | 76 |
| JUMLAH | 86 | 848 | 349 | 1,283 |
| NILAI RM | 838,800.00 | 3,662,700.00 | 1,020,783.00 | |

*Jadual 37: Bilangan Permohonan Pinjaman Baru Tahun 2014*

- **Aduan Oleh PTJ**

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014 sebanyak 1,166 aduan berkaitan Pengurusan Kewangan dan Perakaunan diterima dan diselesaikan oleh *Help Desk* Bahagian Akaun.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,163 (99.7%) telah berjaya diselesaikan manakala 3 (0.3%) aduan telah di Log ke JANM, kerana ianya melibatkan isu teknikal yang perlu di selesaikan oleh pasukan teknikal di JANM.

- **Program Pemantapan Kompetensi**

Sebanyak 13 siri kursus melibatkan seramai 622 orang peserta telah diadakan dari bulan Januari hingga Disember 2014 adalah seperti di Jadual 38.

- **Pembayaran Gaji KDN 2014**

Pembayaran Gaji KDN Bagi Tahun 2014 adalah melibatkan seramai 133,984 orang pegawai/kakitangan dengan nilaian berjumlah RM494,405,637.63. Selari dengan pengumuman kerajaan, Bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) telah dibuat pada 15 Julai 2015 dengan nilaian RM66,336,000.00.

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

- **Sesi Latihan "Training The Trainers" Sistem 1GFMAS**

Sesi latihan "*Training the Trainers*" (TTT) Sistem 1GFMAS yang akan digunakan untuk perakaunan akruan telah diadakan bermula bulan September

| Bil | Nama Kursus/Bengkel | Tarikh | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel Pengurusan Akaun Subsidiari 2014 (POL) | 23 - 25 Mac 2014 | 57 org |
| 2. | Kursus Pemahaman Mengenai IPSAS/MPSAS 1,2,3,9,12,13,17 & 23 (POL) | 6 - 8 Apr 2014 | 48 org |
| 3. | Bengkel Accountant General Human Resources System -AGHR | 14 - 16 Apr 2014 | 111 org |
| 4. | Bengkel Garis Panduan Panjar Khas (POL) | 20 - 22 Apr 2014 | 56 org |
| 5. | Taklimat Pengisian Templat Akaun Belum Bayar (Deposit Imigresen) – Bagi Perakauanan Akruan | 28 - 29 Apr 2014 | 51 org |
| 6. | Bengkel Pengurusan Bayaran dan Perolehan (POL) | 18 - 20 Mei 2014 | 51 org |
| 7. | Bengkel Pengukuhan Prestasi Perakaunan Akruan Bahagian Akaun (POL) | 30 Mei - 1 Jun 2014 | 58 org |
| 8. | Bengkel Pengurusan Gaji bagi Pusat Pembayaran Bermasalah (POL) | 8 - 10 Jun 2014 | 40 org |
| 9. | Bengkel Pemeriksaan Panjar Wang Runcit (POL) | 16 - 18 Jun 2014 | 48 org |
| 10. | Kursus Pemahaman Mengenai IPSAS/MPSAS Siri II (POL) | 23 - 25 Jun 2014 | 33 org |
| 11. | Kursus Sistem 1GFMAS (MM) | 13 - 15 Okt 2014 | 20 org |
| 12. | Kursus Sistem 1GFMAS (FICO) | 13 - 17 Okt 2014 | 22 org |
| 13. | Kursus Pemahaman Manual Prosedur Akaun (POL) | 18 - 20 Dis 2014 | 27 org |

*Jadual 38 : Senarai Kursus Yang Dilaksanakan Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2014.*

2014 hingga Oktober 2014. Latihan tersebut telah melibatkan 26 orang pegawai perakaunan yang terdiri dari Gred W27 hingga W48 dari semua Jabatan/Agensi dan melibatkan latihan menggunakan sistem untuk modul 1GFMAS untuk modul *Material Management* (MM), *Financial Controlling* (FICO) dan *Human Capital Management* (HCM). Latihan tersebut telah diadakan di Makmal ICT Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Makmal ICT JPM Putrajaya.

- **Taklimat penutupan akaun tahun Kewangan 2014**

Taklimat penutupan akaun telah diadakan pada 18 Disember 2014 bertempat di Hotel Nouvelle Kuala Lumpur, Seri Kembangan. Taklimat ini telah dihadiri oleh 180 wakil PTJ di bawah Pejabat Perakaunan KDN.



# PEMBANGUNAN

# PENGENALAN

Skop utama pengurusan pembangunan KDN yang diterajui Bahagian Pembangunan (PB) adalah melibatkan fungsi-fungsi:

- Mengurus, mengawal selia serta memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal Kementerian Dalam Negeri.
- Menguruskan hal ehwal tanah Kementerian Dalam Negeri.
- Menyelaras maklumat pelaksanaan projek-projek pembangunan Kementerian Dalam Negeri.

# PENCAPAIAN/PRESTASI

- **Projek Fizikal KDN**

Bagi tahun 2014, sebanyak 67 projek fizikal dibuat pemantauan dan dilaporkan pada setiap bulan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Dalam Negeri (JTPK). Setiap Jabatan/Agensi akan melaporkan status fizikal projek di tapak dan prestasi belanja bagi setiap projek. Pemantauan secara berkala telah dibuat oleh KDN dan JKR selaku agensi pelaksana juga memastikan projek-projek ini berjalan mengikut Jadual 39.




*Jadual 39: Pemantauan Projek Fizikal Tahun 2014*

# BAJET DAN PRESTASI PERBELANJAAN 2014

| PECAHAN PERBELANJAAN (JUTA) | SEKTOR FIZIKAL (RM) | SEKTOR BUKAN FIZIKAL (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| BAJET | 251.22 | 395.78 | 647.00 |
| PERBELANJAAN | 154.84 | 424.77 | 579.61 |
| PRESTASI (%) | 93.36 | 96.28 | 95.48 |

## Inspektorat Bagi Projek-Projek *Best Practice* KDN 2014

Sebanyak 10 projek pembangunan KDN telah di senarai pendekkan bagi penilaian Projek Best Practice yang diaudit dan dinilai oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) JPM. Daripada 10 projek yang dicalonkan, hanya 5 projek fizikal yang dilaksana dan dipantau KDN terpilih dalam penilaian Inspektorat pada 28-29 Oktober dan 23 Disember 2014. Senarai projek yang telah disenarai pendek bagi tujuan penilaian inspektorat ICU, JPM tahun 2014 :

- Projek Kompleks Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) Padang Besar
- Penjara Baru Perlis
- Penjara Wanita Pengkalan Chepa - Blok Bangunan
- Balai Polis Kulim Hi Tech, Kulim Kedah
- Kompleks KDN / KA dan Logistik Bukit Aman
- Cadangan Membina dan Menyiapkan Pusat Latihan Pertahanan Awam Zon Selatan, Kluang
- Perolehan Kuda
- *Mobile Location Device Systems*
- *Special Operation Assault Rifle*
- *Electro Shot Gun*

## Kajian Penilaian Outcome

Kajian Penilaian Outcome (KPO) oleh ICU JPM terhadap projek-projek KDN yang telah disiapkan adalah salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) bagi memastikan projek pembangunan yang dilaksanakan akan memberikan impak output dan outcome yang maksimum kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. KPO KDN bagi tahun 2014 ini telah melibatkan lima (5) buah projek dari 4 Jabatan/ Agensi di bawah KDN:

- Balai Polis Taman Sri Muda, Shah Alam, Selangor: **PDRM**
- Program Mobile JPN 1 Malaysia: **JPN**
- Pejabat JPN Lenggong Perak: **JPN**
- Pelaksanaan Passport Versi Organisasi Penerbangan Awam Malaysia [ICAO]: **JIM** dan
- Program Bandar Selamat: **NKRA**

Kelima-lima projek ini telah dibentangkan untuk penilaian Jawatankuasa Penilaian Outcome (JKPO) yang terdiri daripada wakil-wakil ICU JPM, Kementerian Kewangan (MOF) dan Jabatan Audit Negara.

## Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan

Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan [*Quality Assessment System in Construction* (QLASSIC)] bertujuan untuk mengukur aras kualiti mutu kerja pembinaan hasil kerjasama ICU JPM dengan pihak CIDB. Projek yang terlibat dengan QLASSIC adalah projek baru siap (telah mendapat CPC/CCC) dan belum digunakan oleh Jabatan/Agensi Pengguna. Sembilan (9) projek pembangunan KDN masing-masing PDRM (2), JIM (2), JPN (3) dan AADK (2) telah menjadi perintis kepada pelaksanaan QLASSIC. Projek dan Jabatan/Agensi yang terlibat adalah:

- Maktab PDRM Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: **PDRM**
- PGA Pengkalan Chepa, Kelantan: **PDRM**
- Depoh Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan: **JIM**
- Depoh Tahanan Imigresen Belantik, Sik, Kedah: **JIM**
- Pejabat JPN Debak, Sarawak: **JPN**
- Pejabat JPN Nabawan, Sabah: **JPN**
- Pejabat JPN Kota Marudu, Sabah: **JPN**
- Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PAADK) Bachok, Kelantan: **AADK**
- Klinik Cure & Care C&C 1Malaysia Kemumin, Kelantan: **AADK**

## Lawatan Turun Padang

Sepanjang tahun 2014 sejumlah 31 program lawatan turun padang bagi tujuan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan KDN telah dilakukan oleh YB. MDN dan YBhg. Dato' Sri KSU. Butiran seperti di Jadual 40 (m.s 132).

| No | Nama Projek / Lokasi Lawatan Turun Padang | MDN/KSU | Tarikh Lawatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Kuarters Kakitangan Penjara Industri Jasin, Melaka | KSU | 08 Nov 2014 |
| 2 | Projek Pejabat JPN Jasin | KSU | 08 Nov 2014 |
| 3 | PGA Simpang Renggam Pakej 1, 2 dan 3 | KSU | 08 Nov 2014 |
| 4 | Pembinaan Pejabat JPN Pasir Puteh, Kelantan | KSU | 19 Sept 2014 |
| 5 | Naiktaraf Kuarters Dan Bangunan IPD Jajahan Bachok, Kelantan | KSU | 19 Sept 2014 |
| 6 | Pembinaan PGA Pengakalan Chepa Lot 1972 - Pakej 2 | KSU | 19 Sept 2014 |
| 7 | Kompleks Perumahan IPD Sepang | KSU | 05 Jul 2014 |
| 8 | PGA Simpang Renggam Pakej 1, 2 dan 3 | KSU | 21 Jun 2014 |
| 9 | Pembaikan & Ubahsuai Kuartes Dan Pejabat Batalion 8, PGA Pengkalan Chepa | KSU | 01 Jun 2014 |
| 10 | Kompleks ICQ Bukit Bunga, Kelantan | KSU | 01 Jun 2014 |
| 11 | Kompleks Imigresen Dan Kuarantin Bukit Bunga Jeli Kelantan | KSU | 01 Jun 2014 |
| 12 | Kompleks Imigresen Dan Kuarantin Bukit Bunga Jeli Kelantan | YB MDN | 01 Jun 2014 |
| 13 | Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan (Fasa II) | KSU | 29 Mei 2014 |
| 14 | Perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan | KSU | 17 Mei 2014 |
| 15 | Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan | KSU | 17 Mei 2014 |
| 16 | Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Langkap Perak | KSU | 10 Mei 2014 |
| 17 | Ibu Pejabat Polis Daerah Selama | YB MDN | 09 Mei 2014 |
| 18 | Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Langkap Perak | KSU | 18 Apr 2014 |
| 19 | Pembaikan & Ubahsuai Kuartes Dan Pejabat Batalion 8, PGA Pengkalan Chepa | KSU | 29 Mac 2014 |
| 20 | Pengkalan Marin Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan | KSU | 28 Ogos 2014 |
| 21 | Projek Penjara Koreksional Ijok, Klang, Selangor | KSU | 23 Mac 2014 |
| 22 | Perumahan Dan Menaiktaraf Maktab PDRM Kuala Kubu Baru | KSU | 23 Mac 2014 |
| 23 | Pembinaan Pangkalan Polis Marin Johor Selatan | KSU | 08 Mac 2014 |
| 24 | PGA Simpang Renggam Pakej 1, 2 dan 3 | KSU | 08 Mac 2014 |
| 25 | Balai Polis Bukit Tengah | YB MDN | 01 Mac 2014 |
| 26 | Projek Pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam Dan Kuarantin (ICQ) Kudat, Sabah | KSU | 22 Feb 2014 |
| 27 | Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Kemayan, Pahang | KSU | 22 Feb 2014 |
| 28 | Pembinaan Pejabat Dan Rumah Kediaman JPN Kota Nabawan | KSU | 20 Feb 2014 |
| 29 | Sambutan Hari Rela Ke-42 Tahun 2014 Di Bagan Datoh, Perak | YB MDN | 12 Jan 2014 |
| 30 | Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Langkap Perak | KSU | 11 Jan 2014 |
| 31 | Majlis Pelancaran I-Kad Pekerja Asing | YB MDN | 09 Jan2014 |

*Jadual 40: Lawatan Turun Padang/Pemantauan Projek KDN Tahun 2014*

- **Penyerahan Projek Pembangunan Sepanjang Tahun 2014**

Sebanyak 17 projek pembangunan yang siap/selesai telah diserahkan kepada pelanggan (Jabatan/Agensi) untuk kegunaan seterusnya:

| NO. | PROJEK | TARIKH SERAH |
|---|---|---|
| 1 | Pemasangan lif di Pasukan Gerakan Am (PGA) Cheras | 22 Jan 2014 |
| 2 | Pembinaan Balai Polis Pulau Gaya | 22 Jan 2014 |
| 3 | Pembinaan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Desa Damai, Daerah Johor Bharu, Johor | 12 Feb 2014 |
| 4 | Membina Blok Tambahan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Daerah Jasin, Melaka (Fasa II) | 12 Feb 2014 |
| 5 | Penjara Baru Industri Jasin, Melaka (Reka & Bina) | 12 Feb 2014 |
| 6 | Pos Komuniti Taman Lavender Heights, Senawang, Seremban, Negeri Sembilan Kepada Jabatan Sukarelawan Malaysia | 12 Feb 2014 |
| 7 | Menyiapkan Kerja-Kerja Terbengkalai Bagi Balai Polis Pangkor Di Atas Lot 5325, Mukim Lumut, Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan | 11 Apr 2014 |
| 8 | Kerja-Kerja Pengubahsuaian Sebahagian Aras 2 Dan Keseluruhan Aras 3, Menara Ikhlas, Presint 2, Putrajaya Sebagai Ruang Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia | 11 Apr 2014 |
| 9 | Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan (Fasa 2) | 13 Jun 2014 |
| 10 | Pembinaan Pejabat Dan Rumah Kediaman Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Debak, Sarawak | 13 Jun 2014 |
| 11 | Pembinaan Pejabat Dan Rumah Kediaman Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Kota Marudu, Sabah | 13 Jun 2014 |
| 12 | Pembinaan Pejabat Dan Rumah Kediaman Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Nabawan, Sabah | 13 Jun 2014 |
| 13 | Cadangan Membina Dan Menyiapkan Klinik Cure & Care (C&C) 1malaysia, Kemumin, Daerah Kota Bharu, Kelantan | 20 Ogo 2014 |
| 14 | Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Belantik, Kedah | 20 Ogo 2014 |
| 15 | Membina Penjara Baru (Tegar) Lembah Klang, Ijok, Selangor (Fasa 2) | 20 Ogo 2014 |
| 16 | Pembinaan Kuarters Kakitangan Penjara Labuan | 20 Ogo 2014 |
| 17 | Cadangan Membina Dan Menyiapkan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Daerah Bachok, Kelantan | 20 Ogo 2014 |

*Jadual 41: Projek Pembangunan Siap/Selesai Tahun 2014*

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

- ### Kursus Pengurusan Hartanah Persekutuan

Kursus Pengurusan Hartanah Persekutuan Peringkat KDN Bil.1/2014 telah diadakan di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu bermula dari 18 Jun sehingga 21 Jun 2014 dan telah dihadiri oleh seramai 48 orang peserta. Penganjuran kursus ini berjaya memberi pendedahan kepada peserta mengenai isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan yang sesuai bagi memantapkan urusan pengambilan tanah.







- ### Kursus Pengurusan Projek

Kursus Pengurusan Projek KDN diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran peserta tentang kepentingan pengurusan projek yang berkesan. Kursus yang berlangsung pada 30 Okt – 1 Nov 2014 di Pulau Pinang didapati telah meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pelbagai pendekatan pengurusan projek yang mampu menyumbang kepada kemajuan masyarakat. Secara tidak langsung penganjuran kursus ini berjaya dan mendorong peserta untuk mewujudkan jaringan kerja serta bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman bidang perancangan dan pengurusan projek.




- ### Kursus Pengurusan Fasiliti

Kursus Pengurusan Fasiliti KDN telah diadakan di Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson pada 5 hingga 6 Disember 2014. Penganjuran kursus ini didapati telah memberi pendedahan kepada peserta untuk memahami konsep Pengurusan Fasiliti di samping memahami impak pengurusan fasiliti terhadap jangka hayat aset, operasi, penjimatan kos, kualiti, kepuasan pelanggan dan juga strategi dan objektif organisasi. Penceramah dari Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara, Unit Perunding Aset Sivil dan Struktur JKR telah dijemput untuk memberikan ceramah dan berkongsi pengalaman mereka dengan para peserta.

# PEROLEHAN

# PENGENALAN

Objektif penyampaian perkhidmatan perolehan KDN melalui Bahagian Perolehan (PL) adalah merancang dan mengurus perolehan bekalan dan perkhidmatan secara cekap dan berkesan mengikut tatacara perolehan dan kewangan semasa selaras dengan dasar dan prinsip perolehan kerajaan.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

Pencapaian pelaksanaan perolehan dari bulan Januari hingga Disember 2014 adalah sebanyak 163 Tender, 20 Sebut Harga dan 73 Rundingan Terus yang melibatkan lapan (8) buah Jabatan/ Agensi di bawah KDN. Butiran pelaksanaan perolehan 2014 mengikut Jabatan/Agensi adalah seperti di Jadual 42.

- **Program Latihan**

Program ini melibatkan pelaksanaan sebanyak enam (6) siri Bengkel dan satu sesi Taklimat serta satu Lawatan kerja ke Perth, Australia:

- **Bengkel Sistem ePerolehan**

Sebanyak enam (6) siri Bengkel Sistem ePerolehan bagi Modul Kontrak, Kontrak Kementerian dan Pembelian Terus Untuk Jabatan/Agensi Di bawah KDN telah diadakan mengikut zon melibatkan kehadiran seramai 154 orang pegawai seperti di Jadual 43.

| KEMENTERIAN / JAB / AGENSI | TENDER | SEBUT HARGA | RUNDINGAN TERUS |
|---|---|---|---|
| **KDN** | 10 | 16 | 5 |
| **PDRM** | 113 | 1 | 41 |
| **JABATAN PENDAFTARAN NEGARA** | 6 | - | 5 |
| **JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA** | 17 | 3 | 9 |
| **JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA** | 1 | - | 2 |
| **JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA** | 1 | - | 2 |
| **JABATAN PENJARA MALAYSIA** | - | - | 4 |
| **RELA** | 4 | - | 3 |
| **AADK** | 11 | - | 2 |
| **JUMLAH** | **163** | **20** | **73** |

*Jadual 42: Statistik perolehan mengikut Jabatan/Agensi Tahun 2014*

| BIL. | ZON | TARIKH | PESERTA (ORANG) | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Tengah | 4 – 6 Mac 2014 | 26 orang | Bilik Latihan IT, KDN |
| 2. | Sabah | 25 – 27 Mac 2014 | 32 orang | UiTM Cawangan Sabah |
| 3. | Selatan | 14 – 16 Mei 2014 | 26 orang | UiTM Kampus Bandaraya Melaka |
| 4. | Timur | 6 – 8 Mei 2014 | 28 orang | eP Centre Kuala Terengganu |
| 5. | Utara | 20 – 22 Mei 2014 | 20 orang | eP Centre Ipoh |
| 6. | Sarawak | 24 – 26 Jun 2014 | 22 orang | eP Centre Kuching |
| **JUMLAH** | | | 154 orang | |

*Jadual 43: Kehadiran Peserta Ke Bengkel ePerolehan Tahun 2014*



*25 – 27 Mac: Bengkel ePerolehan Zon Sabah di UiTM Cawangan Sabah*



*14 – 16 Mei: Bengkel ePerolehan Zon Selatan di UiTM Campus Bandaraya Melaka*



*20 – 22 Mei: Bengkel ePerolehan Zon Utara di eP Centre Ipoh*

- **Taklimat Sistem ePerolehan**

Satu Taklimat Sistem ePerolehan (eP) kepada Syarikat / Pembekal di KDN telah diadakan pada 19 Disember 2014 bertempat di Dewan Gemilang. Taklimat dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab. Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pembangunan & Perolehan) dan penganjuran dengan kerjasama Syarikat Commerce Dot Com (CDC) Sdn. Bhd.

Pelaksanaan taklimat adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil.5 Tahun 2013 supaya setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan melaksanakan perolehan secara elektronik/atas talian. Liputan penggunaan sistem eP ini adalah bagi perolehan bekalan/perkhidmatan secara tender, sebut harga, pembelian terus, pembelian barangan/perkhidmatan kontrak pusat dan juga pendaftaran pembekal dan perunding dengan Kementerian Kewangan.



*Peserta Taklimat Sistem ePerolehan (eP)*



*19 Disember 2014: Majlis Perasmian Sesi Taklimat Sistem eP*

- **Lawatan kerja di Barret Communication Pte Ltd, Perth, Australia**

KDN diketuai Ketua Pengarah JPAM dan wakil PL pada 29 November 2014 hingga 2 Disember 2014 telah menyertai satu lawatan kerja anjuran Telekom Malaysia Berhad di Barret Communication Pte Ltd, Perth, Australia.




*Penerangan oleh wakil Department Fire and Emergency Services, Perth*

Lawatan kerja adalah bertujuan untuk melihat teknologi-teknologi yang digunakan dalam menguruskan operasi kecemasan serta lawatan ke Department *Fire and Emergency Services,* Perth.



*Lawatan di Department Fire and Emergency Services*

- **Pengurusan Perolehan**

Pakej Pengurusan Pelaksanaan urusan perolehan untuk KDN dan Jabatan/ Agensi sepanjang tahun laporan adalah melibatkan urusan:

- Mesyuarat Lembaga Perolehan A sebanyak 10 kali yang melibatkan 17 kertas tender
- Mesyuarat Lembaga Perolehan B sebanyak 63 kali yang melibatkan 344 kertas tender
- Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga sebanyak 48 kali yang melibatkan 64 kertas sebut harga
- Iklan tender dalam portal sebanyak 55 kali/ urusan
- Rundingan Terus sebanyak 61 kali/urusan

- **Amalan dan Pelaksanaan *Integrity Pact***

Amalan dan Pelaksanaan *Integrity Pact* yang diamalkan di KDN adalah merupakan salah satu daripada tujuh (7) inisiatif di bawah NKRA – *Fighting Coruption* selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil 10 Tahun 2010 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan. Keseluruhan sebanyak 4,351 Surat Akuan dan Surat Selesai Tugas untuk pelbagai kategori telah ditandatangani pada tahun 2014:

- Surat akuan Oleh Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan (99)
- Surat Akuan Perlantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan (1,572)
- Surat Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan (1,572)
- Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan (444)
- Surat Selesai Tugas Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan (444) dan
- Surat Akuan Pembida Berjaya (220)

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

# PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (SM) berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan kepada Bahagian-bahagian di Kementerian dan Jabatan/ Agensi dalam aspek pembangunan organisasi, pengurusan personel dan pembangunan sumber manusia bagi mencapai visi dan misi KDN.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- **Urusan Pembangunan Organisasi, Skim Dan Saraan (Awam Dan Uniform)**

Selaras dengan pindaan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013, Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong telah memperkenankan cadangan KDN untuk menubuhkan Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) yang dianggotai oleh seorang Pengerusi dan empat (4) orang ahli. Penubuhan LPJ adalah bagi mengambil alih kuasa eksekutif YB Menteri Dalam Negeri selaras dengan agenda transformasi YAB Perdana Menteri bagi era pasca Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Mulai 11 Januari 2014, Bahagian Ikatan Relawan Rakyat Malaysia KDN telah dinaiktaraf kepada sebuah Jabatan Persekutuan dengan gelaran Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), sekali gus membuktikan fungsi dan bidang kuasa RELA diiktiraf sama penting dengan Jabatan Persekutuan yang lain.

Perjawatan di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) turut diperkukuhkan selaras dengan pembukaan KLIA2. Proses ini membolehkan JIM mendapatkan pertambahan sejumlah 260 jawatan di KLIA2.

Sepanjang tahun 2014, Jabatan Penjara Malaysia (JPM) diberi sebanyak 510 jawatan tambahan bagi operasi institusi penjara baru di Bintulu, Jasin dan Puncak Alam. Pertambahan jawatan ini adalah kritikal bagi menyediakan jentera dan sistem pentadbiran koreksional yang terancang, bersepadu, dinamik, cekap dan profesional.

Rentetan dari Krisis Lahad Datu, kekuatan PDRM sebagai Jabatan yang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan ketenteraman awam turut diperkukuh, khususnya kawasan yang berada di bawah Eastern Sabah Safety Zone (ESSZONE). Pengukuhan ini merangkumi kelulusan perjawatan bagi tujuh (7) buah Balai Polis, menaik taraf lapan (8) jawatan Ketua Polis Daerah dan pewujudan satu (1) Batalion 20 Pasukan Gerakan Am (PGA).

Pengukuhan organisasi di PDRM juga menyaksikan dua (2) jabatan baru iaitu Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) dan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) diwujudkan.

Keseluruhannya, sepanjang tahun 2014 sejumlah 5,847 jawatan baru diwujudkan di PDRM. Jumlah ini secara langsung telah menepati Akujanji Kerajaan semasa PRU-13 untuk memastikan pertambahan 4,000 jawatan di PDRM pada setiap tahun.

- **Urusan Perkhidmatan (Skim Gunasama Dan Bukan Gunasama)**

Sehingga 31 Disember 2014, terdapat sejumlah 1,994 orang pegawai daripada 2,064 perjawatan di KDN. Dalam maksud yang lain, Bahagian SM KDN menguruskan hal ehwal perkhidmatan 1,994 pegawai ini di seluruh negara, bermula dari tarikh pegawai lapor diri, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen serta urusan-urusan lain sepanjang perkhidmatan sehingga pegawai tersebut bersara.

Sepanjang tahun 2014, KDN telah menerima kehadiran sejumlah 2,125 orang pegawai dan kakitangan baru dari pelbagai skim perkhidmatan dan ditempatkan di KDN dan di Jabatan / Agensi KDN di seluruh negara. Dalam tempoh yang sama juga, seramai 34 orang pegawai dan kakitangan juga telah bersara sepanjang tahun 2014.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan pembangunan kerjaya penjawat awam, urusan

pusingan kerja dalaman KDN telah memanfaatkan sejumlah 250 orang pegawai/kakitangan.

## ● Urusan Naik Pangkat Dan Pengurusan Prestasi

Kerajaan pada tahun 2014 telah memperkenalkan Kenaikan Pangkat Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi skim perkhidmatan tertutup yang turut melibatkan pegawai-pegawai Bukan Gunasama (Kumpulan Pengurusan & Profesional) dari Kementerian serta Jabatan / Agensi di bawah KDN.

Selain itu, kerajaan juga telah memperkenalkan dasar Kenaikan Pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) 13 tahun kepada kakitangan Kumpulan Sokongan yang berada di gred lantikan.

Berikutan itu, seramai 5,665 orang pegawai dan kakitangan diluluskan pemangkuan dan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi. Jumlah ini merangkumi pegawai-pegawai di Skim Gunasama dan Skim Perkhidmatan Terutup di KDN, Jabatan dan Agensi.

## ● Penghargaan dan Pengiktirafan

Amnya terdapat tiga (3) kategori penghargaan dan pengiktirafan yang diamalkan KDN sebagai insentif kepada perkhidmatan terpuji pegawai/kakitangan:

- Pegawai-pegawai yang menunjukkan prestasi cemerlang diraikan di dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diadakan setiap tahun. Pada 24 Februari 2014 sejumlah 434 pegawai / kakitangan KDN, Jabatan dan Agensi telah diraikan di dalam majlis yang telah disempurnakan oleh YB Menteri Dalam Negeri.

- KDN turut mengambil inisiatif untuk menghargai pegawai-pegawai lain yang turut menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam Majlis Anugerah Sijil Kepujian. Pada 24 Jun 2014 sejumlah 234 pegawai/kakitangan KDN telah diraikan di dalam majlis yang disempurnakan olah YBhg. KSU Setiausaha KDN.



*24 Feb 2014: Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 KDN*

- Penghargaan turut diberi kepada pegawai dan kakitangan yang dipilih untuk menerima Anugerah Pekerja Contoh Bulanan yang dibuat sebanyak empat (4) kali dalam setahun.

## ● Urusan Latihan Dalam Perkhidmatan

Sebanyak 92 kursus telah dirancang di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) tahun 2014. Prestasi adalah 100% di mana jumlah program latihan sebenar yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 ialah sebanyak 268. Sehubungan itu, semua 1,994 pegawai/kakitangan KDN telah menghadiri sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kursus setahun atau pencapaian kursus 100%.




*15 Mac 2014: Acara Perasmian Kursus Pembentukan Karekter Melalui Penghayatan Nilai-nilai Murni*

## ● Program Psikologi, *Outreach, Engagement*

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 52 program psikologi berteraskan *outreach* dan *engagement* telah dilaksanakan dan memberi manfaat kepada wargakerja di KDN, Jabatan/Agensi.

Selain itu KDN melalui Pegawai Psikologi turut memberi bantuan psikologi yang diperlukan dalam keadaan-keadaan kecemasan dan keadaan luar jangka. Ketika negara digemparkan dengan insiden kehilangan pesawat MH370, Pegawai Psikologi KDN turut dipanggil bertugas untuk memberikan khidmat kaunseling kepada waris-waris penumpang pesawat tersebut.

Semasa negara dilanda musibah banjir pada penghujung tahun 2014, Pegawai Psikologi KDN merupakan kumpulan Penjawat Awam terawal sampai di Kelantan untuk memberikan khidmat kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat banjir.



*Program Misi Bantuan Kemanusiaan dan Intervensi Krisis Kepada Mangsa Banjir Pantai Timur*

Pegawai Psikologi KDN juga telah diberi penghormatan untuk membentangkan Kertas Kerja bertajuk "Maslow's Theory of Harmony: A Perspective towards Palestinians" sempena Seminar Antarabangsa Kaunseling Malaysia pada 29 – 31 Oktober 2014 bertempat di Kuching, Sarawak.

Di atas usaha-usaha yang dijalankan, KDN telah dianugerahkan dengan Anugerah Inovasi Aplikasi Psikologi dan Kaunseling 2014 oleh JPA. Dalam masa yang sama, salah seorang Pegawai Psikologi KDN telah menerima Anugerah Berlian Tergilap sebagai pengiktirafan di atas kecemerlangan yang ditunjukkan.

Selain itu KDN menerusi Bahagian SM turut melaksanakan program *outreach* semasa berlangsungnya aktiviti Perjumpaan Bersama Pegawai Kanan Kesatuan Pegawai Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (PACSU), Persidangan Pengurus Sumber Manusia KDN, Hari Bertemu Pelanggan dan Mesyuarat Bersama Jabatan/Agensi KDN Sarawak.



*Kunjungan hormat daripada Pegawai Kanan PACSU ke Bahagian SM KDN pada 20 Oktober 2014*

Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) KDN telah dilaksanakan sebanyak empat (4) siri justeru menepati 100% syarat yang disasarkan oleh JPA. Secara keseluruhannya, kesemua isu-isu yang dibangkitkan dalam MBJ yang berada di bawah bidang kuasa KDN telah diselesaikan manakala isu-isu di luar bidang kuasa KDN telah pun dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkaitan.

## PENUTUP

Kesemua program/aktiviti Bahagian SM yang berteraskan pembangunan organisasi dan modal insan didapati mempunyai impak/*outcome* masing-masing. Pengukuhan pasukan PDRM dan JIM umpamanya adalah sangat signifikan dengan fungsi KDN selaku Kementerian yang menerajui aspek keselamatan dan ketenteraman awam. Manakala insentif pembangunan modal insan secara membangunkan laluan kerjaya khususnya bagi Skim Perkhidmatan Tertutup dan juga program latihan telah mengenalpasti dan membangunkan bakat yang terdapat di dalam diri setiap pegawai/kakitangan.

# PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

# PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (IT) berperanan sebagai pengurus ICT & teknikal dalam memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan KDN kepada rakyat. Penyediaan dan penyelenggaraan fasiliti ICT serta pembangunan sistem e-aplikasi telah memudahkan sistem penyampaian.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- ## Pensijilan ISO/IEC 27001:2007

KDN pada tahun 2014 telah memenuhi standard dan berjaya memperolehi pensijilan ISO/IEC 27001:2007 iaitu Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat atau *Information Security Management System* (ISMS) dari pihak CyberSecurity Malaysia.

MS ISO/IEC 27001:2007 atau ISMS merupakan standard prosedur yang merangkumi perlindungan semua bentuk maklumat perkhidmatan pengurusan serangan siber dan pemantauan siber. Perlindungan akan dilaksanakan melalui pewujudan dan penguatkuasaan sistem kawalan dan prosedur dalam pengendalian perkakasan, perisian, perkhidmatan, data atau maklumat serta manusia. Ciri-ciri utama keselamatan yang menjadi asas kepada ISMS adalah kerahsiaan, integriti dan ketersediaan.

MAMPU telah bersetuju supaya memastikan aset ICT Kerajaan diurus dan mematuhi standard ISMS berkaitan pengurusan keselamatan ICT. JITIK juga mengesyorkan dan memastikan bahawa semua agensi kerajaan mengamalkan standard ISMS dalam pengurusan aset ICT masing-masing serta memastikan agensi kerajaan yang dikelaskan sebagai kritikal dalam konteks CNII mengamal, mematuhi dan seterusnya mendapatkan persijilan standard ISMS.




*Penyerahan Pensijilan ISO/IEC 27001:2007 oleh YB Menteri Dalam Negeri*

- ## Pengiktirafan Dalam TCO! Stream Desktop Management System

Seramai 20 orang Pegawai Teknologi Maklumat dari Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KDN telah menjalani latihan TCO!Certififed Training pada 20 hingga 22 Mei 2014. Program latihan TCO melibatkan peserta menduduki peperiksaan dan semua peserta telah lulus ujian tersebut serta dianugerahkan sijil pengiktirafan.

*TCO!Stream Desktop Management System* merupakan salah satu penyelesaian ICT yang dapat membantu sesebuah organisasi menguruskan *IT infrastructure* dengan mempertingkatkan tahap sokongan teknikal serta mewujudkan sistem kawalan yang lebih sistematik. Bagi mengendalikan TCO!Stream bukan sahaja memerlukan pengetahuan dan kepakaran malahan pengguna perlu diiktiraf.



*14 Ogos 2014: Penyerahan Sijil Pengiktirafan TCO! Stream oleh YB Menteri Dalam Negeri*

- ## Pembangunan Aplikasi Secara Dalaman

KDN melalui Bahagian IT telah membangunkan beberapa sistem secara dalaman seperti Sistem Permohonan Online IT KDN Bagi Modul Pinjaman Peralatan ICT, Sistem Permohonan Fail dan Sistem Tempat Letak Kenderaan (i-Park).

Inisiatif untuk membangunkan sistem secara dalaman telah berjaya menjimatkan kos kerajaan dalam perolehan pembangunan dan penyelenggaraan sistem. Usaha ini turut disokong di mana pihak Kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT) di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui Surat Ikatan Amanah KWAICT pada 13 Jun 2014.

Pewujudan KWAICT bertujuan untuk menggalakkan pembangunan projek ICT dengan menggunakan kepakaran dalaman dan memberikan ganjaran kepada pasukan yang berjaya menjimatkan kos kerajaan, meningkatkan kepakaran dalaman melalui pembiayaan Program Peningkatan Kompetensi dan Profesionalisme Pegawai Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat Sektor Awam serta dapat meningkatkan penghasilan produk ICT tempatan menerusi pembiayaan Program R&D ICT Sektor Awam.

- ## Sistem Permohonan Online IT KDN Bagi Modul Pinjaman Peralatan ICT

Pembangunan Sistem Permohonan Online IT KDN bermula pada Januari 2014 dan mula digunapakai pada September 2014. Sistem ini memudahkan para pengguna untuk membuat permohonan bagi pinjaman dan pemulangan peralatan ICT bagi program/aktiviti rasmi dengan lebih efisyen dan sistematik.







*Paparan skrin bagi Sistem Permohonan Online Modul Pinjaman Peralatan ICT*

Peralatan ICT yang terlibat adalah komputer, komputer riba, projektor, pencetak dan pengimbas, yang berada dalam simpanan stor ICT KDN. Status permohonan adalah bergantung kepada ketersediaan peralatan ICT tersebut pada tarikh yang diperlukan. Sistem ini menggantikan kaedah manual dan ternyata memudahkan pentadbir pinjaman peralatan ICT untuk memantau status pinjaman dan pemulangan peralatan ICT serta penyediaan laporan.

- ## Sistem Permohonan Fail

Bahagian IT telah membangunkan sistem Permohonan Fail atau dikenali sebagai *MyFile* secara dalaman bermula pada Mac 2014 dan mula digunapakai pada September 2014. Sistem ini digunakan oleh pengguna di Bahagian-bahagian untuk membuat permohonan pembukaan fail/jilid kepada Bahagian KP selaku Penyelaras Fail di KDN.

Sistem ini berjaya memudahkan pentadbir fail di Bahagian-bahagian di mana permohonan sedia ada dilaksanakan secara manual. Sistem ini juga dapat memaparkan senarai keseluruhan statistik permohonan fail/jilid mengikut bulan dan bahagian serta memudahkan Bahagian KP memantau jumlah permohonan yang diterima.




*Paparan skrin bagi Sistem Permohonan Fail/Jilid Online MyFile*

- ## Sistem Tempat Letak Kenderaan (i-Park)

Sistem Permohonan Tempat Letak Kenderaan dibangunkan bagi melancarkan proses permohonan tempat letak kereta di *basement* Blok D1, D2, D9 dan Sentral Plaza yang sebelum ini dikendalikan secara manual melibatkan penghantaran surat/memo.

Sistem ini juga menyediakan pelan tempat letak kereta yang telah dibahagikan mengikut kategori pegawai; sekaligus dapat membantu pegawai

dalam membuat keputusan dengan kadar segera semasa urusan pengagihan lot tempat letak kereta dibuat. Pemohon juga akan mendapat maklumbalas secara terus melalui e-mel sekiranya tindakan telah dibuat mengikut proses kerja yang telah ditetapkan. Sistem ini juga membantu mengurangkan beban tugas sedia ada yang mana pemantauan bagi keseluruhan proses kerja dibuat secara manual.




*Paparan skrin bagi Sistem Tempat Letak Kenderaan (i-Park)*

- ## Bengkel Perkongsian Maklumat Personel ICT KDN

Bengkel Perkongsian Maklumat Personel ICT KDN Tahun 2014 berjaya mengumpulkan seramai 107 personel ICT KDN dan Jabatan/Agensi di bawah KDN.




*YBhg. Dato' Hj Mohmed Rosli SUB IT*

Bengkel telah berlangsung pada 31 Oktober hingga 2 November 2014 bertempat di TH Hotel & *Convention Centre*, Kuala Terengganu, Terengganu. Modul bengkel ini merangkumi Sesi Taklimat Motivasi oleh jemputan penceramah dari Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan Sesi Taklimat Perkongsian maklumat oleh penceramah di kalangan para peserta.



*Peserta bengkel yang terdiri daripada KDN dan Jabatan/Agensi*

Antara tajuk pembentangan adalah *Data Leakage Protection* (DLP), Migrasi Kerangka Utama oleh JPN, Sistem Pengurusan Kehilangan Aset (PALMS) oleh PDRM, Sistem Log Latihan dari Jabatan Penjara Malaysia, Isu dan Cabaran Pembangunan Dalaman oleh AADK serta *Business Process Re-Engiinering System* MyIMMs oleh JIM.



*Peserta Bengkel Perkongsian Maklumat Personel ICT KDN dan Jabatan/Agensi Tahun 2014*

- ## Mesyuarat Perancangan Strategik 2015

Mesyuarat Perancangan Strategik Bahagian IT telah diadakan pada 21 hingga 23 November 2014 bertempat di Gold Coast Morib Resort, Selangor.

Mesyuarat dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian IT bagi membincangkan perancangan strategik bagi tahun 2015.




*Ucapan Aluan Timbalan Setiausaha Bahagian IT*



*Pegawai dan kakitangan Bahagian IT yang menjayakan mesyuarat*

- ### Kursus ICT

KDN melalui Bahagian IT menganjurkan sebanyak 32 kursus ICT sepanjang tahun 2014 melibatkan kursus umum bagi warga KDN dan kursus teknikal bagi personel ICT. Kursus bagi warga KDN menjurus kepada latihan dalam penggunaan perisian ICT bagi meningkatkan pengetahuan ICT. Sebanyak sembilan (9) siri kursus dianjurkan bagi maksud pendedahan kepada Adobe Photoshop, Penyediaan Slaid dan Montaj, serta Kursus Media Sosial; dan dihadiri seramai 217 orang.

Kursus teknikal pula bertujuan memberi pendedahan teknikal kepada personel ICT bagi memantapkan lagi kompetensi peserta dalam pengetahuan teknologi ICT terkini. Antara kursus yang telah diadakan adalah Kursus Pembangunan *Mobile Application*, *Security In Programming*, MySQL *Advanced*, Adobe Illustrator, Joomla *Advanced*, Kejuruteraan PC Comptia A+, *Certified Data Centre Professional* (CDCP), CISCO *Certified Network Associate* (CCNA) serta *Designing Business Intelligence Solution With Microsoft SQL Server* 2012.



*Peserta Kursus ICT*

- ### Bengkel Pengesahan Pengujian Sistem e-Agensi

Bengkel Pengesahan Pengujian bagi Sistem e-Agensi telah diadakan pada 14 hingga 16 November 2014 bertempat di Tanjung Bidara Beach Resort, Melaka.

Sistem e-Agensi mula dibangunkan secara dalaman bermula pada Ogos 2013 dan dijangka siap dalam tempoh dua (2) tahun. Antara modul-modul yang terdapat dalam sistem ini adalah Modul Pembaharuan Lesen, Modul Cawangan, Modul Profil Syarikat, Modul Tapisan Keselamatan dan Modul Pengurusan Induk.

Bengkel diadakan bagi membuat pengesahan pengujian awal pengguna (*User Acceptance Test* – UAT) terhadap sistem ini. Antara aktiviti bengkel adalah sesi taklimat projek oleh Ketua Projek, sesi pengujian bagi lima (5) modul, rumusan dan pemurnian hasil daripada bengkel, majlis penutup serta sesi penyampaian sijil kepada para peserta.



*Peserta Bengkel Pengesahan Pengujian Sistem e-Agensi*

## PENUTUP

Secara keseluruhan prestasi adalah membanggakan dan memenuhi sasaran kerja yang ditetapkan.

# KHIDMAT PENGURUSAN & ASET

# PENGENALAN

Peranan utama Bahagian Khidmat Pengurusan & Aset (KP) adalah merancang dan memantau urusan pentadbiran dan pengurusan aset ke arah memberikan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berkualiti. Keberkesanan pelaksanaan peranan tersebut membolehkan pentadbiran dan pelaksanaan kerja di KDN sentiasa berjalan lancar dan teratur khususnya dalam penyediaan ruang dan keperluan pejabat yang lengkap bagi melahirkan persekitaran kerja yang kondusif.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA









- ## Pentabiran & Penyelenggaraan

  - ### Penyediaan Ruang Pejabat

Sepanjang tahun 2014, pengurusan perolehan bekalan perkhidmatan dan kerja-kerja yang memberikan impak kepada KDN antaranya adalah kerja-kerja menyedia dan menaik taraf sebanyak enam (6) ruang pejabat Anggota Pentadbiran dan pewujudan Bahagian/Unit baru di bawah KDN termasuk penyediaan kelengkapan perabot, telefon talian tetap dan internet bagi membolehkan pejabat dapat beroperasi sepenuhnya.

  - ### Penyelenggaraan

Pengurusan penyelenggaraan meliputi penyelenggaraan Blok D1, D2 dan D9 dilaksanakan secara komprehensif dan berterusan. Manakala penyelenggaraan peralatan dan kemudahan pejabat, kenderaan dan sistem keselamatan dilaksanakan secara proaktif dan responsif bagi membolehkan semua peralatan dan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik dan tersedia.

- ## Pengurusan Aset

  - ### Pendaftaran Aset Alih Dan Aset Tak Alih

KDN telah merekodkan sebanyak 414,694 kad Daftar Harta Modal (KEW-PA-2) dan 729,505 kad Daftar Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-3) membabitkan nilai perolehan asal sebanyak RM 7,281,080,852.40 dan RM1,965,939,522.00 menjadikan jumlah keseluruhan aset alih yang didaftarkan adalah sebanyak 1,144,199 dengan nilai perolehan asal sebanyak RM 9,247,020,374.40. Manakala sebanyak 4,235 premis (milikan sendiri, sewa dan tumpang) telah didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA).

## • Kursus Pengurusan Aset

Pada tahun 2014, sebanyak 15 siri taklimat/kursus pengurusan aset telah dianjurkan. Butiran seperti di Jadual 44.

| BIL | KURSUS | TEMPAT | TARIKH KURSUS |
|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Pengurusan Aset Hidup | Pusat Latihan Pegawai Penjara (PULAPEN), Taiping Perak | 6 - 8 Apr 2014 |
| 2 | Kursus Pengurusan Aset Alih Dan Stor Siri 1/2014 (Zon Selatan) | Maktab Teknik PDRM Bakri Muar | 8 - 10 Jun 2014 |
| 3 | Kursus Pengurusan Aset Alih Dan Stor Siri 2/2014 (Zon Sabah) | Pusat Latihan RELA Negeri Sabah, Tuaran | 25 - 27 Jun 2014 |
| 4 | Kursus Pengurusan Aset Alih Dan Stor Siri 3/2014 (Zon Timur) | Pusat Latihan Pertahanan Awam Wilayah Timur (PULAPAT), Jengka, Pahang | 9 - 12 Sept 2014 |
| 5 | Kursus Pengurusan Aset Alih Dan Stor Siri 4/2014 (Zon Sarawak) | Hotel Mega, Miri, Sarawak | 17 - 20 Sept 2014 |
| 6 | Kursus Pengurusan Aset Alih Dan Stor Siri 5/2014 (Zon Utara) | Pusat Latihan Polis Kuala Muda, Sg.Petani, Kedah | 24 - 27 Sept 2014 |
| 7 | Kursus Pengurusan Aset Alih Dan Stor Siri 6/2014 (Zon Tengah) | Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA), Bangi, Selangor | 27 - 30 Okt 2014 |
| 8 | Kursus Pengurusan Aset Alih Dan Stor Siri 7/2014 (Zon Tengah) | Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA), Bangi, Selangor | 3 - 6 Nov 2014 |
| 9 | Kursus Peluasan Pelaksanaan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Bagi Negeri Sabah | Ibu Pejabat Kontinjen PDRM, Kota Kinabalu, Sabah | 20 - 22 Mac 2014 |
| 10 | Kursus Peluasan Pelaksanaan TPATA Zon Selatan (Johor, Melaka & Negeri Sembilan | Kompleks KDN, Johor Bahru, Johor | 2 - 4 Apr 2014 |
| 11 | Kursus Peluasan Pelaksanaan TPATA Zon Timur (Pahang, Terengganu & Kelantan) | Penjara Pengkalan Chepa,Kelantan | 16 - 18 Apr 2014 |
| 12 | Kursus Peluasan Pelaksanaan TPATA Zon Utara (Perlis, Kedah,Pulau Pinang & Perak) | Kompleks KDN, Kangar, Perlis | 7 - 9 Mei 2014 |
| 13 | Kursus Peluasan Pelaksanaan TPATA Zon Tengah (Selangor & Kuala Lumpur) | Kompleks KDN, Jalan Duta, Kuala Lumpur | 14 - 16 Mei 2014 |
| 14 | Kursus Peluasan Pelaksanaan TPATA Bagi Negeri Sarawak | Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kuching, Sarawak | 28 - 30 Mei 2014 |
| 15 | Kursus Peluasan Pelaksanaan TPATA Untuk Pegawai Teknikal Fasiliti di Bawah KDN | Dewan Gemilang, Kompleks D, KDN | 29 Sept 2014 |

*Jadual 44: Siri Taklima/Kursus Pengurusan Aset*

## • Naziran Pengurusan Aset Alih, Stor Dan Aset Tak Alih





Program naziran di Bahagian/Jabatan/Agensi KDN dilaksanakan dengan mewujudkan dua (2) kumpulan *Task Force* bermula 5 November hingga 9 Disember 2014 membabitkan pemeriksaan dan pemantauan aset di 11 PTJ negeri. Objektif naziran adalah untuk memastikan setiap PTJ mendaftarkan aset secara keseluruhan di dalam Sistem

Pengurusan Aset (SPA) dan pendaftaran premis dan ruang di dalam Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA).

- **Keurusetiaan**

  - Hari Bertemu Pelanggan KDN 2014

KDN secara berjadual menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan KDN pada setiap hari Khamis dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Dewan Gemilang, Aras G, Blok D1. Program ini diadakan bagi memudahkan orang ramai untuk memahami prosedur dan peraturan yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu kelulusan diberikan. Sebanyak 16 kaunter perkhidmatan Bahagian/ Jabatan/Agensi dibuka secara setempat.

  - Perhimpunan Bulanan KDN

Perhimpunan Bulanan KDN dijadualkan pada setiap bulan dan dirasmikan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Objektif program adalah ke arah pemantapan *espirt de corps* dan pemakluman info/mesej pihak pengurusan. Sepanjang tahun 2014 sebanyak sembilan (9) siri perhimpunan berjaya dilaksanakan seperti di Jadual 45.

| BIL | TARIKH |
|---|---|
| 1 | 10 Januari 2014 |
| 2 | 13 Februari 2014 |
| 3 | 12 Mac 2014 |
| 4 | 8 April 2014 |
| 5 | 29 Mei 2014 |
| 6 | 5 Jun 2014 |
| 7 | 14 Ogos 2014 |
| 8 | 11 September 2014 |
| 9 | 5 Disember 2014 |

*Jadual 45: Perhimpunan Bulanan KDN*



  - Program Karnival 1KDN

Program Karnival 1KDN diadakan pada 10 hingga 12 Oktober 2014 bertempat di Dataran Tempat Letak Kereta, Perbadanan Stadium Negeri Sarawak. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak pada 11 Oktober 2014. Objektif penganjuran Karnival 1KDN adalah:

- Mendedahkan visi dan misi Kementerian Dalam Negeri sambil mempromosi kempen imej Jabatan/Agensi di bawah KDN;
- Memberi pendedahan kepada orang ramai untuk melahirkan kesedaran tentang keamanan dan keselamatan yang perlu dijaga oleh semua;
- Memberi khidmat konsultasi dan informasi kepada orang ramai berkaitan fungsi dan peranan Jabatan/Agensi di bawah KDN;
- Menjadikan KDN lebih mesra rakyat; dan
- Memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru oleh KDN.

  - Majlis Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara

Majlis Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N.) diadakan pada 4 September 2014 di Dewan Banquet, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur. Majlis disempurnakan oleh YAB PM kepada seramai 29 orang pegawai awam yang menyumbang jasa sepanjang Ops Daulat bermula dari Mac 2013 sehingga Jun 2013 di Sabah.

Majlis Perhargaan Ops Daulat ini merupakan hari bersejarah bagi anggota keselamatan dan kakitangan sokongan yang bertungkus-lumus mempertahankan kedaulatan negara dari pencerobohan musuh. Ianya merupakan salah satu aktiviti *National Blue Ocean Strategy*

(NBOS) antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Seramai 50 anggota PDRM dan 50 orang daripada ATM turut disenaraikan bagi menerima Pingat Kedaulatan Negara.




- **Program Penerapan Nilai-nilai Murni Ramadhan 1435H**

Sempena bulan Ramadhan 1435H, KDN melalui Bahagian KP telah menganjurkan Majlis Penerapan Nilai-nilai Murni di Bulan Ramadhan Bersama YB Menteri Dalam Negeri di semua negeri. Program ini bertujuan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan warga KDN dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama pihak Pengurusan Tertinggi KDN. Butiran tarikh dan lokasi penganjuran program adalah seperti di Jadual 46.

| BIL | KALENDAR | | NEGERI | LOKASI |
|---|---|---|---|---|
| | TARIKH | HARI | | |
| 1 | 30 Jun 2014 | Isnin | Johor | Kompleks Mini KDN Johor |
| 2 | 1 Julai 2014 | Selasa | Selangor | IPK Selangor |
| 3 | 3 Julai 2014 | Khamis | Perak | Kompleks Mini KDN Perak |
| 4 | 4 Julai 2014 | Jumaat | Pulau Pinang | IPK Pulau Pinang |
| 5 | 6 Julai 2014 | Ahad | Kedah | IPK Kedah |
| 6 | 7 Julai 2014 | Isnin) | Pahang | Kompleks Mini KDN Pahang |
| 7 | 8 Julai 2014 | Selasa | Melaka | Kompleks Mini KDN Melaka |
| 8 | 10 Julai 2014 | Khamis | W.P Kuala Lumpur | Kompleks Mini KDN W.P Kuala Lumpur |
| 9 | 11 Julai 2014 | Jumaat | Sabah | IPK Sabah |
| 10 | 13 Julai 2014 | Ahad | Kelantan | IPK Kelantan |
| 11 | 14 Julai 2014 | Isnin | W.P Putrajaya | Kompleks KDN |
| 12 | 15 Julai 2014 | Selasa | Terengganu | IPK Terengganu |
| 13 | 16 Julai 2014 | Rabu | Perlis | Kompleks Mini KDN Perlis |
| 14 | 17 Julai 2014 | Khamis | Negeri Sembilan | IPK Negeri Sembilan |
| 15 | 18 Julai 2014 | Jumaat | Sarawak | IPK Sarawak |

*Jadual 46: Butiran tarikh dan lokasi Program Penerapan Nilai-nilai Murni Ramadhan 1436H*






- **Pengurusan Keselamatan**

Sepanjang tahun 2014, tahap keselamatan di kawasan seliaan KDN adalah berada di tahap yang baik dan terkawal. Tiada sebarang kes-kes pelanggaran keselamatan serius ditemui atau dilaporkan. Tahap kawalan keselamatan ini adalah hasil daripada perancangan dan penjadualan tugasan yang sempurna dalam melaksanakan operasi-operasi secara berkala seperti Operasi Pas dan Pelekat Kenderaan, Operasi pemeriksaan mengejut.

KDN juga telah melaksanakan Ujian Pengisian Bangunan KDN pada 15 Disember 2014 dengan kerjasama Jabatan Bomba & Penyelamat, Putrajaya.

- **Pengurusan Inovasi dan Program Kualiti**

  - Anugerah Inovasi KDN 2014

Urusetia Anugerah Inovasi KDN (AIKDN) 2014 telah menerima sebanyak 35 penyertaan dari Bahagian/Jabatan/Agensi KDN. Sesi Penilaian Anugerah Inovasi KDN 2014 telah diadakan pada 22 Ogos 2014 hingga 22 Oktober 2014. Panel Penilai AIKDN 2014 adalah:

- YBrs. Dr. Sabri Bin Zainuddin Zainul - Bahagian PG, KDN
- YBrs. Prof Dr. Mohd Zaidi Bin Mohd Daud - UiTM
- Encik Aziph Bin Dato' Mustapha - Yayasan Inovasi Malaysia

Butiran Pemenang AIKDN 2014 seperti di Jadual 47.

- Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif 2014

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat KDN tahun 2014 telah berlangsung selama 5 hari bermula 27 sehingga 31 Oktober 2014 di Dewan Auditorium Kompleks D, Kementerian Dalam Negeri. Konvensyen KIK diadakan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang terlibat menghasilkan idea-idea baru dalam menyelesaikan masalah serta membuat penambahbaikan agar selari dengan transformasi yang ingin dicapai kerajaan.




Konvensyen KIK tahun ini disertai oleh seramai 33 kumpulan dari semua Jabatan/Agensi di bawah Kementerian. Jabatan Penjara Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara masing-masing menghantar sebanyak enam (6) kumpulan setiap satu. Daripada jumlah tersebut 12 adalah bagi kategori Pengurusan manakala baki sebanyak 21 penyertaan adalah bagi kategori Teknikal.

Majlis Perasmian Konvensyen KIK disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pengurusan) pada 27

| TEMPAT | JABATAN/AGENSI | TAJUK |
|---|---|---|
| Johan | IPK Negeri Kedah | System Pencegahan dan Pemantauan Tingkah Laku Pelajar (SPPTP) |
| Naib Johan | Pusat Koreksional Dungun, Terengganu | Alat Penapis Air (PK_PUMP) |
| Ketiga | Pejabat Pertahanan Awam Negeri Terengganu | Rov's Rescue Detector (Remotely Operated) I.D.E.A Team |

*Jadual 47: Senarai Pemenang Anugerah Inovasi KDN Tahun 2014*

Oktober 2014 manakala Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri KSU pada 31 Oktober 2014. Butiran pemenang konvensyen 2014 seperti di Jadual 48 (m.s 156).







- **Sambutan Hari Inovasi 2014**

Sambutan tahunan Hari Inovasi 2014 KDN telah berlangsung pada 5 Disember 2014 di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya dengan tema "Kreativiti Mencetus Inovasi". Tema Kreativiti Mencetus Inovasi adalah bertepatan dengan hasrat membudayakan inovasi di kalangan warga KDN.




Penganjuran sambutan menjadi agenda penting dan komitmen KDN terhadap usaha-usaha menyemarakkan lagi budaya inovasi di kalangan pegawai/kakitangan. Majlis sambutan ini juga merupakan platform untuk mengiktiraf dan menghargai usaha Bahagian/Jabatan/Agensi yang berjaya menghasilkan produk-produk inovasi yang dapat meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan untuk rakyat dan negara. "Konsep Cepat, Tepat dan Integriti (CTI), dan Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (PCI) yang diperkenalkan oleh YAB PM menekankan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti merupakan kepada pemupukan produktiviti, kreativiti dan inovasi di KDN.

Majlis sambutan dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri dan turut dihadiri Timbalan Menteri Dalam Negeri barisan Pengurusan Tertinggi KDN serta peserta Konvensyen KIK dan Inovasi KDN. Antara pengisian sambutan ialah pengumuman dan penyampaian hadiah kepada para pemenang AIKDN dan Konvensyan KIK dan Piala Menteri Dalam Negeri. Di akhir majlis, Jabatan Penjara Malaysia telah diisytiharkan sebagai pemenang Piala Menteri Dalam Negeri bagi tahun 2014.






| KATEGORI | PEMENANG | | |
|---|---|---|---|
| | TEMPAT | KUMPULAN DAN INSTITUSI | TAJUK PROJEK |
| PENGURUSAN | JOHAN | FORTRESS<br>Depot Imigresen Malaysia, Negeri Sarawak | Proses Pendaftran Dan Pencarian Maklumat Tahunan Mengambil Masa |
| | NAIB JOHAN | MYQ<br>Penjara Kajang Selangor | Kesukaran Mengesan Penempatan Banduan Semasa Lawatan Di Penjara Kajang |
| | TEMPAT KETIGA | NRD<br>Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Perak | Kutipan Mykad Siap Oleh Pelanggan Adalah Sederhana |
| TEKNIKAL | JOHAN | WALID<br>Penjara Pra Bebas, Ayer Keroh Melaka | Ternakan Ayam Kampung Tidak Menepati Piawaian |
| | NAIB JOHAN | ASPIRASI<br>Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu | Kesukaran Proses Pengambilan Gambar Mykad Di Luar Pejabat |
| | TEMPAT KETIGA | KARISMA<br>Penjara Wanita Kota Kinabalu Sabah | Kaedah Pembuangan Minyak Masak Terpakai Kurang Praktikal |

*Jadual 48: Butiran Pemenang dalam Projek Konvensyen KIK KDN Tahun 2014*

- ### MS ISO 9001:2008

Pasukan Audit Dalam KDN telah menjalankan pengauditan di 24 Bahagian KDN pada 11 hingga 13 Mac 2014 dan di semua Bahagian KF Cawangan Negeri dan PQ Cawangan Negeri bermula dari 17 hingga 28 Mac 2014. Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah untuk memastikan semua operasi dan pengurusan dilaksanakan mematuhi prosedur dan standard pengurusan kualiti selaras dengan pensijilan MS ISO 9001:2008.

Keseluruhannya, semua Bahagian telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 dengan baik. Beberapa penambahbaikan dan pembetulan turut dibuat bagi memantapkan operasi dan pengurusan.

- ### Penarafan Sistem *Star Rating*

KDN telah memulakan persediaan ke arah mencapai markah yang lebih baik pada tahun 2014 berbanding tahun-tahun sebelumnya untuk penarafan Sistem Star Rating (SSR) oleh MAMPU JPM. Beberapa langkah telah dikenalpasti untuk memastikan penilaian terhadap KDN berada dalam kelompok 5 Bintang berbanding 4 Bintang sebelum ini. Antaranya ialah penubuhan Jawatankuasa kerja khususnya untuk pelaksanaan tahun 2015.

- ## Pengurusan Rekod & Pendokumentasiaan

- ### Pengurusan Rekod

Seksyen Pengurusan Rekod menjadi keutamaan KDN kerana ianya adalahrujukan dan penanda aras dalam hal ehwal Pengurusan Rekod Kerajaan dan pendokumentasian di KDN. Peranan ini berkarya dilaksanakan melalui pelbagai program/aktiviti berikut:

- Pengurusan registri KDN
- Penerimaan dan Pendaftaran Surat sebanyak 211,563 (97,918 surat diterima dan 113,645 surat dihantar)
- Penyelenggaraan dan penyimpanan fail berjumlah 2,220





- Pelaksanaan sesi khidmat nasihat pengurusan rekod iaitu Bengkel Sistem Klasifikasi Fail dan Taklimat Pengendalian Fail dan Rekod masing-masing sebanyak 2 siri

- **Perkhidmatan Perpustakaan**

Perpustakaan KDN memainkan peranan penting bagi menjadikan KDN sebagai sebuah organisasi pembelajaran sepanjang hayat melalui penganjuran secara berjadual program-program pembelajaran sepanjang tahun. Antara program latihan yang diadakan adalah seperti di Jadual 49.

| PROGRAM | BILANGAN AKTIVITI |
|---|---|
| Edaran emel @ sinopsis bahan bacaan / rujukan terpilih | 12 kali |
| Edaran emel artikel bacaan umum terpilih | 24 kali |
| Pemilihan Peminjam Terbanyak | 6 kali |
| Edaran emel sinopsis bahan bacaan terkini | 12 kali |

*Jadual 49: Program Pembelajaran Perpustakaan 2014*

# PARLIMEN & KABINET

# PENDAHULUAN

Bahagian Parlimen dan Kabinet (PK) bertanggungjawab menyelaras dan merancang perkara-perkara berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Parlimen bagi KDN, Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Menteri dan Mesyuarat-mesyuarat Utama.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## • Bengkel Pengurusan Parlimen KDN

Selari dengan peruntukan/kekerapan Sidang Parlimen Ke-13, KDN pada tahun 2014 telah menganjurkan tiga (3) siri Bengkel Pengurusan Parlimen bagi menyelaras jawapan Parlimen:

- Bil 1/2014 pada 27 – 28 Februari 2014 bertempat di KDN bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Perhimpunan ke-13 yang berlangsung mulai 10 Mac – 10 April 2014;






- Bil 2/2014 pada 28 – 29 Mei bertempat di KDN bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Perhimpunan ke-13 yang berlangsung mulai 9 – 19 Jun 2014; dan

- Bil 3/2014 pada 25 – 28 September di Perlis bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Perhimpunan ke-13 yang berlangsung mulai 7 Oktober – 27 November 2014. Bengkel ini dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri



## • Majlis Taklimat KDN kepada BNBBC

Majlis Taklimat KDN kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) telah diadakan pada 17 Jun 2014 bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Majlis taklimat yang dihadiri seramai 200 orang ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri. Taklimat ini turut dihadiri YBhg. Dato' Sri KSU, dan Timbalan-Timbalan KSU Kementerian. Intipati taklimat yang disampaikan adalah isu-isu berkaitan PDRM, dan AADK.

## • Bengkel Pengurusan Dokumen Jemaah Menteri

KDN melalui Bahagian PK telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Dokumen Jemaah Menteri dari 24 hingga 26 Oktober 2014 bertempat di Hotel Grand Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan pengurusan dokumen Jemaah Menteri yang meliputi panduan penyediaan kertas Jemaah Menteri berkualiti dan juga Maklum balas Jemaah Menteri. Bengkel dihadiri oleh 40 orang peserta dari Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KDN dan taklimat telah disampaikan oleh penceramah dari Bahagian Kabinet, JPM.

- **Perhimpunan Agung UMNO 2014**

Perhimpunan Agung UMNO bagi tahun 2014 telah diadakan dari 24 hingga 29 November 2014 bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. KDN turut menghantar pegawai/petugas bagi mengikuti perbahasan di sepanjang perhimpunan/persidangan bagi mengetahui dan menyelaraskan tindakan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan berhubung dengan KDN.

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

- **Urusan Parlimen**

Bagi tiga (3) siri Mesyuarat Penggal Kedua Parlimen ke-13 tahun 2014, KDN telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan jawapan kepada sejumlah 884 pertanyaan Dewan Rakyat dan Negara. Butiran adalah seperti di Jadual 50.

| PERKARA | JENIS | JUMLAH |
|---|---|---|
| Dewan Rakyat | Lisan | 428 |
| | Bukan Jawab Lisan | 177 |
| Dewan Negara | Lisan | 249 |
| | Bukan Jawab Lisan | 30 |
| Jumlan | | 884 |

*Jadual 50: Statistik Pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara Bagi Penggal Kedua, Parlimen Ke-13 Tahun 2014*

Secara purata prestasi pematuhan kepada objektif kualiti MS ISO iaitu 'Memastikan sekurang-




kurangnya 96% jawapan-jawapan Parlimen dikemukakan kepada YB MDN dan YB TMDN selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum soalan berkenaan dijawab di Parlimen' adalah melebihi 99.7%.

- **Urusan Jemaah Menteri**

Antara aktiviti pengurusan dan penyelarasan utama urusan jemaah menteri tahun 2014 KDN adalah:

a Menguruskan dan memantau penyediaan 209 ulasan Memorandum Jemaah Menteri dari kementerian-kementerian lain;

b Menguruskan dan memantau penyediaan 17 Memorandum Jemaah Menteri daripada MDN oleh semua Bahagian;

c Mengurus dan memantau penyediaan 18 Nota Jemaah Menteri daripada MDN oleh semua Bahagian di KDN;

d Menguruskan dan menyelia pengurusan bagi 20 kali Mesyuarat Pasca Kabinet KDN;

e Menguruskan penyediaan laporan maklumbalas 56 keputusan Mesyuarat-mesyuarat Jemaah Menteri yang memerlukan tindakan segera KDN;







f Menguruskan penyediaan laporan maklumbalas 81 keputusan Mesyuarat-mesyuarat Jemaah Menteri yang memerlukan tindakan susulan KDN;

g Menyelaras pengagihan 360 butir-butir keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang belum disahkan untuk makluman dan tindakan Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KDN.

- **Urusan Mesyuarat Utama**

Sepanjang tahun 2014, Bahagian PK selaku penyelaras utama KDN bagi urusan mesyuarat utama kerajaan telah selesai menyelaras:

- 270 maklum balas kepada Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan;
- Tiga (3) maklum balas kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja;
- Tiga (3) maklum balas kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri;
- Satu (1) maklum balas kepada Mesyuarat Majlis Ekonomi;
- Satu (1) maklum balas kepada Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN); dan
- 55 usul bagi Perhimpunan Agung UMNO Tahun 2014.

## PENUTUP

Secara keseluruhan pencapaian adalah memenuhi perancangan kerja dan KPI yang ditetapkan dan mendapat pengiktirafan *stakeholder*.

# HAL EHWAL IMIGRESEN

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Hal Ehwal Imigresen (IM) berperanan memastikan dasar dan peraturan kemasukan dan keberadaan orang asing ke negara ini bersesuaian dengan kepentingan negara, di samping memastikan warganegara yang layak tidak dinafikan sebarang kemudahan imigresen. KDN bertindak menggubal dasar imigresen dan Pasport, menggubal dasar Permit Masuk dan juga perkara yang berkaitan dengan sempadan atau lintas batas antara dua negara.

Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan berkaitan imigresen sedia ada:

- Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002);
- Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- Akta Pasport 1966 (Akta 150);
- Pekeliling Jabatan Imigresen Malaysia (yang berkaitan); dan
- Perintah Am dan Arahan Pentadbiran

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- **Semakan Dasar dan Perancangan Strategik bagi Pengurusan Warga Asing**

    - Makmal Pelan Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Secara Holistik Siri 1 pada 18 September 2014 telah diadakan di KDN. Makmal ini dihadiri oleh wakil-wakil Kementerian, Agensi-agensi kawalselia dan Agensi-agensi penguatkuasa;

    - Bahagian IM telah menyediakan Kertas Pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan PATI bertajuk Kertas Pelan Tindakan Penguatkuasaan Komprehensif Bertemakan Merakyatkan Penguatkuasaan pada 10 Jun 2014;

    - Makmal Pelan Penguatkuasaan PATI Secara Holistik Siri 2, telah dianjurkan pada 10 hingga 12 November 2014 bertempat di Cameron Highlands, Pahang;

    - Perbincangan Cadangan Mendigitalkan Kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) telah dilaksanakan bermula 5 Mei 2014. Beberapa siri mesyuarat telah dijalankan di antara KDN, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan UNHCR. Isu mengenai kemudahan kepada pelarian tersebut masih dalam peringkat perundingan dan akan diteruskan dalam tahun 2015;

    - Kertas Pembentangan Mengenai Isu PATI di Malaysia bertajuk *Isu dan Halatuju Baru Bagi Menanganinya* telah dibentangkan semasa Mesyuarat Majlis Sosial Bil. 1/2014 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Hj. Mohd Yassin;

    - Dasar Program Penghantaran Pulang PATI (PPP) telah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi dan telah dijalankan pada 1 Jun 2014 sehingga 31 Disember 2014;

    - Kertas Dasar Mengenai Tempoh Masa Pengambilan Pekerja Asing oleh Majikan Ditetapkan Kepada 24 Jam. Kertas Dasar telah diluluskan dan Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 21 Tahun 2014 telah dikeluarkan pada 1 Oktober 2014.

- **Penetapan Dasar Dalam Pelaksanaan Buku Pas Sempadan**

Selaras dengan Perjanjian di Antara Kerajaan Malaysia dan Thailand Mengenai Lintas Sempadan yang telah ditandatangani pada 28 Februari 2013, satu ketetapan dasar telah dilaksanakan di mana Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah melaksanakan Buku Pas Sempadan (*Border Passbook*) bagi menggantikan Pas Sempadan di pintu-pintu sempadan Malaysia – Thailand.

Majlis perasmian Buku Pas Sempadan telah diadakan pada 1 Disember 2014 sempena

Sambutan Hari Imigresen. *Border Passbook* ini diperincikan dengan ciri-ciri Buku Pasport Antarabangsa Malaysia termasuk teknologi *machine readable zone* (MRZ) yang membolehkan ianya diimbas tanpa memerlukan pengguna melakukan semakan kaunter selain disokong dengan aplikasi Sistem Biometrik dan MACS.

- **Penetapan Dasar Dalam Pelaksanaan Pemansuhan Pasport Malaysia Antarabangsa**

KDN telah bersetuju untuk memansuhkan pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) Sah Laku Dua (2) Tahun dimansuhkan dan kadar bayaran PMA Sah Laku Lima (5) Tahun diturunkan kepada kadar seperti berikut bermula 15 Januari 2015.

| KATEGORI | KADAR (RM) |
|---|---|
| Pemohon biasa<br>(13 tahun hingga 59 tahun) | RM200.00 |
| Warga emas (60 tahun ke atas) | RM100.00 |
| Kanak-kanak di bawah 12 tahun | RM100.00 |
| Pelajar di luar negara di bawah 21 tahun | RM100.00 |
| Jemaah Haji | RM100.00 |
| Orang Kelainan Upaya (OKU) | Gratis |

*Jadual 51: Kadar Bayaran Pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa*

- **Ketetapan Dasar Dalam Pelaksanaan *Foreign Workers Centralized Management System***

KDN telah memutuskan agar dua (2) modul iaitu BioMedikal dan eVDR termasuk kemudahan mendapatkan insurans dilaksanakan secara *online*. Sehubungan dengan itu, tiada lagi permohonan secara manual dibenarkan dan perlu dilaksanakan menerusi *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS). Kaedah pelaksanaan baru ini dijangkakan dapat memastikan proses-proses sedia ada melibatkan pengambilan Pekerja Asing dilaksanakan secara atas talian, telus, selamat dan efisyen.

- **Ketetapan Dasar Serta Justifikasi Caj Perkhidmatan Berkaitan Tapisan Dan Kawalan Sebelum Memasuki Negara (Di Luar Negara)**

*One Country One OSC* merupakan dasar yang telah ditetapkan oleh KDN yang mana menetapkan hanya satu pengendali OSC visa Malaysia bagi setiap negara yang menggunakan perkhidmatan OSC. Walau bagaimanapun, kuasa melulus dan mengeluarkan pelekat visa masih di bawah kuasa JIM yang ditempatkan di Pejabat Perwakilan Malaysia. OSC bertindak sebagai pusat sehenti yang menerima, membuat semakan awal, merekodkan permohonan secara elektronik menggunakan sistem Visa Luar Negara (VLN) serta menyerahkan dan mengambil semula pasport pemohon di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia dengan selamat dan sistematik.

Bermula 15 November 2014, KDN telah memutuskan untuk mengenakan caj perkhidmatan yang berkadaran, mengambilkira semua aspek dan implikasi. Caj perkhidmatan menyeluruh yang dikenakan telah ditetapkan dan berjumlah RM310.00 dengan pecahan seperti berikut:

- Caj Pusat Sehenti (OSC) : RM100.00
- Caj Visa Luar Negara (VLN) : RM 105.00
- Caj Imm. Security Clearance (ISC) : RM 105.00

Caj perkhidmatan tersebut tidak termasuk dengan Fi Visa Kerajaan yang akan dikenakan dalam lingkungan RM30.00 hingga RM50.00.

- **Perjanjian Bersama Penghapusan Visa**

Rundingan dua hala dengan lapan (8) negara untuk mengadakan Perjanjian Bersama Penghapusan Visa (PBPV) (Separa/ Mutlak) yang membenarkan warganegara negara pejanji masuk dengan pengecualian syarat kemudahan visa. Negara-negara yang terlibat adalah Kazakhstan, Turkeministan, Azerbaijan, Columbia, Maghribi, Bangladesh, Kuwait dan Turki. Acara menandatangani Perjanjian Bersama Penghapusan Visa (PBPV) (Separa) Bagi Pemegang Pasport

Diplomatik dan Rasmi Di Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Bangladesh pada 3 Disember 2014.

- ***Visa Waiver Programme* Amerika Syarikat**

Sebanyak empat (4) kali mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan isu mengenai *Visa Waiver Programme* (VWP) Amerika Syarikat pada tahun 2014.

Kertas pertimbangan telah diangkat dan dipersetujui oleh YB Menteri Dalam Negeri pada 9 Disember 2014 bagi mewajibkan pelaporan kehilangan pasport ke Balai Polis atau Balai Polis tempatan bagi kes kehilangan di dalam dan luar negara berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015.

- **Dasar Pelajar Antarabangsa**

  - Kumpulan Kerja Pengurusan dan Pemantauan Pelajar Antarabangsa (KKPPPA) telah bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali sepanjang tahun 2014.

  - Kerjasama dengan agensi kawal selia dan PEMANDU untuk membangunkan '*Risk-Profiling – Student Visa Application*'.

  - Mengkoordinasi penyediaan garis panduan pengurusan pelajar antarabangsa di kalangan Agensi Kawal Selia.

  - Khidmat nasihat penyediaan pekeliling/ arahan berkaitan pelajar antarabangsa oleh JIM.

- **Kes–Kes Rayuan Pas**

Memproses rayuan permohonan pas-pas termasuk *Journey-Performed Visa* (JP Visa) bagi Pembantu Rumah Asing yang ditolak oleh JIM bagi tahun 2014. Statistik kes yang telah diproses adalah seperti di Jadual 52.

Sepanjang 2014, beberapa perubahan prosedur telah dilakukan dan menyumbang kepada penurunan jumlah kes yang diterima. Antaranya ialah:

- Permohonan Pegawai Dagang di Bahagian Khidmat Ekspatriat secara atas talian sejak April 2014 telah memastikan hanya syarikat yang layak dan teratur berjaya mengemukakan permohonan. Dengan itu, jumlah permohonan yang ditolak di JIM juga telah menurun.

- Menguatkuasakan arahan di mana semua permohonan rayuan perlu sertakan surat Tolak dari JIM. Oleh itu jumlah rayuan didapati berkurangan kerana pemohon tidak dapat melengkapkan dokumen dan patuh kepada keputusan JIM.

# PENUTUP

Secara keseluruhannya, KDN melalui Bahagian IM telah mencapai sasaran kerja 2014 dengan cemerlang. Sebagai kesinambungan, beberapa perkara dasar imigresen seperti isu permit masuk dan kewarganegaraan masih lagi dalam peringkat kajian dan akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2015.

| BIL. | PERKARA | PENCAPAIAN (Bilangan kes) |
|---|---|---|
| 1 | Kes rayuan Pegawai Dagang | 76 |
| 2 | Kes permohonan Pegawai Dagang (Media Asing) | 23 |
| 3 | Kes rayuan Pembantu Rumah Asing (PRA) | 177 |
| 4 | Kes rayuan lanjutan Pas Lawatan Sosial (PLS) / Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK) | 57 |
| 5 | Kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa | 286 |

*Jadual 52: Statistik Permohonan Dan Rayuan Tahun 2014*

# PENGURUSAN PEKERJA ASING

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Pengurusan Pekerja Asing (Bahagian PA) adalah urus setia Pusat Kelulusan Setempat Pekerja Asing untuk sektor-sektor yang dibenarkan setelah majikan gagal untuk mendapat pekerja tempatan.

Kewujudan Pusat Kelulusan Setempat (OSC) Pekerja Asing adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempraktikkan tadbir urus yang baik serta mengurangkan birokrasi seterusnya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

KDN juga berperanan untuk mengkaji, merangka dan membantu dalam penggubalan dasar, undang-undang dan peraturan berkaitan pekerja asing serta melaksanakan proses kawal selia ke atas syarikat-syarikat dan majikan terus yang menggaji pekerja asing di samping memastikan proses kutipan dan pulangan balik bayaran levi dilaksanakan dengan cekap dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- ## Proses Permohonan Pengambilan Pekerja Asing di Pusat Kelulusan Setempat

Majikan yang mengemukakan permohonan yang lengkap akan ditemuduga oleh panel temuduga yang terdiri daripada wakil Kementerian/Agensi mengikut sektor yang ditetapkan di OSC di mana semua keputusan akan dikeluarkan pada hari yang sama.

Bagi Tahun 2014, KDN telah memproses sebanyak 18,080 permohonan pengambilan pekerja asing dan dari jumlah tersebut sebanyak 17,070 permohonan telah diluluskan melibatkan 548,824 orang pekerja asing. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak 6,757 merupakan permohonan yang diterima daripada majikan terus, 5,384 bagi permohonan penggantian pekerja asing dan 4,929 permohonan yang diberikan melalui Kelulusan Khas.

- ## Kutipan Levi Pekerja Asing Bagi Permohonan Baru

Bagi tahun 2014, bayaran levi pekerja asing yang telah diterima adalah berjumlah RM733,103,927.72 seperti butiran Jadual 53.

| BULAN | KUTIPAN LEVI (RM) |
|---|---|
| Januari | 46,740.475.30 |
| Februari | 102,529,510.00 |
| Mac | 138,645,550.00 |
| April | 105,520,905.00 |
| Mei | 45,485,122.00 |
| Jun | 24,907,970.15 |
| Julai | 34,004,790.00 |
| Ogos | 53,922,790.27 |
| September | 33,200,110.00 |
| Oktober | 60,783,885.00 |
| November | 55,592,010.00 |
| Disember | 31,770,810.00 |
| **Jumlah** | **733,103,927.72** |

*Jadual 53: Jumlah Kutipan Levi Tahun Pertama Bagi Permohonan Pekerja Asing*

- ## Program Khas Pengurusan PATI

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pekerja Asing-Pendatang Tanpa Izin (JKPPA-PATI) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri (TPM) pada 2 Oktober 2013 memutuskan supaya KDN mewujudkan satu program khas yang dinamakan sebagai **Program Pengurusan Khas Pekerja Asing (PKPP).** Program ini bertujuan untuk membantu majikan yang ditipu oleh ejen semasa proses pemutihan dalam Program 6P yang telah dilaksanakan pada 1 September 2011 hingga 31 Disember 2012.

Mesyuarat JKPPA-PATI pada 2 Oktober 2013 turut bersetuju mekanisme pelaksanaan Program PKPP berikut:

- Proses Pemutihan di bawah 6P tidak dilanjutkan dan Program PKPP dilaksanakan secara *G to G* yang hanya melibatkan dokumen perjalanan PATI serta tidak melibatkan agen atau orang tengah.

- Dasar pertimbangan kelulusan PKPP adalah sama seperti Program 6P. Program PKPP ini dilaksanakan selama tiga (3) bulan mulai 21 Oktober 2013 sehingga 20 Januari 2014 dengan majikan mengemukakan laporan Polis yang membuktikan majikan ditipu (dari tempoh bermula 1 September 2011 sehingga 10 September 2013).

- Tiada lagi Proses Pendaftaran PATI semasa pelaksanaan PKPP dan ianya Program terakhir untuk memberikan kebenaran kepada PATI untuk bekerja secara sah di negara ini.

Sehingga 31 Disember 2014, seramai 18,573 PATI telah melalui Proses Pemutihan. Statistik kelulusan Program PKPP mengikut negara dan sektor adalah seperti Jadual 54.

- **Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI)**

Sepanjang tahun 2014 Mesyuarat Jawatankuasa JKKPA-PATI telah bersidang sebanyak dua (2) kali dan dipengerusikan oleh YAB TPM:

Mesyuarat JKKPA-PATI Kali ke-11 Bil.1/2014 telah diadakan pada 7 Januari 2014 bertempat di Dewan Persidangan, Bangunan Perdana Putra. Mesyuarat telah membincangkan perkara/ cadangan berkaitan:

- Pengeluaran dan pengagihan i-Kad kepada pekerja asing

| WARGANEGARA | SEKTOR | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PEMBINAAN | PERKHIDMATAN | PERKILANGAN | PERLADANGAN | PERTANIAN | JUMLAH BESAR |
| BANGLADESH | 8,395 | 1,429 | 864 | 101 | 288 | 11,077 |
| INDIA | 33 | 109 | 6 | 10 | 36 | 194 |
| INDONESIA | 2,956 | 1,167 | 251 | 609 | 610 | 5,593 |
| THAILAND | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 |
| VIETNAM | 21 | 26 | 16 | 2 | 1 | 66 |
| PHILIPPINES | 11 | 18 | 0 | 0 | 0 | 29 |
| MYANMAR | 269 | 502 | 380 | 21 | 109 | 1,281 |
| NEPAL | 21 | 41 | 70 | 3 | 12 | 147 |
| SRI LANKA | 6 | 10 | 13 | 1 | 5 | 35 |
| CAMBODIA | 4 | 12 | 9 | 4 | 0 | 29 |
| PAKISTAN | 43 | 46 | 15 | 3 | 13 | 120 |
| CHINA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| LAOS PEOPLE'S DEMOCRATIC REP | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UZBEKISTAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **11,759** | **3,361** | **1,624** | **754** | **1,075** | **18,573** |

*Jadual54: Statistik Kelulusan Program Khas Pengurusan PATI*

- Supaya KSM menyelaraskan perjumpaan bersama *Malaysian Recruitment Agency (MRA),* penggajian warganegara Thailand di sub-sektor restoran dikekal mengikut dasar semasa, dan

- Mekanisme penggajian Pekerja Asing Bangladesh secara *G to G* diperluaskan di Negeri Sarawak.

Mesyuarat JKKPA-PATI Kali Ke-12 telah diadakan pada 10 Jun 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Bangunan Parlimen. Mesyuarat telah membincangkan perkara/cadangan mengenai:

- Kajian mekanisme bayaran levi,

- Pelaksanaan penguatkuasaan oleh KPDNKK kepada pembantu restoran yang didapati bekerja secara tidak sah di restoran makanan Thai, dan

- Penambahbaikkan dasar, prosedur syarat-syarat penggajian pekerja asing bagi sub-sektor borong dan runcit.

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

KDN turut melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan berkaitan pengurusan pekerja asing:

a Bengkel Kajian Semula SOP Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing di Melaka pada 9 – 11 Oktober 2014.

b Bengkel Pemurnian SOP Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing di Pulau Pinang pada 5 – 7 Disember 2014.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, pencapaian adalah menepati sasaran yang ditetapkan. Pelaksanaan cadangan baru dan inisiatif penambahbaikan pengurusan seperti mana keputusan JKKPA – PATI telah memperkasakan lagi nama baik negara dalam ehwal pengurusan pekerja asing di negara ini.



# PENDAFTARAN NEGARA & PERTUBUHAN

# PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan (PP) bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal dasar Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pendaftar Pertubuhan (JPPM). Bahagian PP turut memproses permohonan kewarganegaraan Malaysia dan permohonan rayuan pertubuhan yang dikemukakan oleh Jabatan-jabatan berkenaan.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

- **Permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia**

Sebanyak 17,410 Permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia telah diproses pada tahun 2014 di mana jumlah tersebut didapati meningkat berbanding tahun-tahun sebelum. Perbandingan statistik Permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia untuk tempoh empat (4) tahun ditunjukkan di dalam Jadual 55.

- **Memproses Permohonan Rayuan Pertubuhan**

Keseluruhannya jumlah permohonan rayuan pertubuhan yang diterima pada tahun 2014 adalah sebanyak 1,257 permohonan. Peningkatan mendadak didapati pada pertengahan tahun 2014 iaitu pada bulan Julai yang mencatatkan sebanyak 629 permohonan rayuan diterima dan ia turut mencatatkan peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Lihat Jadual 56 dan Jadual 57 mengenai bilangan rayuan dan permohonan rayuan.

Peningkatan adalah berikutan pelaksanaan penggunaan sistem e-Roses yang melibatkan penyimpanan data serta penghantaran Penyata Tahunan pertubuhan secara atas talian. Sehubungan itu, KDN melalui Bahagian PP mula memperakukan permohonan rayuan pertubuhan secara berkelompok memandangkan jumlah permohonan yang diproses adalah melebihi daripada tahun-tahun sebelum.

- **Temuduga Lanjutan Permohonan Taraf Kewarganegaraan**

KDN melalui Bahagian PP turut memproses permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi Perkara 15A, 15(2), 19(1) dan 30(1) Perlembagaan Persekutuan. Jumlah permohonan taraf kewarganegaraan didapati semakin meningkat dari tahun ke tahun selepas program *Task Force* yang dilancarkan pada tahun 2010 dan telah dipilih sebagai salah satu *Key Performance Index* (KPI) YB Menteri Dalam Negeri (MDN) pada tahun 2011.

Bagi memastikan penganugerahan Taraf Kewarganegaraan Malaysia dikurniakan kepada mereka yang benar-benar layak, inisiatif baru iaitu




*Jadual 55: Statistik Permohonan Kewarganegaraan Malaysia Tahun 2011 – 2014 di KDN*




*Jadual 56 : Statistik Permohonan Rayuan Pertubuhan Bagi Tahun 2014*




*Jadual 57: Statistik Permohonan Rayuan Pertubuhan Tahun 2010 – 2014*

dengan mengadakan program temuduga lanjutan terhadap Permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia yang tidak mempunyai maklumat lengkap telah diadakan di Wisma Persekutuan, Taiping, Perak pada 30 hingga 31 Oktober 2014.

Daripada 100 orang pemohon yang dipanggil, seramai 89 orang telah menghadiri program temuduga tersebut. Permohonan adalah terdiri daripada pemohon yang mengemukakan permohonan untuk menjadi warganegara





*30 - 31 Okt: Sesi Temuduga lanjutan Permohonan Taraf Kewarganeraan di Taiping, Perak*

Malaysia di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan dan hasil temuduga lanjutan telah membantu Bahagian PP dalam menyediakan perakuan dengan lebih tepat dan lengkap untuk pertimbangan YB MDN.

- **Mesyuarat Isu-Isu Dokumen Pengenalan Diri Penduduk Negeri Sabah**

Mesyuarat Isu-Isu Dokumen Pengenalan Diri Penduduk Negeri Sabah telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 17 hingga 19 Oktober 2014. Mesyuarat ini melibatkan seramai 42 orang ahli wakil dari agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah yang berkaitan seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Ketua Menteri Sabah, Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah, *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) dan lain-lain.

Tujuan mesyuarat adalah sebagai persiapan awal KDN untuk menghadapi isu-isu berbangkit daripada Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (RCI) yang bakal didedahkan kepada umum pada akhir tahun 2014. Mesyuarat ini dijalankan dalam bentuk *Closed Town Hall Meeting* di mana ahli-ahli mesyuarat berpeluang untuk melontarkan seberapa banyak soalan yang dijangka bakal diajukan oleh orang awam setelah Laporan RCI didedahkan kepada umum dan seterusnya menyediakan draf jawapan/maklumbalas.

- **Lawatan Ke Pusat Tahanan Sementara Kinarut, Papar**

Satu lawatan ke Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Kinarut, Papar dengan kerjasama MKN Sabah telah diadakan 18 Oktober 2014. Lawatan yang diketuai oleh YA Dato' Penasihat Undang-Undang KDN adalah bertujuan bagi melihat sendiri keadaan dan suasana pusat tahanan tersebut di samping mencari ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan demi manfaat semua pihak.



*Ahli-ahli Mesyuarat Isu-Isu Dokumen Pengenalan Diri Penduduk Negeri Sabah*



*Sesi Closed Town Hall Meeting*

Pihak Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) (Sabah/Labuan) turut memberikan taklimat berhubung peranan PPKP dalam menguruskan tahanan warga asing serta kekangan-kekangan yang dihadapi oleh PPKP sepanjang menguruskan pusat tahanan ini.



*Lawatan ke salah satu blok yang menempatkan tahanan lelaki di Pusat Tahanan Sementara Kinarut, Papar*

- **Pengumuman Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing Di Sabah**

Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang telah dilantik pada 21 September 2012 telah memuktamadkan hasil siasatan dengan mempersembahkan Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 14 Mei 2014. YAB Perdana Menteri selanjutnya telah membentangkan hasil Laporan Suruhanjaya ini kepada Jemaah Menteri pada 16 Julai 2014.

Dalam usaha menunjukkan komitmen dan kesungguhan kerajaan dalam menangani isu pendatang asing di Sabah, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju agar hasil siasatan dan Laporan Suruhanjaya tersebut diumumkan kepada orang ramai dan laporannya dijual kepada umum. Lanjutan daripada itu, pengumuman Laporan Suruhanjaya oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Sesi Bersama Media telah diadakan pada 3 Disember 2014 di TH Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Pengumuman tersebut telah mendapat liputan yang meluas oleh pihak media yang mana sesi tersebut turut dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi daripada Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah.

Antara lainnya, YBhg. Tan Sri Dr. KSN mengumumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju dengan syor Suruhanjaya agar satu Jawatankuasa Pengurusan Mengenai Pendatang Asing ditubuhkan untuk mencari penyelesaian bagi masalah ini secara menyeluruh. Laporan Suruhanjaya yang diterbitkan dalam dua versi iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris telah dijual kepada umum di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu dan di Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya pada harga RM100.00 senaskah bermula pada 4 Disember 2014.



*YBhg.Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara*



*Laporan RCI dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dipaparkan kepada umum buat pertama kalinya semasa Sesi Bersama Media*

- ***Ministerial Conference On Civil Registration And Vital Statistics***

*Ministerial Conference On Civil Registration And Vital Statistics (CRVS) In Asia And The Pacific* dianjurkan oleh *United Nations Economic and Social Commision for Asia and The Pacific (UN ESCAP), suruhanjaya di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan kerjasama* organisasi-organisasi antarabangsa seperti UNESCO, UNHCR, UNDP, UNFPA, UNICEF, WHO, ADB dan Plan International). Ia bertujuan untuk:

- Mencapai persetujuan berkenaan kepentingan meningkatkan pendaftaran sivil dan statistik penting *(Civil Registration and Vital Statistics - CRVS)* di Asia dan Pasifik yang melibatkan peristiwa-peristiwa penting seperti kelahiran, kematian, pengangkatan (anak angkat), perkahwinan, perceraian dan sebab-sebab kematian *(cause of death - COD);*

- Mewujudkan komitmen kerajaan dan *development partners* di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menggalakkan ahli-ahli anggota mengkaji dan menilai fungsi dan peranan sistem *CRVS* semasa agar hasilnya boleh digunapakai dalam perancangan



dan strategi nasional di semua negara Asia dan Pasifik menjelang tahun 2024; dan

- Menerimapakai deklarasi *"Asian and Pacific CRVS Decade, 2015-2024".*

Sehubungan itu, KDN telah menyelaras beberapa siri mesyuarat bersama-sama Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Unit Perancang Ekonomi untuk menyediakan maklumat-maklumat berkaitan persidangan tersebut. Persidangan ini telah diadakan di Bangunan United Nation, Bangkok Thailand bermula 24 November 2014 sehingga 28 November 2014 dan delegasi Malaysia diketuai oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Semua negara Asia dan Pasifik telah sebulat suara bersetuju dan menerimapakai *(adoption)* dua dokumen penting persidangan iaitu *Ministerial Declaration* dan *Regional Action Framework On Civil Registration And Vital Statistics In Asia And The Pacific* yang akan dijadikan panduan dan rujukan dalam pelaksanaan dan penambahbaikan CRVS di negara-masing-masing. Antara impak positif penglibatan Malaysia dalam persidangan ini:

- Mewujudkan komitmen dan keseriusan Malaysia dalam memperbaiki pendaftaran sivil dan statistik penting di peringkat serantau;

- Membolehkan Malaysia mempelajari amalan terbaik dalam pelaksanaan CRVS dari negara-negara lain;

- Membolehkan Malaysia berkongsi pengalamannya dengan negara-negara anggota lain dan sekali gus meningkatkan visibiliti negara;

- Menjadi asas untuk mewujudkan kerjasama di peringkat nasional bagi perkara yang berkaitan dengan pendaftaran sivil dan statistik dengan Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi.

Susulan daripada persidangan ini, peranan Jawatankuasa Tetap CRVS di Malaysia yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan sebagai usaha untuk melaksana dan menambahabaik CRVS di Malaysia.

## PENUTUP

KDN melalui Bahagian PP terus komited dalam meningkatkan usaha melaksanakan tugas berkaitan pendaftaran negara dan pendaftaran pertubuhan demi kesejahteraan rakyat dan ketenteraman dalam negeri.

POLIS DIRAJA
MALAYSIA

# PENGENALAN

Fungsi PDRM seperti yang digariskan dalam Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 iaitu memelihara undang-undang dan ketenteraman awam, mengekalkan keamanan dan keselamatan, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa penjenayah dan akhir sekali mengumpulkan risikan keselamatan. Fungsi dan peranan ini akan menyumbang kepada pencapaian visi jabatan iaitu sebagai peneraju penguatkuasaan undang-undang bagi mengekalkan Malaysia selamat, aman dan sejahtera, manakala misinya ialah memberi perkhidmatan profesional dan berkualiti dalam melindungi masyarakat bagi menjamin negara selamat, aman dan sejahtera.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## Pembanterasan

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 128,544 kes jenayah indeks telah direkodkan berbanding 147,062 kes pada tahun 2013. Ini menunjukkan PDRM berjaya menurunkan kadar jenayah indeks sebanyak 18,518 kes (12.6%) berbanding sasaran penurunan sebanyak 5% yang telah ditetapkan di bawah Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI). Bagi kes jenayah kekerasan, sepanjang tahun 2014 sebanyak 25,425 kes telah dilaporkan berbanding 29,375 kes pada tahun 2013 iaitu




*Jadual 58: Statistik Jenayah Indeks 2013 vs 2014*




*Jadual 59: Statistik Jenayah Kekerasan 2013 vs 2014*

penurunan sebanyak 3,950 kes (13.4%). Butiran adalah seperti di Jadual 58 dan Jadual 59.

Bagi kes jenayah harta benda pula, sebanyak 103,119 kes telah direkodkan sepanjang tahun 2014 berbanding 117,687 kes bagi tahun 2013, di mana penurunan sebanyak 14,568 kes (12.4%). Butiran seperti di Jadual 3.

## Pembongkaran Makmal Proses Dadah

Sepanjang tahun 2014, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) telah berjaya membongkar sebanyak 26 buah makmal haram memproses dadah berbanding sebanyak 34 buah makmal pada 2013. Berikutan pembongkaran tersebut, seramai 95 orang termasuk ketua sindiket dadah berjaya ditahan berbanding 135 orang ditahan pada tahun sebelumnya. Penurunan bilangan makmal yang dibongkar membuktikan keberkesanan tindakan pembanterasan yang dijalankan oleh JSJN. Dalam pada itu, seramai 948 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk membanteras dalang kegiatan pengedaran dadah. Tangkapan tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 9% berbanding tangkapan seramai 869 orang pada tahun 2013.

Seramai 25 orang ketua sindiket pengedaran dadah terdiri daripada 12 orang warga tempatan dan 13 orang warga asing berjaya ditangkap berbanding 33 orang pada 2013 serta berjaya merampas pelbagai jenis dadah yang dianggarkan bernilai




*Jadual 60: Statistik tangkapan jenayah narkotik Tahun 2014*

RM238.54 juta. JSJN juga telah menyita RM67.59 juta pelbagai jenis harta yang disyaki hasil daripada aktiviti pengedaran dadah serta sejumlah RM10.49 juta telah dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia. JSJN turut berjaya menangkap seramai 174,427 orang atas pelbagai kesalahan dadah. Statistik tangkapan dan butiran rampasan dadah dipaparkan seperti di Jadual 60 dan Jadual 61.

| RAMPASAN DADAH | JUMLAH |
|---|---|
| Rampasan Dadah | 18.9 tan |
| Rampasan Cecair Dadah | 47,056 liter |
| Rampasan Pil Dadah | 2.20 juta biji |
| Pokok Ganja | 72 batang pokok |

*Jadual 61: Butiran rampasan dadah tahun 2014*

## Jenayah Komersil

Sepanjang tahun 2014, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) telah menerima sejumlah 121,934 Laporan Polis berkaitan kes-kes jenayah komersil. Daripada jumlah tersebut sebanyak:

- 16,960 (13.9%) kes telah dibuka kertas siasatan (IP);
- 13,724 kes (80.9%) berjaya diselesaikan; dan
- 4,350 kes (26.7%) telah berjaya dituduh di Mahkamah.

Dalam usaha berterusan membanteras kes-kes jenayah terancang dan bersindiket seperti pemberi pinjaman wang haram (ah long), penipuan kad kredit, penipuan jenayah siber dan sebagainya, JSJK telah melaksanakan sejumlah 10,404 operasi pada tahun 2014 berbanding 5,539 operasi pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 4,865 operasi (87.8%).

## Kes Pengeluaran Wang Tanpa Kebenaran

Pada 18 Julai 2014, satu laporan polis telah diterima daripada petugas bahagian perkhidmatan pelanggan sebuah bank asing di Lebuh Ampang, Kuala Lumpur mengesan beberapa transaksi pengeluaran dan pemindahan secara mencurigakan dari empat akaun milik empat (4) mangsa pesawat

Penerbangan Malaysia MH370. Akaun berkenaan masing-masing milik dua penumpang warga China, seorang penumpang warga Malaysia dan akaun seorang pramugara. Siasatan mendapati wang daripada akaun milik penumpang dipindahkan ke akaun penumpang lain melalui perbankan internet melibatkan jumlah keseluruhan RM110,643. Hasil siasatan polis, seorang pegawai bank, Nur Shila Kanan, 33, dan suaminya, Basheer Ahmad Maula Sahul Hameed, 33, yang dipercayai terbabit dalam kes tersebut berjaya ditahan pada 14 Ogos 2014. Kedua-dua suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dakwaan mencuri, memindahkan wang, dan menggunakan dokumen palsu milik empat (4) mangsa nahas pesawat MH370 di bawah seksyen 4(1) Akta Jenayah Komputer.

### Tangkapan Anggota Kumpulan Militan Dan Pengganas

Pemantauan aktiviti kumpulan militan dan pengganas antarabangsa sama ada dari dalam mahu pun luar negara melalui penumpuan khusus diberikan kepada aktiviti pengrekrutan rakyat Malaysia bagi menganggotai kumpulan pengganas di Syria yang semakin membimbangkan. Selain itu, pengganas asing yang terdiri daripada kumpulan *Liberation Tigers of Tamil Eelam* (LTTE), Al Syabab, Hezbollah dan Babbar Khalsa International (BKI) turut dikesan menyusup masuk dan cuba menjadikan Malaysia sebagai pangkalan operasi mereka sebelum berlepas ke negara ketiga.

Sepanjang tahun 2014 seramai 59 orang terdiri daripada 47 orang rakyat Malaysia dan 12 orang warganegara Indonesia telah ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Bab VI A Kesalahan berkaitan dengan keganasan, Kanun Keseksaan (Akta 574) dan disiasat mengikut prosedur di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) (Akta 747). Daripada jumlah tersebut, seramai 21 orang telah dituduh di mahkamah manakala 12 orang warganegara Indonesia telah diusir ke negara asal. Keseluruhan tangkapan ahli kumpulan militan dan pengganas adalah seramai 75 orang seperti di Jadual 62.

| KUMPULAN | JUMLAH |
|---|---|
| *Islamic State* (IS) | 59 |
| *Liberation Tigers of Tamil Eelam* (LTTE) | 13 |
| Babbar Khalsa International (BKI) | 1 |
| Hezbollah | 1 |
| Al Syabab | 1 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **75** |

*Jadual 62: Statistik Tangkapan Anggota Kumpulan Militan Dan Pengganas Tahun 2014*

## PENCAPAIAN PERINGKAT ANTARABANGSA

### Anugerah *Geospatial Excellence Award*

PDRM berjaya mendapat pengiktirafan di persada antarabangsa dan menerima beberapa anugerah antarabangsa yang amat membanggakan. Anugerah *Geospatial Excellence Award* (Kategori *Sector Public Safety*) hasil perkongsian pintar antara PDRM, KDN (Bahagian NKRA) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) telah diterima oleh PDRM semasa *Geospatial World Forum* 2014 yang berlangsung di Geneva, Switzerland pada 05 – 09 Mei 2014. Sistem tersebut merupakan inovasi kaedah cerapan 13 jenis jenayah yang sistematik dan *real time* yang pertama di dunia.

### Anugerah Inovasi Antarabangsa

Bersempena Persidangan Dwi Tahunan Pertubuhan Komanwel Bagi Pentadbiran Awam Dan Pengurusan [*Commonwealth Association For Public Administration & Management* – (CAPAM)]Biennial Conference 2014, PDRM telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Inovasi Antarabangsa di bawah kategori *Innovative Use of Technology In The Public Service* menerusi projek



*Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar menerima Anugerah Geospatial Excellence Award (Kategori Sector Public Safety)*

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS). Persidangan yang berlangsung di PICC Putrajaya pada 20-22 Oktober 2014 telah melibatkan kira-kira 1,500 orang peserta dari 53 buah negara Komanwel dan organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia dan Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP).

## NKRA MENGURANGKAN JENAYAH PDRM

### Petunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI)




*YDH SAC Dato' Zainal Abidin Kasim menerima Sijil CAPAM Awards daripada Paul Zehra, Setiausaha Tetap MALTA pada 21 Oktober 2014.*



*Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa bersama Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar bersama para pemenang CAPAM Awards dari Malaysia.*

Pada tahun 2014, PDRM telah berjaya mencapai empat (4) daripada lima (5) sasaran NKPI yang telah ditetapkan oleh PEMANDU bagi dengan melebihi peratusan ditetapkan. Ringkasan butiran pencapaian NKPI 2014 bagi NKRA mengurangkan jenayah adalah seperti di Jadual 63.

| Bil. | NKPI | Sasaran | Pencapaian | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penurunan kadar jenayah indeks. | **5%** | **12.6%** | Penurunan sebanyak 18,518 kes atau 12.6% daripada 147,062 kes (2013) kepada 128,544 kes (2014) |
| 2. | Penurunan kadar jenayah pecah rumah. | **5%** | **11.7%** | Penurunan sebanyak 2,735 kes atau 11.7% daripada 23,317 kes (2013) kepada 20,582 kes (2014) |
| 3. | Meningkatkan Indeks Persepsi Keselamatan. | **52%** | 39% | Hasil kajian persepsi rasa selamat yang dijalankan oleh Frost & Sullivan pada tahun 2014. Tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan 52%. |
| 4. | Meningkatkan kadar pertuduhan kes | **30%** | **41.5%** | JSJ: 38.2%<br>JSJN: 54.2%<br>JSJK: 26.2% |
| 5. | Meningkatkan tahap kepuasan masyarakat terhadap perkhidmatan PDRM. | **75%** | **92.5%** | Hasil kajian kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan kaunter di balai polis yang dijalankan oleh Frost & Sullivan pada tahun 2014 |

*Jadual 63: Pencapaian NKPI 2014 bagi NKRA Mengurangkan Jenayah*

## Seminar Dan Majlis Anugerah Balai League Table

Seminar dan Majlis Anugerah Balai League Table (BLT) tahun 2014 telah disempurnakan oleh Ketua Polis Negara pada 18 hingga 19 Disember 2014 bertempat di Hotel Holiday Villa, Subang Selangor. BLT adalah salah satu daripada inisiatif NKRA bagi NKPI 3.2 *Increase Public Satisfaction On Public Performance* di bawah GTP 2.0 bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan ganjaran kepada kesemua 778 Balai Polis di seluruh negara melalui persaingan sihat di antara balai-balai polis mengikut kategori A hingga F. Pemenang dinilai berdasarkan balai yang berjaya mengurangkan jenayah tertinggi dalam kawasan pentadbirannya dan usaha-usaha yang telah diambil dalam meningkatkan hubungan antara polis dan masyarakat. Senarai pemenang BLT tahun 2014 mengikut kategori balai adalah seperti di Jadual 64.

## Penjenamaan Semula Jabatan Logistik

Seiring dengan peredaran zaman dan keperluan semasa, pada 15 Disember 2014, PDRM telah melakukan penjenamaan baharu Jabatan Logistik kepada Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT). Majlis pelancaran penubuhan Jabatan StaRT disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi semasa persidangan Ketua Polis/Pesuruhjaya Polis/Komander/Komandan Bil. 2/2014 pada 15 Disember 2014 bertempat di Maktab PDRM Kuala Lumpur. Penjenamaan baharu ini merupakan transformasi yang dilaksanakan bagi menjadikan lebih efisyen terutamanya dari segi pemilikan aset selain daripada struktur organisasi, cara bekerja dan penyampaian perkhidmatan melibatkan tiga (3) fasa:

Fasa 1: Melibatkan penstrukturan semula waran perjawatan K63 Jabatan StaRT.

Fasa 2: Mengabungkan Bahagian Komunikasi dan Teknologi Maklumat di semua peringkat menjadi Bahagian Telekomunikasi dan Sistem Maklumat (TSM) dan mewujudkan bahagian baharu iaitu Bahagian Analisis dan Pembangunan Teknologi (Technology and Analysis Development – TechAD).

Fasa 3: Merupakan transformasi melibatkan penjenamaan semula nama jabatan dan pengukuhan organisasi Jabatan StaRT.




*Pelancaran Jabatan Sumber Strategik Dan Teknologi PDRM oleh Menteri Dalam Negeri*

| BALAI POLIS | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tempat** | **Kategori A** | **Kategori B** | **Kategori C** | **Kategori D** | **Kategori E** | **Kategori F** |
| Pertama | Sungai Besi, Kuala Lumpur | Serdang, Selangor | Seri Iskandar, Perak | Kuala Kubu Bharu, Selangor | Labis, Johor | Tubau, Bintulu, Sarawak |
| Kedua | Subang Jaya, Selangor | Sandakan, Sabah | Pusat Miri, Sarawak | Pontian, Johor | Sekama, Kuching, Sarawak | Lingga, Sri Aman, Sarawak |
| Ketiga | Batu Pahat, Johor | Kg. Baru Subang, Selangor | Kota Damansara, Selangor | Bagan Serai, Perak | Ulu Choh, Nusa Jaya, Johor | Kayu Ara Pasong, Pontian, Johor |

*Jadual 64: Senarai pemenang Anugerah BLT 2014*

### Penubuhan Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard

PDRM telah menubuhkan sebuah jabatan khas yang akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha meningkatkan integriti dan pematuhan standard operasi pasukan keselamatan yang dikenali sebagai Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) iaitu jabatan yang ke-9 di dalam PDRM. Majlis perasmiannya telah dirasmikan oleh Ketua Polis Negara (KPN), YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar pada 25 Julai 2014 dan YDH S/DCP Dato' Zubaidah binti Md Ismail telah dilantik sebagai Pengarah JIPS. Penubuhan jabatan ini penting kerana usaha pemantauan selama ini dijalankan oleh agensi luar seperti Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan masanya sudah tiba untuk pemantauan itu dibuat secara dalaman.

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

### Pelantikan Timbalan Ketua Polis Negara

Majlis serah dan terima tugas bagi jawatan Timbalan Ketua Polis Negara berlangsung pada 15 Disember 2014 bertempat di Maktab PDRM Kuala Lumpur di antara YDH Dato' Sri Noor Rashid Ibrahim dan Pengarah Pengurusan PDRM merangkap Pemangku Timbalan Ketua Polis Negara, YDH Dato' Seri Mohamad Fuzi Harun bagi menggantikan Tan Sri Mohd Bakri Zinin yang bersara wajib pada 6 September 2014. Majlis serah terima tugas disaksikan oleh YDH KPN.

Selain itu, turut dijalankan penyerahan tugas Pengarah JSJN kepada Timbalan Pengarah (Risikan / Operasi) JSJN YDH Dato' Haris Wong Abdullah dan upacara serah terima tugas jawatan pengerusi PERKEP JSJN di antara YBhg. Datin Sri Shahriza Saad @ Mansor dan Y.Bhg Datin Noor Arfah Abdul Rahman dengan disaksikan oleh Pengerusi PERKEP Malaysia, YBhg. Puan Sri Dato' Imran Ibrahim.



*Majlis Serah Terima Tugas Timbalan Ketua Polis Negara*

### Sambutan Hari Polis Ke-207

Sambutan Peringatan Hari Polis ke-207 berlangsung pada 25 Mac 2014 di Padang Kawad PULAPOL, Jalan Semarak Kuala Lumpur dengan bertemakan "Komuniti Sejahtera Komitmen Kami". Sambutan tahun 2014 antara lain mengetengahkan tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh pasukan keselamatan ini dalam memastikan keamanan negara dan masyarakat terpelihara sepanjang masa dan telah dirasmikan oleh YAB Datuk Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Pada majlis tersebut, YAB PM turut menyampaikan Anugerah Kenaikan Pangkat Secara Medan kepada 23 pegawai dan anggota polis termasuk Salmah Nordin, balu Allahyarham Koperal Raja Aizam Raja Mohd dari Unit Kereta Peronda Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan, yang maut selepas diserang hendap sekumpulan warga asing di Taman Sentosa, Klang, Selangor.



*Perdana Menteri memberi tabik hormat pada majlis perbarisan peringatan Hari Polis ke-207*

## Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PDRM Tahun 2014 diadakan pada 24 Jun 2014 bertempat di Hotel Royale Bintang, Seremban, Negeri Sembilan dan telah dirasmikan oleh Ketua Polis Negeri Sembilan, YDH DCP Dato' Hj. Osman bin Hj. Salleh dengan tema "**Kreativiti dan Inovasi Tonggak Merekayasa Kepolisan**". Konvensyen melibatkan 13 pasukan iaitu 5 pasukan bagi Kategori Pengurusan dan 8 pasukan bagi Kategori Teknikal.

## Sambutan Hari Inovasi PDRM Tahun 2014

Sambutan Hari Inovasi PDRM Tahun 2014 telah diadakan pada 25 Jun 2014 bertempat di Padang Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan dengan tema **"Kreativiti Dan Inovasi Tonggak Merekayasa Kepolisan"** dan telah dirasmikan oleh YDH KPN. Antara Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), perasmian Program Memperkasakan Kerjasama Strategik Melalui Kolaborasi dan Integrasi Antara PDRM Bersama Agensi-Agensi Polis Bantuan di Negeri Sembilan, Persembahan T-Baton Polis Bantuan Sime Darby, Persembahan K9 Polis Bantuan Felda, Persembahan Pembanterasan Dadah dan Pencegahan Jenayah, Pameran dan Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah sempena Sambutan Hari Inovasi 2014. Keputusan Anugerah Inovasi PDRM tahun 2014 adalah seperti di Jadual 65.

Bersempena sambutan Hari Inovasi KDN Tahun 2014, Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah dengan Projek Sistem Pemantauan dan Pencegahan Tingkah Laku Pelajar (SPPTP) telah diisytiharkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi KDN. PDRM turut memenangi Pameran Inovasi Terbaik iaitu kolaborasi antara IPK Kedah dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Bukit Aman.



*YB Menteri Dalam Negeri bersama pemenang Johan Anugerah Inovasi KDN Tahun 2014*




*YDH KPN menyampaikan hadiah kepada Jabatan Pengurusan, Kontinjen Kedah Johan Anugerah Inovasi PDRM 2014*

| KEDUDUKAN | JABATAN | NAMA PROJEK |
|---|---|---|
| Johan | Jabatan Pengurusan, Kontinjen Kedah | Sistem Pemantauan dan Pencegahan Salah Laku Pelajar (SPPTP) |
| Naib Johan | Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) | *Commercial Crime Investigation Department Office Messenger* |
| Ketiga | Bahagian Pengangkutan, Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT) | *Computer Vehicles Asset Management System* |

*Jadual 65: Pemenang Anugerah Inovasi PDRM Tahun 2014*

### Anugerah *Cyber Security Outreach Provider of The Year* 2014 dan *CyberSafe Ambassador Of The Year* 2014 oleh Cyber Security Malaysia

Pada 11 hingga 15 November 2014 bertempat di Perak telah berlangsung Anugerah, Persidangan dan Pameran Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE) 2014 anjuran oleh Cyber Security Malaysia (CSM). Kemuncak program tersebut ialah majlis penyampaian anugerah kepada tujuh (7) syarikat dan individu atas sumbangan mereka membantu memperkasakan industri keselamatan siber di Malaysia. Anugerah Keselamatan Siber Malaysia merupakan pengiktirafan dan penghargaan tertinggi industri terhadap sumbangan mereka dari segi inovasi, komitmen dan kepimpinan industri, dan juga sumbangan kepada masyarakat umum melalui penyediaan perkhidmatan pendidikan dan kesedaran keselamatan siber sebagai khidmat masyarakat dengan tidak bertujuan untuk mengaut keuntungan.

PDRM melalui Bahagian Siasatan Siber & Multimedia, JSJK telah dianugerahkan sebagai '***Cyber Security Outreach Provider Of The Year (Anugerah Program Capaian (Outreach) Keselamatan Siber)'*** menerusi kempen "*Be Smart – Don't Be A Victim Of Cyber Crime*" yang merupakan kempen pencegahan jenayah siber secara usahasama dengan Lim Kok Wing University of Creative Technology. Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Inspektor Mohd Faizal Zainal dari Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, JSJK Bukit Aman bagi kategori '***CyberSafe Ambassador Of The Year (Anugerah Duta Program CyberSafe***' mewakili PDRM menerima penghargaan tersebut.




*Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bersama penerima Anugerah Keselamatan Siber 2014*

JABATAN
PENJARA
MALAYSIA

# PENGENALAN

Kewujudan Penjara di Malaysia bermula pada tahun 1790. Usianya yang matang telah menyaksikan pelbagai perubahan di dalam bidang kepenjaraan negara. Jabatan Penjara Malaysia (PRIDE) merupakan institusi terakhir dalam perlaksanaan*"Criminal Justice System"* dimana mereka yang didapati bersalah akan menjalani hukuman pemenjaraan dan dipulihkan agar mereka benar-benar insaf dan menjadi warga yang berbakti apabila dibebaskan kelak.

Lantaran itu, sebagai 'Peneraju Perkhidmatan Korektif' PRIDE terus optimis memperkasakan program pemulihan di dalam penjara serta memperkukuhkan program pemulihan di luar tembok penjara. PRIDE telah berjaya mengawal kadar residivis tidak melebihi pada paras 9 % seperti yang telah ditetapkan oleh KDN untuk tahun 2014.

Pada tahun yang sama Konsep Penjara Sejahtera mula direalisasikan secara menyeluruh ke seluruh insitusi penjara di mana konsep ini dapat memperkasakan perkhidmatan kepenjaraan dengan mematuhi standard antarabangsa serta undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Modul pemulihan yang dilaksanakan di PRIDE terus menjadi rujukan negara-negara luar dan menggunapakai modul pemulihan tersebut di negara mereka seperti Fiji, Brunei, Bangladesh dan Thailand. Pada pertengahan April 2014, Penjara Singapura telah menghantar pegawai-pegawainya untuk merujuk sistem pemulihan berasaskan modul agama iaitu Program Halaqah yang diguna pakai di Jabatan Penjara Malaysia.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## Program Pensijilan Dan Pentauliahan Penghuni Penjara

Sebanyak 47 bidang kemahiran telah ditawarkan antaranya kemahiran seni karaftangan, penyediaan sajian, pertanian, penternakan dan pada tahun 2014 latihan Pemanduan Kenderaan Perdagangan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Syarikat Metro Driving Academy Sdn. Bhd turut ditawarkan kepada penghuni. Inisiatif ini membuka laluan kepada bekas penghuni menjadi seorang pemandu terlatih dan mencapai tahap yang lebih tinggi di samping pengembangan kerjaya yang lebih baik antaranya Supervisor Eksekutif, Penolong Pengurus serta Pengurus Pengangkutan.

Pelaksanaan program dijalankan dalam dua kaedah iaitu Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Program Persijilan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia.

Sepanjang tahun 2014, seramai 1,508 orang penghuni berjaya SKM Tahap 1; dan semenjak program ini diperkenalkan, sehingga 31 Disember 2014 seramai 9,492 penghuni telah dipersijilkan.

## Program Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Kementerian Kerjaraya

Sijil SKK adalah dikeluarkan oleh pihak CIDB kepada penghuni dengan dibantu oleh tenaga pengajar berkelayakan dan mengikut keperluan CIDB. Sepanjang tahun 2014, seramai 50 orang penghuni telah dipersijilkan mengikut kursus-kursus antaranya Fixed Ceiling Installation, Wet Skill (Plastering, Bricks Laying & Tiling), Landscape Construction, Building Wiring Installation. Sehingga akhir 2014, seramai 1,558 orang penghuni layak dipersijilkan.

## Sasaran Jualan Produk My Pride

Di bawah jenama **My Pride**, PRIDE telah mempelbagaikan pengeluaran produk berkualiti dan berdaya saing untuk dipasarkan secara meluas melalui peningkatan kemahiran kakitangan dan penghuni. Pelbagai latihan telah dilakukan bagi menghasilkan pengeluaran produk yang berkualiti tinggi mengikut piawaian dan standard

yang ditetapkan. Nilai jualan produk penjara tahun 2014 telah mencecah RM28.8 juta meliputi bengkel amanah, bengkel perusahaan, bengkel usahasama dan program sara diri. Butiran hasil pendapatan bagi tempoh 2008 – 2014 adalah seperti di Jadual 66.

***"Produk Kebanggaan Jabatan Penjara"***

| PENDAPATAN | TAHUN (RM) |
|---|---|
| 2014 | 28.8 JUTA |
| 2013 | 21,555,360.21 |
| 2012 | 17,166,309.58 |
| 2011 | 12,671,579.73 |
| 2010 | 8,106,136.18 |
| 2009 | 7,541,363.55 |
| 2008 | 6,406,663.78 |

*Jadual 66: Hasil Pendapatan daripada Jualan Produk Penjara*

## Projek Self-Sufficient Memberi Penjimatan

Program Transformasi Kerajaan GTP 1.0 NKRA telah menetapkan PRIDE melaksanakan inisiatif Penambahbaikan Program Pemulihan dan *After Release Programme.* Pada tahun 2013, Program Transformasi Kerajaan GTP 2.0 NKRA telah memutuskan inisiatif *Industrial Prison* dalam usaha mengurangkan jenayah melalui latihan kemahiran penghuni. Antara objektif program ini adalah bagi penjimatan kos pengurusan jabatan, memberi latihan kemahiran bersijil kepada penghuni dan laluan kerjaya penghuni selepas dibebaskan melalui Pengurusan Sara Diri berikut:

- ### Program *Self-Sufficient* Ikan Air Tawar

Bermula pada Ogos 2012 7 institusi membekalkan keperluan ini dan 28 institusi penerima bekalan ikan dibawah program self-sufficient ikan air tawar dengan kekerapan sebanyak 24 kali setahun. Penjimatan 2014 ialah **RM 449,653.18.**

- ### Program *Self-Sufficient* Roti

Pengeluaran roti dimulakan di Penjara Kajang bagi bekalan untuk 5 buah institusi penjara peringkat zon tengah. Penjimatan 2014 masing-masing adalah **RM 538,305.32** bagi pengeluaran roti bun dan **RM188,117.98** bagi pengeluaran roti putih.

- ### Program *Self-Sufficient* Sayur-Sayuran

Pembekalan sayur-sayuran kepada 10 institusi dengan kekerapan sebanyak 48 kali setahun. Penjimatan 2014 ialah **RM 272,015.85.**



*Lawatan kerja Menteri Dalam Negeri pada 11 April 2014*

# LAIN-LAIN PENCAPAIAN

## Program Pengajian Tinggi

Pada 23 Ogos 2014, buat pertama kalinya dalam sejarah kepenjaraan di Malaysia, seramai tiga (3) banduan Penjara Kajang telah menerima Diploma dan Ijazah Sarjana Muda masing-masing dalam Majlis Konvokesyen Ke-16 Universiti Malaysia Terbuka (OUM) di Dewan Merdeka PWTC, Kuala Lumpur. Butiran penghuni yang sedang menjalani Program Pendidikan Di Penjara dalam pelbagai peringkat adalah seperti di Jadual 67.

## Program Pengajian Agama

Sekolah Agama Khusnul Khotimah Di Penjara Kluang, Johor Dengan Kerjasama Jabatan Agama Islam Johor (Jaij) Memberi Peluang Kepada Banduan Mendalami Ilmu Agama dan Melahirkan Tahfiz Al-Quran. Penubuhan sekolah agama berkenaan memberikan idea kepada JPM untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi menubuhkan sekolah agama di penjara. Sepanjang tahun 2014, seramai 22 orang Banduan Muda berumur di bawah 21 tahun mengikuti kelas agama; dan 20 orang Banduan Dewasa mengikuti kelas Tahfiz. Pada awal tahun 2015 Kelas Tahfiz Al Quran Khusnul Khotimah Penjara Marang akan dimulakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).










| PERINGKAT | BILANGAN PELAJAR |
|---|---|
| **DIPLOMA (Universiti Malaysia Terbuka)** | **17** |
| **SARJANA MUDA (Universiti Malaysia Terbuka)** | **24** |
| **SARJANA (Universiti Malaysia Terbuka)** | **4** |
| **PHD (Universiti Kuala Lumpur Malaysia)** | **1** |
| **JUMLAH** | **46** |

*Jadual 67: Penyertaan Penghuni Dalam Program Pendidikan 2014*

## Kejayaan Program Perkhidmatan Komuniti

Lanskap Kepenjaraan telah pun berubah di mana pelaksanaan hukuman bukan sahaja dilaksanakan di dalam tembok malah telah diperluaskan bersama komuniti luar. Mengorak langkah dengan pelaksanaan Sistem Parol pada tahun 2008, diikuti Perkhidmatan Rumah Perantaraan, pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib pada tahun 2010 serta Program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan iaitu Program Pemulihan Pemasyarakatan Banduan kerjasama JPM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 2011, bukan sahaja membantu pencapaian NKRA iaitu mengurangkan jenayah, tetapi pada masa yang sama membolehkan kerajaan menjimatkan kos sekitar RM200 juta untuk membina kompleks penjara baru.

Sekitar 90% daripada penghuni yang telah selesai mengikuti program berkenaan pula berjaya mendapat pekerjaan dan ada juga yang menceburi bidang keusahawanan dengan bantuan pelbagai agensi seperti TEKUN NASIONAL, Program 1AZAM, GIATMARA dan Jabatan Pertanian Malaysia.

## Program Parol Dan Perintah Kehadiran Wajib

Pelaksanaan hukuman dari luar tembok penjara pada tahun 2014 adalah melibatkan seramai 2,896 dan purata penjimatan kos pengurusan pesalah adalah sejumlah RM35.00 sehari:

- **Parol** ialah pembebasan bersyarat bagi seseorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemenjaraan di luar penjara mengikut Perintah Parol. Bilangan yang menjalani program ini adalah 2,268 pesalah.
- **Perintah Kehadiran Wajib (PKW)** ialah merupakan salah satu alternatif daripada hukuman pemenjaraan yang dijatuhkan oleh mahkamah kepada pesalah, tanpa menjejaskan kehidupan pesalah dalam masyarakat. Bilangan yang menjalani program ini adalah 628 orang.

## Program Pemasyarakatan Banduan

Melalui Program Pemasyarakatan Banduan (PPB), banduan yang terpilih akan tinggal di Pusat Pemulihan Pemasyarakatan di kem-kem tentera dan meneruskan proses pemulihan mereka, di samping mereka melakukan latihan pekerjaan sebagai persediaan untuk kembali ke dalam masyarakat apabila sampai tarikh bebas kelak. Banduan dalam program ini juga dikenali sebagai Orang Diselia(ODS). Statistik peserta PPB bagi tempoh 2011 – 2014 adalah seperti di Jadual 68.

| TAHUN | JALANI HUKUMAN | JALANI PAROL | TELAH BEBAS |
|---|---|---|---|
| 2014 | 1,095 | 275 | 972 |
| 2013 | 1,749 | 421 | 1,086 |
| 2012 | 1,725 | 338 | 1,188 |
| 2011 | 1,831 | 129 | 723 |
| JUMLAH | 6, 400 | 1,163 | 3,969 |

*Jadual 68: Statistik Peserta Program Pemasyarakatan Banduan*



*Aktiviti pembersihan di sekitar Kawasan Kem-Kem Tentera oleh ODS*



*Kurus pengurusan Jenazah*



*Latihan dalam bidang pertanian dan asas tani memberi peluang pekerjaan apabila dibebaskan kelak*



*Kualiti hasil tanaman dan perternakan sentiasa dipantau oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan*

## Rumah Perantaraan Sehingga 31 Disember 2014

| TAHUN | BILANGAN RESIDEN |
|---|---|
| 2014 | 371 |
| 2013 | 340 |
| 2012 | 366 |
| 2011 | 132 |
| 2010 | 24 |
| JUMLAH | 1,233 |

*Jadual 69: Bilangan Residen RP bagi 2010 - 2014*

Rumah Perantaraan (RP) Jabatan Penjara merupakan premis tempat tinggal, tempat riadah dan kelas-kelas pembelajaran sementara menempatkan bekas banduan. Sehingga akhir 2014 terdapat sebanyak 1,233 RP yang disediakan bagi tujuan :

- Membantu bekas banduan mendapatkan pekerjaan dan kaunseling;
- Mengurangkan kes-kes banduan bebas melakukan jenayah berulang;
- Membantu bekas banduan menangani masalah *"sosial stigma"* apabila keluarga dan masyarakat tidak mahu menerima mereka kembali.

AGENSI
ANTIDADAH
KEBANGSAAN

# PENGENALAN

Visi AADK **Malaysia Bebas Dadah** adalah untuk mewujudkan negara Malaysia yang bebas dari ancaman dadah bagi menjamin keharmonian dan kemakmuran hidup masyarakat serta mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Misi AADK adalah Agensi Peneraju Dalam Mewujudkan Masyarakat Yang Selamat dan Sejahtera Tanpa Dadah berserta penetapan hala tuju berikut:

- Peneraju dalam membanteras dadah bagi mewujudkan masyarakat yang selamat dan sejahtera,
- Perkongsian pintar dan kerjasama antarabangsa
- Pewujudan pusat sehenti
- Pengkhususan kemahiran institusi (produk yang dihasilkan)
- Kajian dan penyelidikan
- Pendekatan rawatan pemulihan dan perkhidmatan susulan (aftercare)
- Pemantapan Sistem dan teknologi
- Pembangunan Sumber manusia

Lima (5) teras yang menjadi tonggak utama AADK adalah Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan, Penguatkuasaan dan Keselamatan, Kerjasama Antarabangsa dan Merakyatkan Perkhidmatan.

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## Penggubalan / Kajian Semula Dasar

Usaha untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan di AADK dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut :

### • Bengkel Dasar Dadah Negara

Permasalahan dadah merupakan isu global dan bukan bergantung pada tanggungjawab AADK semata-mata. AADK tidak lagi bergerak secara silo dan telahpun menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam dan luar negara. Sehubungan itu, melalui Bengkel Dasar Dadah Negara, usaha bersepadu melibatkan 14 jabatan dan NGO telah diterjemah melalui pelaksanaan dasar berkenaan secara total dan menyeluruh.

### • Majlis Sosial

Kerajaan mensasarkan Malaysia bebas dari ancaman penyalahgunaan dadah pada tahun 2015 tetapi berdasarkan statistik dan kadar penangkapan yang dibuat sehingga tahun 2014, adalah mustahil untuk matlamat itu dicapai.Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yasin ketika Mesyuarat Sosial Negara Bil. 3/2014 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah jawatan kuasa khas diketuai KDN yang terdiri dari pelbagai kementerian/jabatan/agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pencegahan dan rawatan pemulihan penyalahgunaan dadah bagi membincangkan isu-isu berkenaan dadah secara menyeluruh.

AADK telah mengetuai jawatankuasa tersebut dan bekerjasama dengan PDRM, MPN, APMM, KPM, KKM, JKM dan lain-lain kementerian/jabatan bagi menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan. Susulan itu AADK telah mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Majlis Sosial Bil.1/2014 pada 8 Disember 2014 bertempat di Kementerian Dalam Negeri dan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri.





## Statistik Penyalahgunaan Dadah, 2014

**JUMLAH PENAGIH YANG DIKESAN BAGI TAHUN 2014 :**
**21,777 orang klien**

**STATUS KES:**
**BARU = 13,605 orang (62.47%)**
**BERULANG = 8,172 orang (37.53%)**

**JANTINA :**
**LELAKI = 21,078 orang (96.79%)**
**PEREMPUAN = 699 orang (3.21%)**

**BANGSA :**
**MELAYU = 17,122 orang (78.62%)**
**CINA = 1,828 orang (8.39%)**
**INDIA = 1,657 orang (7.61%)**
**PRIBUMI SABAH = 842 orang (3.87%)**
**PRIBUMI SARAWAK = 180 orang (0.83%)**
**LAIN-LAIN = 148 orang (0.68%)**

**KATEGORI UMUR :**
**REMAJA = 622 orang (2.85%)**
**BELIA = 15,692 orang (72.06%)**
**DEWASA = 5,463 orang (25.09%)**

Nota:
- Baru - Penagih yang dikesan kali pertama menjalani rawatan/pemulihan/pengawasan di AADK.
- Berulang - Penagih yang pernah dikesan menjalani rawatan/pemulihan/pengawasan di AADK sebelum ini.
- Remaja dikategori dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun.
- Belia dalam lingkungan umur 19 hingga 39 tahun.
- Kategori Dewasa dalam lingkungan umur 40 tahun dan keatas.
- Lain-lain (Bangsa) merujuk kepada Punjabi, Siam, Serani dan Orang asli

*Jadual 70: Statistik Penyalahgunaan Dadah Di Seluruh Negara Mengikut Status Kes, Jantina, Bangsa Dan Kategori Umur Tahun 2014*

## Urusetia Mesyuarat Tindakan Membanteras Dadah (MTMD)

- Pelaksanaan untuk menggerakkan jentera penyelarasan bagi membanteras gejala Dadah yang sedang menular di dalam negara ialah dengan mengadakan mesyuarat berkala di semua peringkat iaitu di persekutuan, negeri dan daerah bagi mesyuarat yang dikendalikan di peringkat Persekutuan ia merangkumi 4 Jawatankuasa Bertindak iaitu: -

| MESYUARAT PERINGKAT PERSEKUTUAN | |
|---|---|
| **1** | Jawatankuasa Kabinet Membanteras Dadah (JKMD) |
| **2** | Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU) |
| **3** | Jawatankuasa Bertindak Rawatan dan Pemulihan (JRP) |
| **4** | Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Pencegahan & Publisiti (JPPP) |

Manakala bagi mesyuarat lain ianya bergerak di peringkat Negeri dan Daerah dan merangkumi dua (2) majlis tindakan iaitu:



## Pencapaian Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak 2014

| BIL | MESYUARAT | PENGERUSI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD) | YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri | Tiada |
| 2. | Jawatankuasa Bertindak Rawatan dan Pemulihan (JRP) | YB Dato' Seri Dr. S. Subramaniam Menteri Kesihatan Malaysia | 8/5/2014 |
| 3. | Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Pencegahan dan Publisiti (JPPP) | YB Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia | 9/4/2014<br>9/10/2014 |
| 4. | Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU ) | YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri | 26/6/2014 |

## PROGRAM RAWATAN DAN PEMULIHAN

### Rawatan Dan Pemulihan Di Dalam Institusi

AADK sentiasa berusaha dan menambahbaik perkhidmatan rawatan dan pemulihan bagi memenuhi matlamat dan keperluan pelanggan. Pemulihan dalam institusi menyediakan perkhidmatan melalui Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik *Cure & Care* 1Malaysia (Klinik C&C 1Malaysia).

## PROGRAM DI KLINIK C&C 1MALAYSIA DAN CCRC



*Program Kawad dan Fizikal*



*Program Therapeutic Community*



*Program Sesi kelompok di CCRC*



*Program Sesi Kelompok di Klinik C&C 1Malaysia*



*Wakaf Digunakan sebagai Sesi kelompok*



*Program Agama dan Spritual*



*Program Sukan & Riadah*



*Program Psikopendidikan Psikososial*

## Pemulihan Dalam Komuniti

Program rawatan dan pemulihan dalam komuniti merupakan program rawatan dan pemulihan yang disediakan kepada klien dan individu yang mempunyai permasalahan dadah. Program yang disediakan untuk Klien yang Kena Pengawasan (OKP), rawatan susulan (*aftercare*) iaitu klien yang bebas dari *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC), Klinik *Cure & Care* 1Malaysia dan bebas penjara.

Perkhidmatan juga terbuka kepada klien atau individu yang berhasrat mendapatkan perkhidmatan secara sukarela atau memerlukan maklumat berkenaan dadah. Secara keseluruhannya, klien-klien dalam komuniti terdiri daripada Seksyen 6(1)(a), 6(1)(b), 8(3)(a), 8(3)(b) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 dan 38(B) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Fasiliti dalam komuniti yang ditawarkan dilaksanakan di AADK Daerah, *Cure & Care Service Centre* (CCSC) dan *Caring Community House* (CCH).

### • AADK DAERAH

Elemen-elemen Modul Matrix telah diterapkan dalam pelaksanaan program pemulihan dalam komuniti bagi menambahbaik Program Psikososial yang sedia ada. Pada 17 September 2014, pelaksanaan *pilot project* telah dilaksanakan melibatkan 6 buah AADK Daerah iaitu:

| BIL | AADK DAERAH |
|---|---|
| 1. | Muar, Johor |
| 2. | Johor Bahru, Johor |
| 3. | Seremban, Negeri Sembilan |
| 4. | Klang, Selangor |
| 5. | Timur Laut, Pulau Pinang |
| 6. | Kuala Terengganu, Terengganu |

Hasil yang diperolehi mendapati:

a) Pelaksanaan program ke atas klien adalah lebih berstruktur dan sistematik melalui sistem penjadualan kehadiran klien dan pembahagian kelompok.
b) Meningkatkan penglibatan dan komitmen klien untuk menghadiri program.
c) Proses kepulihan klien.

Susulan daripada *pilot project* ini, Program Modul Matrix bakal diperluaskan ke 103 AADK Daerah pada tahun 2015.

### • *CURE & CARE SERVICE CENTRE*

Perkhidmatan *Cure & Care Service Centre* (CCSC) berbentuk '*half way house*' telah dilaksanakan bagi memenuhi ekspektasi masyarakat dan *stakeholder* dalam menangani permasalahan dadah. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 59 buah CCSC telah diperluaskan ke seluruh negara dengan kehadiran klien seramai 129,576 bagi perkhidmatan daycare; dan 2,492 lagi klien bagi perkhidmatan Residensi.



*CCSC Kemahang, Kelantan*

### • *CARING COMMUNITY HOUSE*

*Caring Community House* **(**CCH) merupakan sebuah fasiliti yang menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi permasalahan dadah. Ianya dikendalikan sepenuhnya oleh komuniti setempat dengan kerjasama agensi kerajaan / NGOs / swasta menggunakan kepakaran tertentu dalam komuniti tersebut.

Kewujudan 78 buah CCH adalah untuk menggerakkan gelombang kesukarelawan komuniti setempat dalam usaha membantu kerajaan dalam aspek rawatan dan pemulihan serta pendidikan pencegahan. Sehingga akhir Disember 2014 jumlah kehadiran klien ialah seramai 85,413 orang melalui sebanyak 3,253 program yang dilaksanakan.

## Program Rawatan Terapi Gantian Menggunakan Methadone

Program Rawatan Terapi Gantian menggunakan Methadone (RTG) telah dilaksanakan di institusi dan komuniti sejak tahun 2007. Pada tahun 2014, sebanyak 35 CCSC, sembilan (9) buah Klinik C&C 1Malaysia dan lima (5) AADK Daerah telah melaksanakan program tersebut dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

## Klinik Cure & Care Bergerak

Program Klinik *Cure & Care* Bergerak diwujudkan pada tahun 2013 berdasar objektif-objektif berikut:

- Meningkatkan kerjasama bersama agensi kerajaan, swasta dan NGO
- Memberi kemudahan kepada klien dadah untuk mendapatkan rawatan
- Memperluaskan jangkauan program-program AADK
- Memaksimakan sumber – sumber perkhidmatan

Pada peringkat permulaan tahun 2014, program Klinik *Cure & Care* Bergerak telah dilaksanakan di negeri Selangor meliputi kawasan-kawasan:

a) Kg. Bukit Kuching, Jeram, Kuala Selangor;
b) Felda Sg. Tengi, Hulu Selangor; dan
c) Kg. Sg. Panjang, Sabak Bernam.

Dengan kerjasama daripada *Social Care Foundation*, Pengasih, Pendamai dan Persatuan Insaf Murni Malaysia, seramai 997 orang klien, keluarga klien dan orang awam telah mendapat manfaat dari program ini. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah rawatan ringan, ujian saringan HIV/ AID, TIBI, Hep. B, rawatan detoksifikasi, bimbingan kaunseling, khidmat nasihat dan rujukan serta lawatan ke rumah (*aftercare).*

## Program Latihan Kemahiran Vokasional

Program Latihan Kemahiran Vokasional (LKV) dilaksanakan di institusi–institusi pemulihan AADK meliputi kursus jangka pendek dan jangka panjang mengikut bidang-bidang dalam *National Occupational Skills Standard* [NOSS].

Program LKV ini meningkatkan keyakinan klien untuk mampu berdikari dan bersedia ke alam pekerjaan setelah dibebaskan daripada institusi pemulihan. Sehingga akhir tahun 2014, bilangan klien yang dilatih ialah seramai 5,004 (jangka pendek) dan 111 (jangka panjang)

*Kursus Jangka Pendek:*




*Kursus Jangka Panjang:*




# PENGUATKUASAAN DAN KESELAMATAN

## Mengesan dan Menahan Penagih Dadah Melalui Operasi Bersepadu

Sasaran Operasi Bersepadu adalah untuk mengesan penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan dengan menggunakan pendekatan perundangan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983. Sepanjang tahun 2014 sebanyak 1,901 operasi telah dijalankan oleh AADK seluruh Negara berbanding 1,472 operasi pada tahun 2013. Hasil operasi tersebut seramai 26,324 orang ditahan untuk saringan dan mendapati seramai 3,303 adalah positif ujian patologi.

Jumlah ini menunjukkan peningkatan hampir dua kali ganda daripada tahun sebelumnya 2013 iaitu hanya 1,785 orang yang disahkan positif patologi.

Peningkatan peratus kes yang disahkan positif patologi iaitu dari 8.8% pada tahun 2013 kepada 12.55% pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan kemahiran dan kecekapan pegawai dalam menjalankan operasi mengesan penagih yang disyaki.

Hasil daripada operasi bersepadu yang dijalankan pada tahun 2014, seramai 768 orang OKP telah diperintah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di dalam komuniti di bawah Seksyen 6(1)(b) manakala seramai 524 orang telah diperintahkan mengikuti program rawatan dan pemulihan di dalam institusi.

### Mengurus Orang Kena Pengawasan

Bagi memastikan agenda transformasi AADK iaitu konsep Pulih dan Prihatin diterapkan di dalam penyampaian perkhidmatan kepada OKP, Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan memastikan proses pengurusan OKP dilaksanakan secara berhemah tanpa membelakangkan fungsi teras AADK iaitu merawat dan memulihkan penagih. Oleh itu sepanjang tahun 2014 melalui Program Induksi Khas / Orientasi kepada OKP telah diperkenalkan bertujuan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada OKP berkaitan syarat-syarat pengawasan yang perlu mereka patuhi di bawah Seksyen 6 Akta APD (R&P) 1983.

Hasil daripada program tersebut seramai 38,962 orang OKP telah dilaporkan komplian kepada program yang telah ditetapkan. Jumlah ini merupakan 92.3% daripada jumlah keseluruhan OKP dalam pengawasan. Manakala selebihnya iaitu 3,266 orang (7.73%) adalah OKP Tidak Komplian. Peratusan ini mencatatkan penurunan sebanyak 3.36% berbanding tahun 2013.

Bagi OKP yang tidak komplian, usaha-usaha masih diteruskan dengan melakukan program JEJAK melalui telefon, fax, pergi ke rumah dan



*Taklimat sebelum Ops bermula*



*Pemeriksaan ke atas penagih dadah yang disyaki*

pengesanan berterusan melalui operasi-opersi bersepadu yang dijalankan. Jumlah OKP Komplian pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan sebanyak 3.36% berbanding tahun 2013.




*Program Induksi Khas / Orientasi OKP Baru di AADK Daerah.*

## LAIN-LAIN PENCAPAIAN

### Program Pencegahan Berfokus

Pendekatan Program Pencegahan Berfokus ini telah diperhalusi kaedah dan strategi pelaksanaannya di dalam Lab AADK pada 1 hingga 3 April 2014 dan seterusnya dilaksanakan oleh AADK negeri dan daerah pada awal Mei 2014. Melalui kaedah ini kawasan sasaran telah diklasifikasikan kepada **Kawasan Umum, Berisiko dan Berisiko Tinggi.** Pemilihan kawasan adalah ditentukan berdasarkan kriteria berikut:

i. Bilangan Orang Kena Pengawasan di dalam sesuatu kawasan.
ii. Kadar jenayah yang dilaporkan.
iii. Bilangan aduan yang diterima dari masyarakat.
iv. Jumlah penagih dadah baru yang dikenalpasti.
v. Kawasan penempatan dan ekonomi (faktor risiko dan faktor pelindung).

## Hari Antidadah Kebangsaan

Hari Antidadah Kebangsaan telah dilancarkan pada 4 Mac 2014 bertempat Perkarangan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Selangor. Program sehari ini telah dilancarkan oleh Menteri Dalam Negeri. Tema sambutan adalah ”AADK Prihatin, Rakyat Sejahtera” dan bersesuaian dengan tema tersebut, YB MDN telah melancarkan logo koporat AADK dan Klinik Bergerak Cure and Care melalui acara simbolik penerimaan replika kunci dari Tan Sri Robert Phang iaitu Pengerusi Social Foundation Care iaitu merupakan penyumbang utama Klinik Bergerak Cure and Care AADK. Seramai 3,223 orang telah hadir di dalam program ini yang terdiri daripada ahli SKUAD 1Malaysia, murid-murid sekolah, wakil jabatan kerajaan, swasta dan NGO.

Aktiviti utama sambutan ialah pameran antidadah, pameran dari rakan pintar dan rakan strategik, pameran jualan, aktiviti easy fun game, pertandingan coral speaking antara sekolah dan persembahan pentas.




*Tweet YAB Perdana Menteri sempena Hari Antidadah Kebangsaan*




*Senarai pembentang kertas kerja di Seminar Penyalahgunaan Dadah: Way Forward*

## Hari Antidadah Antarabangsa

Sempena Hari Antidadah Antarabangsa 2014, AADK telah menganjurkan Seminar Penyalahgunaan Dadah: *Way Forward* yang berlangsung 24 Jun 2014 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Seminar sehari yang bertemakan **‘Dadah MASIH Musuh nombor 1 Negara’** dihadiri oleh seramai 437 orang peserta yang terdiri daripada pegawai/ kakitangan kerajaan termasuk AADK, pemimpin NGO dan ahli-ahli SKUAD 1Malaysia.



*Ketibaan YB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri*



*Peserta pertandingan puzzle berkumpulan*

## Program Komuniti Sihat Tanpa Dadah

Bermula pada 2 Oktober 2014 sehingga 13 November 2014, AADK dengan kerjasama FELDA dan PENGASIH Malaysia telah menjayakan program Komuniti Sihat Tanpa Dadah yang dilaksanakan di 11 kawasan FELDA terpilih. Ini merupakan program terancang yang julung kali diadakan secara bersiri di seluruh negara.

Penglibatan AADK di dalam program ini dengan mengadakan pameran antidadah serta mengendalikan forum "Kenali Anak Kita" dengan kerjasama PENGASIH Malaysia. Perkongsian pengalaman daripada PENGASIH Malaysia amat bersesuaian bagi memberi kesedaran kepada golongan ibu bapa mahupun remaja serta belia mengenai kesan dan bahaya penyalahgunaan dadah.




*YBhg Dato' Ketua Pengarah AADK membuat ucapan aluan dalam majlis pelancaran di Felda Palong 9, Gemas, Negeri Sembilan*



*YBhg Dato' Ketua Pengarah AADK sedang bersalaman dengan ahli SKUAD 1Malaysia*



*Antara aktiviti mewarna yang diadakan di dalam program tersebut*



*Acara simbolik iaitu melepaskan burung merpati sebagai simbol bebas dadah*

## Program SKUAD 1Malaysia

SUKARELAWAN ANTIDADAH (SKUAD 1MALAYSIA) diwujudkan pada 4 Julai 2011 sejajar dengan komitmen ke-7 KDN iaitu *Menggerakkan Gelombang Kesukarelaan*. Keahlian SKUAD 1Malaysia kini mencecah seramai 245,633 orang. Sepanjang tahun 2014 sebanyak 1,151 program telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan peserta seramai 69,639 orang melibatkan aktiviti-aktiviti *outreaching*, kerohanian, sukan dan rekreasi dan kemasyarakatan.

Objektif penubuhan SKUAD 1Malaysia adalah untuk memberi kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada masyarakat,

memberi pertolongan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi masalah dadah dan menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosi perkhidmatan AADK.

## Keistimewaan Pemegang Kad Keahlian SKUAD 1Malaysia

AADK pada 28 Mac 2014 telah mendapat persetujuan pengurusan Mydin Mohamed Holdings Bhd untuk pasaraya Mydin memberikan diskaun pembelian kepada pemegang kad keahlian SKUAD 1Malaysia. Hasil dari pertemuan terbabit, tindakan ke arah merealisasikan kemudahan tersebut telah dilaksanakan secara berperingkat dan hasilnya pihak Mydin Mohamed Holdings Bhd telah memaklumkan secara rasmi bahawa kemudahan diskaun tersebut berkuatkuasa 25 Jun 2014.

Kemudahan tersebut berkuatkuasa mulia 25 Jun 2014 dan secara tidak langsung telah menggalakkan lebih ramai lagi orang awam menyertai sukarelawan SKUAD 1Malaysia dan pada masa yang sama menaikkan lagi semangat ahli untuk meningkatkan gelombang kesukarelaan di seluruh negara.




*SKUAD 1Malaysia menyertai misi bantuan banjir di Kelantan dan Pahang*



*Zed Zaidi turut serta dalam misi banjir sebagai ahli SKUAD 1Malaysia*



*SKUAD 1Malaysia ketika melaksanakan program PATRIOT bersama BTN*



*Ahli SKUAD 1Malaysia sedang memberi informasi pencegahan dadah kepada isi rumah dalam program 'outreach'*

## Komunikasi dan Promosi Anti Dadah

AADK dengan kerjasama KKMM telah menerbitkan 2 dokumentari bertajuk "Aku Sudah Berubah" untuk ditayangkan di RTM1 pada 28 Oktober 2014 sempena sambutan Maal Hijrah. AADK juga telah menerbitkan 4 iklan yang menunjukkan kesan-kesan dadah secara berterus terang dengan kerjasama FINAS bertemakan "Dadah…Kesannya Membinasakan".

Pencapaian utama dalam menyampaikan mesej dadah telah ditunjukkan melalui kerjasama AADK dengan stesyen radio swasta iaitu ERA FM dan



THR Gegar. Pada sambutan Hari Antidadah Antarabangsa yang lalu, Era Fm dan THR Gegar telah membuat temuramah eksklusif dengan YBhg Dato Ketua Pengarah AADK. Ini merupakan aktiviti julung kali diadakan dan mendapat kerjasama sepenuhnya dari kedua-dua stesyen radio tersebut.

Bagi menghargai usaha ERA FM dalam membuat kempen Muzik Tanpa Dadah, AADK telah memberi Anugerah Radio Prihatin kepada Era FM di dalam majlis Perhimpunan Kementerian Dalam Negeri Bulan Ogos 2014. Sijil penghargaan telah disampaikan oleh YB. MDN.



*YBhg Dato' KP AADK dalam lawatan ke Utusan Malaysia*



*14 Ogos 2014: MDN menyampaikan sijil dan plak penghargaan Radio Prihatin kepada wakil radio Era Fm*



*Lawatan dan perbincangan di konti Era Fm*

## AADK DI PERSADA ANTARABANGSA

- Mesyuarat *$57^{th}$ Commission on Narcotics Drugs*

  Mesyuarat *$57^{th}$ Commission on Narcotics Drugs* (CND) telah berlangsung pada 11 hingga 15 Mac 2014 di Vienna International Centre, Austria. Mesyuarat kali ini telah diketuai oleh Y.B. Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tunku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri bersama pegawai-pegawai kanan daripada AADK, PDRM, Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Jabatan Peguam Negara. Tema mesyuarat kali ini adalah *'Progress achieved and challenges in implementing the Political Declaration and Plan of Action on International Cooperation towards an integrated and balanced strategy to counter world drug problem'.* Mesyuarat ini merupakan medium bagi setiap negara ahli dalam melaporkan pencapaian pelaksanaan Deklarasi Politik dan Pelan Tindakan mengenai masalah dadah dunia yang telah ditetapkan pada tahun 2009.



- *The $35^{th}$ Meeting of the ASEAN Senior Officials on Drug Matters*

  *The $35^{th}$ Meeting of the ASEAN Senior Officials on Drug Matters* ($35^{th}$ ASOD) telah berlangsung pada 1 hingga 4 Julai 2014 di Dusit Thani Hotel, Makati City, Filipina. Mesyuarat tahun ini bertujuan untuk:

  - memudahkan negara anggota ASEAN membincangkan isu dan permasalahan








*Mesyuarat sedang berlangsung* *Sesi Working Group* *Barisan delegasi Malaysia daripada pelbagai agensi*

berkaitan dadah meliputi bidang pencegahan, rawatan perubatan & pemulihan, penguatkuasaan serta penyelidikan (R&D); dan

- membincangkan mengenai trend global dan serantau dalam pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta berkongsi Amalan Terbaik terkini (*Current Best Practices*) dalam pelbagai bidang berkaitan dadah di kalangan negara anggota.

- *The $3^{rd}$ ASEAN Ministerial Meeting on Drug Matters*

*The $3^{rd}$ ASEAN Ministerial Meeting on Drug Matters* (AMMDM) diadakan di Jakarta, Indonesia pada 1 hingga 4 Disember 2014. Mesyuarat turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri selaku ketua delegasi. Mesyuarat ini menyediakan forum penting kepada negara anggota ASEAN untuk membincangkan isu dan permasalahan berkaitan dadah meliputi bidang pencegahan, rawatan pemulihan, penguatkuasaan serta perancangan dan penyelidikan (R&D). Pada mesyuarat kali ini, Malaysia telah menyuarakan hasrat untuk mempengerusikan Mesyuarat ke-4 AMMDM bagi tahun 2015 bertempat di Langkawi, Kedah dan telah dipersetujui oleh semua ahli.

## PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN

- *$1^{st}$ Global Forum for Youth Leader on Drug Use Prevention*

*$1^{st}$ Global Forum for Youth Leader on Drug Use Prevention* ($1^{st}$ GoFORTH) telah berlangsung di Abu Dhabi, UAE anjuran bersama *The Colombo Plan Drug Advisory Programme* (CPDAP) dan *National Rehabilitation Centre* (NRC) Abu Dhabi. Seorang pegawai AADK telah berpeluang menyertai forum tersebut pada 10 hingga 14 Februari 2014. Forum yang membawa tema *'Take Control, Lead the World'* ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai dadah dan kesan buruk kepada belia dengan memperkasakan kemahiran hidup mereka serta membina dan









*Mesyuarat sedang berlangsung* *Sesi Working Group*



*Pembentangan Berkumpulan*



*Aktiviti Berkumpulan*

meluaskan rangkaian belia melalui kemahiran yang dipelajari untuk dikongsi bersama dalam usaha membentuk daya tahan menentang dadah.

- *ASEAN Cities Against Drugs (ASCAD) International Conference and Workshop for Drug Demand Reduction Specialist 2014*

  AADK menganjurkan *Conference and Workshop* tersebut yang telah berlangsung pada 22 hingga 26 September 2014 di Hotel Equatorial






Melaka. Seramai 12 orang pegawai AADK telah menyertai persidangan antarabangsa ini yang memberi pendedahan kepada peserta mengenai permintaan semasa untuk melatih, mentauliah dan memprofesionalkan *Drug Demand Reduction (DDR) Specialist* yang bekerja di bidang pencegahan dan pemulihan serta meningkatkan kesedaran di kalangan wakil-wakil dan pegawai ASCAD mengenai kepentingan *Evidence-based practice* dalam menyampaikan perkhidmatan DDR. Persidangan kali ini bertemakan *'Professionalizing Drug Demand Reduction Services - from Research to Practice'.*

- *The Colombo Plan International Center for Certification and Education of Addiction Professionals* (ICCE) dengan pembiayaan oleh *U.S. Department of State* telah menganjurkan dua (2) siri UTC *Training of Trainers* (TOT) kepada lapan (8) orang *Malaysian National Trainers*. Siri TOT tersebut telah diadakan di Hospital Permai Johor Bahru pada 16 hingga 20 Jun 2014 bagi melengkapkan kesemua lapan (8) siri *Universal Treatment Curriculum for Substance Use Disorder (UTC).*



*En. Farid Mohamad Japeri sedang berlatih mengendalikan sesi latihan*



*En. Hamizan Haidzir mengendalikan sesi latihan*



*Para peserta bergambar bersama barisan jurulatih dan Setiausaha Agung Colombo Plan*

# PROGRAM LAWATAN BELAJAR DAN KERJA








## Lawatan Wakil National Aids Management Centre, Thailand

Seramai 19 orang delegasi daripada *National AIDS Management Center, Ministry of Public Health, Thailand* telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi pada 20 Mac 2014. Rombongan diketuai oleh Dr. Fazidah Yuswan, Ketua Penolong Pengarah Kanan (HIV/STI), Kementerian Kesihatan Malaysia.

## Lawatan Wakil Department Of Probation, Ministry Of Justice, Thailand



36 orang delegasi daripada *Department of Probation, Ministry of Justice, Thailand* yang diketuai oleh Cik Chalong Atikanit telah melawat Klinik Cure & Care 1Malaysia. Objektif utama lawatan adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan modul-modul rawatan penagihan dadah serta program-program pemulihan yang dijalankan. Delegasi diberi taklimat berkaitan rawatan pemulihan yang ditawarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan dibawa melawat sekitar Klinik Cure & Care 1Malaysia bagi melihat sendiri pelaksanaan perkhidmatan yang disediakan. Lawatan sebegini telah mewujudkan kerjasama antarabangsa yang erat bagi menangani permasalah penagihan dadah.







## Lawatan Isteri Perdana Menteri Morocco

AADK pada 25 April 2014 telah menerima lawatan deligasi Isteri kepada Perdana Menteri Morocco, P.Y.T. Puan Nabila Benkirane merangkap Ahli Jawatankuasa Anti-Narkotik Morocco. Satu sesi lawatan telah diadakan ke Klinik Cure & Care 1Malaysia Sg. Besi bagi melihat dengan lebih jelas perkhidmatan yang ditawarkan serta proses-proses kemasukan seseorang klien ke Klinik Cure & Care 1Malaysia.

Deligasi menyatakan rasa kagum dengan kesungguhan yang ditunjukkan serta mengucapkan tahniah kepada Malaysia kerana telah mengambil langkah penting dalam pembangunan dan



penambahbaikan program rawatan dan pemulihan penagih dadah serta berharap agar hubungan yang terjalin dapat diteruskan pada masa akan datang.

## Lain-Lain Lawatan Delegasi Luar Negara

- **6 Januari 2014**



Lawatan daripada *The World Bank, Bangkok Thailand* dengan kerjasama Universiti Malaya yang diketuai oleh Dr. Sutayut Osornprasop, Pakar Pembangunan Kemanusiaan, *The World Bank* bagi mengadakan temuramah bersama pegawai dan klien Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di Cure and Care Rehabilitation Centre Serendah. Temuramah dijalankan bagi melengkapkan kajian keberkesanan pelaksanaan rawatan dan pemulihan di Malaysia.

- **5 Mac 2014**

Lawatan daripada Majlis AIDS Malaysia dan *International HIV/AIDS Alliance* ke Cure and Care Service C Kerinchi.

- **2 April 2014**

Lawatan sambil belajar delegasi daripada Bangladesh bagi berkongsi pengalaman serta pengetahuan berhubung pelaksanaan Program Terapi Gantian Methadone yang dijalankan di Klinik C&C 1Malaysia Sg. Besi.




- **19 Jun 2014**

Lawatan kerja delegasi daripada Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam ke Cure and Care Rehabilitation Centre Tiang Dua, Melaka bagi meninjau perjalanan pengajaran dan pembelajaran khususnya berkaitan keagamaan dan kerohanian.



**27 dan 28 Oktober 2014**

Lawatan kerja Biro Kawalan Narkotik (BKN) Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam ke Ibu Pejabat AADK, CCVC Sepang, CCSC Chow Kit, CCSC Kg. Kerinchi dan Klinik C&C 1Malaysia Sg. Besi.

**25 November 2014**

Kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Ketua Pengarah AADK oleh Pengarah *Colombo Plan*

*Drug Advisory Programme (CPDAP)* di Ibu Pejabat AADK.

## Pelaksanaan Sistem ePameran

Sistem ePameran merupakan satu sistem pengurusan permohonan pameran oleh orang awam. Latihan penggunaan sistem ini kepada Pengguna Ibu Pejabat, AADK Negeri dan AADK Daerah telah diadakan pada 18-20 Ogos 2014. Sistem ini telah mula dilaksanakan dan dibuka kepada orang awam pada 1 September 2014 melalui Laman Web AADK.




## Pelancaran Sistem MyAADK

Sistem Pengurusan Profil Klien AADK dengan menggunakan teknologi biometrik dikenali sebagai MyAADK merupakan sistem pengendalian rekod pengawasan, rawatan, perubatan dan pemulihan klien AADK. Sistem ini digunakan oleh pegawai-pegawai antidadah di Klinik Cure & Care 1Malaysia, CCRC, CCSC, CCVC, AADK Negeri, AADK Daerah dan AADK Ibu Pejabat.

Sistem MyAADK telah dilancarkan oleh Menteri KDN, YB. Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi pada 5 Disember 2014 di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya bersempena Majlis Sambutan Hari Inovasi KDN 2014.

# INOVASI

**Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif**

Bagi membudayakan gelombang inovasi, AADK telah menggiatkan pelaksanaan Program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Inovasi, antaranya melalui pelaksanaan siri bengkel KIK:

i. Bengkel Pemantapan Projek KIK pada 18-19 Mei 2014
ii. Bengkel KIK Bil. 1/2014 pada 26-28 Ogos 2014

Hasilnya sebanyak tiga (3) Kumpulan KIK didapati aktif dan menyertai Konvensyen KIK KDN 2014:

i. Kumpulan K.I.S. – AADK Negeri Johor
ii. Kumpulan K.A.-1 – AADK Negeri Pahang
iii. Kumpulan Sigmatik – AADK Negeri Terenganu



*5 Dis 2014: Pelancaran Sistem MyAADK oleh Menteri Dalam Negeri di Majlis Sambutan Hari Inovasi KDN 2014*





*Kumpulan KIK AADK 2014*



JABATAN
IMIGRESEN
MALAYSIA

# PENGENALAN

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menyediakan perkhidmatan kepada Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap dan Warga Asing yang berkunjung ke Malaysia. Antara fungsi JIM adalah:

1. Mengeluarkan Pasport atau Dokumen Perjalanan kepada warganegara dan Penduduk Tetap;
2. Mengeluarkan Visa, Pas dan Permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia;
3. Mengawalselia pergerakan keluar/masuk orang di pintu-pintu masuk yang diwartakan; dan
4. Menguatkuasa Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966 dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 pindaan 2010.

# PENCAPAIAN / PRESTASI UTAMA

## Penjenamaan semula Bahagian Pas Penggajian

Bahagian Pas Penggajian kini dikenali sebagai Bahagian Khidmat Ekspatriat atau ringkasnya ESD (Expatriate Service Division). Perasmian ESD JIM telah dilaksanakan pada 19 Jun 2014 bertempat di Aras 3, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya. Majlis disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.




*19 Jun 2014: Pertukaran MoU antara agensi yang terlibat bersama Ketua Pengarah Imigresen*

Antara perubahan signifikan melalui penjenamaan semula Bahagian ini meliputi kemudahan infrastruktur yang relevan dan ditambahbaik, proses kerja yang teratur, penggunaan teknologi terkini secara atas talian, dan pendekatan konsep berorientasikan pelanggan.



*19 Jun 2014: YAB Perdana Menteri menandatangani plak perasmian Bahagian ESD.*

Penjenamaan semula Bahagian ESD JIM merupakan sokongan dan komitmen kerajaan bagi usaha menarik pelabur dan tenaga pakar dari luar negara dalam proses transformasi ekonomi Malaysia.

## Lain-lain pencapaian

- Pengeluaran i-Kad Pekerja Asing berwarna mengikut sektor sebanyak 107,559 keping pada tahun 2014.
  - I-kad merupakan dokumen yang memudahkan pihak agensi penguatkuasaan mengenalpasti dan memudahkan penguatkuasaan berdasarkan ciri-ciri keselamatan yang disimpan melalui cip



keselamatan. Cip keselamatan pada i-kad mengandungi maklumat pemegang pas boleh diakses melalui *reader*. Ini sekaligus memudahkan pihak penguakuasa mengenalpasti ketulenan pas sebelum sebarang penahanan dilakukan di lokasi pemeriksaan.

- Perkhidmatan *e-Services* (MyImms) diperkenalkan di mana majikan boleh memasukkan data permohonan pekerja asing secara *online* mengikut fleksibiliti masa sendiri sekaligus mengurangkan masa menunggu di pejabat Imigresen.

- Penubuhan Pusat Pemeriksaan Dokumen Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Akademi Imigresen Malaysia (AIMM).

  - Pusat Pemeriksaan Dokumen JIM yang bertempat di AIMM merupakan perancangan Jabatan untuk melatih dan mengeluarkan pegawai yang berkemahiran dalam pengecaman dokumen palsu. Pusat Pemeriksaan Dokumen ini telah siap dibina pada bulan Disember 2014.



*Kerja-kerja pengubahsuaian sedang dijalankan di AIMM untuk Pusat Pemeriksaan Dokumen JIM*



*Pusat Pemeriksaan Dokumen JIM bertempat di AIMM yang telah siap*

- Penilaian Penarafan Bintang MAMPU.

  Jabatan Imigresen Malaysia telah berjaya mendapat penarafan **4 BINTANG** bagi tahun 2013-2014 iaitu pada tahap **BAIK** dengan markah keseluruhan sebanyak **85.61%.**




- Aktiviti Penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia Sepanjang Tahun 2014.

- Jabatan Imigresen Malaysia memandang serius kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini. Sepanjang tahun 2014 sebanyak 5,452 Operasi Bersepadu telah dijalankan; dan melalui operasi yang dijalankan; seramai 96,214 warganegara asing telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, seramai 37,644 orang PATI dan 557 majikan telah ditahan. Jumlah PATI yang telah diusir ke negara masing-masing sepanjang tahun 2014 adalah seramai 182,340 orang PATI.








## PENUTUP

Keseluruhan pencapaian pada tahun 2014 secara tidak langsung, telah banyak menyumbang kepada imej positif. Kebanyakan pencapaian ini memudahkan pihak pelanggan berurusan dengan KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia. Sebagai contoh, perkhidmatan melalui kaunter dapat dikurangkan melalui penggunaan transaksi secara atas talian yang mana secara tidak langsung, pelanggan mudah berurusan dengan Jabatan tanpa mengira masa dan lokasi. Dari segi keselamatan data pula, disokong dengan kemudahan teknologi, infrastruktur dan kemahiran pegawai, penubuhan Pusat Pemeriksaan Dokumen JIM mampu membantu mengekang anasir jahat menggunakan dokumen palsu daripada membolosi sempadan negara sejajar dengan slogan "Keselamatan Tanggungjawab Bersama".



JABATAN
PENDAFTARAN
NEGARA MALAYSIA

# PENGENALAN

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. JPN ditubuhkan selepas Peraturan-peraturan Dharurat (Kawasan–kawasan Pendaftaran) 1948 dikuatkuasakan sebagai salah satu langkah untuk menentang ancaman keselamatan. Peraturan-peraturan ini memerlukan semua penduduk supaya mendaftar dan memperolehi kad pengenalan apabila mencapai umur 12 tahun ke atas.

JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak. Rekod JPN ini digunakan oleh agensi Kerajaan yang lain sebagai asas untuk merancang pembangunan negara.




*Visi, Misi Dan Slogan JPN*

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## Urus Niaga Utama Jabatan

Urus niaga Utama JPN adalah permohonan kad pengenalan, pendaftaran kelahiran, pendaftaran pengangkatan, pendaftaran kematian, permohonan kewarganegaraan dan pendaftaran perkahwinan dan penceraian serta aktiviti penguatkuasaan.

Sementara itu, bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, urus niaga utama JPN yang melibatkan 10 bidang utama telah berjaya memproses sebanyak 5,690,172 transaksi. Statistik urusniaga JPN dipaparkan melalui ilustrasi seperti di bawah:

| | |
|---|---|
| Permohonan Kad Pengenalan (MyKad, MyPR, MyKas) | 4,588,859 |
| Pendaftaran Kelahiran | 534,415 |
| Pendaftaran Pengangkatan Mahkamah | 3,299 |
| Pendaftaran Pengangkatan De Facto | 5,446 |
| Pendaftaran Kematian | 142,547 |
| Pendaftaran MyKid | 361,867 |
| Permohonan Kewarganegaraan | 20,085 |
| Permohonan Pendaftaran Perkahwinan | 31,391 |
| Permohonan Pendaftaran Perceraian Dan Pembatalan | 480 |
| Pendaftaran Kes Siasatan | 1,783 |
| Jumlah Keseluruhan = | 5,690,172 |

*Key Performance Indicators (KPI) Menteri Dalam Negeri*

KPI Menteri Dalam Negeri bagi tahun 2014 di bawah bidang kuasa JPN adalah untuk memastikan kutipan MyKad dalam tempoh 1 hari (24 jam) di semua cawangan JPN di UTC, Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan 15 Pejabat JPN Negeri serta 15 cawangan JPN yang mempunyai percetakan teragih seluruh negara.

Sehingga Disember 2014, JPN telah berjaya mencapai sasaran 100% dengan mencetak sebanyak 1,986,107 keping MyKad dalam tempoh 24 jam. Butiran mengikut lokasi permohonan adalah seperti di Jadual 71. KPI ini telah menggerakkan Jabatan ke satu tahap yang lebih baik untuk menyediakan kemudahan bagi membolehkan pengeluaran MyKad dicetak dalam tempoh satu (1) hari. Keadaan ini menggambarkan keupayaan JPN menyediakan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi para pelanggannya.

| Kutipan MyKad dalam tempoh 24 jam | UTC | Ibu Pejabat Negeri | Pejabat Cawangan |
|---|---|---|---|
| PERMOHONAN | 581,434 | 949,648 | 455,026 |
| PENYELESAIAN | 581,433 | 949,648 | 455,026 |
| **PRESTASI KESELURUHAN** | **1,986,106 (100%)** | | |

*Jadual 71: Prestasi MKPI Bagi Kutipan Mykad Dalam Tempoh 24 Jam*








## Program Turun Padang - *Outreach*

Program Turun Padang - *Outreach* merupakan pendekatan proaktif JPN dalam memastikan setiap penduduk Malaysia (penduduk kawasan pedalaman, orang kelainan upaya, warga tua yang sakit, individu di institusi seperti pusat latihan/ tahanan) yang layak, dikeluarkan dokumen pengenalan diri yang sah, sekaligus bagi membolehkan mereka menikmati pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh Kerajaan. Program *Outreach* JPN menggunakan set mobile *online* yang membolehkan permohonan diproses secara atas talian bagi pengesahan dengan pangkalan data JPN.



*YB. Menteri Dalam Negeri menyerahkan dokumen pengenalan diri kepada mangsa banjir*





*Perkhidmatan Mobile Ihsan di rumah*

*Perkhidmatan Outreach di kawasan luar bandar*

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 1,317 program *Outreach* telah dilaksanakan di seluruh negara di mana sebanyak 27,350 permohonan dokumen pengenalan diri diterima dan selesai diproses. Pasukan *Outreach* JPN juga terlibat dengan program kebajikan kemasyarakatan iaitu melaksanakan urus niaga permohonan gantian dokumen pengenalan diri yang hilang dan musnah secara percuma khususnya untuk membantu mangsa bencana termasuklah bantuan khidmat nasihat.

## Penambahbaikan Mykid

MyKid merupakan pengenalan diri kanak-kanak bercip yang dikeluarkan kepada kanak-kanak Warganegara yang berumur di bawah 12 tahun. JPN telah membuat penambahbaikan MyKid dengan memasukkan maklumat tambahan ibu pada fizikal MyKid (nama dan nombor kad pengenalan) mulai 16 Jun 2014.

Penambahbaikan ini telah memudahkan orang ramai untuk membuat urusan rasmi di agensi-agensi lain tanpa merujuk sijil kelahiran memandangkan MyKid adalah bersaiz kompak dan tahan lasak berbanding Sijil Kelahiran.

**Versi Lama**




**Versi Baru**




*Perbandingan MyKid versi lama dan penambahbaikan yang dimuatkan dari segi nama ibu di belakang kad.*

## INISIATIF *NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY*

### *Urban Transformation Centre* dan *Rural Transformation Centre*

JPN memainkan peranan penting dalam program *Urban Transformation Centre* (UTC) dan *Rural Transformation Centre* (RTC) bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada rakyat. UTC dan RTC merupakan *one stop centre* yang menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan swasta kepada komuniti setempat.




*YAB Perdana Menteri menyampaikan MyKad kepada pelanggan semasa perasmian UTC Sabah*



*Pejabat JPN merupakan antara agensi yang mendapat sambutan pelanggan yang ramai*

Sehingga akhir 2014, JPN telah beroperasi di 10 cawangan UTC dan 6 cawangan RTC. Sepanjang tahun 2014, JPN telah menerima transaksi urusniaga berjumlah 1,041,082 iaitu 18% dari jumlah keseluruhan urusniaga JPN. Waktu operasi pejabat JPN di UTC adalah 7 hari seminggu dan dibuka mulai jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam. Manakala waktu operasi bagi cawangan RTC adalah dari Ahad/Isnin hingga Khamis/Jumaat jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

### Pusat Transformasi Komuniti Bergerak

Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (CTC) merupakan perkhidmatan secara bergerak kepada masyarakat luar bandar yang melibatkan lebih 30 agensi Kerajaan termasuk JPN. Melalui program ini JPN telah berjaya membawa perkhidmatan Kerajaan lebih dekat dengan masyarakat luar bandar yang tidak mempunyai akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan disebabkan kekangan geografi dan sebagainya. Perkhidmatan *mobile* bergerak menggunakan bas yang dilengkapi dengan kemudahan ICT, berperanan memberikan perkhidmatan permohonan MyKad dan khidmat nasihat kepada orang ramai. Sehingga Disember 2014, JPN telah mengikuti sebanyak 24 program CTC ke seluruh negara.





*Perkhidmatan JPN menerusi Bas Mobile dalam program CTC*

# JPN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

## *Ministerial Conference on Civil Registration And Vital Statistics* (CRVS)

JPN telah dilantik mewakili Malaysia sebagai Ahli Tetap dalam *Regional Steering Group For CRVS In Asia And The Pacific* yang diwujudkan untuk menambahbaik sistem pendaftaran penduduk yang menekankan kepada kepentingan pewujudan data dan statistik yang lebih sistematik serta bersifat universal. Selain itu *Regional Steering Group* ini juga dapat mewujudkan kerjasama serantau dengan negara-negara ASEAN ke arah meningkatkan tadbir urus dan melindungi hak asasi manusia sejagat.



*YB. Timbalan Menteri Dalam Negeri sebagai ahli panel dalam persidangan Ministerial Conference on CRVS*



*Delegasi Malaysia dari pelbagai agensi*

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri bersama wakil KDN, JPN, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia telah menghadiri *Ministerial Conference on CRVS* pada 24 - 28 November 2014 di Bangkok, Thailand anjuran *Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (ESCAP). Semasa persidangan tersebut, Malaysia telah menandatangani *Ministerial Declaration On CRVS In Asia And The Pacific* dan telah berkongsi amalan terbaik mengenai prosedur pendaftaran dengan negara-negara ahli.

## *Commonwealth Association for Public Administration and Management* (CAPAM)

JPN telah dipilih oleh *Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit* (MAMPU) untuk turut serta dalam pameran sempena persidangan dwi tahunan CAPAM yang bertemakan *"Public Service Transformation: A New Conversation"* pada 19 hingga 21 Oktober 2014 bertempat di PICC Putrajaya menyertai pameran untuk menonjolkan transformasi yang telah dilaksanakan serta kaedah implementasi dokumen pengenalan diri berteknologi tinggi Malaysia iaitu MyKad dan inovasi percetakan teragih MyKad.




*Persidangan Dwi Tahunan CAPAM*

Penglibatan dalam persidangan ini telah membuka ruang kepada JPN untuk berkongsi dan mewujudkan jaringan kerjasama dengan pentadbiran awam dari negara-negara Komanwel mengenai sistem tadbir urus yang baik.

# LAIN-LAIN PENCAPAIAN

## Pengiktirafan JPN Sebagai Agensi Barisan Hadapan Bertaraf Lima (5) Bintang Oleh MAMPU

JPN pada tahun 2014 mengulangi pencapaian pada tahun 2013 di mana JPN mendapat penarafan 5 BINTANG iaitu pada tahap CEMERLANG dengan markah keseluruhan sebanyak 92.18%. Majlis penganugerahan telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2014 pada 9 Oktober 2014 bertempat di The Place @ One City, Subang Jaya anjuran MAMPU.



*Lawatan Panel Penilai SSR: urusniaga JPN - upacara perkahwinan*



*YBhg. Dato' Ketua Pengarah Pendaftaran Negara menerima Anugerah Lima Bintang daripada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara*

Anugerah ini merupakan salah satu daripada pengiktirafan tertinggi sektor awam kepada agensi-agensi Kerajaan yang telah mencapai prestasi cemerlang dalam semua aspek pengurusan organisasi dan juga penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

## Anugerah 4 Bintang Pengauditan Indeks Akauntabiliti

Tahun 2014 juga telah memaparkan kecemerlangan JPN dalam pengurusan kewangan Kerajaan kerana telah berjaya memperoleh 4 Bintang bagi auditan Indeks Akauntabiliti Sektor Awam daripada Jabatan Audit Negara (JAN) iaitu berada di tahap SANGAT BAIK. Sebanyak 13 Pusat Tanggungjawab (PTJ) JPN telah berjaya memperolehi 4 Bintang dengan markah di antara 92% hingga 95.8%. Ini membuktikan bahawa JPN mempunyai struktur dan sistem pengurusan yang berkesan, sistem kawalan dalaman yang baik serta melaksanakan pengurusan kewangan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta menyelenggara rekod dengan lengkap dan kemas kini.

## Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S 1JPN

Pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) di JPN merupakan 1 sijil bagi Ibu Pejabat JPN dan 16 buah Ibu Pejabat Negeri seluruh Malaysia. Penilaian secara audit pematuhan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dilaksanakan secara serentak di seluruh Malaysia pada 16 Jun 2014 melibatkan tujuh (7) buah negeri yang terpilih sahaja. Hasil penilaian tersebut JPN telah berjaya memperoleh pensijilan 5S 1JPN bagi tempoh satu (1) tahun bermula 16 Jun 2014 hingga 15 Jun 2015 bagi Ibu Pejabat Putrajaya dan semua Ibu Pejabat Negeri.

Pelaksanaan Amalan 5S di JPN tidak hanya memfokuskan kepada pewujudan persekitaran kerja yang kondusif dan membudayakan kebersihan semata-mata, namun menekankan impak produktiviti dan tahap keselamatan.

Kesinambungan dari JPN memperolehi pensijilan ini, JPN Putrajaya telah menerima 16 siri lawatan dari agensi luar melibatkan seramai 381 pelawat yang menjadikan JPN Putrajaya sebagai agensi penandaarasan untuk Amalan 5S.

## Hari Pendaftaran Negara dan Sambutan Hari Inovasi JPN 2014

Hari Pendaftaran Negara dan Sambutan Hari Inovasi JPN 2014 telah diadakan serentak pada 1 Oktober 2014 di Dewan Balora Perdana, JPN Putrajaya dan disempurnakan oleh YB. Timbalan Menteri Dalam Negeri,Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar. 1 Oktober merupakan tarikh keramat bagi warga JPN kerana tarikh ini merupakan hari untuk mengiktiraf peranan JPN dan warganya yang bertanggungjawab mendaftar rekod penduduk dan peristiwa penting seseorang individu.



*YB Timbalan Menteri Dalam Negeri bersama-sama meraikan Sambutan Hari Pendaftaran Negara*



*YB Timbalan Menteri Dalam Negeri menyerahkan dokumen pengenalan diri kepada penerima*

Majlis turut diserikan dengan sesi Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri dan Penganugerahan Sijil Kewarganegaraan. Bagi mengiktiraf peranan warga JPN dan mewujudkan idol di kalangan warga sendiri, Anugerah Tokoh Pendaftaran Negara dan Anugerah Jiwa Rakyat telah diwujudkan dan dianugerahkan kepada Tn. Hj. Hamidon Bin Hj. Ab. Rahman dan En. Abang Idris bin Abang Deli.

Sambutan Hari Inovasi JPN dengan tema “Idea Disemarakkan, Inovasi Diraikan” telah berjaya menerima 123 penyertaan bagi pertandingan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Kaunter, Anugerah Inovasi, Anugerah Inovasi Kewangan, Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti dan Anugerah Konvensyen KIK. JPN Putrajaya telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan dan diikuti dengan JPN Kedah dan JPN Johor. Secara tidak langsung, Sambutan Hari Inovasi yang dijalankan dapat memperlihatkan kreativiti dan inovasi sekaligus menjana transformasi minda di kalangan warga JPN.

## Anugerah Sempena Hari Inovasi Kementerian Dalam Negeri

Bersempena Sambutan Hari Inovasi KDN 2014, JPN telah memenangi empat (4) hadiah dalam pertandingan yang berteraskan inovasi dan kreativiti seperti berikut:

- Tempat Kedua Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Teknikal) oleh JPN Terengganu.
- Tempat Ketiga Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Pengurusan) oleh JPN Perak.
- Pemidato Terbaik Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Teknikal) oleh JPN Terengganu.
- Tempat Ketiga Pameran Hari Inovasi KDN 2014.

JPN secara berterusan menyemarakkan budaya kreativiti dan inovasi dalam diri setiap warganya bagi mendokong usaha Kerajaan bagi menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda dalam mentransformasikan sektor awam agar lebih berdaya saing bagi memenuhi ekspektasi pelanggan.




*Kemenangan JPN sempena Sambutan Hari Inovasi KDN 2014*

## Pingat Perak Anugerah Amalan Terbaik AKRAB Gemilang Peringkat Kebangsaan

JPN telah dianugerahkan Pingat Perak Anugerah Amalan Terbaik AKRAB Peringkat Kebangsaan sempena Konvensyen AKRAB Kebangsaan kali ke-5 yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi). Majlis berlangsung pada 19 Jun 2014 bertempat di Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor. Penganugerahan pingat ini merupakan hasil usaha AKRAB JPN yang telah mewujudkan Manual Pengurusan Kes Bimbingan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam. Manual ini disediakan sebagai rujukan pihak pengurusan mengenai prosedur dan tatacara bagi merujuk pegawai bermasalah kepada pihak AKRAB sebelum tindakan tatatertib boleh dikenakan.




*AKRAB JPN Putrajaya*




*Wakil JPN menerima Anugerah di Konvensyen AKRAB Kebangsaan*

JABATAN
PERTAHANAN
AWAM MALAYSIA

# PENGENALAN

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) ini ditubuhkan di bawah Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221) yang mana bertanggungjawab secara langsung dalam aktiviti menyelamat dan kecemasan di seluruh negara. Aktiviti Pertahanan Awam di Malaysia telah dimulakan oleh pihak British pada tahun 1939 sebagai *Passsive Defence* yang dibentuk di bawah *Emergency Regulation Enactment Chapter 41* untuk mengadakan langkah-langkah bagi menghadapi Peperangan Dunia Kedua. Pada tahun 1951, The Civil Defence Ordinance 1951 digubal secara rasmi sebagai satu undang-undang dalam sistem keselamatan Tanah Melayu.

Pada 24 Mac 1952 JPAM ditubuhkan secara rasmi bagi melaksanakan peruntukan ordinan dan pada 1972, Akta 221 dipinda bagi melaksanakan tugas dan peranan semasa aman dengan menjalankan perkhidmatan bantuan bencana. Kini setelah 62 tahun penubuhannya, JPAM telah membuka luas peranan dan melaksanakan pelbagai perkhidmatan dan program/aktiviti dalam usaha memastikan keselamatan nyawa dan harta benda orang awam terjamin.



*YB Menteri Dalam Negeri memeriksa perbarisan semasa Majlis KORSISPA*

# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## Perkhidmatan Talian Kecemasan 999

Pada Mei 1995, Talian Kecemasan 991 telah dilancarkan sebagai tanda komitmen Jabatan Pertahanan Awam dalam memberikan khidmat bantuan kecemasan secara 24 jam. Bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan '999' sebagai talian kecemasan tunggal bagi menyatukan talian kecemasan yang membabitkan JPAM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Antara kes-kes yang dipertanggungjawabkan kepada JPAM ialah kemalangan jalan raya, kemalangan di tempat kerja, kes bunuh diri, kes pergaduhan, mangsa terperangkap, mangsa lemas, kebakaran, menangkap ular, memusnahkan sarang serangga dan juga perkhidmatan ambulan. Bagi tahun 2014, sebanyak 131,023 kes, melibatkan 55,610 orang mangsa telah dikendalikan oleh JPAM dan statistik perbandingan kes perkhidmatan talian kecemasan 999 bagi tahun 2009 hingga 2014 adalah seperti Jadual 72.



*Petugas membantu mangsa kemalangan*

| BIL | JENIS KES | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kemalangan jalan raya | 13,837 | 14,328 | 20,753 | 23,911 | 22,098 | 19,650 |
| 2 | Kemalangan tempat kerja | 201 | 144 | 242 | 261 | 164 | 184 |
| 3 | Kes bunuh diri | 100 | 89 | 170 | 125 | 97 | 72 |
| 4 | Kes pergaduhan | 470 | 361 | 676 | 646 | 505 | 414 |
| 5 | Sakit | 15,402 | 14,465 | 19,879 | 22,138 | 21,803 | 18,784 |
| 6 | Mangsa Terperangkap | 123 | 82 | 75 | 42 | 53 | 55 |
| 7 | Mangsa lemas | 102 | 98 | 188 | 180 | 146 | 191 |
| 8 | Kes kebakaran | - | - | 269 | 364 | 287 | 728 |
| 9 | Lain-lain kes | 22,335 | 36,034 | 53,677 | 65,932 | 74,548 | 90,951 |
| | **Jumlah** | **52,570** | **65,601** | **95,929** | **113,599** | **119,701** | **131,023** |

*Jadual 72: Statistik kes talian kecemasan dari tahun 2009 hingga 2014*

## Perkhidmatan Pengurusan Bencana dan Kecemasan

Dari sudut pengurusan bencana, terutamanya bencana banjir besar yang melanda Kelantan, Terengganu dan Pahang pada penghujung tahun 2014, JPAM amat aktif, bukan sahaja dalam menyelamat dan memindahkan mangsa, tetapi juga menjaga kebajikan mangsa di pusat-pusat pemindahan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain banjir, JPAM turut terlibat dalam operasi pengurusan bencana lain seperti tanah runtuh, rebut dan kebakaran. Jadual 73 menunjukkan butiran penglibatan JPAM dalam pelbagai operasi bencana di Malaysia bagi tahun 2014.

| Bencana | Banjir | Ribut | Tanah Runtuh | Kebakaran Hutan | Letupan | Bot Karam |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah kes | 118 | 4 | 2 | 12 | 1 | 2 |
| Mangsa | 326,638 | 265 | 863 | 0 | 8 | 124 |

*Jadual 73: Penglibatan JPAM Dalam Operasi Bencana 2014*



*Operasi mencari dan menyelamat*



*YB Timbalan Menteri KDN meninjau keadaan banjir*



*Misi bantuan banjir*



*Membantu menyelamat mangsa banjir*

## Perkhidmatan Kawal Selia Pantai

Pasukan Penyelamat Pantai merupakan satu inisiatif JPAM untuk memberi perkhidmatan kepada para pengunjung pantai yang pastinya terdedah dengan pelbagai bentuk kecemasan seperti lemas, serangan binatang berbisa, dan tsunami. Untuk itu, JPAM mempunyai 32 menara penyelamat pantai di pantai-pantai peranginan utama di seluruh Negara yang lengkap dengan peralatan menyelamat kecemasan di air termasuk jet ski dan peralatan menyelam. Sepanjang tahun 2014, sebanyak **1,691 kes** melibatkan **1,956 mangsa** telah berjaya ditangani oleh Pasukan Penyelamat Pantai JPAM.

## Gelombang Kesukarelaan

Aktiviti JPAM secara amnya banyak ditunjangi oleh anggota-anggota yang terdiri daripada orang awam yang berkhidmat sebagai anggota sukarela. Dari tahun ke tahun, jumlah keanggotaan sukarelawan ini semakin meningkat selaras dengan peranan Jabatan ini yang semakin luas dan berkembang. Sepanjang tahun 2014 lalu JPAM telah berjaya mendaftarkan sebanyak **107,953** anggota sukarelawan baru, menjadikan jumlah keanggotaan terkini seramai **836,588** anggota di seluruh negara.

## Memperkasa Kesiapsiagaan Awam

HANRUH atau pertahanan menyeluruh didefinisikan sebagai suatu bentuk pertahanan yang melibatkan secara menyeluruh agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan rakyat jelata dalam mempertahankan kedaulatan negara. HANRUH dibahagikan kepada lima (5) komponen iaitu keutuhan psikologi, penyatuan dan perpaduan rakyat, kesiapsiagaan awam, keutuhan ekonomi dan kesiapsiagaan keselamatan. JPAM bertanggungjawab mengkoordinasikan aktiviti dan program bagi komponen kesiapsiagaan awam. Butiran program utama yang telah dilaksanakan dalam membudaya serta memperkasakan kesiapsiagaan awam adalah seperti di Jadual 74.

| Program | Pencapaian |
|---|---|
| KAPA | 55,910 anggota kadet |
| Kor SISPA | 5,341 pegawai kadet SISPA |
| CDERT | 98 organisasi |
| PISPA | 13,782 pelatih |
| LKAMK | 390,157 orang awam dilatih |
| PROKSPA | 109,854 orang murid dilatih |

*Jadual 74: Program Utama Kesiapsiagaan Awam 2014*



*Majlis Perkemahan KAPA*



*Pertandingan menyelamat Kor sispa.*

# LAIN-LAIN PENCAPAIAN

## Ops Bantu

Tanpa mengira musim perayaan yang disambut, JPAM telah mengambil inisiatif melancarkan Ops Bantu yang secara umumnya memberi bantuan khidmat kemanusiaan musim perayaan di jalan persekutuan dan jalan negeri yang mempunyai statistik jumlah kemalangan yang tinggi. Antara tugas-tugas yang dijalankan adalah bantuan kecemasan serta ditambah dengan bantuan kepada pengguna jalan raya yang mempunyai kesulitan semasa perjalanan balik kampung untuk berhari raya.

Pada tahun 2014, Ops Bantu 8 dilancarkan sempena perayaan Tahun Baru Cina dan kemudiannya disusuli dengan Ops Bantu 9 sempena Hari Raya Aidilfitri. Bagi Ops Bantu 8, sebanyak 830 kes telah ditangani, melibatkan 1,309 mangsa, manakala 1,780 kes melibatkan 3827 mangsa dilaporkan dalam pelaksanaan Ops Bantu 9.

## Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Malaysia Kali Ke-62

JPAM pada 24 Mac 2014 telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Malaysia Kali Ke-62 bertempat di Padang Kawad, Pejabat Negeri Pertahanan Awam, Negeri Sembilan. Majlis ini dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri.



*24 Mac 2014: YB Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Malaysia Kali Ke 62*



*Pertunjukkan demonstrasi oleh pasukan PASPA*



*Persembahan demonstrasi*



*Pelancaran Ops Bantu IIV*




*Pelancaran Ops Bantu 9*



*Sebahagian daripada Kes Ops Bantu 8*

## Majlis Pentauliahan dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA kali ke 5

Pada 16 hingga 19 Ogos 2014, telah berlangsung Majlis Pentauliahan dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA kali ke 5 bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Seramai 473 pegawai kadet SISPA telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda Pertahanan Awam. Selain majlis pentauliahan, program ini bertujuan untuk menilai tahap kemahiran Kor SISPA melalui acara pertandingan kemahiran.




*16 – 19 Ogos 2014: Majlis Pertauliahan dan Perhimpunan Kebangsaan KOR SISPA ke-5*



*Pertandingan Kemahiran*



*Pertandingan kawad kaki*

## The 12th Asian Crisis Management Conference

Pada 1 dan 2 Oktober 2014 bertempat di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur telah diadakan Persidangan Pengurusan Krisis Asian kali ke-12 anjuran bersama JPAM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Majlis telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri.




*1-2 Okt 2014: The 12th Asian Crisis Management Conference*



*Deligasi dari Negara Jepun*



*Deligasi bersama penari kebudayaan semasa majlis makan malam anjuran DBKL*

Persidangan telah dihadiri oleh delegasi dari beberapa Bandar raya seperti Bangkok, Jakarta, Kuala Lumpur, Seoul, Singapura, Taipei dan Tokyo dan ahli Asian Network of Major Cities 21 (ANMC21). Persidangan ini juga melibatkan wakil-wakil dari beberapa Kementerian/Agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan krisis dan bencana.

## Pelancaran Pasukan Institusi Pertahanan Awam, Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia

Pada 27 September 2014, bertempat di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sultan Azlan Shah Ulu Kinta telah berlangsung Majlis Pelancaran Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) bagi ILKKM. Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya. Dengan tertubuhnya PISPA di 33 ILKKM di seluruh negara telah dapat memacu usaha ke arah penghasilan para pelajar dan golongan muda yang cakna dan siapsiaga menghadapi apa juga bentuk kecemasan dan bencana kepada diri, keluarga dan masyarakat. Pada majlis tersebut sejumlah lebih 50 orang pegawai Bahagian Pengurusan Latihan KKM dan ILKKM dilantik sebagai Pegawai Bersekutu JPAM manakala lebih 90 orang tenaga pengajar ILKKM ditauliahkan sebagai Pegawai Pasukan JPAM.

## Himpunan Pertahanan Awam Malaysia Ke-20

Bertempat di Tasoh Lake Resort And Retreat, Padang Besar, Perlis, lebih 1,700 pegawai dan anggota dari seluruh Malaysia berkampung selama 5 hari, bermula 7 hingga 11 November 2014 bagi menjayakan Himpunan Pertahanan Awam kali ke-20. Himpunan Pertahanan Awam merupakan acara tahunan dan kemuncak bagi menguji ketangkasan, kecekapan dan kemahiran pegawai dan anggota yang telah menghadiri latihan kemahiran dan lanjutan yang dianjurkan di Akademi dan Pusat-Pusat Latihan sepanjang tahun 2014.




*Majlis perasmian oleh YB Dato' Seri Dr Hilmi Bin Hj Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan*



*27 Sept 2014: YB Timbalan Menteri Kesihatan memeriksa perbarisan kehormat JPAM*



*Antara acara kemahiran yang dilaksanakan sepanjang perhimpunan*

JABATAN
PENDAFTARAN
PERTUBUHAN
MALAYSIA

# PENGENALAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984. JPPM diperuntukkan kuasa untuk mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. JPPM diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat JPPM di 14 buah negeri dan sebuah cawangan kecil di Miri, Sarawak pula diketuai oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan. Motto JPPM adalah ***"Peluang Untuk Kebajikan"*** atau ***"Reverence Of Sharing".***







# PENCAPAIAN/PRESTASI UTAMA

## Pengurusan Pertubuhan

Setakat **31 Disember 2014**, sebanyak **51,000 pertubuhan induk** telah didaftarkan dengan JPPM. Sebanyak 8000 pertubuhan telah dibatalkan daripada jumlah keseluruhan pertubuhan induk. Dalam tempoh yang sama jua, JPPM telah menerima sejumlah ***8349*** permohonan **pendaftaran pertubuhan baru** berbanding **7,985** permohonan pada tahun **2013**, peningkatan sebanyak **4%** berbanding dengan tahun sebelumnya. Manakala jumlah pengguna yang berdaftar dengan eRoses pada tahun 2014 adalah sebanyak **26,240** pengguna.

Bagi tujuan pemantauan ke atas pertubuhan berdaftar, JPPM telah menerima **30,994 Penyata Tahunan [Seksyen 14(1) Akta]** pada **tahun 2014**. Jumlah ini menunjukkan hanya **19.3%** daripada jumlah keseluruhan pertubuhan yang berdaftar (**110,000 pertubuhan induk dan cawangan**) yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menghantar maklumat tahunan tersebut. Bagi pertubuhan yang gagal menghantar Penyata Tahunan dalam tempoh dua tahun atau kurang, JPPM akan menghantar kenyataan sebelum pembatalan **[Seksyen 14(2) Akta]** ke atas pertubuhan tersebut supaya mengemukakan penyata tersebut dalam tempoh 30 hari.

JPPM juga menjalankan aktiviti pemeriksaan ke atas pertubuhan, siasatan ke atas aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan dan pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan adalah selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 dan Perlembagaan Pertubuhan. Aktiviti penguatkuasaan Akta ini dijalankan oleh pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkhidmat di JPPM secara kader dengan kerjasama Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri.

Terdapat dua (2) kaedah pemeriksaan yang dilakukan iaitu pemeriksaan bernotis yang memfokuskan kepada pertubuhan bermasalah dan bagi menyiasat aduan mengenai sesuatu kesalahan

yang telah dilakukan oleh pihak pertubuhan; dan pemeriksaan tanpa notis (mengejut) pula dibuat secara rambang dan berdasarkan aduan awam yang diterima. Sebanyak **2,820 pemeriksaan bernotis** dan **204 pemeriksaan tanpa notis** telah dilakukan ke atas pertubuhan berdaftar di seluruh negara pada **tahun 2014.**

JPPM secara berterusan menjalankan aktiviti siasatan berdasarkan aduan yang diterima terhadap sesuatu pertubuhan samada ia telah melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan berdaftarnya. Seterusnya, JPPM akan memperakukan kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri berkenaan untuk tindakan pendakwaan di mahkamah sekiranya hasil siasatan mendapati pemegang-pemegang jawatan sesebuah pertubuhan telah melanggar Akta Pertubuhan 1966.

Sepanjang **tahun 2014**, Jabatan telah menerima sejumlah **356 kes aduan** berkaitan kelemahan pengurusan dan pentadbiran pertubuhan berdaftar. Kebanyakan aduan yang diterima adalah melibatkan pertubuhan-pertubuhan daripada kategori Agama, Kebajikan Masyarakat, Am dan Perdagangan.

Daripada keseluruhan aduan yang diterima, sejumlah **193 kes** adalah telah **selesai**. Sebanyak **62 kes aduan yang disiasat** telah diberi teguran/ khidmat nasihat supaya menguruskan pertubuhan dengan teratur dan sebanyak **24 kes dalam tindakan notis.** Sementara itu, sebanyak **77** kes lagi **masih dalam siasatan;** dan sebanyak **5 kertas siasatan (Pendakwaan) telah dibuka dan masih dalam tindakan lanjut JPPM.**

## Program Pemantapan Imej

Tahun 2014 merupakan tahun yang bersejarah kepada JPPM dengan **pengisytiharan 1 September setiap tahun** sebagai **Hari Pertubuhan** oleh YB Menteri Dalam Negeri sempena Karnival Pertubuhan Kebangsaan pada 1 November 2014. Pada tahun 2014, Jabatan juga telah dianugerahkan **Persijilan ISMS MS ISO 27001:2007** bagi memperkasakan lagi pengurusan sistem maklumat Jabatan.

Selain itu juga, bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat, JPPM telah mengagihkan sebanyak **RM2.9 juta** geran persatuan penduduk di bawah **Program *Guarded Neighbourhood*** kepada **298 persatuan penduduk** yang layak.

Pelaksanaan Hari Kualiti Jabatan juga telah dipertingkatkan dengan **pewujudan dua (2) anugerah baru** iaitu **Anugerah Persekitaran Berkualiti dan Anugerah Pengurusan Kewangan Berkualiti**. Seterusnya, **JPPM Negeri Terengganu telah mendapat Persijilan EKSA dan JPPM Sabah serta Sarawak mendapat keputusan 100% bagi Pengauditan *Financial Index Reporting System* (FIRM) KDN.**

## Karnival Pertubuhan Kebangsaan Tahun 2014

Pada 1 November 2014, buat julung-julung kalinya JPPM telah melancarkan satu Karnival Pertubuhan Kebangsaan sempena Sambutan Hari Pertubuhan yang telah diadakan di Bulatan Bazarena, Stadium Shah Alam. Karnival ini telah dirasmikan oleh YB. Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah H.E Dr Anwar H. Al Agha Duta Besar Palestin ke Malaysia, YBhg Dato' Sri Mohamad Khalid Bin Hj Shariff, Ketua Setiausaha KDN.

Karnival 2014 ini turut disertai **40** kelab dan persatuan yang berdaftar dan terdapat pelbagai aktiviti menarik seperti pameran dari pelbagai pertubuhan dan agensi kerajaaan dan swasta, pertunjukan seni mempertahankan diri, kenduri perdana, persembahan kebudayaan, persembahan paramotor, perarakan pelbagai jenis kenderaan dan lain-lain.

Karnival ini turut mencatat sejarah yang tersendiri di mana selain **pengisytiharan Hari Pertubuhan pada 1 September setiap tahun, Lagu Korporat Sulung JPPM yang berjudul *"ROS Cemerlang"*, Logo Baru JPPM dan *Code Of Good Governance JPPM*** turut dilancarkan.

Selain itu **Persatuan MyVi Malaysia dan Persatuan Alza Malaysia** telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah *Malaysia Book Of Records*.

## Gambar-Gambar Sepanjang Karnival Pertubuhan Kebangsaan 2014












## Perjumpaan YB MDN Bersama Kelab Motor Seluruh Malaysia

Pada 20 Oktober 2014, JPPM menganjurkan Majlis Perjumpaan YB. Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi dengan Kelab Motor Seluruh Malaysia bertempat di KDN. Majlis ini telah dihadiri oleh semua wakil dari 178 Kelab dan Persatuan Motosikal yang berdaftar di bawah JPPM.








## Program Kualiti JPPM

Sambutan Hari Inovasi peringkat JPPM adalah salah satu program kualiti yang diadakan pada setiap tahun. Pada 13 hingga 14 November 2015, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah diadakan. Sebanyak 14 kumpulan telah bertanding. Seterusnya, pada 15 November 2014, telah berlangsung Sambutan Hari Inovasi Peringkat JPPM Tahun 2014 bertempat di Hotel Royale Bintang, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh semua peserta dari setiap JPPM Negeri. Sambutan Hari Inovasi ini dirasmikan oleh YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KDN, Dato' Wahab bin Mohd Yasin. Selain anugerah Konvensyen KIK dan Anugerah Inovasi dua anugerah baru diperkenalkan iaitu Anugerah Persekitaran Berkualiti dan Anugerah Pengurusan Kewangan Berkualiti. Johan bagi Anugerah Inovasi JPPM Tahun 2014 telah dimenangi oleh Kumpulan Summation 8 dari JPPM Negeri Johor dengan tajuk projek berjudul D'sPOS manakala Johan untuk Anugerah Persekitaran Berkualiti ialah JPPM Negeri Terengganu. Bagi Anugerah Pengurusan Kewangan Berkualiti, Ibu Pejabat JPPM telah dinobatkan sebagai Johan. Manakala bagi Konvensyen KIK, Johan tahun 2014 telah dimenangi oleh Kumpulan Kijang, dari JPPM Negeri Kelantan dengan tajuk projek berjudul Perlembagaan Pertubuhan Migrasi Yang Belum Didaftarkan Secara Online Tinggi Di JPPM Kelantan.

## SEKITAR SAMBUTAN HARI INOVASI JPPM TAHUN 2014




*Johan Anugerah Persekitaran Berkualiti JPPM Negeri Terengganu*




*Johan Anugerah Inovasi JPPM Negeri Johor*




*Johan Anugerah Pengurusan Kewangan Berkualiti JPPM Ibu Pejabat*




*Johan Anugerah KIK JPPM Negeri Kelantan*

## Program Outreach JPPM Tahun 2014



*Penyerahan Geran Penduduk oleh Pengarah JPPM Negeri Johor Mrs. Lim Jit Ngoh kepada Persatuan*



*Program outreach di daerah Kota Belud*




*Program Outreach JPPM Negeri Sembilan Bersama Pertubuhan Berdaftar Daerah Jempol Tahun 2014*

JABATAN
SUKARELAWAN
MALAYSIA

# PENGENALAN

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dahulunya dikenali sebagai *Home Guard* seterusnya dikenali pula sebagai Pasukan Kawalan Khas telah memainkan peranan yang besar adari zaman darurat hingga zaman konfrontasi. Ekoran dari keberkesanan sumbangannya, maka, pada 11 Januari 1972 Ikatan Relawan Rakyat Malaysia telah ditubuhkan atas kuasa Akta (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1964 Peraturan-PeraturanPerlu (Ikatan Relawan Rakyat Malaysia) pindaan 2005.

RELA pada hari ini berdiri di atas punca kuasa Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752) dan telah dinaiktaraf sebagai sebuah jabatan persekutuan pada tanggal 28 Ogos 2013. Ia berperanan dan bertanggungjawab membantu pasukan keselamatan, agensi penguatkuasaan, phak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang diperluaskan merangkumi teras 5KP1 iaitu Keselamatan, Keamanan, Kesejahteraan, Keharmonian, Kesatuan dan Perpaduan berpaksikan ***"Dari Rakyat, Bersama Rakyat, Untuk Rakyat".***



# PENCAPAIAN / PRESTASI UTAMA

## Pelancaran Logo Korporat Dan Lencana Intergriti

Sejajar dengan transformasi yang pesat sebagai sebuah jabatan persekutuan yang baharu, RELA telah mengorak langkah pantas dengan melancarkan logo korporat sebagai 'signature' jabatan setelah melalui proses penjenamaan semula bagi menjadikan RELA setaraf dengan agensi-agensi kerajaan persekutuan yang lain. Ia telah dilancarkan oleh YB. Menteri Dalam Negeri YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 11 Januari 2014 sempena Sambutan Hari RELA yang ke-42 peringkat kebangsaan bertempat di Bagan Datoh, Perak.

RELA sekali lagi mengorak langkah dengan melancarkan lencana integriti jabatan yang telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, YB. Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud bersama YB Menteri Dalam Negeri di Kuching, Sarawak pada 10 Februari 2014 yang lalu. Ini menunjukkan komitmen RELA dalam merakyatkan budaya integriti di kalangan pegawai/kakitangan/anggota bagi memastikan seruan berkenaan diaplikasikan.



*Menteri Dalam Negeri melancarkan logo korporat RELA di Bagan Datoh, Perak.*



*Ketua Menteri Sarawak melancarkan lencana integriti RELA*

## Pemeteraian Nota Kolaborasi RELASIS

Selaras dengan hasrat transformasi meremajakan RELA dengan penyertaan *Gen-Y,* langkah strategik telah diambil dengan mengadakan kerjasama dengan pusat pengajian tinggi untuk menarik minat golongan siswa dan siswi bagi menyertai RELA dengan lahiranya Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS). Manifestasi dari hasrat berkenaan telah mencetuskan idea bagi memeterai Nota Kolaborasi bersama Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia pada 12 Mei 2014 yang telah berlangsung di Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan, Melaka ditandatangani oleh Ketua Pengarah RELA, YBhg. Dato' Mustafa bin Haji Ibrahim dan Ketua Pengarah Jabatan Politeknik Malaysia, YBhg. Dato' Haji Mohlis bin Jaafar. Buku Panduan Briged RELASIS Politeknik Malaysia juga telah dilancarkan.

Dengan termeterainya Nota Kolaborasi tersebut, sebanyak 22 buah Politeknik di seluruh negara telah menyertai RELA dengan keanggotaan seramai 3,799 orang. Kerjasama ini diharap dapat memberikan *'mutual benefit'* kepada kedua-dua pihak bagi menjayakan matlamat penubuhan RELASIS itu sendiri melalui pemerkasaan kemahiran insaniah *(soft skill)* di kalangan pelajar dan memupuk nilai jati diri dan cintakan kepada tanahair; serta membina semangat kerjasama dan kesukarelaan antara mahasiswa dan masyarakat.



*Nota Kolaborasi antara RELA dan Jabatan Politeknik Malaysia*



*Pemakaian Pangkat Kehormat RELA kepada Ketua Pengarah Jabatan Politeknik Malaysia*



*Pelancaran Buku Panduan Briged RELASIS Politeknik Malaysia*

## Penubuhan Unit Integriti

Unit Integriti (UI) RELA ditubuhkan pada 2 Februari 2014 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 tahun 2013. Tujuan penubuhan adalah untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme dan ia merupakan usaha kawalan dalaman Jabatan untuk menguruskan integriti dalam organisasi.

## *Mystery Shopping* Intergriti

- Operasi *Mystery Shopping* RELA dijalankan secara mengejut dengan kerjasama Unit Integriti KDN dan agensi-agensi lain. Tujuan operasi dijalankan adalah untuk memastikan pegawai/kakitangan mematuhi masa bekerja.

- Operasi ini telah dijalankan secara berskala di beberapa bahagian di KDN dan beberapa penambahbaikan telah dikenalpasti. Laporan penuh telah dihantar ke pengurusan tertinggi KDN untuk tindakan selanjutnya.

- Pihak jabatan juga digesa untuk membuat sistem kawasan kawalan dan pemantauan masing-masing bagi mengelakkan tindakan yang keras diambil sekiranya pelanggaran terhadap pematuhan waktu bekerja berlaku.

## Pengenalan Kad Keahlian Rela Versi Baharu

Transformasi berterusan yang menjadi pegangan RELA telah melahirkan inisiatif memperkenalkan kad keahlian RELA versi baharu yang lebih efisien bagi menggantikan yang lama. Urusan penggantian ini merupakan satu usaha penambahbaikan untuk memudahkan anggota sama ada mendapatkan kad tersebut apabila mendaftar sebagai ahli atau memperbaharui kad keahlian selepas tarikh luput keahlian.

Kad keahlian versi baharu ini lebih efektif kerana anggota boleh mendapatkannya segera pada hari yang sama kerana data yang berkaitan dimasukkan secara terus ke dalam sistem secara *online*. Ini bukan sahaja menjimatkan masa malahan wang kerana anggota tidak perlu membawa gambar berukuran passport seperti dahulu memandangkan gambar akan diambil secara terus melalui kamera komputer riba.

Perubahan mahupun transformasi yang dijalankan oleh RELA  ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutamanya dalam menarik lebih ramai anggota masyarakat menyertai RELA.




*Kad Keahlian RELA versi baharu*

## Program Menaiktaraf Pusat Latihan, Pejabat RELA Daerah Dan Perolehan Kenderaan Serta Kelengkapan Baharu

Jabatan ini telah menyelaraskan projek menaiktaraf Pusat Latihan RELA Wilayah Utara di mana terdapat beberapa skop kerja seperti menaiktaraf blok bangunan pentadbiran, menaiktaraf asrama wanita, menaiktaraf dewan serbaguna (bagi kapasiti 500 orang), menaiktaraf lapang sasar dan menaiktaraf pondok pengawal serta menaiktaraf abselin tower.

Selain itu, lapang sasar Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan, Pejabat RELA Daerah Kuala Langat, Pejabat RELA Daerah Sabak Bernam, Pejabat RELA Daerah Hulu Selangor, Pejabat RELA Daerah Jasin dan Pejabat RELA Daerah Batu Gajah  juga telah telah dinaiktarafkan serta pembinaan Pusat Khidmat Komuniti RELA (PKKR) yang baharu.

Bagi memantapkan lagi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan, RELA pada tahun 2014 membuat  perolehan 20 unit lori (3 tan), 65 unit kenderaan pelbagai guna (*multi-purpose vehicle*) 20 unit dan 35 unit kenderaan pacuan empat roda. Manakala, dari segi kelengkapan, pembelian 150 helai baju kalis peluru dan 800 unit *walkie talkie* telah dibuat  bagi mempertingkatkan lagi sistem pengurusan RELA.

Perolehan Sistem Perakam Waktu Biometrik turut dibuat untuk kegunaan semua Pejabat RELA Daerah dan Pusat Latihan bagi melicinkan sistem masuk-keluar pegawai/kakitangan ke pejabat dengan lebih berkesan.



*Pusat Khidmat Komuniti RELA Kg. Dendang, Ketereh, Kelantan*



*Penyerahan kunci kenderaan baharu di ALARM, Melaka*



*Pejabat RELA Daerah Hulu Selangor, Selangor*

## Kem Tahunan Relasis Politeknik Malaysia

Kem Tahunan Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) Politeknik Malaysia 2014 telah berlangsung di Akademi Latihan RELA (ALARM), Sungai Udang, Melaka. Penyertaan sebanyak 14 kontigen terdiri daripada **12 buah Politeknik seluruh Malaysia dan Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM) serta Kolej Bestari (KTB)** mengambil bahagian dalam kem tahunan kali ini. Majlis penutup kem tahunan ini telah disempurnakan oleh **YBhg. KPjR Tuan Lukeman bin Saaid, Ketua Pengarah RELA Malaysia** pada 22 November 2014. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Hj. Mohlis bin Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) Malaysia.

Objektif utama kem tahunan kali ini adalah untuk memberi panduan dan kefahaman kepada pelajar dan pengurusan RELASIS berkaitan tatacara mengurus tadbir aktiviti serta latihan RELA mengikut silibus yang telah ditetapkan. Selain itu, ia juga memberikan pendedahan kepada pelajar tentang organisasi RELA secara lebih mendalam. Ia sebagai satu persediaan untuk menyediakan satu pasukan agar sentiasa bersedia, bersemangat, bersatu dalam pasukan dan mempunyai jati diri serta disiplin yang tinggi sebagai pelapis RELA pada masa hadapan demi kemajuan bangsa dan negara bersesuaian dengan tema kem tahunan kali ini yang bertemakan “**RELASIS Pemangkin Transformasi RELA”.** Antara aktiviti kem tahun 2014 pertandingan kawad kaki, jalan lasak dan Ujian Kemahiran Menembak RELA (UKMR) yang membabitkan senjata api milik RELA.



*Penyampaian sijil kepada peserta MalPRAC*



*Persembahan penutup MalPRAC*



*Anugerah Peserta Terbaik MalPRAc oleh KPjR Tuan Lukeman Saaid, Ketua Pengarah RELA Malaysia*

## Ujian Kemahiran Menembak RELA Peringkat Kebangsaan

Ujian Kemahiran Menembak RELA Peringkat Kebangsaan atau ringkasannya UKMR-K adalah merupakan aktiviti tumpuan setiap anggota RELA di seluruh negara telah berlangsung pada 1 hingga 9 September 2014 bertempat di Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan (PLRWS) Sungai Udang, Melaka.

Penyertaan sebanyak 16 kontigen termasuk kontijen RELA Negeri di seluruh Malaysia. UKMR-K 2014 juga telah mencatatkan sejarah dengan penyertaan satu kontijen baru iaitu Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) dari Politeknik Besut, Terengganu. Penyertaan pasukan jemputan juga di luar jangkaan iaitu sebanyak 12 pasukan termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Team VVIP yang diwakili oleh Pengurusan Tertinggi KDN dan Ahli-ahli Kehormat RELA Malaysia.

UKMR-K 2014 telah mempertandingkan tiga jenis praktis yang membabitkan tiga jenis senjata api milik RELA iaitu Short Gun 12 Bore, Riffle Colt M16 serta Pistol Glock 9mm termasuk acara jatuh piring. Majlis perasmian penutup telah di sempurnakan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

## Prosedur Operasi Standard

Bagi tahun 2014, sebanyak sembilan (9) Arahan Tetap Ketua Pengarah (ATKP) telah dikeluarkan yang melibatkan Pentadbiran, Operasi dan Latihan. ATKP dikeluarkan mengikut kehendak dan dasar semasa bagi Ketua Pengarah mentadbir, mengawal dan mengatur gerak pegawai, kakitangan dan anggota RELA berlandaskan AKTA 752.

- Operasi Bersepadu 6P
- Pemakaian Pakaian Kerja Harian RELA
- Pemakaian Pakaian Kerja Harian RELA – Tambahan bagi Negeri Kedah, Johor, Terengganu & Kelantan
- Pemakaian Lencana Pengenalan Pegawai RELA Gred 22, 32, 44, 52 dan Jusa B di Pakaian Seragam RELA
- Spesifikasi Bendera Baru Jabatan RELA & bendera UKMR
- Spesifikasi Papan Tanda Pejabat dan PKKR
- Spesifikasi Logo Unit dan Tatacara Pemakaian
- Spesifikasi Logo Penugasan dan Tatacara Pemakaian
- Spesifikasi Logo UKMR (Jaguh & Tim Negeri)

## Surat Pekeliling

Terdapat dua (2) Surat Pekeliling dikeluarkan yang melibatkan Pakaian Seragam Pegawai dan



*UKMR-K 2014 melibatkan anggota dan pegawai seluruh negara*



*Majlis Penutup UKMR-K telah dirasmikan oleh YBhg. Mohamad Khalid Haji Shariff, KSU KDN*



*Peserta bergambar kenangan bersama YBhg. Mohamad Khalid Haji Shariff*

Anggota RELA berlandaskan Akta 752.

- Dasar Pemakaian Tanda Pengenalan pada Pakaian Operasi Digital RELA (POD) bagi KPRK dan KPR; dan
- Dasar-dasar Baru Jabatan RELA (Lencana Intergriti RELA, Pemakaian Lencana Intergriti RELA, Lencana Korporat RELA, *Stable Belt,* dan Tanda Nama)

### Bengkel Pelan Tindakan Strategik Rmk – 11 Dan Transformasi RELA

Bagi tahun 2014, sebanyak dua (2) sesi Bengkel Pelan Tindakan Strategik RMK – 11 dan Transformasi RELA telah diadakan:

**Sesi Pertama**: Bertujuan untuk merangka dan mengkaji Visi, Misi, Teras Strategik, Cabaran, Hala Tuju dan Pelan Transformasi RELA pada 3 – 5 Sept 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8, IPRM, Kompleks D, Kementerian Dalam Negeri.

**Sesi Kedua**: Bertujuan untuk merangka Pelan Strategik berlandaskan Teras Keselamatan dan Keamanan, Teras Kesejahteraan dan Keharmonian, Teras Kesatuan dan Perpaduan dan Teras Penyampaian Perkhidmatan pada 31 Okt – 2 Nov 2014 bertempat di Puteri Resort Ayer Keroh, Melaka.



*Sepanjang sesi taklimat dan bengkel berlangsung*



*Bengkel disertai pegawai-pegawai kanan*

## PENUTUP

Sejak berdiri di atas kuasa aktanya sendiri, RELA telah banyak melaksanakan transformasi dan mencipta pelbagai kejayaan menerusi Strategi Penjenamaan Semula RELA 2012. Dengan keanggotaan yang hampir mencecah 3 juta ahli, RELA telah memperlihatkan komitmen dalam merealisasikan seruan kerajaan. Fokus RELA kian berkembang sekaligus meletakkan RELA sebagai sebuah jabatan yang unggul dan berwibawa dalam mendepani cabaran semasa.

# SIDANG PENGARANG

PENAUNG

**YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid Hj. Shariff (Sehingga 25 Januari 2015)**

**YBhg. Dato' Alwi Haji Ibrahim (Mulai 26 Januari 2015)**

PENASIHAT:

**YBhg. Datuk Haji Hasim Haji Ismail (Sehingga 31 Julai 2015)**

**YBhg. Dato' Wan Ali Besar**

KETUA PENGARANG

**Nik Ahmad Khusairi Nik Ibrahim (Sehingga 17 Februari 2015)**

**Zukri Valenteno (Mulai 5 Mei 2015)**

PENYUNTING/PENGARANG

**Hasniah Rashid**

PENGURUSAN/URUSETIA

**Ismalia Hasimi**

TIMBALAN PENGURUSAN

**Salfizan Endi Salim**

**Nur Akmar Ja'amat**

**Shariena Raiha Selamat**

**Nor Zafirah Abd. Halil**

PENYUMBANG INPUT KANDUNGAN

**Setiausaha Bahagian KDN**

**Ketua Pengarah Jabatan/Agensi**

**Wakil-Wakil Bahagian/Jabatan/Agensi**

PEMBACA PRUF

**Bahagian Perancangan Strategik**

EDARAN/ PUBLISITI

**Bahagian Korporat Bahagian Komunikasi Korporat**

PEREKA GRAFIK DAN CETAKAN

**Gempita Maju Sdn. Bhd.**

**Kandungan penerbitan ini telah dikemaskini pada/sehingga 30 Jun 2015*

## BORANG AKUAN PENERIMAAN DAN

## PENILAIAN KUALITI PENERBITAN

**Setiausaha Bahagian,**
Bahagian Komunikasi Korporat,
Aras 9 Blok D1, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
**62546 Putrajaya.**

Tel : 03 - 8886 8533
Faks : 03 - 8888 5932

### A. PENGESAHAN PENERIMAAN

Adalah diakui bahawa ........................................................................................................

telah menerima .......... naskhah **Laporan Tahunan Kementerian Dalam Negeri 2014.**

### B. PENILAIAN MAKLUMBALAS

**Skala Penilaian**

**1 – Sederhana** **2 – Baik** **3 – Amat Baik**

Sila tuliskan skala penilaian YBhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan:

| | | |
|---|---|---|
| **1.** | Kandungan Yang Informatif | |
| **2.** | Persembahan Yang Menarik | |
| **3.** | Pemilihan Gambar Yang Sesuai | |
| **4.** | KUALITI KESELURUHAN | |

Sekian, terima kasih.

.............................................
( )
Nama :

Jawatan :

Cop Bahagian/Jabatan/Agensi : Tarikh :

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**
Blok D1, D2 & D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

03 8000 8000
03-88891613/03-88891610
webmaster@moha.gov.my
@KDNPUTRAJAYA
Kementerian Dalam Negeri (KDN)
http://portal.ikdn.gov.my/

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
PNMB